

Hakcipta © tesis ini adalah milik pengarang dan/atau pemilik hakcipta lain. Salinan boleh dimuat turun untuk kegunaan penyelidikan bukan komersil ataupun pembelajaran individu tanpa kebenaran terlebih dahulu ataupun caj. Tesis ini tidak boleh dihasilkan semula ataupun dipetik secara menyeluruh tanpa memperolehi kebenaran bertulis daripada pemilik hakcipta. Kandungannya tidak boleh diubah dalam format lain tanpa kebenaran rasmi pemilik hakcipta.



**PENGARUH KESEDIAAN DALAMAN, STRATEGI
PEMBANGUNAN DALAMAN, STRATEGI LATIHAN DAN
STRATEGI MENGHAFAZ AL-QUR'AN TERHADAP
PENCAPAIAN SUBJEK *ḤIFẒ AL-QUR'AN* PELAJAR TAHFIZ
DI MALAYSIA**

INTAN ZAKIAH JAMALUDDIN



UUM
Universiti Utara Malaysia

**DOKTOR FALSAFAH
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
(2018)**



Awang Had Salleh
Graduate School
of Arts And Sciences

Universiti Utara Malaysia

PERAKUAN KERJA TESIS / DISERTASI
(Certification of thesis / dissertation)

Kami, yang bertandatangan, memperakukan bahawa
(We, the undersigned, certify that)

INTAN ZAKIAH JAMALUDDIN

calon untuk Ijazah

PhD

(candidate for the degree of)

telah mengemukakan tesis / disertasi yang bertajuk:
(has presented his/her thesis / dissertation of the following title):

"PENGARUH KESEDIAAN DALAMAN, STRATEGI PEMBANGUNAN DALAMAN, STRATEGI LATIHAN DAN STRATEGI MENGHAFAZ AL-QURAN TERHADAP PENCAPAIAN SUBJEK HIFZ AL-QURAN PELAJAR TAHFIZ DI MALAYSIA"

seperti yang tercatat di muka surat tajuk dan kulit tesis / disertasi.
(as it appears on the title page and front cover of the thesis / dissertation).

Bahawa tesis/disertasi tersebut boleh diterima dari segi bentuk serta kandungan dan meliputi bidang ilmu dengan memuaskan, sebagaimana yang ditunjukkan oleh calon dalam ujian lisan yang diadakan pada : **23 November 2017.**

That the said thesis/dissertation is acceptable in form and content and displays a satisfactory knowledge of the field of study as demonstrated by the candidate through an oral examination held on:

November 23, 2017.

Pengerusi Viva:
(Chairman for VIVA)

Assoc. Prof. Dr. Ruzlan Md Ali

Tandatangan
(Signature)

Pemeriksa Luar:
(External Examiner)

Assoc. Prof. Dr. Asmawati Suhid

Tandatangan
(Signature)

Pemeriksa Dalam:
(Internal Examiner)

Dr. Rosnaaini Hamid

Tandatangan
(Signature)

Nama Penyelia/Penyelia-penyelia:
(Name of Supervisor/Supervisors)

Dr. Mohamad Khairi Haji Othman

Tandatangan
(Signature)

Nama Penyelia/Penyelia-penyelia:
(Name of Supervisor/Supervisors)

Assoc. Prof. Dr. Mohd Zailani Mohd Yusoff

Tandatangan
(Signature)

Tarikh:

(Date) **November 23, 2017**

Pengakuan

Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

17 APRIL 2017


INTAN ZAKIAH JAMALUDDIN
95685



Permission to Use

In presenting this thesis in fulfilment of the requirements for a postgraduate degree from Universiti Utara Malaysia, I agree that the Universiti Library may make it freely available for inspection. I further agree that permission for the copying of this thesis in any manner, in whole or in part, for scholarly purpose may be granted by my supervisor(s) or, in their absence, by the Dean of Awang Had Salleh Graduate School of Arts and Sciences. It is understood that any copying or publication or use of this thesis or parts thereof for financial gain shall not be allowed without my written permission. It is also understood that due recognition shall be given to me and to Universiti Utara Malaysia for any scholarly use which may be made of any material from my thesis.

Requests for permission to copy or to make other use of materials in this thesis, in whole or in part, should be addressed to:



Dean of Awang Had Salleh Graduate School of Arts and Sciences

UUM College of Arts and Sciences

Universiti Utara Malaysia

06010 UUM Sintok

Abstrak

Tahap pencapaian pelajar-pelajar tahfiz adalah tidak sekata. Kebanyakan kajian yang telah dibuat di dalam bidang Tahfiz lebih menumpukan ke atas aspek luaran contohnya teknik dan kaedah menghafaz, pengajaran dan silibus, faktor persekitaran, fasiliti dan institusi. Tidak banyak kajian selayaknya dibuat ke atas kualiti diri pelajar itu sendiri atau karakteristik pelajar. Objektif kajian memfokuskan kepada kesediaan dalaman, strategi pembangunan dalaman, strategi latihan, dan strategi menghafaz al-Qur'an terhadap pencapaian. Kajian menggunakan pendekatan kuantitatif soal selidik dan disokong oleh data kualitatif temu bual pelajar, temu bual pensyarah dan pemerhatian. Sebanyak 298 responden terdiri daripada pelajar tahfiz peringkat Diploma JAKIM yang dipilih berdasarkan kaedah rawak berstrata. Instrumen soal selidik diadaptasi daripada rujukan-rujukan lepas. Secara keseluruhannya, dapatan analisis data deskriptif menunjukkan dominasi pada tahap pencapaian cemerlang berbanding tahap pencapaian yang lain. Hasil kajian mendapati kesediaan dalaman ($r= 0.167, p<0.01$) dan strategi menghafaz al-Qur'an ($r= 0.139, p<0.01$) mempunyai hubungan signifikan dengan pencapaian subjek *Hifz al-Qur'an*. Manakala analisis regresi menunjukkan bahawa komponen kesediaan dalaman merupakan peramal utama pencapaian. Elemen yang berjaya meramalkan 8.9% varians pencapaian dalam komponen kesediaan dalaman adalah efikasi sendiri. Sementara hasil data temu bual dan pemerhatian menghuraikan pemboleh ubah dengan lebih terperinci. Dapatan kajian ini memberi gambaran bahawa kesediaan dalaman dan strategi menghafaz al-Qur'an merupakan karakteristik pelajar tahfiz yang harus diberi keutamaan. Namun begitu, aplikasi strategi pembangunan dalaman dan strategi latihan juga harus diberi perhatian. Kajian ini memberi implikasi bahawa kemantapan kesediaan dalaman, strategi pembangunan dalaman, strategi latihan dan strategi menghafaz al-Qur'an merupakan asas dan faktor penting bagi meningkatkan kualiti generasi *huffaz* di samping menyumbang satu panduan khusus kepada pengamal, pembuat dasar, pelaksana Institusi Tahfiz dan korpus ilmu.

Kata Kunci: Pendidikan tahfiz, Kesediaan dalaman, Pembangunan dalaman, Strategi Latihan, Strategi menghafaz al-Qur'an

Abstract

The achievements of tahfiz students are variable. Most studies in the field of tahfiz education concentrate on the external aspects such as techniques and methods of memorization, teaching and syllabus, environmental factors, facilities and institutions. However, not much researches were done focusing on the quality or characteristics of the students. The objectives of this study focus on the internal readiness, internal development strategies, training strategies, and Qur'an memorization strategies towards the performance. The study used a quantitative approach through questionnaires and supported by qualitative data using interviews and observation with the students and lecturers. A sample of 298 diplomas students from JAKIM tahfiz institutions were chosen using stratified random methods. Questionnaires were adapted from previous studies. Overall, descriptive data analysis showed students achievement were dominance at the outstanding levels compared to other achievement levels. The study found that the internal readiness ($r = 0.167$, $p < 0.01$) and the Qur'an memorization strategy ($r = 0.139$, $p < 0.01$) had significant relationship with the performance in the *Hifz al-Qur'an* subject. While regression analysis showed that the component of internal readiness is the key predictor of achievement. The self-efficacy elements in the internal readiness components could predicts 8.9% of the achievement variances. While the findings of interview data and the observational had described the elements in the four variables in more details. The findings of this study illustrate that the internal readiness and Quran memorization strategy are the two most important characteristics of the tahfiz students. However, internal development strategies and training strategies component should also be addressed and have important roles. This study implies that developing all four characteristics in the students is fundamental for the improvement of the quality of the *huffaz* generation. Its findings could also give specific guidances to the practitioners, policy makers, implementers of Tahfiz institution and science corpus.

Keywords: Tahfiz education, Internal readiness, Internal development, Training Strategy, Al-Qur'an memorization strategy.

Penghargaan

Segala puji bagi Allah s.w.t., kerana dengan izin dan inayat-Nya, penulisan tesis ini dapat disempurnakan “اللهم بارك لي فيما أعطيت” , selawat ke atas junjungan besar Nabi Muhammad s.a.w. yang meninggalkan mukjizat terpelihara sehingga akhir zaman, iaitu *al-Qur’ān* dan salam ke atas Rasulullah s.a.w. jua yang menjadi perintis dan *uswatun hasanat* terhadap pemeliharaan *al-Qur’ān* serta para *huffaznya*.

Jutaan terima kasih diucapkan kepada pihak Universiti Utara Malaysia dan *Mybrain15* yang memberi sokongan kepada penyelidik sepanjang tempoh pengajian dalam bentuk galakan dan insentif. Setinggi penghargaan buat guru-guru yang mencurahkan bakti kepada diri ini, iaitu penyelia Dr. Mohamad Khairi bin Haji Othman dan Prof. Madya Dr. Mohd. Zailani bin Mohd. Yusoff. Ucapan terima-kasih tidak terhingga buat mereka yang mencurahkan ilmu pada diri ini, iaitu Dr. Yusri bin Abdullah, Prof. Madya Dr. Munif Zariruddin Fikri Nordin, Dr. Mardzelah Makhsin, Prof. Madya Dr. Shukri Ahmad, Prof. Madya Dr. Nuraini Yusoff, Prof. Dr. Arsaythamby a/l Veloo, Prof. Madya Dr. Subadrah a/p Madhawa Nair dan semua pensyarah serta pendidik yang pernah memberikan pelbagai input berguna kepada diri ini sejak kecil sehingga kini. Pengkaji juga ingin memohon keampunan dan keredaan ilmu daripada semua pensyarah dan guru yang terlibat dalam menyiapkan tesis ini. Semoga Allah s.w.t. memberi rahmat kepada guru-guru ini. Amin.

Penyelidik mengabadikan setinggi-tinggi penghargaan buat insan yang mencurahkan kasih *fillāt* kepada diri ini, yang sentiasa menghiasi diri dengan kesabaran, sentiasa memberikan sokongan padu, dan sentiasa membuatkan diri ini terinspirasi, iaitu suami tercinta, Dr. Rezqa bin Abdullah Husin. Penyelidik turut menitipkan ingatan tulus buat anak-anak yang sentiasa menjadi *qurrata a‘yun*; Tariq Ziyad, Taqwa Fahima, Tarif Malik dan Tawbah Nur Iman. Penyelidik turut merakamkan terima kasih berpanjangan buat ayahanda dan bonda yang memanjatkan doa dan sokongan moral kepada diri ini tanpa henti, iaitu En. Jamaluddin bin Badri dan Ustazah Maimunah Abdul Manap serta ayahanda dan bonda mertua yang sentiasa mengambil berat tentang diri ini, iaitu Ustaz Abdullah Husin bin Abdul Rahman dan Cikgu Mariati binti Abdul Hamid.

Di kesempatan ini juga, penyelidik mengucapkan jutaan terima kasih kepada adik-beradik dan keluarga, ipar-duai dan keluarga serta rakan seperjuangan yang berkongsi ilmu dan pengalaman untuk diteladani. Sesungguhnya, keberhasilan kajian ini amat mengajar diri bahawa betapa setiap detik perjalanan yang dilalui berada dalam genggaman Allah s.w.t., dan betapa erti kesabaran, pengorbanan, keredaan, keikhlasan dalam ilmu, nilai kekeluargaan serta *ukhuwwat fillā* adalah sesuatu yang amat berharga dalam kehidupan. Semoga Allah menguatkan hati-hati kita untuk tetap dalam mengumpul saham-saham akhirat dengan memartabatkan al-Qur'ān sebagai sumber kehidupan di samping menjunjung ilmu sebagai landasan amal.



Isi Kandungan

Halaman Judul.....	i
Perakuan Kerja Tesis.....	ii
Permission to Use.....	iii
Abstrak.....	iv
Abstract.....	v
Penghargaan.....	vi
Isi Kandungan.....	viii
Senarai Jadual.....	xv
Senarai Rajah.....	xviii
Senarai Lampiran.....	xix
Senarai Kependekan.....	xx
Pedoman Transliterasi.....	xxi
BAB SATU PENGENALAN.....	1
1.1 Pendahuluan.....	1
1.2 Latar Belakang Kajian.....	4
1.3 Penyataan Masalah.....	8
1.4 Objektif Kajian.....	14
1.5 Persoalan Kajian.....	15
1.6 Hipotesis Kajian.....	15
1.7 Kerangka Teori.....	16
1.8 Latar Belakang Teoretikal.....	20
1.8.1 Pencapaian Subjek <i>Hifz al-Qur'an</i>	20
1.8.2 Faktor Dalaman Pelajar Tahfiz.....	23
1.8.3 Faktor Luaran Pelajar Tahfiz.....	28
1.9 Kerangka Konseptual.....	41
1.10 Limitasi Kajian.....	46
1.11 Kepentingan Kajian.....	48
1.12 Definisi Konseptual Kajian.....	51
1.12.1 Pencapaian subjek <i>Hifz al-Qur'an</i>	51
1.12.2 Kesediaan Dalaman.....	51
1.12.3 Strategi Pembangunan Dalaman.....	52
1.12.4 Strategi Latihan.....	53

1.12.5 Strategi Menghafaz al-Qur'an	53
1.13 Rumusan.....	54
BAB DUA KAJIAN LITERATUR.....	57
2.1 Pendahuluan.....	57
2.2 Sejarah Penubuhan Institusi Tahfiz di Malaysia.....	57
2.3 Graduan Tahfiz Darul Qur'an.....	59
2.4 Pencapaian Subjek <i>Hifz al-Qur'an</i>	62
2.5 Karakteristik Pelajar.....	67
2.5.1 Aspek demografi.....	68
2.5.1.1 Jantina.....	69
2.5.1.2 Lokasi Tempat Tinggal.....	75
2.6 Faktor Dalaman.....	83
2.6.1 Kesediaan Dalaman.....	85
2.6.1.1 Nilai.....	87
2.6.1.2 Jangkaan (<i>Expectancy Components</i>).....	102
2.6.1.3 Afektif (<i>Affective</i>).....	109
2.6.2 Strategi Pembangunan Dalaman Pelajar Tahfiz.....	112
2.7 Faktor Luaran.....	117
2.7.1 Strategi Latihan.....	118
2.7.1.1 Strategi Pembelajaran kognitif.....	120
2.7.1.2 Strategi Pembelajaran Metakognitif.....	132
2.7.1.2.1 Regulasi Kendiri.....	133
2.7.1.3 Strategi Pengurusan Sumber.....	137
2.7.1.4 Strategi Menghafaz al-Qur'an	149
2.7.1.4.1 Peringkat Sebelum Menghafaz al-Qur'an	150
2.7.1.4.2 Peringkat Semasa Menghafaz al-Qur'an	158
2.7.1.4.3 Peringkat Selepas Menghafaz al-Qur'an	169
2.7.1.4.4 Peringkat Amalan Para Penghafaz al-Qur'an	174
2.8 Rumusan.....	182
BAB TIGA METODOLOGI KAJIAN.....	184
3.1 Pendahuluan.....	184
3.2 Reka Bentuk Kajian.....	184
3.3 Populasi dan Sampel.....	185

3.4	Saiz Sampel Kajian.....	187
3.5	Prosedur Persampelan Kajian.....	191
3.6	Instrumen Kajian:Soal Selidik.....	193
	3.6.1 Bahagian A: Latar Belakang pelajar.....	194
	3.6.2 Bahagian B: Kesediaan Dalam.....	194
	3.6.3 Bahagian C: Strategi Pembangunan Dalam.....	196
	3.6.4 Bahagian D: Strategi Latihan.....	198
	3.6.5 Bahagian E: Strategi Menghafaz al-Qur'an.....	199
3.7	Instrumen Kajian: Temu bual.....	203
3.8	Instrumen Kajian: Pemerhatian.....	204
3.9	Kesahan Instrumen.....	205
3.10	Ujian Rintis.....	208
3.11	Kebolehpercayaan Item.....	209
	3.11.1 Data rintis.....	210
	3.11.1.1 Bahagian B: Kesediaan Dalam Pelajar Tahfiz: Atribut Nilai, Jangkaan dan Afektif.....	210
	3.11.1.2 Bahagian C: Strategi Pembangunan Dalam Pelajar Tahfiz....	211
	3.11.1.3 Bahagian D: Strategi Latihan: Atribut Kognitif, Metakognitif dan Pengurusan Sumber.....	212
3.12	Prosedur Pengumpulan Data.....	213
3.13	Analisis Penerokaan Data.....	214
3.14	Ujian Statistik Yang Digunakan.....	218
3.15	Rumusan.....	224
BAB EMPAT ANALISIS KAJIAN.....		225
4.1	Pendahuluan.....	225
	4.1.1 Kadar Maklum Balas Soal Selidik.....	225
	4.1.2 Profil Smpel Kajian.....	225
4.2	Objektif Pertama.....	227
	4.2.1 Tahap Pencapaian Subjek <i>Hifz al-Qur'an</i> dalam Kalangan Pelajar Tahfiz.....	227
4.3	Objektif Kedua.....	229
	4.3.1 Tahap Kesediaan Dalam Terhadap Pencapaian Subjek <i>Hifz al-</i> <i>Qur'an</i>	229

4.3.2 Tahap Strategi Pembangunan Dalaman Terhadap Pencapaian Subjek <i>Hifz al-Qur'an</i>	234
4.3.3 Tahap Strategi Latihan Terhadap Pencapaian Subjek <i>Hifz al-Qur'an</i>	236
4.3.4 Tahap Strategi menghafaz al-Qur'an Terhadap Pencapaian Subjek <i>Hifz al-Qur'an</i>	242
4.4 Objektif Ketiga.....	247
4.4.1 Perbezaan Pencapaian Pencapaian Subjek <i>Hifz al-Qur'an</i> berdasarkan aspek demografi.....	247
4.5 Objektif Keempat.....	249
4.5.1 Hubungan Antara Kesediaan Dalaman, Strategi Pembangunan Dalaman, Strategi Latihan dan Strategi Menghafaz al-Qur'an Dengan Pencapaian Pencapaian Subjek <i>Hifz al-Qur'an</i>	250
4.6 Objektif Kelima.....	252
4.6.1 Peramal yang Signifikan antara Kesediaan Dalaman, Strategi Pembangunan Dalaman, Strategi Latihan dan Strategi Menghafaz al-Qur'an Terhadap Pencapaian Subjek <i>Hifz al-Qur'an</i>	253
4.7 Objektif Keenam.....	257
4.7.1 Data Temu Bual Pelajar Berkenaan Kesediaan Dalaman dan Strategi Pembangunan Dalaman Dalam Mengurus Pembelajaran Tahfiz.....	258
4.7.1.1 Data Temu bual Pelajar Berkenaan Kesediaan Dalaman.....	258
4.7.1.1.1 Nilai.....	258
4.7.1.1.2 Jangkaan.....	262
4.7.1.1.3 Afektif.....	264
4.7.1.2 Data Temu Bual Pelajar Tahfiz Berkenaan Strategi Pembangunan Dalaman.....	265
4.7.1.2.1 Pembangunan Dalaman.....	266
4.7.2 Data Temu Bual Pensyarah Berkenaan Kesediaan Dalaman dan Strategi Pembangunan Dalaman.....	268
4.7.2.1 Data Temu Bual Pensyarah Berkenaan Kesediaan Dalaman.....	268
4.7.2.1.1 Nilai.....	268
4.7.2.1.2 Afektif.....	270

4.7.3 Data Temu Bual Pelajar Tahfiz Berkenaan Strategi Latihan dan Strategi Menghafaz al-Qur'an.....	271
4.7.3.1 Data Temu Bual Pelajar Berkenaan Strategi Latihan.....	272
4.7.3.1.1 Kognitif: Latihan dan Penghuraian.....	272
4.7.3.1.2 Kognitif: Penyusunan dan Pemikiran Kritis.....	274
4.7.3.1.3 Strategi Metakognitif: Regulasi Kendiri.....	275
4.7.3.1.4 Strategi Pengurusan Sumber: Masa dan Persekitaran.....	276
4.7.3.1.5 Strategi Pengurusan Sumber: Usaha.....	277
4.7.3.1.6 Strategi Pengurusan Sumber: Bantuan Rakan.....	278
4.7.3.1.7 Strategi Pengurusan Sumber: Meminta Bantuan.....	279
4.7.3.2 Data Temu Bual Pelajar Berkenaan Strategi Menghafaz al-Qur'an.....	280
4.7.3.2.1 Strategi Menghafaz al-Qur'an: Adab-adab Menghafaz al-Qur'an.....	280
4.7.3.2.2 Strategi Menghafaz al-Qur'an: Proses <i>talaqqī</i>	281
4.7.3.2.3 Strategi Menghafaz al-Qur'an: Teknik-teknik Menghafaz...	282
4.7.3.2.4 Strategi Menghafaz al-Qur'an: Proses <i>Tasmi'</i>	283
4.7.3.2.5 Strategi Menghafaz al-Qur'an: Proses <i>Murāja'at</i>	284
4.7.3.2.6 Strategi Menghafaz al-Qur'an: Panduan Menghafaz al-Qur'an.....	285
4.7.3.2.7 Strategi Menghafaz al-Qur'an: Ciri-ciri <i>Hāfīz</i> / <i>Hāfīzat</i>	286
4.7.4 Data Temu Bual Pensyarah Berkenaan Strategi Latihan dan Strategi Menghafaz al-Qur'an.....	287
4.7.4.1 Data Temu Bual Pensyarah Berkenaan Strategi Latihan.....	287
4.7.4.1.1 Kognitif: Latihan, Penyusunan dan Penghuraian.....	288
4.7.4.1.2 Kognitif: Pemikiran Kritis.....	288
4.7.4.1.3 Strategi Metakognitif: Regulasi Kendiri.....	289
4.7.4.1.4 Strategi Pengurusan Sumber: Masa dan Persekitaran.....	290
4.7.4.1.5 Strategi Pengurusan Sumber: Usaha, Meminta Bantuan dan Rakan.....	290
4.7.4.2 Data Temu Bual Pensyarah Berkenaan Strategi Menghafaz al-Qur'an.....	291
4.7.4.2.1 Strategi Menghafaz al-Qur'an: Adab-adab Menghafaz al-	

Qur'an.....	291
4.7.4.2.2 Strategi Menghafaz al-Qur'an: Proses <i>talaqqī</i>	292
4.7.4.2.3 Strategi Menghafaz al-Qur'an: Teknik-teknik Menghafaz.....	292
4.7.4.2.4 Strategi Menghafaz al-Qur'an: Proses <i>Tasmi</i> '.....	293
4.7.4.2.5 Strategi Menghafaz al-Qur'an: Proses <i>Murāja 'at</i>	293
4.7.4.2.6 Strategi Menghafaz al-Qur'an: Panduan Menghafaz al-	
Qur'an.....	294
4.7.4.2.7 Strategi Menghafaz al-Qur'an: Ciri-ciri <i>Hāfiẓ</i> / <i>Hāfiẓat</i>	294
4.7.5 Data Pemerhatian Dalam Kelas Subjek <i>Hifẓ al-Qur'an</i>	295
4.8 Rumusan.....	299

BAB LIMA PERBINCANGAN DAPATAN DAN IMPLIKASI KAJIAN.....302

5.1 Pendahuluan.....	302
5.2 Perbincangan Dapatan Kajian.....	302
5.2.1 Tahap pencapaian subjek <i>Hifẓ al-Qur'an</i> Dalam Kalangan	
Pelajar Tahfiz.....	303
5.2.2 Tahap Kesediaan Dalaman.....	306
5.2.2.1 Nilai.....	306
5.2.2.2 Jangkaan.....	314
5.2.2.3 Afektif.....	317
5.2.3 Tahap Strategi Pembangunan Dalaman.....	319
5.2.4 Tahap Strategi Latihan	322
5.2.4.1 Kognitif: Latihan.....	322
5.2.4.2 Kognitif: Penghuraian.....	323
5.2.4.3 Kognitif: Penyusunan.....	324
5.2.4.4 Kognitif: Pemikiran Kritis.....	326
5.2.4.5 Metakognitif: Regulasi Kendiri.....	327
5.2.4.6 Strategi Pengurusan Sumber: Masa dan Persekitaran.....	330
5.2.4.7 Strategi Pengurusan Sumber: Usaha.....	333
5.2.4.8 Strategi Pengurusan Sumber: Bantuan Rakan.....	334
5.2.4.9 Strategi Pengurusan Sumber: Mencari bantuan.....	336
5.2.5 Tahap Strategi Menghafaz al-Qur'an.....	338
5.2.5.1 Peringkat Sebelum Menghafaz al-Qur'an.....	338
5.2.5.1.1 Adab Menghafaz al-Qur'an.....	338

5.2.5.1.2 Proses <i>Talaqqī</i>	340
5.2.5.2 Peringkat Semasa Menghafaz al-Qur'an.....	341
5.2.5.2.1 Teknik Menghafaz al-Qur'an.....	341
5.2.5.2.2 Proses <i>Tasmi</i> '.....	345
5.2.5.3 Peringkat Selepas Menghafaz al-Qur'an.....	346
5.2.5.3.1 Proses <i>Murāja 'at</i>	346
5.2.5.4 Peringkat Amalan Para Penghafaz al-Qur'an.....	348
5.2.5.4.1 Panduan Menghafaz al-Qur'an.....	348
5.2.5.4.2 Ciri-ciri <i>Hāfiẓ</i> / <i>Hāfiẓat</i>	351
5.2.6 Perbezaan Pencapaian Subjek <i>Hifẓ al-Qur'an</i> Berdasarkan Demografi.....	354
5.2.6.1 Jantina.....	354
5.2.6.2 Lokasi Tempat Tinggal.....	355
5.2.7 Hubungan Kesianaan Dalaman, Strategi Pembangunan Dalaman , Strategi Latihan dan Strategi Menghafaz al-Qur'an Dengan Pencapaian Subjek <i>Hifẓ al-Qur'an</i>	357
5.2.8 Peramal Utama Kesianaan Dalaman, Strategi Pembangunan Dalaman, Strategi Latihan dan Strategi Menghafaz al-Qur'an Pelajar Tahfiz Terhadap Pencapaian Subjek <i>Hifẓ al-Qur'an</i>	359
5.3 Rumusan Perbincangan Kajian.....	361
5.4 Implikasi Kajian.....	364
5.4.1 Implikasi Teori.....	364
5.4.2 Implikasi Praktikal.....	368
5.5 Sumbangan Kajian.....	372
5.6 Batasan dan Cadangan Kajian Akan Datang.....	382
5.7 Penutup.....	383
RUJUKAN	385
Glosari Kata.....	419

Senarai Jadual

Jadual 1.1	Statistik kemasukan dan graduan program Diploma Tahfiz al-Qurān JAKIM sesi kemasukan 2010-2013.....	11
Jadual 1.2	Perbandingan ingatan jangka pendek dan ingatan jangka panjang.....	31
Jadual 1.3	Lokasi dan alamat responden.....	47
Jadual 2.1	Statistik graduan program Diploma Tahfiz al-Qur'an Darul Qur'an tahun 1989-2016.....	60
Jadual 2.2	Statistik graduan program Pensijilan Tahfiz al-Qur'an Darul Qur'an UIAM tahun 2001-2016.....	61
Jadual 2.3	Jumlah <i>muqarrar</i> juz Program Diploma Darul Qur'an.....	64
Jadual 2.4	Jumlah <i>muqarrar</i> juz Program Pensijilan Darul Qur'an.....	65
Jadual 2.5	Adab-adab menghafaz al-Qur'an	154
Jadual 2.6	Faktor hafalan tidak mantap (<i>rasikh</i>) menurut Abdul Hafiz dan Hasimah (2003).....	175
Jadual 3.1	Jumlah pelajar semester akhir Program Diploma Tahfiz al-Qur'an seluruh Malaysia.....	186
Jadual 3.2	Pembahagian zon mengikut negeri.....	190
Jadual 3.3	Ilustrasi jadual reka bentuk kajian.....	193
Jadual 3.4	Jumlah taburan item kesediaan dalaman.....	195
Jadual 3.5	Jumlah taburan item strategi pembangunan dalaman.....	197
Jadual 3.6	Jumlah taburan item strategi latihan.....	199
Jadual 3.7	Jumlah bahagian item strategi menghafaz al-Qur'an.....	201
Jadual 3.8	Jumlah taburan item soal selidik mengikut aspek kajian.....	201
Jadual 3.9	Jumlah skor min.....	203
Jadual 3.10	Data rintis pemboleh ubah kesediaan dalaman.....	210
Jadual 3.11	Data rintis pemboleh ubah strategi pembangunan dalaman....	211
Jadual 3.12	Data rintis pemboleh ubah strategi latihan.....	212
Jadual 3.13	Ujian normaliti untuk pencapaian subjek <i>Hifz al-Qur'an</i>	215
Jadual 3.14	Ujian <i>Skewness dan Kurtosis</i>	216
Jadual 3.15	Ujian Normaliti <i>Kolmogorov-mirnov</i> dan <i>Shapiro-Wilk</i> Bagi Pemboleh ubah-Pemboleh ubah Bebas.....	217

Jadual 3.16	Ujian Normaliti <i>Skewness</i> , <i>Kurtosis</i> , Graf <i>Histogram</i> , Garis <i>Whiskers Plot</i> dan Data Terpencil Bagi Pemboleh ubah- Pemboleh ubah Bebas.....	218
Jadual 3.17	Teknik analisis data.....	222
Jadual 4.1	Latar belakang diri pelajar.....	226
Jadual 4.2	Tahap pencapaian responden.....	228
Jadual 4.3	Kesediaan dalaman (Nilai: sikap).....	230
Jadual 4.4	Kesediaan dalaman: (Nilai: Intrinsik).....	231
Jadual 4.5	Kesediaan dalaman: (Nilai: Ekstrinsik).....	231
Jadual 4.6	Kesediaan dalaman: (Nilai: Nilai tugas).....	232
Jadual 4.7	Kesediaan dalaman: (Jangkaan: Kawalan kepercayaan).....	232
Jadual 4.8	Kesediaan dalaman: (Jangkaan: Efikasi sendiri).....	233
Jadual 4.9	Kesediaan dalaman: (Afektif: Kebimbangan).....	234
Jadual 4.10	Kesediaan dalaman: (Strategi pembangunan dalaman pelajar tahfiz).....	235
Jadual 4.11	Strategi latihan: (Strategi kognitif: Latihan).....	237
Jadual 4.12	Strategi Latihan: (Strategi kognitif: Penghuraian).....	237
Jadual 4.13	Strategi Latihan: (Strategi kognitif: Penyusunan).....	238
Jadual 4.14	Strategi Latihan: (Strategi kognitif: Pemikiran kritis).....	238
Jadual 4.15	Strategi Latihan: (Strategi metakognitif: Regulasi sendiri)....	239
Jadual 4.16	Strategi Latihan: (Strategi pengurusan sumber: Masa dan persekitaran).....	240
Jadual 4.17	Strategi Latihan: (Strategi pengurusan sumber: usaha).....	241
Jadual 4.18	Strategi Latihan: (Strategi pengurusan sumber: Rakan).....	241
Jadual 4.19	Strategi Latihan: (Strategi pengurusan sumber: Bantuan).....	242
Jadual 4.20	Strategi Latihan: (Strategi menghafaz al-Qur'an : Adab menghafaz al-Qur'an)	243
Jadual 4.21	Strategi Latihan: (Strategi menghafaz al-Qur'an : Proses <i>talaqqī</i>).....	244
Jadual 4.22	Strategi Latihan: (Strategi menghafaz al-Qur'an : Teknik-teknik menghafaz al-Qur'an).....	244
Jadual 4.23	Strategi Latihan: (Strategi menghafaz al-Qur'an : Proses <i>tasmi</i> ').....	245

Jadual 4.24	Strategi Latihan: (Strategi menghafaz al-Qur'an : Proses <i>murāja'at</i>).....	245
Jadual 4.25	Strategi Latihan: (Strategi menghafaz al-Qur'an : Panduan menghafaz al-Qur'an).....	246
Jadual 4.26	Strategi Latihan: (Strategi menghafaz al-Qur'an : Ciri-ciri <i>ḥāfīz/ḥāfīzat</i>).....	247
Jadual 4.27	Ujian T sampel bebas jantina.....	248
Jadual 4.28	Ujian T sampel bebas perbezaan jantina dan lokasi tempat tinggal.....	249
Jadual 4.29	Tafsiran pekali korelasi.....	250
Jadual 4.30	Hubungan antara Pemboleh Ubah Kesianan Dalam, Strategi Pembangunan Dalam Pelajar Tahfiz, Strategi Latihan dan Strategi Menghafaz al-Qur'ān.....	252
Jadual 4.31a	Min, sisihan piawai, dan korelasi antara pemboleh ubah peramal	254
Jadual 4.31b	Analisis regresi pelbagai untuk peramal pencapaian keseluruhan	255
Jadual 4.32a	Min, sisihan piawai, dan korelasi antara pemboleh ubah peramal	255
Jadual 4.32b	Analisis regresi pelbagai untuk peramal pencapaian keseluruhan	256
Jadual 4.33	Pemerhatian strategi menghafaz al-Qur'an dalam kelas subjek <i>Hifẓ al-Qur'an</i>	296
Jadual 5.1	Rumusan keseluruhan dapatan kajian.....	362
Jadual 5.2	Panduan kesediaan dalaman pelajar tahfiz terhadap pencapaian subjek <i>Hifẓ al-Qur'an</i>	374
Jadual 5.3	Panduan strategi pembangunan dalaman pelajar tahfiz.....	375
Jadual 5.4	Panduan strategi latihan pelajar tahfiz terhadap pencapaian subjek <i>Hifẓ al-Qur'an</i>	377
Jadual 5.5	Panduan strategi menghafaz al-Qur'an terhadap pencapaian subjek <i>Hifẓ al-Qur'an</i>	379

Senarai Rajah

Rajah 1.1:	Kerangka teoretikal kajian.....	19
Rajah 1.2:	Teori pembelajaran tahfiz al-Qābisī (1955).....	21
Rajah 1.3:	Teori pencapaian tahfiz al-Qābisī (1955).....	22
Rajah 1.4:	Sistem pengurusan maklumat.....	31
Rajah 1.5:	Latar belakang teoretikal kajian.....	40
Rajah 1.6:	Kerangka konsep kesediaan dalaman, strategi pembangunan dalaman, strategi latihan dan strategi menghafaz al-Qur'an terhadap pencapaian subjek <i>Hifz al-Qur'an</i>	42
Rajah 2.1:	Ilustrasi strategi menghafaz al-Qur'an	182
Rajah 3.1:	Pecahan sampel pelajar semester akhir Darul Qur'an dan seliaannya mengikut kelompok.....	192
Rajah 3.2:	Prosedur pengumpulan data.....	214
Rajah 5.1:	Implikasi teori.....	367



UUM
Universiti Utara Malaysia

Senarai lampiran

Lampiran A	Soal Selidik Pelajar.....	422
Lampiran B	Instrumen Temubual Pelajar.....	430
Lampiran C	Instrumen Temubual Pensyarah.....	432
Lampiran D	Instrumen Pemerhatian Dalam Kelas Subjek <i>Hifz al-Qur'an</i>	433
Lampiran E	Surat Pelantikan Penilai.....	435
Lampiran F	Surat Pengesahan Kandungan Instrumen.....	436
Lampiran G	Maklumat Kepakaran Penilai.....	437
Lampiran H	Kebenaran Menggunakan Instrumen MSLQ.....	438
Lampiran I	Penterjemahan Sub skala Instrumen Soal Selidik.....	440
Lampiran J	Senarai Pakar Penilai Instrumen.....	441
Lampiran K	Jadual Persampelan.....	442
Lampiran L	Permohonan Kebenaran Menjalankan Penyelidikan.....	443
Lampiran M	Pelantikan Pembantu Penyelidik.....	444
Lampiran N	Borang Pembantu Penyelidik.....	445
Lampiran O	Kesahan Kandungan Keseluruhan.....	446
Lampiran P1	Analisis Penerokaan Data: Kesediaan Dalaman.....	447
Lampiran P2	Analisis Penerokaan Data: Strategi Pembangunan Dalaman.....	450
Lampiran P3	Analisis Penerokaan Data: Strategi Latihan.....	453
Lampiran P4	Analisis Penerokaan Data: Strategi Menghafaz al-Qur'an.....	456
Lampiran P5	Analisis Penerokaan Data: Pencapaian Subjek <i>Hifz al-Qur'an</i> ..	459
Lampiran P6	Plot Sebaran Bagi <i>Regression Standardized Predicted Value</i> ..	461
Lampiran Q	Ringkasan Keseluruhan Tinjauan Kajian Lepas.....	462
Lampiran R	Ringkasan Dapatan Kajian.....	463
Lampiran S	Sumbangan Penulisan.....	470

Senarai Kependekan

a.s.	<i>‘Alaihi al-Salām</i>
Bil.	Bilangan
DQ	Darul Qur’an
MTQN	Maahad Tahfiz al-Qur’an Negeri
Hal	Halaman
MSLQ	Motivated Strategies of Learning Questions
s.a.w.	<i>Ṣallallāhu ‘Alaihi wa Sallām</i>
s.w.t.	<i>Subḥānahu wa Ta ‘ālā</i>
S-R	Stimulus-respon
M1	<i>Mumtāz</i> (pelajar lelaki)
JJ1	<i>Jayyid Jiddan</i> (pelajar lelaki)
J1	<i>Jayyid</i> (pelajar lelaki)
MQ1	<i>Maqbul</i> (pelajar lelaki)
M2	<i>Mumtāzat</i> (pelajar perempuan)
JJ2	<i>Jayyid Jiddan</i> (pelajar perempuan)
J2	<i>Jayyid</i> (pelajar perempuan)
MQ2	<i>Maqbul</i> (pelajar perempuan)
P1	Penyarah subjek <i>Ḥifẓ al-Qur’an</i> (Lelaki)
P2	Penyarah subjek <i>Ḥifẓ al-Qur’an</i> (Perempuan)

Pedoman Transliterasi

1. KONSONAN

Huruf Arab	Transliterasi
ا	-
ب	B
ت	T
ث	Th
ج	J
ح	h
خ	Kh
د	D
ذ	Dh
ر	R
ز	Z
س	S
ش	Sy
ص	s
ض	ḍ
ط	ṭ
ظ	ẓ
ع	'
غ	Gh
ف	F
ق	Q
ك	K
ل	L
م	M
ن	N
و	W
هـ	H
ء	'
ي	Y
ة	t

2. VOKAL

Pendek	Panjang	Diftong
Pendek	Panjang	Diftong
أ a	آ ā	أى ay
إ i	إِ ī	أو aw
أ u	أُ ū	

*Berdasarkan Pedoman Transliterasi Huruf Arab ke Huruf Rumi (1992).
Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, halaman 1-3



UUM
Universiti Utara Malaysia

‘BAB SATU

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Secara asasnya, pembelajaran al-Qur’an dapat dilihat sebagai satu spektrum yang luas dan mempunyai pelbagai lingkungan ilmu serta menuntut konsep interaksi yang bersifat holistik (Al-Qarḍāwī, 1999). Konsep interaksi yang dimaksudkan ialah relasi hamba Allah s.w.t. dengan al-Qur’an. Al-Qarḍāwī (1999) dan Abdul Jalil (2008) menyatakan lingkungan interaksi dengan Allah s.w.t. adalah mencakupi segala perbuatan yang dapat mendekatkan diri kepada Allah s.w.t. Antara lingkungan interaksi tersebut ialah membaca al-Qur’an dengan konsep bacaan *tartīl*, memahami makna al-Qur’an dengan konsep *tadabbur*, menjiwai kandungan al-Qur’an sebagai penyuluh kehidupan dan banyak lagi bentuk interaksi lain yang menjurus kepada manfaat duniawi dan ukhrawi (Abdul Jalil, 2008). Salah satu dimensi penting dalam pembelajaran al-Qur’an juga ialah pendidikan tahfiz (Murihah, Abdul Hafiz & Arieff, 2016). Pendidikan tahfiz ialah satu proses mengingati teks al-Qur’an secara kekal (al-Qattān, 2000; Muhammad Izhār, 2015). Ia bertujuan untuk memelihara al-Qur’an dan merupakan satu proses rabbani (Muhammad Omer, 2013), sebagaimana yang dinyatakan di dalam al-Qur’an.

إِنَّا خُنُّ نَزَّلْنَا الذِّكْرَ وَإِنَّا لَهُ لَحَافِظُونَ ﴿١٥﴾

Sesungguhnya Kamilah yang menurunkan al-Qur’an, dan Kamilah yang memelihara dan menjaganya.

(Surah al-Hijr, 15:9)

Penghafazan al-Qur’an bukan satu perkara yang mudah dan menuntut satu komitmen yang tinggi (Murihah, Abdul Hafiz, Arieff & Mohd Faez, 2015; Bill, 2015). Tidak semua yang berusaha mampu untuk menghafaz seluruh al-Qur’an dan bergelar *hāfīz*,

bahkan hanya sebahagian kecil sahaja yang berjaya mengekalkan hafazan di dada (Sedek, 2012). Menurut Edi (2010), aktiviti menghafaz al-Qur'an tidak sama dengan aktiviti menghafaz puisi atau sajak yang dikarang oleh manusia. Hal ini kerana penghafazan al-Qur'an merupakan aktiviti berkaitan dengan kekentalan mental, ruh dan fizikal yang berinteraksi dengan *kalāmullah* (Edi, 2010). Situasi ini selaras dengan Tareq (2014) yang mengaitkan internal pelajar dengan al-Qur'an sebagai satu konsep penghayatan dan pengamalan. Justeru, terdapat ciri tertentu ke atas peribadi pelajar tahfiz yang menentukan kemampuan menghafaz keseluruhan al-Qur'an (al-Masyā'ilah, 2010).

Hal ini juga menunjukkan bahawa, para pelajar tahfiz harus disemai dengan beberapa karakteristik yang sesuai dengan tugas harian mereka yang memfokuskan bidang hafazan al-Qur'an (Muhammad Izhār, 2015). Kenyataan ini selari dengan Bill (2015) yang menekankan tanggungjawab serta komitmen luar biasa dalam menghafaz al-Qur'an. Pelajar tahfiz juga harus mempunyai kecenderungan positif dalam mencapai misi menghafaz al-Qur'an (al-Masyā'ilah, 2010). Situasi ini sejajar dengan falsafah pendidikan tahfiz yang menekankan insan bertakwa sebagai aspirasi pembentukan generasi al-Qur'an (Darul Quran, 2016).

Al-Qur'an dipelihara melalui dua bentuk keadaan, iaitu: pemeliharaan teks al-Qur'an secara sah (*valid*) di dalam *muṣḥaf* melalui kaedah penulisan dan hafalan di dalam dada-dada para penghafaz al-Qur'an (al-Qattān, 2000; Abd Rahman, 2009; Mohd Nazri, 2010). Bentuk hafalan tersebut diterima dengan kaedah mendengar (*simā'ī*) atau langsung (al-Masyā'ilah, 2010; Amin, 2011). Pemeliharaan al-Qur'an dalam bentuk hafalan juga merupakan tradisi sunah Rasulullah s.a.w. yang kekal sehingga

ke hari ini (Frederick, 1989; al-Kilānī, 2006). Dalam konteks masyarakat, hafalan al-Qur'an merupakan satu tuntutan fardu kifayah (Yusuf, 2011). Hal ini menunjukkan peri pentingnya tradisi menghafaz al-Qur'an tetap diteruskan sehingga ke hari ini (Sarah, 2013).

Di Malaysia, pendidikan al-Qur'an telah bermula sejak awal kedatangan Islam di Tanah Melayu beratus-ratus tahun dahulu (Murihah & Mohd Faez, 2015). Pengajian al-Qur'an dipraktikkan di sekolah-sekolah pondok, surau-surau dan masjid (Badlihisham, 2010; Murihah & Mohd Faez, 2015). Tidak ada pengajian formal atau institusi khas untuk pengajian tahfiz yang diwujudkan oleh pihak kerajaan pada waktu itu sehinggalah di zaman awal kemerdekaan. Institusi tahfiz al-Qur'an yang pertama hanya muncul di Malaysia pada tahun 1966 apabila Tuanku Abdul Rahman mengilhamkan pengwujudkan kelas tahfiz al-Qur'an di bawah kelolaan Masjid Negara (Darul Quran, 2014; 2016). Bermula dari kelas tahfiz ini dengan lapan orang pelajar, pendidikan tahfiz al-Qur'an di Malaysia berkembang dengan pesatnya. Sehingga tahun 2011, terdapat 278 buah institusi tahfiz kerajaan dan swasta yang berdaftar dengan Jabatan Agama Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) (JAKIM, 2014). Dianggarkan jumlah para *huffaz* yang berjaya dikeluarkan oleh institusi tahfiz di Malaysia adalah melebihi 13 ribu (JAKIM, 2014).

Menurut Inka (2015), proses pembelajaran tahfiz harus didasari aspek kematangan rohani dan jasmani seseorang pelajar. Kematangan rohani mempunyai kaitan dengan faktor dalaman seseorang manakala kematangan jasmani mempunyai perkaitan dengan faktor luaran seseorang pelajar. Dalam kajian Lukman (2014) kedua-dua aspek ini, iaitu rohani dan jasmani merupakan satu paduan yang menjadi tuntutan

dalam pembentukan sahsiah pelajar muslim yang berjaya. Oleh itu, dalam konteks mewujudkan karakteristik pelajar tahfiz yang proaktif sekaligus menjelaskan wahana penting dalam pencapaian subjek *Hifz al-Qur'an*, faktor dalaman (kesediaan dalaman dan strategi pembangunan dalaman) serta faktor luaran (strategi latihan dan strategi menghafaz al-Qur'an) pelajar tahfiz dalam menjunjung *kalāmullah* sebagai satu bidang khusus amat penting untuk diperhalusi. Hal ini bersifat sejajar dengan hasrat kerajaan berkenaan Dasar Pendidikan Tahfiz Negara (DPTN) yang masih berada dalam peringkat perangkaan. Dasar ini dirangka bagi tujuan mencari satu panduan spesifik yang selaras demi melahirkan generasi *huffaz* yang bukan sahaja dilihat mahir dalam menghafaz al-Qur'an, tetapi juga menunjukkan karakter yang profesional terhadap pembelajaran al-Qur'an (Asyraf, 2016).

1.2 Latar Belakang Kajian

Institusi tahfiz ditawarkan dalam dua bentuk pengajian, iaitu pengajian berbentuk tradisional dan moden (Normusliza & Mokmin, 2014). Di Malaysia, institusi tahfiz banyak ditubuhkan dan menawarkan pendidikan seawal peringkat kanak-kanak hingga ke peringkat umur dewasa (Abdul Hafiz, Husin, Azmi Shah, Sulaiman, Kamarul Azmi & Abdul Basit, 2005; Abd Rahman, 2016). Kaedah dan teknik penghafazan yang digunakan adalah bermacam rupa (Sedek, 2012). Ada sebahagian daripada institusi-institusi tahfiz ini pula hanya memfokuskan kepada hafazan semata-mata tanpa komponen akademik yang lain (Umu Hani, 2014).

Perkembangan dunia tahfiz semakin menggalakkan dari semasa ke semasa, terutamanya di negara-negara yang majoritinya dari kalangan penduduk Muslim (Mohamed Qusairy, 2015). Begitu juga halnya dengan negara Malaysia. Bidang

tahfiz kini telah menjadi salah satu aspek yang penting di dalam pendidikan al-Qur'an di Malaysia (Ahmad Atabik, 2010). Ia telah menjadi salah satu trend dan komponen di dalam pendidikan agama di sekolah rendah dan menengah kebangsaan. Kerajaan juga telah menubuhkan maahad tahfiz al-Qur'an untuk lepasan SPM di setiap negeri dan dalam proses menaikkan taraf institusi tahfiz utamanya, iaitu Darul Quran ke taraf Kolej Universiti. Selain itu, program berkembar tahfiz dengan institusi pengajian tinggi awam (IPTA) juga telah berjaya diwujudkan (Darul Quran, 2014; 2016). Usaha kerajaan yang terbaru ialah pengwujudan SMKA dan MRSM Tahfiz yang menggunakan model Tahfiz Ulul Albab (Mohd Shahril, 2013).

Penubuhan banyak institusi tahfiz ini adalah kerana wujudnya permintaan dari khalayak umum (Nordin, 2015). Kesedaran umat Islam terhadap kepentingan, kebaikan dan kelebihan menghafaz al-Qur'an mendorong ibu-bapa untuk menghantar anak-anak mereka memasuki institusi tahfiz al-Qur'an (Sedek, 2012; Murihah, Abdul Hafiz, Arieef & Mohd Faez, 2015; Abdul Hafiz & Nur Safazilah, 2016; Azizan, 2017; Mohd Aderi, 2017). Menurut Muhammed Saleh (2009) dan al-Masyā'ilah (2010), golongan penghafaz al-Qur'an atau *huffaz* mempunyai darjat dan martabat yang mulia di sisi Allah s.w.t.. Kemuliaan ke atas golongan *huffaz* ini adalah kerana usaha yang dilakukan oleh mereka dalam memelihara al-Qur'an (al-Khalidī, 1994).

عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: إِنَّ لِلَّهِ أَهْلِينَ مِنَ النَّاسِ.
قَالُوا: وَمَنْ هُمْ يَا رَسُولَ اللَّهِ؟ قَالَ: أَهْلُ الْقُرْآنِ هُمْ أَهْلُ اللَّهِ وَخَاصَّتُهُ
"ماجة ابن صحيح" في الألباني وصححه

Dari Anas bin Mālik r.a. berkata: sabda Rasulullah s.a.w.: Sesungguhnya Allah memiliki kerabat-kerabatnya di kalangan manusia. Lalu mereka bertanya: Siapakah mereka ya Rasulullah s.a.w.? Jawab baginda: Mereka adalah ahli al-Qur'an, merekalah kerabat Allah (*Ahlullah*) dan orang-orang pilihan-Nya

(Riwayat Ibn Mājah, 2010: 215; Riwayat Ahmad, 2010: 11870)

Selain itu, terdapat hadis Rasulullah s.a.w. yang menyebut tentang kedudukan ahli al-Qur'an sebagai *ahlullah* dan keutamaan mereka dalam solat berjemaah (Ahmad, 2015).

قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ
"إِذَا كَانُوا ثَلَاثَةً فَلْيُؤْمَرُوا أَحَدُهُمْ ، وَأَحَقُّهُمْ بِالْإِمَامَةِ أَقْرَبُهُمْ "

Sabda Rasulullah s.a.w.: Jika kalian berjumlah tiga orang (dan hendak mengerjakan solat berjemaah) maka hendaklah salah seorang dari kalian yang paling banyak hafalannya menjadi imam,”

(Riwayat Muslim, 2010: 672)

Secara zahirnya, hadis-hadis ini menerangkan kelebihan ahli al-Qur'an yang bukan sahaja dijelaskan dalam bentuk duniawi tetapi juga matlamat ukhrawi. Misalnya hadis tentang kepentingan melaksanakan ibadah solat berjemaah dan kaifiat memilih Imam apabila berada dalam satu kumpulan. Penghafalan al-Qur'an merupakan kayu ukur dalam menentukan Imam yang mengetuai solat berjemaah. Selain daripada kelebihan ukhrawi untuk orang yang menghafaz al-Qur'an, mereka juga dipandang tinggi di sisi masyarakat (Badrul, 2008; Bill, 2015). Bahkan ibu bapa yang berusaha memberikan didikan al-Qur'an kepada anak-anak mereka dengan pelbagai daya inisiatif juga dijanjikan kelebihannya. Sabda Rasulullah s.a.w.

"من قرأ القرآن وتعلم وعمل به ألبس والداه يوم القيامة تاجاً من نور ضوءه مثل ضوء الشمس ، ويكسى والداه حلتين لا تقوم لهما الدنيا فيقولان : بم كسينا هذا ؟ فيقال : بأخذ ولدكما القرآن"

“Siapa yang membaca al-Qur'an, mempelajarinya, dan mengamalkannya, maka dipakaikan mahkota dari cahaya pada hari qiamat. Cahayanya seperti cahaya matahari

dan kedua orang tuanya dipakaikan dua jubah (kemuliaan) yang tidak pernah didapatkan di dunia. Keduanya bertanya; “Mengapa kami dipakaikan jubah ini?” dijawab, “kerana kalian berdua memerintahkan anak kalian untuk mempelajari al-Qur’an,”

(Riwayat Ahmad, 2010: 21872)

Hadis tersebut menerangkan tentang kemuliaan yang dijanjikan oleh Allah s.w.t. ke atas mereka yang berinteraksi dengan al-Qur’an menurut lingkungan dan usaha mereka. Dalam mengaplikasi perbuatan berinteraksi dengan al-Qur’an, terdapat beberapa subdisiplin ilmu yang berbeza tetapi mempunyai satu matlamat yang sama, iaitu mencapai keredaan Allah. s.w.t.. Antara subdisiplin ilmu tersebut ialah berkaitan dengan hafazan, kefahaman, bacaan, penafsiran dan sebagainya. Justeru, interaksi dengan al-Qur’an meliputi pelbagai spektrum ilmu dan bersifat sangat luas. Secara holistik, hafazan al-Qur’an merupakan satu disiplin ilmu tersendiri yang bermanhajkan interaksi dengan al-Qur’an.

Selain daripada banyak kelebihan kepada para penghafaz al-Qur’an dan juga kelebihan yang dijanjikan Allah s.w.t. kepada ibu dan bapa penghafaz al-Qur’an, terdapat faktor-faktor lain yang mendorong ibu-bapa memberikan pendidikan tahfiz. Antaranya ialah kebimbangan ibu-bapa tentang kemampuan sistem pendidikan konvensional dalam menjamin pembentukan akhlak dan sahsiah pelajar di masa sekarang menyebabkan ibu-bapa mencari pendidikan alternatif kepada anak mereka. Kajian Nazia dan Syeda (2015), sebanyak 47 peratus ibu bapa yang menghantar anak-anak ke institusi tahfiz mengakui bahawa anak-anak mereka menunjukkan perubahan positif yang ketara dari segi akhlak. Contohnya, anak-anak mereka menunjukkan ketaatan terhadap ibu-bapa yang lebih baik berbanding situasi sebelumnya (Nazia & Syeda, 2015). Institusi tahfiz dilihat sebagai salah satu jalan

untuk membentuk karakter dan akhlak anak mereka selain mencari kemuliaan yang dijanjikan Allah s.w.t. (Boyle, 2000; 2006; Abd Rahman, 2016).

1.2 Penyataan Masalah

Dewasa ini, usaha menghafaz al-Qur'an giat dijalankan oleh komuniti masyarakat Islam sedunia dan tidak ketinggalan juga di Malaysia (Sabri, 2008; Normusliza & Mokmin, 2014; Murihah, et al., 2015; Khairul, Adnan & Mohd Zaini, 2015). Usaha ini dipraktikkan di kawasan-kawasan khusus bagi menempatkan pelajar untuk tujuan tersebut. Rata-rata konsep pengajian tahfiz menekankan aspek menghafaz dan mengulang sehingga matlamat tercapai (Mohd Nazri, 2010; Sedek, 2012).

Selain itu, banyak usaha telah dilakukan bagi membantu proses hafazan al-Qur'an berjalan lancar, misalnya penganjuran bengkel-bengkel khas berkenaan kaedah dan teknik menghafaz al-Qur'an secara spesifik. Usaha ini dipercayai memberikan implikasi positif terhadap tahap penghafazan pelajar tahfiz demi melahirkan para *huffaz* yang berkualiti (Abdul Hafiz & Hasimah, 2004; Mohd Nazri, 2010; Ahmad Baha & Sarinah, 2015).

Umu Hani (2014) menjelaskan bahawa hakikat proses pengajian tahfiz memerlukan tempoh tertentu secara khusus. Menurut Nisrina (2015), tempoh tersebut dapat memakan masa yang lama untuk menyelesaikannya. Malah, terdapat pelbagai cabaran yang harus dilalui oleh para penghafaz al-Qur'an lebih-lebih lagi bagi mereka yang tidak fasih berbahasa arab (Zainur Rijal & Rosni, 2007). Sedek (2012) turut menyatakan bahawa usaha menghafaz al-Qur'an bukanlah sesuatu yang mudah dilakukan kerana terdapat pelbagai cabaran dan halangan yang perlu ditempuhi

dalam waktu menghafaz. Hal ini dibuktikan dengan hadis Rasulullah s.a.w. yang mengingatkan tentang mudahnya hafalan al-Qur'an ini terlepas dari genggamannya akal dan hati (al-Masyā'ilat, 2010) disebabkan oleh cabaran-cabaran duniawi.

Cabaran-cabaran duniawi seperti pengaruh nafsu, persekitaran, keluarga serta unsur-unsur maksiat hati yang sukar ditangani menyebabkan ilmu Allah terutamanya *kalāmullāh* yang dihafaz berdepan dengan masalah tidak mantap (*rāsikh/māshi*) (Arif, 2013). Hal ini diperakui oleh Abdul Hafiz dan Hasimah (2004) yang mengklasifikasikan bahawa masalah 'dalaman' dan 'luaran' para penghafaz al-Qur'an merupakan faktor-faktor utama hafazan yang dihafaz sukar melekat di dada. Malah, selain daripada cabaran menghafaz (Sedek, 2012), bagi yang telah menghafaz al-Qur'an dalam jumlah yang tertentu, usaha pemeliharaan al-Qur'an di dalam dada adalah cabaran yang lebih sukar (al-Khālidi, 1994).

Riswandi (2013) dalam perkembangan institusi tahfiz di Indonesia menyatakan bahawa budaya memelihara hafazan al-Qur'an masih sukar ditemui. Malah, kegagalan pelajar dalam pencapaian tahfiz sering dikaitkan secara tidak langsung dengan institusi tahfiz yang mengelolakan pengajian mereka (Mohd Mawardi, 2010; Shahrulkarnain, 2013; Mohd Aderi, 2017). Dalam kajian Abdul Hafiz, Ajmain, Mohd Ismail, Azhar dan Idris (2003) terdahulu juga telah menjelaskan bahawa kegagalan pelajar tahfiz mempunyai kaitan dengan keberkesanan institusi tahfiz dalam menerapkan sistem pembelajaran yang efektif melalui modul pengajian yang ditetapkan. Kenyataan ini diperkuat oleh Sedek, et al. (2012) yang menekankan aspek pencapaian tahfiz dengan modul penghafazan; metod tertentu dalam menghafaz al-Qur'an.

Ironinya, kemunculan institusi-institusi tahfiz di Malaysia yang sedang berkembang pesat mutakhir ini menimbulkan skeptisisme kepada segenap lapisan masyarakat terutamanya dari segi pencapaian yang dihasilkan oleh institusi tahfiz terbabit. Situasi ini sejajar dengan hasrat kerajaan yang ingin mencari satu panduan khusus bersifat selaras di seluruh Malaysia bagi memudahkan masyarakat progresif menentukan aliran pengajian yang bakal ditempuh (Asyraf, 2016). Hal ini kerana perkembangan terkini institusi tahfiz tidak hanya mewakili sektor kerajaan tetapi juga meliputi sektor swasta mahupun persendirian (Sabri, Azmil & Hamdi, 2016), malah subjek institusi tahfiz melibatkan pelbagai jenis peringkat pelajar, iaitu sama ada peringkat kecil mahupun besar (Abd. Rahman, 2016; Basirah & Mohd Yakub@Zulkifli, 2016). Situasi ini boleh dirujuk melalui bilangan maahad tahfiz yang berdaftar di Malaysia sama ada kerajaan mahupun swasta yang telah menjangkau jumlah 278 buah pada tahun 2011 (JAKIM, 2014). Manakala bilangan para *huffaz* dianggarkan telah mencecah angka 13000 orang pada tahun 2011 (JAKIM, 2014).

Fenomena ini dilihat sebagai satu anjakan paradigma yang sangat membanggakan, lebih-lebih lagi masyarakat kini semakin menitikberatkan soal pegangan agama yang kukuh dalam hidup anak-anak mereka (Murihah, et al., 2015). Malah, segelintir daripada ibu bapa yang menghantar anak-anak mereka ke institusi-institusi tahfiz adalah disebabkan oleh kehendak ibu-bapa itu sendiri. Situasi ini berlaku tanpa memikirkan kemampuan anak-anak tersebut untuk mengkhatamkan keseluruhan hafazan al-Qur'an (Umu Hani, 2014; Nisrina, 2015; Dasriman, 2014; Murihah, et al. 2016). Kemampuan tersebut merangkumi faktor dalaman serta faktor luaran pelajar itu sendiri. Misalnya, kejenuhan pelajar untuk berpendirian tetap dalam menghafaz

al-Qur'an pada kebanyakan masa (Nisrina, 2015) dan daya mengurus pembelajaran tahfiz yang tidak dapat dikuasai sepenuhnya bakal mengundang kegagalan dalam pencapaian mereka (Misnan & Ahmad Sadadi, 2010; Azmil & Misnan, 2015).

Situasi ini sejajar dengan data pencapaian pelajar tahfiz dari segi bilangan pelajar yang berjaya menyelesaikan 30 juz al-Qur'an dalam program Diploma Tahfiz al-Qur'an di Darul Quran. Bilangan graduan yang ditunjukkan didapati tidak sekata (Darul Quran, 2014; 2016). Jadual 1.1 menjelaskan perbandingan tersebut sejak tahun 2010 berdasarkan petunjuk sesi tahunan kemasukan/keluaran.

Jadual 1.1

Statistik kemasukan dan graduan program Diploma Tahfiz al-Qur'an JAKIM sesi kemasukan 2010-2013

Tahun Kemasukan	Jumlah Kemasukan	Tahun Pengeluaran	Jumlah Graduan
2010	244	2013	195
2011	242	2014	215
2012	253	2015	203
2013	235	2016	205

(Petunjuk: 2010/2013, 2011/2014, 2012/2015, 2013/2016)

(Sumber: Darul Quran, 2016)

Perbandingan bilangan kemasukan/tahunan (Jadual 1.1) tersebut bukan sahaja tidak sama tetapi juga menunjukkan bilangan yang semakin berkurang. Situasi ini menggambarkan bahawa tidak kesemua pelajar tahfiz yang mendaftar akan dapat menghabiskan 30 juz pada waktu ditetapkan. Abdul Hafiz dan Hasimah (2004) menyifatkan bahawa kegagalan dalam pencapaian tahfiz mempunyai kaitan dengan banyak faktor. Antara faktor yang sering kali menjadi topik hangat perbincangan ialah berkaitan dengan fenomena lupa (Ridhoul Wahidi, 2016). Situasi ini disokong oleh data pencapaian rendah yang ditunjukkan dalam kajian Marzuki (2008) dan

Sedek (2012). Malah, menurut Sedek (2012) yang menjalankan ujian ke atas 50 responden mendapati bahawa pencapaian dari segi pengekal hafazan yang ditunjukkan para *huffaz* adalah sangat rendah, iaitu hanya 2% *huffaz* dalam kalangan lelaki yang menguasai 30 juz al-Qur'an, manakala 0% *huffaz* dalam kalangan perempuan yang menguasai 30 juz al-Qur'an.

Selain itu, tidak kurang juga yang mengaitkan dengan faktor luaran pelajar seperti strategi menghafaz yang dipraktikkan oleh seseorang pelajar (Azmil, 2011). Justeru, kesilapan dalam mengaplikasi strategi menghafaz al-Qur'an juga dilihat sebagai satu kondisi yang dapat menyebabkan fenomena lupa itu terjadi dan berakhir dengan keputusan pencapaian yang tidak memuaskan. Misnan dan Ahmad Sadadi (2003) membuktikan bahawa lebih daripada separuh pelajar tahfiz, iaitu 60 peratus tidak dapat menamatkan hafazan mereka. Hanya 40 peratus pelajar yang berjaya menamatkan pengajian tahfiz. Kegagalan para pelajar untuk menjadi seorang *hāfiẓ* setelah menghabiskan suatu tempoh yang agak lama di institusi tahfiz memberikan kesan yang besar kepada mereka. Sebahagian mereka menjadi putus asa, rendah diri dan tidak berminat untuk meneruskan pengajian walaupun dalam bidang yang lain. Sekiranya mereka ingin bertukar mengambil bidang yang lain, mereka terpaksa bermula lewat akibat tempoh yang lama telah dihabiskan di institusi tahfiz. Apatah lagi kesukaran bagi pelajar yang belajar di institusi tahfiz konvensional, tanpa mempunyai komponen akademik yang lain. Kegagalan ini pula menimbulkan kekecewaan kepada para ibu bapa yang mahu anak mereka menjadi seorang *hāfiẓ* (Umu Hani, 2014; Nisrina, 2015).

Di Malaysia, perkembangan akademik berkenaan kajian pendidikan tahfiz sering menekankan kaedah dan teknik hafazan al-Qur'an (Abdul Hafiz & Hasimah, 2003; Abdul Hafiz et al., 2003; Abdul Hafiz, Husin, Azmi Shah, Sulaiman, Kamarul Azmi & Abdul Basit, 2005; Abdul Hafiz & Norhanan, 2009; Sedek, 2012; 2013; Mohd Shukri, 2013), walhal kajian yang melihat faktor-faktor lain yang mempengaruhi pencapaian pelajar di institusi tahfiz adalah tidak banyak dan masih belum diberikan perhatian yang selayaknya. Malah kajian sedia ada yang menilai aspek selain kaedah kebanyakannya tidak fokus dan berbentuk kualitatif semata-mata. Selain itu, kajian bidang hafazan al-Qur'an di peringkat antarabangsa didapati sering menghubungkan subjek hafazan al-Qur'an dengan persekitaran atau akademik (Bihā, 2010; Fifi Lutfiah, 2011; Heri Saptadi, 2012; Zahrul Muttaqin, 2013; Fitria Dwi & Muhari, 2013; Rusmita, 2014). Kajian yang menilai faktor dalaman seperti kesediaan dalaman dan strategi pembangunan dalaman serta faktor luaran seperti strategi latihan dan strategi menghafaz al-Qur'an yang menggunakan penilaian secara objektif melalui model-model sains psikologi kemanusiaan masih lagi kurang dibuat. Walhal terdapat banyak model-model penilaian psikologi pendidikan yang boleh digunakan untuk membuat penilaian.

Triyono (2016) meletakkan nilai sendiri pelajar sebagai dimensi utama berbanding metodologi penghafazan dalam pembelajaran tahfiz. Justeru, kajian ini mengetengahkan daya mengurus pembelajaran tahfiz melalui pendekatan analisis model penilaian sendiri dari sudut psikologi pendidikan dan perspektif Islamiah. Model tersebut ialah MSLQ daripada Pintrich, et al. (1991) manakala dari perspektif Islamiah ialah cadangan penilaian sendiri al-Masyā'ilah (2010) beserta rujukan-

rujukan lepas berkenaan pendidikan tahfiz (al-Qābisī, 1955; al-‘Auratānī, 2006; al-Kīlānī, 2006).

1.4 Objektif Kajian

Pada umumnya kajian ini memfokuskan kepada karakteristik pelajar tahfiz yang melibatkan faktor dalaman pelajar tahfiz, iaitu kesediaan dalaman dan strategi pembangunan dalaman serta faktor luaran pelajar tahfiz, iaitu strategi latihan dan strategi menghafaz al-Qur’an para pelajar tahfiz. Secara khususnya, objektif bagi kajian ini ialah:

- 1) Menjelaskan tahap pencapaian subjek *Ḥifẓ al-Qur’an* dalam kalangan pelajar tahfiz;
- 2) Menjelaskan tahap kesediaan dalaman, strategi pembangunan dalaman, strategi latihan dan strategi menghafaz al-Qur’an dalam kalangan pelajar tahfiz;
- 3) Mengenal pasti perbezaan signifikan pencapaian subjek *Ḥifẓ al-Qur’an* dalam kalangan pelajar tahfiz berdasarkan aspek demografi;
- 4) Mengenal pasti hubungan antara kesediaan dalaman, strategi pembangunan dalaman, strategi latihan dan strategi menghafaz al-Qur’an dengan pencapaian subjek dalam kalangan pelajar tahfiz;
- 5) Mengenal pasti peramal yang signifikan kesediaan dalaman, strategi pembangunan dalaman pelajar tahfiz, strategi latihan dan strategi menghafaz al-Qur’anterhadap pencapaian subjek *Ḥifẓ al-Qur’an*;
- 6) Meneliti faktor dalaman pelajar tahfiz dan faktor luaran pelajar tahfiz dalam menguruskan pembelajaran tahfiz.

1.5 Persoalan Kajian

Kajian ini memfokuskan kepada beberapa persoalan dalam pencapaian subjek *Hifẓ al-Qur'an* sebagaimana berikut:

- 1) Apakah tahap pencapaian subjek *Hifẓ al-Qur'an* dalam kalangan pelajar tahfiz;
- 2) Apakah tahap pencapaian kesediaan dalaman, strategi pembangunan dalaman, strategi latihan dan strategi menghafaz al-Qur'an dalam kalangan pelajar tahfiz?
- 3) Adakah terdapat perbezaan yang signifikan subjek *Hifẓ al-Qur'an* dalam kalangan pelajar tahfiz berdasarkan aspek demografi?
- 4) Adakah terdapat hubungan antara kesediaan dalaman, strategi pembangunan dalaman, strategi latihan dan strategi menghafaz al-Qur'an dalam kalangan pelajar tahfiz?
- 5) Adakah terdapat peramal yang signifikan kesediaan dalaman, strategi pembangunan dalaman, strategi latihan dan strategi menghafaz al-Qur'an terhadap pencapaian subjek *Hifẓ al-Qur'an*?
- 6) Bagaimanakah faktor dalaman dan faktor luaran pelajar tahfiz dalam menguruskan pembelajaran tahfiz?

1.6 Hipotesis Kajian

Hipotesis dalam kajian ini dibuat berdasarkan objektif-objektif yang berbentuk data inferensi (objektif ketiga, empat dan lima) sebagaimana berikut:

Persoalan nombor tiga:

- 1) H_{01} : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan pencapaian subjek *Hifz al-Qur'an* dalam kalangan pelajar tahfiz berdasarkan jantina.
- 2) H_{02} : Tidak terdapat perbezaan signifikan pencapaian subjek *Hifz al-Qur'an* dalam kalangan pelajar tahfiz berdasarkan lokasi tempat tinggal.

Persoalan nombor empat:

- 3) H_{03} : Tidak terdapat hubungan signifikan antara kesediaan dalaman dengan pencapaian subjek *Hifz al-Qur'an*.
- 4) H_{04} : Tidak terdapat hubungan signifikan antara strategi pembangunan dalaman pelajar tahfiz dengan pencapaian subjek *Hifz al-Qur'an*.
- 5) H_{05} : Tidak terdapat hubungan signifikan antara strategi latihan dengan pencapaian subjek *Hifz al-Qur'an*.
- 6) H_{06} : Tidak terdapat hubungan signifikan antara strategi menghafaz al-Qur'an dengan pencapaian subjek *Hifz al-Qur'an*.

Persoalan nombor lima:

- 7) H_{07} : Tidak terdapat peramal yang signifikan kesediaan dalaman, strategi pembangunan dalaman, strategi latihan dan strategi menghafaz al-Qur'an terhadap pencapaian subjek *Hifz al-Qur'an*.

1.7 Kerangka Teori

Bahagian ini menjelaskan kerangka teori yang menjadi landasan kajian. Landasan

kajian tersebut berasaskan al-Qur'an.

الَّذِينَ ءَاتَيْنَاهُمُ الْكِتَابَ يَتْلُونَهُ حَقَّ تِلَاوَتِهِ أُولَٰئِكَ يُؤْمِنُونَ بِهِ ۚ وَمَن
يَكْفُرْ بِهِ ۚ فَأُولَٰئِكَ هُمُ الْخٰسِرُونَ ﴿١٢١﴾

Maksudnya:

“Orang-orang yang kami berikan kitab kepada mereka, sedang mereka membacanya dengan sebenar-benar bacaan (tidak mengubah dan memutarakan maksudnya), mereka itulah orang-orang yang beriman kepadanya; dan sesiapa yang mengingkarinya maka mereka itulah orang-orang yang rugi.”

(surah al-Baqarat, 2: 121)

Dalam ayat tersebut mengungkapkan satu konsep pemeliharaan al-Qur'an berkaitan dengan tuntutan membaca secara tepat dengan *kalāmullah* yang termaktub dalam kitab Allah (*kitābullah*). Misalnya dalam kegiatan menghafaz al-Qur'an yang mengutamakan keselarian bacaan penghafaz al-Qur'an dengan setiap kalimah al-Qur'an yang tertera di dalam al-Qur'an. Keselarian bacaan yang telah dihafaz oleh para pelajar tahfiz tersebut harus disemak melalui proses memperdengarkan bacaan di hadapan pensyarah subjek *Hifz al-Qur'an (tasmi')*.

Selain itu landasan kajian juga disokong oleh hadis.

حدثنا أبي موسى عن النبي (ص) قال "تعاهدوا هذا القرآن فوالذي نفس محمد
بيده هو اشد تغلثا من الابل في عقولها "

Dari Abu Musa katanya Rasulullah SAW bersabda maksudnya:

“Jagalah (hafalan) al-Qur'an, demi zat yang jiwa saya ada tangan-Nya, sesungguhnya al-Qur'an itu sangat cepat terlepas melebihi (lepasnya) unta dari ikatannya”

(*Al-Mausū'āt*, Al-Bukhārī, 2010: 5033)

Berdasarkan perspektif hadis menggambarkan bahawa sifat bacaan al-Qur'an yang dihafaz itu sendiri amat begitu mudah terluput dari ingatan. Situasi ini memerlukan


pemerhatian serta penjagaan yang konsisten dari seseorang pelajar tahfiz.

Thorndike (2001) berpendapat konsep pembelajaran benda hidup mempunyai tiga konsep asas hukum, iaitu hukum kesediaan, hukum latihan dan juga hukum kesan. Justeru, kerangka ini mengambil cadangan hukum kesediaan dalam pembelajaran sebagai faktor dalaman (kesediaan dalaman dan strategi pembangunan dalaman) serta hukum latihan dalam pembelajaran sebagai faktor luaran (strategi latihan dan strategi menghafaz al-Qur'an). Hukum kesan dalam pembelajaran ditunjukkan melalui pencapaian tahfiz.

Antara teori-teori yang digunakan dalam pemboleh ubah pencapaian tahfiz ialah teori yang dicadangkan oleh al-Qābisī (1955). Bagi faktor dalaman, teori aturan sendiri oleh Pintrich, et al. (1991) yang merangkumi atribut nilai, jangkaan dan afektif digunakan dalam pemboleh ubah kesediaan dalaman, manakala cadangan aturan sendiri al-Masyā'ilah (2010) digunakan dalam pemboleh ubah strategi pembangunan dalaman.

Selain itu, bagi faktor luaran pelajar tahfiz, secara asasnya, kerangka mengambil cadangan Thorndike (2010) berkenaan dengan hukum latihan yang dikenali juga sebagai teori pelaziman cuba-jaya (*trial and error*). Justeru, kerangka menyatakan kandungan aplikasi pelaziman cuba-jaya tersebut ialah berkenaan dengan strategi pembelajaran yang diketengahkan oleh Pintrich, et al. (1991), iaitu atribut kognitif, metakognitif dan pengurusan sumber. Atribut-atribut tersebut ditunjukkan dalam pemboleh ubah strategi latihan, manakala bagi pemboleh ubah strategi menghafaz al-Qur'an, kajian menggunakan teori al-Qābisī (1956).

Secara asasnya, kesemua teori yang ditunjukkan adalah bertujuan bagi memastikan kesediaan dalaman, strategi pembangunan dalaman, strategi latihan dan strategi menghafaz al-Qur'an yang merupakan satu konsep pemusatan pelajar dapat direalisasikan. Konsep pemusatan pelajar yang dimaksudkan ialah faktor dalaman (kesediaan dalaman dan strategi pembangunan dalaman) serta faktor luaran (strategi latihan dan strategi menghafaz al-Qur'an). Ilustrasi ringkas berkenaan kerangka teori ditunjukkan dalam Rajah 1.1 dan penjelasan berkenaan teori-teori yang digunakan dalam setiap pemboleh ubah diperincikan dalam subtajuk 1.8.



Rajah 1.1. Kerangka teoretikal kajian

1.8 Latar Belakang Teoretikal

Bahagian ini menerangkan latar belakang teoretikal yang menyokong berkenaan pencapaian subjek *Hifẓ al-Qur'an*, faktor dalaman dan faktor luaran pelajar tahfiz.

1.8.1 Pencapaian Subjek *Hifẓ al-Qur'an*

Teori asas yang mendasari pencapaian subjek *Hifẓ al-Qur'an* ialah berkenaan dengan perbuatan menghasilkan pahala atau dosa. Firman Allah s.w.t.

وَقُلْ أَعْمَلُوا فَسَيَرَى اللَّهُ عَمَلَكُمْ وَرَسُولُهُ وَالْمُؤْمِنُونَ وَسَتُرَدُّونَ إِلَىٰ عِلْمِ
الْغَيْبِ وَالشَّهَادَةِ فَيُنَبِّئُكُمْ بِمَا كُنْتُمْ تَعْمَلُونَ ﴿١٠٥﴾


Dan katakanlah (wahai Muhammad): Beramallah kamu (akan segala yang diperintahkan), maka Allah dan Rasul-Nya serta orang-orang yang beriman akan melihat apa yang kamu kerjakan; dan kamu akan dikembalikan kepada (Allah) yang mengetahui perkara-perkara yang ghaib dan yang nyata, kemudian Dia menerangkan kepada kamu apa yang kamu telah kerjakan.

(Surah al-Tawbat, 9: 105)

Selain itu, teori pencapaian tahfiz dari al-Qābīsī (1955) serta aplikasi hukum kesan dari Thorndike (2001) turut digunakan.

Al-Qābīsī (1955) menyenaraikan beberapa langkah dalam proses pembelajaran tahfiz (strategi menghafaz al-Qur'an), iaitu: i) *talqin* (pengajaran dalam proses *tasmi'* dan *talaqqī*) ii) *takrār* (*i'ādah* atau *murāja'at*) iii) *al-Mail* iaitu kedekatan dan kecintaan diri kepada al-Qur'an dalam usaha pemeliharaan (interaksi dengan al-Qur'an) iv) *al-Fahm* (kefahaman terhadap al-Qur'an) dari segi aspek *istirja'* secara bertulis (*tahrīrī*).

Rajah 1.2 berikut menunjukkan Teori Pembelajaran Tahfiz menurut al-Qābisī (1955):




(Sumber: al-Qābisī, 1955)

Rajah 1.2. Teori Pembelajaran Tahfiz al-Qābisī (1955)

Rajah 1.2 menerangkan kronologi pembelajaran tahfiz yang diterangkan secara pemetaan minda. Terdapat tiga elemen utama dalam pembelajaran tahfiz, iaitu matlamat, objektif dan proses hafazan. Secara jelasnya, matlamat yang digariskan dalam penghafazan al-Qur'an ialah al-Qur'an yang dihafaz itu sendiri, manakala *ma`rifatuddīn* (mengenal agama/ hidayah/ ilmu) sebagai objektif dalam usaha menghafaz al-Qur'an. Matlamat dalam teori al-Qābisī (1955) bersifat sejajar dengan misi utama yang ditetapkan oleh Darul Quran ke atas pelajarnya, iaitu mendidik dan melatih para pelajar untuk fokus dalam bidang hafazan al-Qur'an (Darul Quran, 2016). Manakala objektif dalam teori al-Qābisī (1955) yang menekankan pengetahuan agama sebagai pegangan hidup pelajar tahfiz juga bersifat selari dengan visi Darul Quran yang berhasrat melahirkan generasi bertakwa, berilmu dan bermanfaat kepada masyarakat ummah dan seterusnya memberi sumbangan kepada pembangunan negara (Darul Quran, 2016).

Proses hafazan diterangkan sebagai *ḥifẓ-wa 'īy* dan *istirja'*. Keadaan ini menerangkan bahawa penghafazan al-Qur'an memerlukan usaha mengingat (*wa 'īy*) yang melibatkan proses *talqin* yakni secara *talaqqī* dan seterusnya *tasmi'* (memperdengarkan bacaan kepada guru). Setelah memperdengarkan bacaan kepada guru, barulah proses *takrār* (proses mengulang) yang menghasilkan elemen kecintaan kepada al-Qur'an dapat dihasilkan (*al-Mail*). Proses diteruskan dengan aktiviti memuntahkan semula (*istirja'*) subjek yang dihafaz kepada guru, kemudian barulah dihasilkan proses *al-fahm* (kefahaman).

Kajian ini menyifatkan konsep *al-fahm* sebagai penilaian akhir pelajar dalam pencapaian subjek *Ḥifẓ al-Qur'an* pada sesi pengujian secara bertulis (*tahrīrī*). *Al-fahm* juga menerangkan bahawa para pelajar yang mampu menguasai hafazan akan dapat mengeluarkan semula hafazan yang telah dihafaz (*istirja'*) dalam bentuk lisan (*syafawī*) dan tulisan (*tahrīrī*). Cadangan al-Qābisī (1955) mengenai konsep *talqin* dan *al-fahm* tersebut, digunakan dalam pencapaian subjek *Ḥifẓ al-Qur'an* sebagai hukum kesan. Rajah 1.3 menunjukkan rajah teori pencapaian tahfiz al-Qābisī (1955).



(Sumber: al-Qābisī, 1955)

Rajah 1.3. Teori Pencapaian Tahfiz al-Qābisī (1955)

Menurut Thorndike (2001), kesan yang menyeronokkan akan terhasil apabila stimulus-respon (S-R) bertambah kukuh. Thorndike (2001) memperkenalkan konsep *reinforcement* (pengukuhan) dapat dicapai melalui ganjaran-ganjaran tertentu misalnya dalam kajian ini, penilaian akhir ke atas pelajar tahfiz berdasarkan gred pencapaian merupakan ganjaran akhir yang menunjukkan stimulus-respons (S-R) para pelajar tahfiz berhubung tugas yang dibawa. Menurut Brophy (1998) gred pencapaian yang sering dipraktikkan dalam sesi pengujian dan sistem peperiksaan merupakan aplikasi daripada teori behavioris. Sekiranya gred pencapaian dilihat memberangsangkan, maka terdapat kesan menyeronokkan kepada para pelajar tahfiz yang telah bertungkus-lumus menyiapkan diri untuk memelihara hafazan al-Qur'an. Sebaliknya, jika para pelajar didapati memperolehi keputusan yang kurang atau tidak membanggakan, maka kaitan stimulus-respons (S-R) juga berada dalam keadaan yang lemah. Hukum kesan ini dianggap sebagai puncak kepada proses hafazan al-Qur'an yang telah dilalui.

Secara keseluruhannya, dalam aspek ini, kajian mengungkapkan Teori al-Qābīsī (1955) dalam konsep *talqin* dan *al-fahm* yang diserasikan dengan Teori Thorndike (2001) berkenaan hukum kesan. Konteks *talqin* diterangkan sebagai kemampuan para pelajar tahfiz dalam pencapaian lisan (*syafawī*). Manakala konsep *al-fahm* diterangkan sebagai penilaian bertulis (*tahrīrī*) (al-Qābīsī, 1955).

1.8.2 Faktor dalaman Pelajar Tahfiz

Berdasarkan perspektif kesediaan dalaman dalam pembelajaran tahfiz, ketepatan bacaan yang dihafaz memainkan peranan yang penting. Hal ini kerana bacaan al-Qur'an merupakan sanad bacaan yang mutawatir daripada Rasulullah s.a.w.. Firman Allah s.w.t.:

الَّذِينَ آتَيْنَاهُمُ الْكِتَابَ يَتْلُونَهُ حَقَّ تِلَاوَتِهِ أُولَٰئِكَ يُؤْمِنُونَ بِهِ ۚ وَمَن يَكْفُرْ
بِهِ فَأُولَٰئِكَ هُمُ الْخَاسِرُونَ ﴿١٢١﴾

Maksudnya:

“Orang-orang yang kami berikan kitab kepada mereka, sedang mereka membacanya dengan sebenar-benar bacaan (tidak mengubah dan memutarakan maksudnya), mereka itulah orang-orang yang beriman kepadanya; dan sesiapa yang mengingkarinya maka mereka itulah orang-orang yang rugi.”

(surah al-Baqarāḥ, 2: 121)

Firman Allah s.w.t. dalam surah al-Baqarāḥ (2: 121) ini menjelaskan kepada sekalian pembaca al-Qur'an agar dapat memenuhi disiplin-disiplin bacaan al-Qur'an yang merangkumi ilmu bahasa Arab dan ilmu tafsir. Ayat ini juga boleh dikiaskan kepada tuntutan bacaan al-Qur'an yang merangkumi ilmu tajwid, pengeluaran bunyi dan makhraj yang selari dengan bacaan Rasulullah s.a.w.. Pembacaan al-Qur'an juga dikaitkan dengan kaedah melontarkan bacaan (Frederick, 1989). Keterlibatan seseorang dalam bidang hafazan al-Qur'an menuntut pembacaan al-Qur'an sesering yang mungkin. Situasi ini bertepatan dengan kenyataan Intan Zakiah dan Munif (2015) yang merumuskan aplikasi kerap pembacaan al-Qur'an oleh para *huffaz* dibahagikan kepada empat peringkat, iaitu peringkat sebelum menghafaz al-Qur'an, peringkat semasa menghafaz al-Qur'an, peringkat selepas menghafaz al-Qur'an dan peringkat amalan para penghafaz al-Qur'an. Keadaan ini juga menggambarkan bahawa bacaan al-Qur'an harus sentiasa dikawal dengan penjagaan bunyi makhraj-makhraj huruf yang betul serta pembunyian huruf yang tepat pada baris-baris yang pelbagai supaya bacaan yang dilontarkan tidak mengubah makna asal. Hal ini kerana, pembacaan yang betul dan tepat adalah selari dengan tuntutan syariat Islam (Frederick, 1989).

Selain itu, bagi para penghafaz al-Qur'an, bukan sahaja dari segi bacaan yang harus diperhatikan setiap masa, namun kondisi hafazan yang dihafal juga wajar diperhatikan. Justeru, kesediaan dalaman juga boleh dikaitkan dengan hadis Rasulullah s.a.w.:

حدثنا أبي موسى عن النبي (ص) قال "تعاهدوا هذا القرآن فوالذي نفس محمد بيده
لهو أشد تفلتا من الأبل في عقولها "

Dari Abu Musa katanya Rasulullah SAW bersabda maksudnya:

“Jagalah (hafalan) al-Qur'an, demi zat yang jiwa saya ada tangan-Nya, sesungguhnya al-Qur'an itu sangat cepat terlepas melebihi (lepasnya) unta dari ikatannya”

(*Al-Mausū'āt*, Al-Bukhārī, 2010: 5033)

Hadis Rasulullah s.a.w. ini menggambarkan bahawa penghafazan al-Qur'an memerlukan usaha penjagaan yang rapi dan tepat dalam memenuhi tuntutan memelihara hafazan daripada hilang begitu sahaja. Ekspresi hadis menzahirkan sifat al-Qur'an yang mudah terlepas dari genggam akal dianalogikan sebagai melebihi unta yang terlepas dari ikatan. Situasi ini memerlukan kesediaan yang optimum dari seseorang penghafaz untuk mempersiapkan diri dari segi mental bahawa al-Qur'an yang dibawa memerlukan usaha pemeliharaan.

Secara asasnya, kajian menggunakan cadangan Thorndike (2001) berkenaan hukum kesediaan. Berdasarkan hukum kesediaan Thorndike, terdapat tiga tindakan dalam aliran tingkahlaku pembelajaran, iaitu tindakan psikomotor, tindakan afektif dan tindakan kognitif. Konsep ini turut dinyatakan dalam kajian Noor Najihan (2014) berkenaan kesediaan yang melibatkan tiga tindakan tersebut. Misalnya, apabila individu atau pelajar mempunyai kesediaan dari segi kognitif untuk melakukan sesuatu tindak, maka tindakan psikomotor akan dapat menimbulkan kesediaan afektif

kepada individu terbabit. Perasaan puas diterbitkan sekiranya dapat melakukan tugas dengan jayanya.

Kesediaan dalaman juga boleh ditunjukkan dengan teori Pintrich, et al. (1991) berkenaan atribut nilai, jangkaan dan afektif. Berdasarkan pandangan Pintrich, et al. (1991), nilai merupakan organisasi sikap manusia yang menunjukkan penghargaan kepada sesuatu tugas yang dibawa. Selain itu, atribut jangkaan juga penting dalam menentukan keupayaan dalam pembelajaran kerana menurut Pintrich, et al. (1991) jangkaan yang positif dalam meramalkan kejayaan dapat memperkuat usaha meningkatkan pencapaian. Beliau turut meletakkan atribut afektif kebimbangan sebagai satu faktor yang turut mempengaruhi pencapaian kerana aspek ini mempunyai kaitan dengan keyakinan untuk memperolehi kejayaan dalam pembelajaran.

Kesediaan juga merujuk kepada persiapan-persiapan yang perlu ada sebelum melakukan sesuatu tindakan dalam tugas. Keadaan ini berkait rapat dengan strategi pembangunan dalaman yang mementingkan hukum kesediaan sebelum menjalankan sesuatu tugas. Thorndike (2001) menyifatkan bahawa kesediaan membabitkan usaha yang berasal daripada intuisi dalaman subjek untuk menghadapi sesuatu tugas. Selaras dengan firman Allah s.w.t.

وَأَعِدُّوا لَهُمْ مَا اسْتَطَعْتُمْ مِنْ قُوَّةٍ وَمِنْ رِبَاطِ الْخَيْلِ تُرْهِبُونَ بِهِ عَدُوَّ اللَّهِ
وَعَدُوَّكُمْ وَءَاخِرِينَ مِنْ دُونِهِمْ لَا تَعْلَمُونَهُمُ اللَّهُ يَعْلَمُهُمْ ۚ وَمَا تُنْفِقُوا مِنْ شَيْءٍ فِي
سَبِيلِ اللَّهِ يُوَفَّ إِلَيْكُمْ وَأَنْتُمْ لَا تُظْلَمُونَ ﴿٦﴾

Dan sediakanlah untuk menentang mereka (musuh yang menceroboh) segala jenis kekuatan yang dapat kamu sediakan dan dari pasukan-pasukan berkuda yang lengkap sedia, untuk menggerunkan. Dengan persediaan itu musuh Allah dan

musuh kamu serta musuh-musuh yang lain dari mereka yang kamu tidak mengetahuinya; sedang Allah mengetahuinya. Dan apa sahaja yang kamu belanjakan pada jalan Allah akan disempurnakan balasannya kepada kamu, dan kamu tidak akan dianiaya.

(Surah al-Anfāl, 8: 60)

Kerangka ini menerangkan gabungan nilai, jangkaan dan afektif sebagai persiapan-persiapan yang perlu diperhatikan oleh pelajar dalam aspek menghafaz al-Qur'an. Elemen-elemen tersebut merupakan manifestasi daripada teori psiko sosio-kognitif dalam perkembangan ilmu kognitif. Berdasarkan konteks penghafazan al-Qur'an, walaupun dilihat berbeza dengan aspek pembelajaran akademik di dalam kelas, al-Masyā'īlah (2010) turut menggunakan konsep yang sama berkaitan nilai, jangkaan dan afektif dalam mengakses pencapaian pelajar tahfiz. Hal ini kerana al-Masyā'īlah (2010) menjelaskan bahawa konsep-konsep ini mampu menghuraikan dan membangunkan faktor dalaman individu tersebut secara empirik.

Secara keseluruhan, teori-teori yang mendasari faktor dalaman pelajar tahfiz ialah berkenaan dengan pemboleh ubah kesediaan dalaman dan strategi pembangunan dalaman. Antara teori pemboleh ubah kesediaan dalaman yang diketengahkan ialah firman Allah s.w.t. dalam surah *al-Baqara* berkenaan al-Qur'an yang bersifat autentik, hadis tentang kepentingan memelihara hafazan al-Qur'an, konsep pembelajaran Thorndike (2001) berkenaan hukum kesediaan serta pandangan Pintrich, et al. (1991) berkenaan aturan sendiri. Manakala bagi pemboleh ubah strategi pembangunan dalaman, teori-teori yang digunakan ialah berkenaan dengan kesediaan melakukan tugas melalui surah *al-Anfāl*, konsep pembelajaran Thorndike (2001) berkenaan hukum kesediaan serta aturan sendiri dari al-Masyā'īlah (2010).

1.8.3 Faktor luaran Pelajar Tahfiz

Faktor luaran pelajar tahfiz dimaksudkan sebagai pengaplikasian pelajar dalam melakukan sesuatu tugas secara praktikal. Usaha praktikal dalam menghafaz al-Qur'an boleh dikaitkan dengan strategi latihan yang menuntut pengulangan demi pengulangan semasa proses menghafaz al-Qur'an berjalan. Ia juga boleh dikaitkan dengan pengamalan seseorang pelajar dalam mengurus pembelajaran. Dalam penghafazan al-Qur'an, pembabitan subjek yang dihafaz sering dijelaskan sebagai konsep berulang. Terdapat perintah membaca di dalam al-Qur'an.

أَقْرَأْ بِاسْمِ رَبِّكَ الَّذِي خَلَقَ

Maksudnya: Bacalah (Wahai Muhammad) dengan nama tuhanmu yang menciptakan (sekalian makhluk),

(Surah al-'Alaq, 96: 1)

Tujuan perintah tersebut ialah mendidik dan melatih pembaca supaya mengenal serta dapat mendekatkan diri kepada pencipta-Nya. Berdasarkan tafsir Ibnu Katsier (1994) menerangkan bahawa ayat ini melatih hamba-hamba-Nya untuk mengamalkan sikap suka membaca. Daripada pembacaan demi pembacaan, hamba-hamba-Nya akan dapat memerhatikan bukti kebesaran Allah s.w.t.. dan kekuasaan Allah s.w.t.. Antara bukti yang disebutkan dalam surah ini ialah asal-usul kejadian manusia yang disusun dan diceritakan secara kronologis berdasarkan peringkat demi peringkat. Justeru, seyugialah sekalian hamba-hamba-Nya bersyukur dengan segala nikmat ilmu dan juga nikmat kejadian yang sempurna tersebut dalam kehidupan mereka.

Selain itu, terdapat kenyataan hadis Rasulullah s.a.w. berkenaan kepentingan pembacaan demi pembacaan dalam konteks menghafaz ayat-ayat al-Qur'an.

Kenyataan hadis ini selaras dengan pemboleh ubah strategi latihan yang mementingkan usaha bertubi seperti yang dinyatakan dalam sabda Rasulullah s.a.w.:

عن أبي ذر: إن النبي (ص) قام بأية يرددها حتى أصبح: "إن تعذبهم فإنهم عبادك,
(المائدة: 118)"

Maksudnya:

Dari Abū Zār: Bahawa Rasulullah s.a.w. mengulang-ulang ayat sehingga menjadi (terlekat): *(Jika Engkau menyiksa mereka, (maka tidak ada yang menghalanginya) kerana sesungguhnya mereka adalah hamba-hamba-Mu-(al-Māida, 6: 118);*

(Riwayat al-Nasā'ī, 2010: 1083)

Dalam hadis ini menjelaskan bahawa Rasulullah s.a.w. merupakan seorang penghafaz al-Qur'an (*ḥamīlul Qur'ān*) yang pertama di dunia mengamalkan konsep mengulang al-Qur'an. Konsep mengulang al-Qur'an mempertalikan hubungan di antara minda dengan al-Qur'an. Very dan Magda (2011) menjelaskan hubungan di antara minda dengan al-Qur'an yang dihafaz melibatkan beberapa fungsi penting, iaitu aspek visual, pendengaran, bahasa, kognitif dan ketuhanan.

Al-Qur'an merupakan kandungan sintaksis yang kaya dengan makna dan sastera yang bersifat maknawi. Proses menghafaz al-Qur'an sering dihubungkan sebagai interaksi antara pelajar dengan guru, contohnya dalam proses *talaqqī* dan *tasmi'* (Moh. Khoeron, 2012). Situasi ini berkait rapat dengan proses input dan kemampuan dalaman seseorang pelajar untuk menerima setiap input tersebut. Kandungan input yang dimaksudkan ialah gabungan sintaksis (susunan kata/kalimah), morfem (pembahagian suku kata; nahu dan saraf) serta fonetik (makhraj dan tajwid) al-Qur'an yang diterima sebagai proses penyimpanan dan kemampuan untuk mengeluarkan semula gabungan-gabungan tersebut melalui sebutan. Kandungan input yang diterima ini juga boleh dinyatakan sebagai proses menerima ujaran.

Dalam model *exampler memory* berdasarkan persepsi ujaran manusia, McClelland dan Elman (1986) mengaitkan memori dengan pengalaman menerima ujaran. Misalnya dalam proses menghafaz al-Qur'an, proses *talaqqī* merupakan pengalaman pertama yang dilalui oleh pelajar tahfiz sebelum dapat meneruskan aktiviti selanjutnya (*tasmi'*). Pengalaman menerima ujaran juga boleh dikaitkan dengan proses pembelajaran yang berlaku sebelum aktiviti menghafaz al-Qur'an yang melibatkan atribut kognitif dan psikologi.

Situasi ini mempunyai kaitan dengan kenyataan Thorndike (2001), seorang pendukung dalam aliran tingkahlaku yang menjelaskan bahawa model cuba-jaya (hukum latihan) sesuai digunakan dalam konsep latihan kognitif berkaitan dengan memori; menghafal. Aliran ini menekankan tentang perkaitan di antara stimulus-respon dengan latihan yang berulang. Menurut Wan Ahsani dan Muhamad Faisal (2015), latihan yang melibatkan pengulangan secara sedar atau sebaliknya, akan menghasilkan penghafalan secara automatik. Secara analoginya, konsep menghafaz al-Qur'an merupakan satu bentuk pengulangan latih tubi (*tikrār ma'a talwīn*) yang melibatkan proses ingatan jangka pendek dan ingatan jangka panjang. Atkinson dan Hilgard (2003) mengemukakan bahawa ingatan manusia boleh dibahagikan kepada dua bahagian utama, iaitu (i) ingatan jangka pendek (ii) ingatan jangka panjang. Perbandingan ingatan jangka pendek dan ingatan jangka panjang diterangkan secara ringkas dalam Jadual 1.2. Terdapat beberapa ciri yang dapat membezakan kedua-dua ingatan, iaitu jangka masa hayat bagi subjek yang diingati, kadar lupa, kapasiti, cara mengatasi dan fungsi.


Jadual 1.2

Perbandingan ingatan jangka pendek dan ingatan jangka panjang

Ingatan Jangka Pendek	Ingatan Jangka Panjang
Penumpuan secara sedar dalam masa pendek.	-Penumpuan secara sedar dalam masa pendek ke masa panjang/masa panjang. -Sasaran yang perlu kepada pembaikan melalui teknik-teknik dan kaedah-kaedah memperbaiki ingatan.
Kadar lupa yang cepat tanpa latihan.	Kadar lupa yang lambat dengan latihan atau tanpa latihan.
Maklumat hilang dalam masa kurang 30 saat/lebih cepat.	Kapasiti yang tidak terhad.
Cara atasi: latihan ulangan maklumat diterima	Cara atasi: Pengulangan semula
Fungsi:	Fungsi:
Kekalkan maklumat dalam jangka pendek.	Kekalkan maklumat dalam jangka panjang
Membantu memindahkan maklumat ke dalam jangka panjang.	Kekalkan maklumat yang dihantar ingatan jangka pendek.

(Sumber: Atkinson & Hilgard 14th Edition)

Bagi memudahkan lagi kefahaman tentang proses menghafaz yang melibatkan penggunaan memori, ilustrasi Rajah 1.4 berkenaan ingatan jangka pendek dan ingatan jangka panjang dalam sistem pengurusan maklumat ke atas memori manusia ditunjukkan melalui rajah anak panah.



(Sumber: Atkinson dan Hilgard, 2003)

Rajah 1.4. Sistem pengurusan maklumat

Rajah 1.4 menjelaskan kronologi sistem pengurusan maklumat yang dihasilkan semasa rangsangan mengingat berlaku. Di dalam proses penghafazan al-Qur'an, para pelajar tahfiz akan menjalani proses tilawah al-Qur'an dengan pembacaan pada peringkat permulaan menghafaz. Proses pembacaan al-Qur'an ini merupakan aktiviti yang dilakukan secara visual, manakala proses penghafazan adalah aktiviti yang memerlukan penumpuan visual yang lebih fokus. Secara neurologi, Abd Majied (2013) menjelaskan aktiviti menghafaz mampu mengaktifkan *hippocampus* yang dinyatakan sebagai pusat minda *temporal lobe*. Serentak dengan itu, aktiviti ini juga dapat meningkatkan daya tumpuan dan kefahaman seseorang individu (Abd Majied (2013). Aktiviti penumpuan yang fokus tersebut adalah bertujuan untuk mengingat secara tepat setiap subjek yang dilihat dalam bentuk visual.

Menurut Atkinson dan Hilgard (2003), situasi ini juga merupakan konsep memori manusia yang akan disimpan ke dalam stor ingatan jangka pendek setelah menerima suatu subjek. Jadual 1.4 menunjukkan perbandingan ingatan jangka pendek dan ingatan jangka panjang dalam menerima maklumat. Rumusan yang dapat dibuat melalui Jadual 1.4 tersebut bahawa penstoran ingatan jangka pendek merupakan satu proses persinggahan maklumat kerana kadar lupa dalam stor ini hanya dapat bertahan dalam jangka masa yang singkat. Keadaan ini dapat diatasi apabila individu dapat melakukan latihan ke atas subjek yang diingati supaya maklumat dapat bertahan dalam jangka masa yang panjang. Usaha ini selaras dengan proses penghafazan al-Qur'an yang diberitahu oleh Rasulullah s.a.w. yang mengumpamakan subjek tersebut sebagai melebihi kondisi unta yang terlepas dari ikatannya. Keadaan ini memaksudkan bahawa terdapat daya usaha untuk merantai unta agar tidak terlepas dari ikatan. Secara analogi (*qiyas*), aktiviti merantai unta agar

tidak terlepas dari ikatan dimaksudkan dengan usaha mengekalkan hafazan dengan satu rancangan penjagaan agar tidak terlepas dari gengaman akal. Justeru, Rajah 2.3 juga memaksudkan bahawa strategi latihan dan strategi menghafaz al-Qur'an individu yang mampan merupakan suatu tindak bersifat praktikal dan ideal bagi rancangan pemeliharaan al-Qur'an.

Pembacaan secara kerap dan berulang kali juga adalah penting bagi mengekalkan fakta di dalam minda (Dahlin, 2005). Kenyataan ini disokong oleh Skinner (1957) yang menyatakan tentang kepentingan latih tubi dalam sesi pembelajaran. Sejarar dengan usaha mengekalkan fakta di dalam minda, Thorndike (2001) menguatkan pandangannya dengan mengimplicasikan hukum latihan didasari oleh; *the law of use* dan *the law of disuse*, iaitu sama ada latihan mengulang digunakan ataupun sebaliknya.

Ilmu psikologi merupakan suatu kajian tentang fikiran dan pemprosesan mental. Psikologi juga melibatkan perilaku manusia dan haiwan (Thorndike, 2001). Beliau membuat kesimpulan bahawa secara naturalnya, semua benda hidup termasuk manusia akan melalui proses belajar sebelum mendapatkan sesuatu yang ingin dicapai (Thorndike, 2001). Pendapat aliran behavioris juga menyimpulkan bahawa implikasi proses belajar berasal daripada persekitaran. Pintrich dan Schunk (1996) menyangkal pendapat ini dengan menyatakan tentang kekurangan pendukung aliran ini, iaitu tidak membincangkan tentang perasaan dan fikiran. Walau bagaimanapun, Thorndike (2001) ada menyatakan bahawa proses pembelajaran yang melibatkan konsep *trial and error* terbentuk daripada suatu faktor yang mempengaruhi keaktifan. Konsep cuba jaya (*trial and error*) yang dimaksudkan ialah tingkah laku benda hidup yang merangkumi domain psikomotor, afektif dan kognitif (Thorndike,

2001). Namun, teori ini masih tidak memadai kerana tidak mempunyai elemen metakognitif.

Elemen metakognitif merupakan tingkat kesedaran untuk menentukan sesuatu keutamaan kognitif. Ia juga dikaitkan dengan batasan atau landasan kognitif. Kewujudan unsur metakognitif paling berharga yang dianugerahkan oleh Allah s.w.t. ke atas manusia antaranya ialah menggunakan akal sebagai khalifah di muka bumi. Dengan akal, manusia mampu mengurus dan membataskan sesuatu tindak secara alami dengan berpandukan wahyu. Pengurusan alami tersebut mampu dilakukan oleh makhluk Allah s.w.t. yang bergelar manusia kerana dibekalkan dengan akal fikiran untuk membezakan sesuatu yang hak dan yang batil. Keutamaan akal juga ada disebut dalam al-Qur'an.

Firman Allah s.w.t.:

وَاللَّهُ أَخْرَجَكُمْ مِنْ بُطُونِ أُمَّهَاتِكُمْ لَا تَعْلَمُونَ شَيْئًا وَجَعَلَ لَكُمُ السَّمْعَ وَالْأَبْصَرَ
وَالْأَفْئِدَةَ لَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ ﴿٧٨﴾

Maksudnya: Dan Allah mengeluarkan kamu dari perut ibu kamu dengan keadaan tidak mengetahui sesuatupun; dan Dia mengurniakan kepada kamu pendengaran dan penglihatan serta hati (akal fikiran); supaya kamu bersyukur.

(Surah al-Nahl, 16: 78)

Akal fikiran yang disebutkan dalam al-Qur'an ini boleh disebut sebagai strategi metakognitif. Metakognitif dilihat sebagai satu proses mental yang dikaitkan dengan kematangan akal fikiran (Larkin, 2006). Menurut Pintrich, et al. (1991) elemen metakognitif juga diterangkan sebagai penentuan matlamat dan kemampuan menyelesaikan sesuatu kekeliruan. Kepentingan atribut metakognitif dalam strategi latihan menunjukkan teori Thorndike (2001) tidak memadai sekiranya digunakan

secara bersendirian. Justeru, bahagian ini turut mengambil cadangan atribut metakognitif dalam pembelajaran yang diutarakan oleh Pintrich, et al. (1991).

Selain daripada atribut metakognitif, pemboleh ubah strategi latihan turut mengambil cadangan Pintrich, et al. (1991) berkenaan atribut kognitif dan pengurusan sumber. Menurut Pintrich, et al. (1991), atribut kognitif merupakan strategi pembelajaran yang harus sentiasa dilatih dan pelatihan tersebut membabitkan elemen latihan, penyusunan, penghuraian dan pemikiran kritis. Beliau turut menekankan tentang atribut pengurusan sumber yang melibatkan elemen masa dan persekitaran, pengurusan usaha, rakan-rakan dan mencari bantuan.

Justeru, adalah tidak memadai sekiranya teori Thorndike (2001) tidak disokong oleh Pintrich, et al. (1991) dalam pemboleh ubah strategi latihan. Selain itu, teori Thorndike (2001) juga tidak dapat menjelaskan penyimpangan-penyimpangan yang terjadi dalam tindak balas stimulus-respon misalnya masalah dalaman dan masalah luaran pelajar tahfiz yang dapat mengganggu proses hafazan. Hal ini kerana, teori beliau menekankan kepada aspek fizikal, perilaku dan peneguhan stimulus-respon (S-R) semata-mata. Walau bagaimanapun, Thorndike (2001) ada menyatakan tentang kehendak atau respon yang bersifat autonomi dipengaruhi oleh faktor dalaman yang abstrak. Dengan kata lain, stimulus-respon juga memerlukan peneguhan daripada daya-daya tertentu. Justeru, kajian meletakkan strategi latihan pelajar tahfiz sebagai kognitif, metakognitif dan pengurusan sumber oleh Pintrich, et al. (1991) yang dapat menguatkan tindak balas stimulus-respon (S-R).

Komponen-komponen ini dilihat sebagai suatu gagasan yang harus sentiasa dilatih oleh seseorang pelajar dengan matlamat kemahiran belajar (*skill*) dapat dikuasai

sepenuhnya sebelum menempuh penilaian akhir. Berdasarkan strategi latihan, pelajar terus diberi latihan menghafaz setiap hari secara komprehensif sehingga akhirnya dinilai berkemampuan menguasai hafazan dengan proses *istirja* '. Pada peringkat ini, pelajar bukan sahaja mampu mengeluarkan semula apa yang dihafaz dalam kelas *tasmi* ' secara lisan tetapi juga mampu menulis semula ayat-ayat yang dihafaz.

Selain itu, secara praktikal, atribut strategi menghafaz al-Qur'an menggabungkan beberapa peringkat dalam proses hafazan al-Qur'an, iaitu peringkat sebelum menghafaz al-Qur'an, peringkat semasa menghafaz al-Qur'an, peringkat selepas menghafaz al-Qur'an dan peringkat amalan para penghafaz al-Qur'an. Kesemua peringkat ini menuntut gerak kerja secara latihan dari para penghafaz al-Qur'an itu sendiri dari sudut kognitif, metakognitif dan pengurusan sumber.

Justeru, kajian yang mengkhususkan strategi menghafaz al-Qur'an secara spesifik dengan rangkaian kegiatan pelajar tahfiz dari peringkat sebelum menghafaz, semasa menghafaz, selepas menghafaz dan amalan para penghafaz al-Qur'an turut diketengahkan. Rangkaian tersebut berdasarkan kronologi pembelajaran tahfiz yang dijelaskan oleh al-Qābisī (1955). Strategi menghafaz al-Qur'an merupakan komponen yang sangat penting dalam pembelajaran tahfiz kerana peringkat-peringkat tersebut menjelaskan situasi sebenar yang dilalui oleh seseorang pelajar tahfiz. Selaras dengan hukum latihan Thorndike (2001) yang menekankan aspek latih tubi, rangkaian kegiatan pelajar tahfiz yang merangkumi empat peringkat tersebut turut memberi pengertian bahawa kerangka memerlukan hukum latihan yang diaplikasi dalam semua peringkat menghafaz.

Justeru, teori-teori yang digunakan dalam faktor luaran pelajar tahfiz ialah berkenaan dengan pemboleh ubah strategi latihan dan pemboleh ubah strategi menghafaz al-Qur'an. Antara teori-teori bagi pemboleh ubah strategi latihan ialah berkenaan kepentingan membaca al-Qur'an melalui surah al-'Alaq, kepentingan mengulang ayat-ayat al-Qur'an dari riwayat *an-Nasa'i*, kepentingan akal dari surah al-Nahl, konsep pembelajaran Thorndike (2001) berkenaan hukum latihan serta strategi kognitif, metakognitif dan pengurusan sumber dari Pintrich, et al. (1991). Manakala bagi pemboleh ubah strategi menghafaz al-Qur'an menggunakan teori pembelajaran tahfiz al-Qābīsī (1955) serta konsep pembelajaran Thorndike (2001) berkenaan hukum latihan atau disebut juga sebagai teori pelaziman cuba-jaya.

Secara keseluruhannya, kerangka teori kajian ini merupakan kombinasi beberapa teori dan berpaksikan kepada matlamat utama pengajian yang menggariskan tauhid sebagai pegangan; mengenal agama (*ma'rifatuddīn*). Kajian mendominasi beberapa teori yang menjadi tulang belakang kajian, antaranya ialah firman Allah s.w.t. berkenaan disiplin pembacaan al-Qur'an yang wajib dipelihara, hadis Rasulullah s.a.w. berkenaan unta yang mudah terlepas dari ikatan, hadis Rasulullah s.a.w. tentang teknik mengekalkan ingatan terhadap al-Qur'an (pengulangan), Teori Thorndike (2001) berkenaan tiga asas hukum pembelajaran, Teori Pintrich, et al. (1991) dan al-Masyā'ilah (2010) berkenaan aturan sendiri, Teori Pintrich, et al. (1991) berkenaan dengan strategi pembelajaran, Teori al-Qābīsī (1955) yang menerangkan pembelajaran dan pencapaian tahfiz serta ayat al-Qur'an berkenaan amalan dunia yang meninggalkan kesan dosa atau pahala. Teori al-Qābīsī (1955) tersebut diperkuat dengan Teori Atkinson dan Shiffrin (1968) yang menerangkan kronologi ingatan jangka pendek dan ingatan jangka panjang dalam strategi latihan.


Kajian ini juga melibatkan aliran behavioristik dari Thorndike (2001) dan atribut kognitif dan metakognitif yang dicadangkan oleh Pintrich, et al. (1991). Teori Pintrich, et al. (1991) diterangkan sebagai kandungan pada kesediaan dalaman dan strategi latihan. Dalam menjelaskan kesediaan dalaman, atribut nilai, jangkaan dan afektif merupakan faktor-faktor yang harus diperhatikan dalam aspek pembelajaran. Dari sudut epistemologi Islam, al-Masyā'ilah (2010) turut mengetengahkan atribut-atribut nilai, jangkaan dan afektif sebagai pembangunan dalaman pelajar tahfiz, manakala al-Qābisī (1955) mengetengahkan atribut-atribut kognitif, metakognitif dan pengurusan sumber secara praktikal. Pintrich, et al. (1991) menghuraikan atribut-atribut ini secara teoretikal. Pengaplikasian model-model ini ke atas para pelajar tahfiz difikirkan sesuai kerana kriteria-kriteria model mampu menerangkan karakteristik pelajar tahfiz yang mengutamakan pendekatan *student Centred* (pemusatan pelajar) secara dalaman dan praktikal, sebagai contoh; kesediaan dalaman dan strategi pembangunan dalaman serta strategi latihan dan strategi menghafaz al-Qur'an. Mak Moon Song (2009) menjelaskan aplikasi pemusatan pelajar melibatkan kombinasi tindakan yang pelbagai seperti penyelesaian masalah, menjalankan sesuatu peranan, mengaktifkan diri dalam bulatan sosial, menjalankan projek dan sebagainya. Dalam penghafazan al-Qur'an, situasi ini boleh digambarkan sebagai daya mengurus pembelajaran tahfiz.

Dalam perkembangan yang lain, menurut Wan Ahsani, et al. (2015), bukti-bukti saintifik merupakan keperluan ilmu yang menjadi pelengkap kepada kepercayaan aqidah (Wan Ahsani, et al., 2015). Kenyataan ini diperkuat oleh kajian Noor Najihan (2014) yang membawa pandangan barat sebagai tindakan yang menyokong konsep asas Islam. Sejajar dengan kenyataan ini, model Thorndike (2001), Pintrich, et al.

(1991) serta Atkinson dan Shiffrin (1968) hanya menerangkan proses kognitif dan metakognitif seseorang individu tanpa menekankan kepada unsur metafizik sebagaimana al-Qābisī (1955). Secara simboliknya, teori-teori tersebut bersifat superfisial kerana mempunyai tendensi yang spekulatif, malah menimbulkan skeptisisme bagi pendukung ideologi Islam. Malah, polemik berkenaan dengan psikologi akal, perasaan, persepsi, jiwa yang mampu mencapai idea melalui perasaan dan jangkaan merupakan fikrah yang pernah dikongsikan oleh golongan intelektual Islam seperti al-Ghazālī dan Ibn Sinā. Namun, ilmu-ilmu tersebut dikembangkan oleh para cendekiawan barat secara rinci tanpa memberikan akreditasi kepada pengasas ilmu tersebut.

Berdasarkan perspektif penyelidikan saintifik, representasi teori-teori barat yang menonjolkan eksperimental dan kesimpulan yang faktual membuktikan bahawa konsep Islam telahpun divariasikan. Namun, secara ironinya, Islam menerima sugestif kontemporari yang dapat mempertingkatkan maslahat seseorang dengan satu restriksi yang bersifat dogma, iaitu tidak bertentangan dengan Islam. Dalam menjelaskan berkenaan restriksi tersebut, Wan Ahsani, Mahmud dan Muhamad Faisal (2015) memberi hujah yang lebih futuristik apabila menjelaskan kedatangan Islam memperkenalkan konsep aqidah yang melebihi nilai sains empirikal. Contohnya dalam aktiviti penghafazan al-Qur'an yang berunsurkan nilai Rabbani. Wan Ahsani, et al. (2015) menyimpulkan bahawa hubungan kimiawi aktiviti menghafaz al-Qur'an dengan pemikiran rasional yang dikupas secara saintifik mempunyai nilai yang tersendiri. Berdasarkan perspektif Islam, kewujudan seluruh bukti yang dapat dirasai atau disentuh melalui pancaindera, dihubungkan dengan kewujudan Allah s.w.t.. Teori-teori barat tidak menjadikan bukti saintifik tersebut

sebagai entiti yang berhubungan dengan wujudnya Allah s.w.t. Sehubungan dengan itu, kajian mendominasi model al-Qābisī (1955) yang meletakkan nilai tauhid (*maʿrifatuddīn*) sebagai objektif utama dalam menghafaz al-Qurʿan. Bagi memahami bahagian ini dengan lebih jelas, gambaran latar belakang teoretikal kajian diringkaskan melalui Rajah 1.5.



Rajah 1.5. Latar belakang teoretikal kajian


Secara keseluruhannya, terdapat sikronisasi dalam menjelaskan kosmologi kerangka teori, iaitu teori-teori empirikal dan ideologi Islam. Teori-teori yang diambil dalam pencapaian subjek *Hifẓ al-Qur'ān* merupakan teori-teori yang menyokong pemboleh ubah bersandar dalam kajian. Manakala teori-teori yang digunakan dalam faktor dalaman dan faktor luaran pelajar tahfiz merupakan teori-teori yang menyokong pemboleh ubah tidak bersandar dalam kajian ini, iaitu kesediaan dalaman dan strategi pembangunan dalaman (faktor dalaman) serta strategi latihan dan strategi menghafaz al-Qur'an (faktor luaran).

1.9 Kerangka Konseptual

Kerangka kajian memfokuskan beberapa karakteristik pelajar tahfiz yang merangkumi jantina, lokasi tempat tinggal, kesediaan dalaman, strategi pembangunan dalaman, strategi latihan dan strategi menghafaz al-Qur'an. Dalam hukum Thorndike (2001), terdapat tiga hukum yang mendasari proses untuk mencapai sesuatu matlamat pembelajaran, iaitu hukum kesediaan, latihan dan kesan. Bagi menghuraikan kandungan aspek-aspek tersebut, cadangan Pintrich, et al. (1991) berkenaan aturan sendiri dan strategi pembelajaran telah digunakan. Selain menggunakan cadangan Pintrich, et al. (1991) dan Thondike (1914), model al-Qābisī (1955) serta panduan oleh al-Masyā'ilah (2010) turut diserasikan.

Rajah 1.6 menunjukkan kerangka konseptual kajian. Terdapat lima ideogram anak panah yang memaksudkan bahawa kesemua faktor, iaitu aspek demografi, kesediaan dalaman, strategi pembangunan dalaman, strategi latihan dan strategi menghafaz al-Qur'an sebagai pemboleh ubah bebas. Manakala pemboleh ubah bersandar dalam kajian ini ialah pencapaian subjek *Hifẓ al-Qur'ān*. Gambaran konseptual yang

diterangkan berteraskan falsafah pendidikan tahfiz, iaitu melahirkan generasi al-Qur'an yang bertakwa, berilmu dan bermanfaat kepada ummah dan pembangunan negara. Falsafah pendidikan tahfiz yang digariskan oleh Darul Quran ini bersifat sejajar dengan teori al-Qābisī (1955) yang meletakkan nilai tauhid sebagai paksi utama dalam pendidikan tahfiz (*ma'rifatuddīn*).



Rajah 1.6. Kerangka konsep kesediaan dalaman, strategi pembangunan dalaman, strategi latihan dan strategi menghafaz al-Qur'an terhadap pencapaian subjek *Hifz al-Qur'an*

Perbincangan aspek demografi menumpukan kepada latar belakang pelajar tahfiz; jantina dan lokasi tempat tinggal. Kesediaan dalaman dirujuk sebagai atribut nilai, jangkaan dan afektif, manakala strategi pembangunan dalaman dimaksudkan dengan gabungan ketiga-tiga atribut dalam kesediaan dalaman, iaitu nilai, jangkaan dan afektif. Atribut-atribut ini diketengahkan oleh Pintrich, et al. (1991) sebagai motivasi. Sementara al-Masyā'ilah (2010) menghuraikan gabungan ketiga-tiga atribut ini sebagai satu aplikasi yang perlu dibangunkan secara praktis. Bagi strategi

latihan pula merujuk kepada atribut strategi kognitif, metakognitif dan pengurusan sumber, manakala strategi menghafaz al-Qur'an dimaksudkan dengan empat peringkat, iaitu peringkat sebelum menghafaz al-Qur'an, peringkat semasa menghafaz al-Qur'an, peringkat selepas menghafaz al-Qur'an dan peringkat amalan para penghafaz al-Qur'an. Perincian strategi latihan dicadangkan oleh Pintrich, et al. (1991), manakala strategi menghafaz al-Qur'an melibatkan empat peringkat yang digarapkan berdasarkan kajian-kajian lepas seperti Abdul Hafiz dan Hasimah (2003), Mohd Nazri (2010), Sedek (2012) serta beberapa panduan khusus melalui buku-buku berkenaan pengajian tahfiz sebagai sumber yang akan dijelaskan dalam bab tiga.

Dalam memperkatakan tentang kajian-kajian lepas berkenaan kesediaan dalaman, Sedek, et al. (2011) menerangkan bahawa pelajar tahfiz seharusnya mempunyai persediaan menghafaz yang perseptif. Murihah, Abdul Hafiz, Arieff dan Mohd Faez (2015) memperkuat kenyataan tersebut dengan menjelaskan persediaan mental dan fizikal sebagai perkara asas dalam menghafaz al-Qur'an. Berdasarkan hukum kesediaan Thorndike (2001), Dewi (2009) menganalogikan aktiviti sebelum menghafaz al-Qur'an sebagai persediaan yang harus dipersiapkan secara esensi. Pelajar yang mempunyai persediaan mantap digambarkan sebagai memiliki penguasaan yang total terhadap stimulus-repons (Dewi, 2009). Persediaan ini harus dibangunkan melalui satu strategi yang dijelaskan oleh al-Masyā'ilah (2010) sebagai strategi pembangunan dalaman.

Bagi strategi latihan pula, Bayu (2008) misalnya telah menggunakan teori Thorndike (2001) ke atas para pelajar yang mengambil bidang bahasa Arab. Kajian tersebut mengajukan beberapa soalan (*problem posing*) ke atas para pelajar sebagai metod

latihan. Dalam perkembangan yang lain, Muslihatul Umami (2013) mengambil teori Thorndike dalam aplikasi *ta'zir*. Aplikasi tersebut dijadikan sebagai budaya berdisiplin para pelajar Pondok Pesantren Al-Huda di Semarang, Indonesia. Menurut beliau, pencapaian dipengaruhi oleh hubungan positif antara penerapan hukum *ta'zir* dengan disiplin. Sementara Fitrotul Laili (2014) menghubungkan metod *Drill* dengan hukum latihan Thorndike (2001). Hasil dapatan menyimpulkan bahawa metod *Drill* dapat meningkatkan pencapaian membaca dan menulis.

Kajian yang mengambil tiga hukum Thorndike (2001) sebagai satu konsep menyeluruh masih kurang dilakukan terutamanya di Malaysia. Hal ini kerana, kebanyakan kajian hanya menggunakan salah satu komponen dalam Teori Thorndike. Justeru, kajian ini menumpukan idea Thorndike (2001) yang disesuaikan secara menyeluruh kerana proses menghafaz al-Qur'an mempraktikkan konsep sebelum kejadian, semasa kejadian dan selepas kejadian. Strategi latihan pelajar tahfiz juga dijelaskan sebagai strategi pembelajaran yang diatur oleh pelajar. Dalam hukum Thorndike (2001), strategi latihan digambarkan sebagai tindak cuba-jaya secara aktif dari seseorang pelaku. Usaha ini dikaitkan dengan tindakbalas atau stimulus-respon (S-R) yang menuntut latihan secara bertubi. Secara analogi, penghafazan al-Qur'an merupakan suatu proses yang melibatkan bentuk pengulangan bacaan (*tikrār ma'a talwīn*) secara kognitif ingatan. Pembacaan berbentuk ulangan mempunyai perkaitan dengan usaha mengingat (Dahlin Karin, 2005). Menurut Atkinson dan Shiffrin (1968), aktiviti kognitif ingatan terbahagi kepada dua jenis ingatan, iaitu ingatan jangka pendek dan ingatan jangka panjang. Bacaan ulangan yang diterima dalam ingatan jangka pendek akan berpindah ke dalam ingatan stor jangka panjang sekiranya pengulangan fakta diaplikasi secara konsisten.

Usaha pembacaan yang dilakukan dengan teknik ulangan ini juga menunjukkan strategi latihan telah digunakan secara aktif (*the law of use*) (Thorndike, 2001). Sementara ketiadaan usaha untuk melatih mutu hafazan al-Qur'an menggambarkan ketiadaan kepenggunaan strategi latihan secara aktif (*the law of disuse*). Umumnya, implikasi positif menggambarkan manifestasi suatu tindak balas stimulus-respon (S-R) yang bersifat saling mengukuhkan di antara satu sama lain (Thorndike, 2001). Thorndike (2001) menerangkan aktiviti ini sebagai *reinforcement* (pengukuhan) yang dilakukan untuk mendapatkan sesuatu ganjaran. Konsep ganjaran ini diterangkan sebagai gred pencapaian pelajar tahfiz yang merangkumi penilaian lisan (*syafawī*) dan bertulis (*tahrīrī*).

Secara keseluruhannya, kerangka konsep memaparkan beberapa variabel utama seperti kesediaan dalaman, strategi pembangunan dalaman, strategi latihan dan strategi menghafaz al-Qur'an yang dijangkakan memberi impak kepada hukum kesan. Konsep utama yang diketengahkan dalam variabel-variabel kajian menonjolkan satu pendekatan pemusatan pelajar sebagai peranan utama dalam meraih hasil dalam sesuatu pembelajaran. Hasil dalam suatu pembelajaran merupakan salah satu contoh hukum kesan. Keadaan ini selaras dengan Thorndike (2001) yang menilai hukum kesan sebagai manifestasi dalam suatu usaha pembelajaran. Contoh manifestasi tersebut ialah berhubung dengan konsep *talqin* dan *al-fahm*. Menurut konsep *al-talqin*, aplikasi *talaqqī* dan *tasmi'* merupakan perkara utama dalam menghafaz al-Qur'an (al-Qābisī, 1955). Manakala dalam konsep *al-fahm*, aktiviti menulis kembali setiap apa yang dihafaz merupakan pendekatan yang melibatkan pengeluaran semula subjek yang dihafaz (al-Qābisī, 1955).

1.10 Limitasi Kajian

Kajian ini memfokuskan kepada para pelajar tahfiz peringkat diploma. Para pelajar tahfiz tersebut merujuk kepada para pelajar yang sedang mendalami bidang hafazan al-Qur'an. Mereka dikehendaki menghafaz 30 juz al-Qur'an yang merupakan subjek teras di institusi tahfiz. Selain daripada subjek hafazan lisan (*Hifẓ al-Qur'ān (syafawī)*) dan hafazan bertulis (*Hifẓ al-Qur'an (taḥrīrī)*), subjek-subjek lain yang berkaitan dengan silibus pengajian tahfiz turut dipelajari, iaitu subjek '*Ilmu tajwīd, Qirāat ('ilmī), Qirāat ('amalī), 'Ulum al-Quran, Tarīkh al-Qurra', Dabt al-Qur'an, al-fawāṣil, al-Tarannum* dan sebagainya (Darul Quran, 2016).

Kajian ini mengetengahkan aspek demografi, faktor dalaman dan faktor luaran pelajar tahfiz. Aspek demografi ialah perkara-perkara yang melibatkan asal-usul ataupun latar belakang individu. Demografi juga dikaitkan dengan taburan ciri-ciri individu dari segi lingkungan, kelahiran dan sebagainya di dalam waktu serta tempoh tertentu. Aspek demografi dibataskan kepada faktor jantina dan lokasi tempat tinggal. Manakala bagi faktor dalaman pelajar tahfiz terdiri daripada kesediaan dalaman dan strategi pembangunan dalaman pelajar. Faktor luaran pelajar tahfiz pula dimaksudkan dengan strategi latihan dan strategi menghafaz al-Qur'an.

Dari segi kaedah pengumpulan data, kajian ini mendominasi instrumen soal selidik sebagai bahan utama. Manakala instrumen temu bual separa berstruktur dan kaedah pemerhatian dijalankan bagi menyokong hasil pemerolehan data kuantitatif soal selidik.

Selain itu, bagi mendapatkan representasi yang adil, kajian ini membataskan penilaian pelajar tahfiz berdasarkan kepada penilaian *subjek Hifz al-Qur'ān* secara lisan (*syafawī*) dan bertulis (*tahrīrī*). Sehubungan dengan itu, penyelidik memberikan sempadan kepada responden-responden yang masing-masing memenuhi beberapa kriteria yang berikut.

- a) Kategori responden: pelajar semester lima Diploma Tahfiz al-Qur'an kelolaan JAKIM
- b) Lokasi: Malaysia Timur dan Malaysia Barat.
- c) Penentuan sampel: Sampel mewakili pelajar tahfiz di seluruh Malaysia

Pemilihan responden semester ini dianggap sesuai untuk dinilai kerana kebanyakan pelajar telah menghafaz keseluruhan kandungan al-Qur'an. Selain itu, secara majoriti, kuantiti hafazan para pelajar semester ini adalah lebih tinggi berbanding dengan semester-semester yang lain. Pemilihan sampel pelajar yang berdasarkan penelitian ke atas seluruh negara, iaitu Malaysia Timur dan Malaysia Barat akan dapat menjelaskan lagi karakteristik pelajar tahfiz dalam pencapaian subjek *Hifz al-Qur'ān* secara tepat dan lebih menyeluruh. Jadual 1.3 menunjukkan lokasi dan alamat bagi responden-responden yang terlibat dalam kajian.

Jadual 1.3

Lokasi dan alamat responden

Lokasi		Alamat Responden
i)	Malaysia Timur	
	Zon barat	Darul Quran Kuala Kubu Selangor Maahad Tahfiz al-Qur'an Negeri Perak
	Zon Utara	Maahad Tahfiz al-Qur'an Wal-Qiraat Negeri Kedah Maahad Tahfiz al-Qur'an Wal-Qiraat Negeri Perlis Maahad Tahfiz al-Qur'an Wal-Qiraat Negeri Pulau Pinang

Sambungan...	
Zon Timur	Maahad Tahfiz al-Qur'an MAIK Negeri Kelantan Maahad Tahfiz Negeri Pahang
Zon Selatan	Maahad Tahfiz al-Qur'an Wal-Qiraat Negeri Sembilan (ITQAN) Maahad Tahfiz Saidina Ali Negeri Melaka
ii) Malaysia Barat	
Zon Sabah	Maahad Tahfiz al-Qur'an Wal-Qiraat Negeri Sabah

1.11 Kepentingan Kajian

Dapatan kajian yang khusus ke atas para pelajar tahfiz berdasarkan tahap pencapaian tertentu dapat dinilai melalui beberapa faktor. Kajian ini dapat memberikan gambaran sebenar tentang karakteristik pelajar tahfiz dari segi aspek demografi, kesediaan dalaman, strategi pembangunan dalaman, strategi latihan dan strategi menghafaz al-Qur'an berdasarkan dimensi saintifik. Selain itu, kajian ini juga memberikan input yang jelas berkenaan karakteristik pelajar tahfiz yang memberikan beberapa manfaat penting kepada pelbagai pihak. Hal ini bertujuan agar usaha penambahbaikan dapat dibuat pada kesemua peringkat dan lapisan masyarakat yang terlibat. Peringkat-peringkat tersebut ialah; (i) peringkat pengamal, iaitu para penghafaz al-Qur'an itu sendiri dan masyarakat, (ii) peringkat pelaksana, iaitu institusi tahfiz, (iii) peringkat pembuat dasar, iaitu pihak kerajaan serta (iv) korpus ilmu, iaitu dalam kalangan para pengkaji.

i) Peringkat pengamal:

Para penghafaz al-Qur'an dapat menilai karakteristik paling utama yang mampu meningkatkan kualiti hafazan al-Qur'an mereka. Mereka juga dapat mengetahui berkenaan dengan daya mengurus pembelajaran terbaik yang boleh mereka amalkan.

Informasi berkenaan faktor dalaman; kesediaan dalaman dan strategi pembangunan dalaman pelajar tahfiz serta faktor luaran; strategi latihan dan strategi menghafaz al-Qur'an para pelajar tahfiz dapat membantu dan mempengaruhi usaha penghafazan al-Qur'an mereka. Di samping itu, pengetahuan tentang faktor dalaman dan faktor luaran pelajar tahfiz dapat memberikan input baru serta gambaran yang jelas kepada masyarakat terutamanya ibu-bapa dan keluarga supaya melakukan persediaan yang kukuh sejak dari awal lagi dalam mendorong anak-anak mereka yang menceburi bidang ini.

ii) Peringkat pelaksana

Institusi-institusi tahfiz akan dapat menggunakan dapatan kajian ini bagi menilai kembali pencapaian pelajar tahfiz. Penekanan ke atas karakteristik pelajar tahfiz berdasarkan elemen-elemen tertentu yang diketengahkan dalam kajian ini juga dapat memberikan input berguna kepada institusi-institusi berkenaan. Antara tindakan yang boleh diambil ialah melakukan penyusunan semula kurikulum pembelajaran tahfiz seperti mewujudkan subjek-subjek teras berkenaan faktor dalaman dan faktor luaran pelajar tahfiz ke atas setiap pelajar tahfiz. Selain itu, perancangan mengadakan diskusi ilmiah berkenaan faktor dalaman dan faktor luaran pelajar tahfiz juga wajar diperkenalkan kepada para pelajar tahfiz dalam bentuk ceramah, kempen ataupun forum-forum yang dikendalikan oleh pihak institusi.

iii) Peringkat pembuat dasar:

Dapatan kajian ini dapat memberikan maklumat kepada pihak kerajaan dan JAKIM serta sekaligus memberikan satu usaha yang lebih idealistik misalnya dasar pemilihan pelajar tahfiz yang bersifat lebih selektif pada masa akan datang. Selain

itu, penganjuran seminar-seminar khusus yang melibatkan kefahaman serta fokus kepada kepentingan karakteristik pelajar tahfiz dalam menghasilkan graduan tahfiz yang *istiqamat* juga wajar diketengahkan di segenap saluran sama ada melalui kempen masyarakat, media masa, jaringan komunikasi internet dan sebagainya. Seminar-seminar berbentuk kefahaman ini penting untuk dihadiri oleh mereka yang meminati bidang ini terutamanya kepada mereka yang masih berada di peringkat percubaan dan peringkat awal. Informasi-informasi berkenaan pengaruh faktor dalaman dan faktor luaran pelajar tahfiz ini juga lebih mustahak untuk diketahui para pelajar tahfiz yang sedang mengikuti pengajian. Selain itu, para pelajar yang telah selesai dalam pengajian tahfiz juga sangat memerlukan suntikan semangat dalam jiwa mereka secara terus- menerus. Justeru, penganjuran seminar yang dianjurkan oleh kerajaan ke atas pelajar tahfiz, bekas pelajar tahfiz dan masyarakat umum yang berminat untuk menghantar anak-anak mereka mengikuti pengajian tahfiz akan dapat meningkatkan kualiti pengajian tahfiz di Malaysia.

iv) Peringkat korpus ilmu:

Sumbangan pengkaji berkenaan informasi karakteristik pelajar tahfiz yang merangkumi faktor dalaman dan faktor luaran pelajar tahfiz akan dapat memberikan inisiatif kepada para pengkaji lain untuk mengkaji semula bahagian-bahagian ini yang memungkinkan hasil dapatan yang berbeza. Hal ini disebabkan oleh perubahan faktor masa, metodologi dan objektif yang ingin dicapai oleh setiap pengkaji. Selain itu, para pengkaji dapat mengembangkan lagi kajian berdasarkan perspektif yang berbeza melalui informasi-informasi yang telah dinyatakan dalam kajian berkenaan faktor dalaman dan faktor luaran pelajar tahfiz ini.

Secara keseluruhannya, kefahaman yang jelas berkenaan para penghafaz al-Qur'an yang memerlukan beberapa karakteristik tertentu akan dapat menjayakan lagi usaha pengamal, pelaksana pembuat dasar dan pengkaji secara tepat.

1.12 Definisi Konseptual Kajian

Bahagian ini membentangkan secara ringkas definisi konsep yang menjadi faktor hubungan kajian ini, iaitu pencapaian subjek *Hifẓ al-Qurān*, kesediaan dalaman, strategi pembangunan dalaman, strategi latihan dan strategi menghafaz al-Qur'an.

1.12.1 Pencapaian Subjek *Hifẓ al-Qurān*

Pencapaian subjek *Hifẓ al-Qur'an* memaksudkan hasil dalam suatu pembelajaran tahfiz yang ditunjukkan dalam suatu jangka masa tertentu. Dalam hukum Thorndike (2001), hasil pembelajaran merupakan hukum kesan yang dilihat sebagai manifestasi dalam suatu tugas. Hukum kesan dalam kajian ini merupakan penilaian pencapaian subjek *Hifẓ al-Qurān*, iaitu kaedah lisan (*syafawī*) dan bertulis (*tahrīrī*). Penilaian akhir dibuat adalah bertujuan untuk mengetahui tahap penguasaan hafazan al-Qur'an para pelajar. Gred yang tinggi menggambarkan penguasaan yang baik terhadap menghafazan al-Qur'an. Aspek ini hanya melibatkan peringkat selepas menghafaz al-Qur'an. Aspek ini juga merupakan pemboleh ubah bersandar dalam kajian ini dan memaksudkan pencapaian keseluruhan pelajar tahfiz dalam subjek *Hifẓ al-Qur'an*.

1.12.2 Kesediaan Dalaman

Kesediaan dalaman merupakan satu ungkapan yang mempunyai kaitan dengan faktor dalaman seseorang pelajar. Dalam kajian ini, kesediaan dalaman terdiri daripada atribut nilai, jangkaan dan afektif. Atribut-atribut ini dijelaskan oleh Pintrich, et al.

(1991) sebagai intuisi yang melibatkan dalaman seseorang, iaitu motivasi. Dalam bidang tahfiz, aspek nilai dikaitkan dengan tanggungjawab dan penilaian positif terhadap tugas menghafaz yang dibawa (Yusuf, 2011). Tugas menghafaz al-Qur'anyang dibawa adalah berat untuk dilakukan sepanjang masa (Murihah, et al., 2015), seyugialah bidang ini memerlukan penghayatan pembelajaran yang khusus terutamanya dalam mengurus pembelajaran tahfiz.

Kajian ini menerangkan atribut nilai sebagai elemen sikap, intrinsik, ekstrinsik dan nilai tugas. Ini bersesuaian dengan pernyataan Ghazali (2012) yang meletakkan empat elemen tersebut sebagai kandungan atribut nilai. Manakala atribut jangkaan diterangkan sebagai elemen kawalan kepercayaan dan efikasi sendiri. Sementara atribut afektif ditunjukkan sebagai elemen kebimbangan. Kajian-kajian lepas (Pintrich, et al., 1991; Ghazali, et al., 2010; Ghazali, 2012) membuktikan bahawa atribut-atribut ini mempunyai pertalian dengan pencapaian pembelajaran. Justeru, kesemua atribut dalam kesediaan dalaman diukur dengan menggunakan skala pemarkahan lima mata yang diadaptasi daripada instrumen MSLQ (Pintrich, et al. (1991) dan Ghazali (2012).

1.12.3 Strategi Pembangunan Dalaman

Strategi pembangunan dalaman merupakan salah satu pemboleh ubah yang mewakili faktor dalaman pelajar tahfiz. Dalam kajian ini, strategi pembangunan dalaman terdiri daripada gabungan nilai, jangkaan dan afektif. Hal ini bersesuaian dengan kenyataan al-Masyā'ilah (2010) yang menghimpunkan ketiga-tiga atribut ini sebagai satu strategi yang perlu dikuasai. Hal ini juga bersifat selari dengan Triyono (2016) yang mengungkapkan bahawa kepentingan motivasi mengatasi kepentingan metod

hafazan yang digunakan kerana secara logika, penghafazan tidak dapat diteruskan sekiranya intuisi dalaman tidak dibangunkan. Dalam kajian ini, strategi pembangunan dalaman diukur dengan menggunakan skala pemarkahan lima mata yang diadaptasi daripada instrumen yang dicadangkan oleh al-Masyā'ilah (2010).

1.12.4 Strategi latihan

Strategi latihan merupakan salah satu pemboleh ubah yang mempunyai kaitan dengan faktor luaran pelajar tahfiz. Dalam kajian Dasriman (2014), projeksi faktor luaran tidak dilihat sebagai pengaruh dari lingkungan pelajar sahaja tetapi juga amalan praktikal yang dilakukan pelajar sehari-hari. Antara amalan praktikal yang dimaksudkan ialah pembahagian masa dan usaha-usaha yang wajar dilakukan oleh para penghafaz al-Qur'an. Usaha-usaha tersebut mempunyai kesinambungan dengan strategi kognitif, metakognitif dan pengurusan sumber. Justeru dalam kajian ini, strategi latihan yang diterangkan terdiri daripada strategi kognitif (latihan, penghuraian, penyusunan dan pemikiran kritis), strategi metakognitif (regulasi sendiri) dan strategi pengurusan sumber (masa dan persekitaran, regulasi usaha, rakan-rakan dan mencari bantuan). Kesemua atribut strategi latihan diukur dengan skala pemarkahan lima mata yang diadaptasi daripada instrumen MSLQ (Pintrich, et al. (1991) dan Ghazali (2012).

1.12.5 Strategi Menghafaz al-Qur'an

Strategi menghafaz al-Qur'an mempunyai kaitan dengan kaedah menghafaz al-Qur'an. Dalam kajian Azmil dan Abdul Halim (2012) menyifatkan kaedah menghafaz al-Qur'an yang utama ialah proses *tasmi'*, *takrār*, *musyāfahat*, *talaqqī*, kefahaman dan penulisan. Gambaran kaedah yang ditunjukkan dalam kajian Azmil

dan Abdul Halim (2015) lebih bersifat umum. Manakala pendekatan perkataan strategi dalam menghafaz al-Qur'an menggambarkan unsur yang lebih bersifat spesifik. Hal ini selaras dengan Zainora dan Muhammad Fairud (2012) yang menjelaskan strategi sebagai rancangan utama dalam sesuatu tugas.

Justeru dalam kajian ini, strategi menghafaz al-Qur'an memaksudkan satu rangkaian aktiviti menghafaz al-Qur'an yang disepadukan dan dicirikan setiap elemen kepada empat peringkat kronologi, iaitu peringkat sebelum menghafaz al-Qur'an (adab menghafaz al-Qur'an dan proses *talaqqī*), peringkat semasa menghafaz al-Qur'an (teknik-teknik menghafaz al-Qur'an dan proses *tasmi*'), peringkat selepas menghafaz al-Qur'an (Proses *murāja'at*) dan peringkat amalan para penghafaz al-Qur'an (amalan para penghafaz al-Qur'an dan ciri-ciri *Hāfiẓ/Hāfiẓat*). Bahagian ini diukur berdasarkan skala kekerapan dan kandungannya dirujuk menerusi kajian-kajian lepas berkenaan pendidikan tahfiz.

1.13 Rumusan

Penguasaan pencapaian subjek *Hifẓ al-Qur'an* merupakan matlamat utama bagi institusi-institusi tahfiz di Malaysia. Hal ini selari dengan Dasar Pendidikan Tahfiz Negara (DPTN) yang menekankan aspek kepakaran dalam bidang tahfiz. Kepakaran dalam bidang yang diceburi menunjukkan kemahiran bidang dapat dikuasai. Walau bagaimanapun, dalam bidang pendidikan tahfiz, para pelajar yang menghafaz al-Qur'an berkemungkinan dapat menghafaz ayat-ayat al-Qur'an yang dibaca dengan baik apabila diarahkan para pensyarah untuk menjalankan proses hafazan. Malah, apabila dilihat dari satu sudut positif, mereka yang berjaya menghafaz dengan baik akan dinilai sebagai pencapaian cemerlang dan mempunyai penguasaan hafazan yang mantap. Hakikatnya, proses menghafaz al-Qur'an tidak hanya berlaku di dalam kelas

semata-mata, tetapi menuntut usaha sendiri pelajar untuk mengingat dan memantapkan hafazan al-Qur'annya secara bersendirian dalam kebanyakan masa yang lain khususnya waktu di luar kelas. Hal ini kerana waktu yang diperuntukkan bersama para pensyarah secara formal adalah terhad. Justeru, situasi ini menuntut para pelajar tahfiz sendiri untuk menentukan halatuju pengajian masing-masing sama ada dapat memenuhi silibus pengajian ataupun sebaliknya.

Banyak permasalahan timbul dalam kalangan pelajar tahfiz terutamanya semasa mereka berhadapan dengan tugas sehari-hari. Antara faktor yang dikenal pasti ialah kehilangan semangat dan disiplin untuk menghafaz secara tetap. Faktor tersebut mempunyai kaitan dengan internal dan eksternal individu pelajar. Dengan kata lain, faktor dalaman dan luaran merupakan satu bentuk mekanisme penting untuk diselia sendiri oleh pelajar tahfiz. Masalah ini sekaligus telah memberikan kesan ke atas psikologi serta kemampuan memori para pelajar tahfiz untuk mencapai matlamat mereka.

Proses penghafazan al-Qur'an adalah sangat unik berbanding dengan proses pembelajaran lain. Hal ini kerana pembelajaran tahfiz merupakan proses sakral yang melibatkan usaha mengingat *kalāmullah*, yakni mukjizat agung ke dalam hati sanubari serta akal fikiran manusia. Bidang tahfiz sangat memerlukan penguasaan memori yang benar-benar mantap. Hal ini dapat dilihat melalui penilaian akhir ujian hafazan yang merangkumi bentuk lisan (*syafawī*) dan bertulis (*tahrīrī*). Kedua-dua bentuk ujian ini mensyaratkan pelajar agar tidak membuat kesilapan atau hampir tidak membuat kesilapan dalam mempersembahkan hafazan mereka. Penilaian ini merupakan hasil pembelajaran yang telah dilalui pelajar dalam tempoh tertentu

selepas memenuhi silibus hafazan. Situasi menghafaz al-Qur'an bukan sahaja menuntut komitmen pelajar dari segi permulaan awal menghafaz, misalnya pada peringkat sebelum menghafaz, tetapi juga pada peringkat semasa menghafaz, peringkat selepas menghafaz serta peringkat amalan para penghafaz al-Qur'an itu sendiri. Semua peringkat ini memerlukan karakteristik tertentu untuk mengaplikasi daya konsisten menghafaz.



BAB DUA

KAJIAN LITERATUR

2.1 Pendahuluan

Bab ini akan membincangkan sejarah penubuhan institusi tahfiz di Malaysia dan graduan tahfiz Darul Quran sebagai pengenalan. Selanjutnya perbincangan diteruskan dengan faktor-faktor yang dikenal pasti memberikan implikasi terhadap subjek *Hifz al-Qur'an*. Tinjauan meliputi pencapaian subjek *Hifz al-Qur'an*, aspek demografi, faktor dalaman; kesediaan dalaman dan strategi pembangunan dalaman serta faktor luaran; strategi latihan dan strategi menghafaz al-Qur'an sebagai pokok perbincangan. Latar belakang teoretikal turut dijelaskan secara rinci pada akhir bahagian bab ini.

2.2 Sejarah Penubuhan Institusi Tahfiz di Malaysia

Darul Quran (DQ) dahulunya dikenali sebagai Maahad Tahfiz Pusat Islam Kuala Lumpur. Maahad Tahfiz Al-Qur'an Wal Qiraat Pusat Islam Kuala Lumpur ditubuhkan pada tahun 1966. Cadangan menubuhkan Maahad Tahfiz Pusat Islam Kuala Lumpur diadakan dalam satu perasmian Masjid Negara oleh Tuanku Abdul Rahman Putra Al-Haj yang dihadiri oleh Sheikh Mahmud Shaltut sebagai rektor Universiti al-Azhar pada masa itu (Darul Quran, 2015).

Penubuhan awal Maahad Tahfiz al-Qur'an Pusat Islam Kuala Lumpur menempatkan pelajar seramai lapan orang pelajar lelaki yang bernaung di bawah satu unit bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri, Kuala Lumpur. Mereka memulakan pengajian pada 1 Mac 1966 di Dewan Syarahan Masjid Negara. Aktiviti pengajian pelajar dikelolakan oleh Jawatankuasa Tadbir Masjid Negara dan Urusetia Majlis

Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia sehingga tahun 1978. Pada tahun 1979-1980, Maahad Tahfiz Al-Qur'an Wal-Qiraat Kuala Lumpur dikelola oleh Pusat Penyelidikan Islam, Bahagian Ugama, Jabatan Perdana Menteri. Kemudiannya, pada tahun 1983, aktiviti pengajian dipindahkan ke Bangunan JKR 588/33 Jalan Chenderasari, Kuala Lumpur di bawah kelolaan Institut Dakwah dan Latihan Islam (INDAH) Bahagian Ugama, Jabatan Perdana Menteri. Pengambilan pelajar perempuan dalam pengajian tahfiz bermula di sekitar tahun 1992. Pelajar perempuan ditempatkan di Jalan Ledang, manakala pelajar lelaki di Taman Tun Dr Ismail. Pelajar perempuan kemudiannya dipindahkan ke Taman Tun Dr Ismail dan pelajar lelaki ditempatkan di Batu 14 Sg Semungkus Hulu Langat Selangor pada tahun 1994 (Darul Quran, 2014).

Pemartabatan institusi tahfiz diteruskan lagi dengan usaha menaiktaraf institusi tersebut. Maahad Tahfiz Al-Qur'an Wal-Qiraat Kuala Lumpur telah dinaiktaraf pada tahun 1997 sebagai salah satu bahagian dalam Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dengan nama baru, iaitu Darul Quran. Darul Quran kini telah dipindahkan ke kampus tetap, iaitu Kompleks Darul Quran Ampang Pechah, Kuala Kubu Bharu sejak 1 November 1998.

Sehingga kini, Darul Quran bukan sahaja mempunyai kampus induk tetap di Kuala Kubu Selangor, malah mempunyai cawangan-cawangan yang bernaung di bawah seliaannya di setiap negeri di seluruh Malaysia. Hal ini menunjukkan bahawa program menghafaz al-Qur'an telah dipraktikkan di seluruh pelosok negeri. Justeru wujud keperluan untuk mengkaji keseluruhan pelajar tahfiz di Malaysia dari segi pencapaian mereka dalam bidang ini.

2.3 Graduan Tahfiz Darul Quran

Graduan tahfiz Darul Quran adalah mereka yang telah menamatkan hafazan keseluruhan al-Qur'an. Graduan tahfiz ini melalui satu proses hafazan al-Qur'an secara personal dengan guru daripada juz satu sehinggalah ke juz 30 bagi tujuan pentashihan. Bacaan al-Qur'an yang dihafaz telah diperdengarkan kepada guru dan kriteria penghafazan harus selari dengan *rasm* (tulisan) pada *muṣṣḥaf*. Sekiranya guru tidak berpuas hati, pelajar dikehendaki mengulangnya semula sehingga mencapai tahap yang terbaik dari segi hafazan, pengeluaran bunyi makhraj, tajwid dan yang paling ditekankan oleh Darul Quran ialah tahap kelancaran.

Bagi sesetengah guru, pelajar diajar dengan ritma tertentu dalam mengeluarkan bacaan ayat-ayat al-Qur'an selaras dengan hukum tajwid yang harus dipatuhi. (Nur Solihah, 2014). Pelajar dianggap berjaya membawa gelaran graduan tahfiz Darul Quran apabila melepasi beberapa soalan ditentukan dalam ujian menghafaz al-Qur'an 30 juz dengan kaedah penebakan secara rawak. Sesi ujian tersebut diadili oleh beberapa orang panel yang terdiri daripada kelompok *ḥuffaz* dalam kalangan pensyarah Darul Quran (Darul Quran, 2015).

Jadual 2.1 menunjukkan bahawa seramai 5364 orang pemegang Diploma telah menamatkan pengajian tahfiz di Darul Quran, iaitu kira-kira 3189 pelajar lelaki dan 2175 pelajar perempuan dari tahun 1989-2016. Manakala bagi pemegang pensijilan tahfiz Darul Quran, data mencatatkan seramai 1416 orang, iaitu 834 orang pelajar lelaki dan 694 pelajar perempuan dari tahun 2000-2016 (Jadual 2.2). Berikut jumlah graduan pelajar Diploma Tahfiz Darul Quran dan MTQN dari tahun 1989-2016.

Jadual 2.1

Statistik graduan Program Diploma Tahfiz Al-Qur'an DQ Tahun 1989-2016

Tahun	DQ lelaki	DQ perempuan	MTQN lelaki	MTQN Perempuan	Jumlah keseluruhan	Jumlah keseluruhan
					Lelaki	Perempuan
1989	14	-			14	-
1990	15	-			15	-
1991	27	-			27	-
1992	21	-			21	-
1993	31	11			31	11
1994	14	12			14	12
1995	43	10			43	10
1996	13	9	18	-	31	9
1997	23	13	17	3	40	16
1998	26	19	36	8	62	27
1999	21	19	83	7	104	26
2000	12	23	55	6	67	29
2001	23	18	62	36	85	54
2001	64	56	113	42	177	98
2003	28	22	42	24	70	46
2004	43	36	81	41	124	77
2005	58	34	79	61	137	95
2006	66	90	65	23	131	113
2007	60	70	61	17	121	87
2008	93	56	65	19	158	75
2009	121	97	52	18	173	115
2010	120	96	74	36	194	132
2011	126	65	69	29	195	94
2012	150	103	79	34	229	137
2013	117	118	62	33	179	151
2014	128	120	105	52	233	172
2015	151	101	96	70	247	171
2016	151	100	116	76	267	176
Jumlah	1759	1298	1430	635	3189	2175

(Sumber: Darul Quran, 2016)

Jumlah graduan program pensijilan DQ-UIAM dari tahun 2000-2016 ditunjukkan dalam Jadual 2.2. Berdasarkan Jadual 2.1 dan 2.2, bilangan pelajar lelaki didapati

lebih ramai daripada pelajar perempuan setiap tahun. Senario ini dapat dilihat dalam data, secara majoriti, terdapat jurang di antara bilangan pelajar tahfiz lelaki dan pelajar tahfiz perempuan di seluruh Malaysia dari tahun 1993-2016. Hal ini bersifat kontra dengan statistik yang dikeluarkan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia yang sentiasa mencatatkan peratus tertinggi bagi pelajar perempuan yang mengikuti pengajian di universiti awam (UA), Malaysia. Walaubagaimanapun, penyertaan pelajar perempuan dalam bidang tahfiz al-Qur'an semakin menggalakkan dari semasa ke semasa (Abdul Hafiz, Siti Norlina & Hasimah, 2008).

Jadual 2.2

Statistik graduan Program Pensijilan Tahfiz Al-Qur'an DQ-UIAM Tahun 2001-2016

Tahun	Kemasukan Pelajar	Graduan Lelaki	Graduan Perempuan	Graduan Keseluruhan
2000	7			
2001	15	2	5	7
2002	27	7	7	14
2003	76	7	12	19
2004	127	25	18	43
2005	136	54	50	104
2006	184	50	39	89
2007	200	65	55	120
2008	194	73	66	139
2009	161	60	44	104
2010	137	69	48	117
2011	159	58	39	97
2012	159	72	56	128
2013	158	69	57	126
2014	110	74	54	128
2015	132	46	45	91
2016	116	43	47	90
Jumlah	2099	834	694	1416

(Sumber: Darul Quran, 2016)

Secara keseluruhannya, kemasukan pelajar dalam bidang hafazan al-Qur'an dilihat semakin memberangsangkan setiap tahun sama ada dalam program diploma mahupun pensijilan Darul Quran. Namun, terdapat perbezaan yang tidak serupa dalam kemasukan pelajar Darul Quran pada peringkat awal dan jumlah graduan yang dihasilkan. Hal ini disebabkan oleh pertambahan tempoh bagi sesetengah pelajar yang tidak dapat menghabiskan silibus al-Qur'an pada waktu yang ditetapkan dan tidak kurang juga para pelajar yang menghafaz di separuh jalan dan gagal dalam ujian (Darul Quran, 2012). Walaupun demikian terdapat kelompok pelajar yang sentiasa mengikuti bentuk pembelajaran dan penghafazan yang dicadangkan oleh Darul Quran dengan jayanya. Kepelbagaian gred dalam pencapaian menghafaz al-Qur'andi Darul Quran dan MTQN seliaannya menunjukkan Darul Quran tetap menghasilkan satu kelompok yang dipanggil *huffaz*.

2.4 Pencapaian Subjek *Hifz al-Qur'an*

Pencapaian subjek *Hifz al-Qur'an* adalah merujuk kepada hasil akhir dalam sesuatu tugas. Berdasarkan Teori Thorndike (2001) berkenaan hukum kesan, tautan di antara stimulus dan respon (S-R) menunjukkan hasil yang positif sekiranya memperoleh kesan yang menyeronokkan dan tautan S-R menjadi sebaliknya sekiranya terdapat kesan atau hasil akhir yang melemahkan. Secara analoginya, sistem gred kumulatif yang diperolehi pelajar merupakan kesan ataupun manifestasi daripada pembelajaran. Brophy (1998) menjelaskan bahawa sistem gred juga merupakan aliran behavioris yang memandang sesuatu hasil sebagai satu tindak balas.

Berdasarkan konteks penghafazan al-Qur'an, daya ingatan yang berbeza di antara satu sama lain dalam mengingati ayat-ayat al-Qur'an memberikan kesan dan impak yang berlainan kepada setiap individu (Nor Musliza & Mokmin, 2014). Justeru prestasi pelajar tahfiz dari segi tahap penghafazan mempunyai tahap pencapaian yang pelbagai berdasarkan daya ingatan mereka. Justeru, hafazan al-Qur'an merupakan kemahiran kognitif yang harus sentiasa dilatih untuk menjamin keterpeliharaan al-Qur'an dari kesalahan dan kesilapan. Berdasarkan situasi menyimpan hafalan tersebut, para *huffaz* dinilai dapat menghafaz dengan baik apabila mampu menguasai tiga elemen paling utama dalam proses hafazan al-Qur'an, iaitu teknik menghafaz hafazan baru (*dars jadīd*), teknik mengekalkan hafazan (*sabiq*) dan teknik mengulang bacaan (*takrīr/ i'adah*) (Abu Mazaya, 2010).

Teknik mengulang bacaan, iaitu amalan *tikrār* atau *murāja'at* adalah teknik paling asas dalam menilai kekuatan hafazan (Abd Hafiz, et al., 2009; Azmil & Abdul Halim, 2012; Sedek, 2012). Amalan-amalan ini dikira berhasil apabila pelajar dapat membuktikan ingatan mereka berada pada tahap yang baik dan memuaskan melalui satu pengujian. Menurut Mokhamad (2011), antara metod pengujian pelajar tahfiz ialah metod *tes* dan metod *kitābat*. Tujuan metod *tes* dijalankan ialah untuk memastikan ketepatan dan kelancaran bacaan. Manakala metod *kitabāt* mengamalkan pengujian hafalan dengan menulis semula ayat-ayat yang telah dihafaz (Mokhamad, 2011). Mokhamad (2011) turut memberikan contoh penilaian hafazan dengan teknik soal jawab tebakan ayat-ayat secara rawak. Menurut istilah pelajar tahfiz di Malaysia, mereka menyebut aktiviti ini sebagai 'soalan tebuk'.

Secara kronologis, al-Qābisī (1955) menerangkan proses menghafaz al-Qur'an melibatkan daya visual penglihatan, daya pendengaran serta daya anggota badan untuk menulis semula ayat-ayat yang dihafaz. Hal ini turut dinyatakan oleh Marzuki (2008) sebagai menjelaskan aktiviti ini telah diwarisi sejak turun-temurun. Dari perspektif penilaian hafazan juga, Nur Chabibah (2003) membahagikan kepada tiga domain, iaitu aspek kognitif, afektif dan psikomotor. Bagi domain kognitif, beliau menjelaskannya sebagai kekuatan hafalan, manakala bagi domain afektif ialah dari segi adab sepanjang bersama al-Qur'an dan dari segi psikomotor pula ialah berhubung dengan kefasihan dan kelancaran membaca al-Qur'an (Nur Chabibah, 2003). Keadaan ini juga dikaitkan dengan hasil akhir dalam pembacaan lisan dan bertulis. Berdasarkan domain-domain tersebut, para pelajar tahfiz seharusnya terlebih dahulu memenuhi kehendak kurikulum yang dicadangkan oleh Darul Quran. Azmil (2010) menyatakan bahawa kurikulum hafazan mengandungi silibus (*muqarrār*) tertentu yang wajib dipenuhi oleh setiap pelajar. Dalam konteks ini, jumlah *muqarrār* yang diwajibkan bagi setiap semester bagi peringkat diploma Darul Quran adalah berdasarkan ilustrasi Jadual 2.3 berikut:

Jadual 2.3

Jumlah muqarrar juz program Diploma Darul Quran

Program Diploma	<i>Muqarrar juz</i>
Semester 1	1-5 juz
Semester 2	6-11 juz
Semester 3	12-17 juz
Semester 4	18-22 juz
Semester 5	23-27 juz
Semester 6	28-30 juz

(Sumber: Unit peperiksaan Darul Quran 2014)

Manakala Jadual 2.4 menunjukkan jumlah *muqarrār juz* bagi program Pensijilan Darul Quran.

Jadual 2.4

Jumlah muqarrār juz program Pensijilan Darul Quran

Program Pensijilan	Muqarrar Juz
Semester 1	1-10 juz
Semester 2	11-20 juz
Semester 3	21-30 juz

(Sumber: Unit Peperiksaan Darul Quran 2014)

Berdasarkan kurikulum yang disusun oleh Darul Quran dalam ilustrasi Jadual 2.3 dan 2.4 tersebut, para pelajar tahfiz dinilai dapat mencapai sasaran apabila memenuhi perancangan kurikulum yang dicadangkan. Sasaran ini merupakan matlamat utama kepada Darul Quran untuk melahirkan para *huffaz* yang berkualiti di samping memberikan kesan yang signifikan ke atas pelajar tahfiz. Kesan ke atas pelajar dinilai penting berdasarkan penilaian lisan (*syafawī*) dan bertulis (*tahrīrī*) (Sedek, 2012). Justeru, penilaian akhir subjek *Hifẓ al-Qur'an* (*syafawī*) dan *tahrīrī* dalam kajian ini, ditunjukkan sebagai hukum kesan pembelajaran tahfiz.

Penilaian secara lisan (*syafawī*) merupakan kaedah tradisional yang diamalkan sejak turun-temurun di institusi-institusi tahfiz di seluruh dunia (Nor Musliza & Mokmin, 2014). Manakala kaedah penulisan menurut al-Qābisī (1955) ialah suatu petanda bahawa hafazan al-Qur'an yang dihafaz telah berjaya diingati. Menurut Azmil (2014), penggunaan kaedah menulis semula apa yang dihafaz juga menunjukkan bahawa hafazan yang telah dihafaz sudah diingati secara jelas. Berkenaan dengan penggunaan kaedah bertulis pula, Nor Musliza dan Mokmin (2014), Ahsin (2015) dan Mardhiah (2016) menambah bahawa kepelbagaian penggunaan deria dilihat persis menjadikan proses pembelajaran bertambah baik. Dalam pada itu, kaedah ini

juga merupakan salah satu pembudayaan dalam pengajian tahfiz yang dilaksanakan di Darul Quran. Kaedah penulisan yang digunakan ialah aplikasi penulisan *Rasm ‘Uthmānī*. Menurut Abd Rahman (2003), kaedah penulisan *rasm ‘Uthmānī* merupakan kaedah yang *tawqifiy* daripada Rasulullah s.a.w., justeru amalan penulisan ini wajar diteruskan sehingga ke hari ini.

Kedua-dua kaedah penilaian sama ada lisan (*syafawī*) atau bertulis (*tahrīrī*) dipraktikkan semasa pembelajaran tahfiz dan juga penilaian akhir dalam pembelajaran tahfiz (Azmil, 2014). Penilaian akhir ini bertujuan mengakses pencapaian para penghafaz al-Qur’an sama ada mampu mencapai tahap penguasaan tiga elemen disebutkan, iaitu; *dars jadīd*, *sabiq*, dan *taqrir/i‘ādah* atau sebaliknya. Menurut Ahsin (2015), kaedah penilaian ini disebut sebagai evaluasi. Beliau menyatakan antara bentuk soalan yang dikemukakan dalam proses evaluasi tahfiz ialah bacaan yang disebutkan oleh pemeriksa atau guru, hendaklah diteruskan oleh pelajar terbabit. Situasi tersebut akan dinilai oleh guru atau pemeriksa yang mendengar bacaan pelajar yang menduduki evaluasi tersebut (Ahsin, 2015).

Sehubungan dengan itu juga, bagi para pelajar tahfiz yang gagal untuk lulus dalam subjek *Ḥifẓ al-Qur’an* sama ada lisan (*syafawī*) atau bertulis (*tahrīrī*), mereka dianggap gagal menamatkan silibus dalam semester tersebut. Walau bagaimanapun, penilaian akhir 30 juz semasa semester akhir, pelajar diberi peluang sebanyak dua kali untuk menduduki penilaian hafazan secara keseluruhan sekiranya tidak berjaya pada pusingan yang pertama (Darul Quran, 2015).

Secara keseluruhannya, kondisi hukum kesan dalam kajian ini merupakan peringkat selepas menghafaz al-Qur'an yang dilalui oleh para pelajar tahfiz. Situasi ini penting untuk diketahui pihak pelajar dan pihak berwajib dengan tujuan dapat meningkatkan mutu penghafazan al-Qur'an khususnya institusi-institusi tahfiz di Malaysia. Hasil penilaian dalam hukum kesan dapat menimbulkan reaksi puas hati atas usaha yang telah dilakukan serta menganalisis kekurangan sekiranya terdapat kelemahan.

Secara keseluruhannya, penilaian subjek *Hifz al-Qur'an* ditunjukkan melalui dua bentuk, iaitu penilaian berbentuk lisan dan penilaian secara bertulis.

2.5 Karakteristik Pelajar

Karakteristik pelajar ialah penentuan pola aktiviti atau watak yang terhasil daripada kemampuan, pembawaan dan lingkungan sosial. Dengan kata lain, karakteristik juga menggambarkan nilai personaliti yang ditunjukkan secara eksplisit atau implisit. Berdasarkan Barkhuus dan Csank (1999) yang mengulas berkenaan *Allport's Theory of Traits* menjelaskan bahawa karakteristik individu dikawal oleh faktor dalaman yang timbul berasalkan trait dalam diri. Trait inilah yang membezakan seseorang individu dengan individu yang lain (Barkhuus dan Csank, 1999). Indikasi karakteristik pelajar turut diterangkan sebagai penglibatan pelajar secara aktif dalam memanfaatkan strategi-strategi yang berlainan (Nur Raina, 2011). Berhubung dengan kajian berkenaan interaksi dengan al-Qur'an, Salman (2015) merumuskan internalisasi nilai-nilai al-Qur'an dalam diri merupakan karakter yang mencakupi sikap, tingkah laku dan peribadi yang perlu dibangunkan.

Terdapat beberapa kajian lepas yang menggunakan perkataan '*characteristic*' sebagai istilah karakteristik (Arieandhini, 2009; Djafar, 2014). Istilah ini berasal

daripada bahasa Inggeris yang telah ditransformasikan kepada bahasa Indonesia. Kajian ini menerangkan beberapa karakteristik pelajar dari sudut fisiologi yang berhubung dengan pencapaian. Selain dari fisiologi, kajian-kajian berkenaan psikologi dalaman juga turut diperbincangkan sebagai faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian (Ghazali Yusri, 2012; Azrinawati, Mohamad Afiq, Mohammad Khairi & Tan Tong Kee, 2013; Hakīm & Biha'uddīn, 2015). Aspek-aspek psikologi dalaman digambarkan mempunyai hubungan yang signifikan dengan pencapaian seseorang pelajar dalam pembelajaran. Justeru dalam kajian ini, selain daripada karakteristik pelajar berdasarkan fisiologi (gender dan lokasi tempat tinggal), karakteristik berdasarkan unsur psikologi turut diperbincangkan. Dua karakteristik yang dibincangkan ialah faktor dalaman (kesediaan dalaman dan strategi pembangunan dalaman) serta faktor luaran (strategi latihan dan strategi menghafaz al-Qur'an. Faktor-faktor ini sangat menarik untuk diterokai bagi membuktikan kepentingannya ke atas pencapaian pelajar tahfiz. Justeru, penjelasan berkenaan tema-tema tersebut diperincikan berdasarkan tinjauan kajian-kajian lepas.

2.5.1 Aspek Demografi

Demografi dikenal pasti menyumbang kepada pencapaian menghafaz al-Qur'an. Situasi ini dibuktikan dengan kajian Azmil (2014), yang menerangkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan di antara faktor demografi dengan kaedah pembelajaran tahfiz. Antaranya ialah demografi yang melibatkan jantina. Noor Najihan (2014) menjelaskan bahawa perbezaan asal-usul kejadian individu lelaki dan individu perempuan menghasilkan satu peranan yang berbeza dari segi karakteristik yang dibawa oleh mereka. Morris dan Maisto (2001) menjelaskan antara misal yang dibincangkan berkenaan perbezaan gender ialah perbandingan dari sudut kognitif.

Perbandingan ini juga bersifat selaras dengan firman Allah s.w.t dalam surah al-Hujurāt pada ayat yang ke 13, iaitu:

يَتَأْتِيهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاهُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنْثَىٰ وَجَعَلْنَاهُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ لِتَعَارَفُوا إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتْقَاهُ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ

Maksudnya: Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih takwanya di antara kamu, (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah maha mengetahui, lagi maha mendalam pengetahuannya (akan keadaan dan amalan kamu).

(surah al-Hujurāt, 49:13)

Ayat 13 dalam surah al-Hujurāt ini mengetengahkan perbezaan kejadian antara lelaki dan perempuan. Selain itu, ayat ini juga menjelaskan tentang perbezaan bangsa dan puak yang pelbagai. Perbezaan bangsa dan puak juga boleh digambarkan dengan asal usul dan latar belakang seseorang yang antara misalnya ialah lokasi tempat tinggal. Justeru, aspek demografi diuraikan kepada dua bahagian, iaitu jantina dan lokasi tempat tinggal.

2.5.1.1 Jantina

Kajian berkenaan dengan gender di Malaysia telah dilakukan sekitar tahun 1980-2000-an (Azlina, 2012). Morris dan Maisto (2001) mengelaskan gender kepada dominasi maskulin yang dikaitkan dengan kekuasaan dan agresif, manakala perempuan dihubungkan dengan ciri emosi, terperinci dan berlawanan dengan sifat agresif. Dalam bidang hafazan al-Qur'an, kajian berkenaan gender masih belum meluas. Namun, dalam kajian Abdul Hafiz, Siti Norlina dan Hasimah (2007), perbezaan jantina telah dikenal pasti sebagai faktor yang mempengaruhi usaha

seseorang pelajar terhadap penghafazan al-Qur'an. Hal ini berpunca daripada perbezaan kuantiti masa yang diluangkan pelajar lelaki dan pelajar perempuan ke atas *muṣḥaf* al-Qur'an.

Bidang hafazan al-Qur'an menuntut kepada tanggungjawab individu penghafaz untuk sentiasa bersedia menghidupkan suasana al-Qur'an. Suasana al-Qur'an harus dihidupkan dalam kebanyakan masa sehari-hari. Aktiviti ini dilakukan oleh para pelajar tahfiz yang tidak mengira kaum sama ada lelaki mahupun perempuan. Pelajar perempuan turut berpeluang menceburi bidang hafazan al-Qur'an. Penghafazan al-Qur'an dalam kalangan pelajar perempuan telah bermula secara rasmi di Pusat Islam Malaysia sejak tahun 1993 (Fauziah, 1993). Bermula dari tahun tersebut, penglibatan pelajar perempuan dalam bidang ini semakin menggalakkan walaupun purata tahunan adalah tidak tetap dan menjangkau angka puluhan pada setiap tahun. Hal ini amat membanggakan, namun terdapat sebilangan pelajar perempuan yang turut gagal menamatkan hafazan dalam tempoh yang ditetapkan (Darul Quran, 2014). Abdul Hafiz, Siti Norlina dan Hasimah (2007) merungkaikan beberapa permasalahan pelajar perempuan yang membelenggu tahap pencapaian hafazan al-Qur'an, antaranya ialah uzur syarii, amalan pemakanan, perasaan gemuruh, keluarga, persekitaran dan sebagainya.

Kajian Abdul Hafiz, et al. (2007) menyatakan bahawa penghafaz al-Qur'an dari kalangan perempuan dijangkakan sering mengalami emosi yang tidak stabil dan lebih mudah terpengaruh dengan persekitaran dan *hormonal*. Akibatnya proses penghafazan al-Qur'an mengalami kerencatan. Kenyataan ini diperakui oleh Faris

Keblawi (2013) yang menyatakan bahawa faktor gender memberikan implikasi yang signifikan terhadap proses menghafaz al-Qur'an.

Implikasi yang berbeza ini sejajar dengan hadis Rasulullah s.a.w. yang mengulas berkenaan wanita seperti berikut:

ما رأيت من ناقصات عقل ودين أغلب لدي لب منكن قالت امرأة منهن وما
نقصان العقل؟ قال أما نقصان العقل فشهادة امرأتين تعدل شهادة رجل فهذا من
نقصان العقل وتمكث الليالي ما تصلي وتفطر في رمضان فهذا من نقصان الدين
(رواه ابن ماجه)

Maksudnya: "Tidak kutemukan orang-orang yang kurang akal dan agamanya melebihi orang yang punya akal daripada kalian. Seorang perempuan dari mereka berkata: "Apa yang dimaksud kurang akal itu? Nabi s.a.w. menjawab: "Yang dimaksud kurang akal adalah persaksian dua orang perempuan sama dengan persaksian seorang laki-laki, inilah yang maksudnya kurang akal. Wanita melalui malam tanpa solat dan tidak puasa di bulan Ramadhan, inilah yang dimaksud kurang agama."

(Riwayat al-Bukhārī; 304)

Dalil tersebut menjelaskan bahawa kurangnya akal serta agama bagi kaum perempuan adalah berkait rapat dengan keadaan fisiologi kaum perempuan yang mempunyai struktur anatomi berbeza dengan kaum lelaki sehingga Qadar-Nya memberikan suatu perbezaan yang tersendiri. Ibnu Qudāmat (1997) menerangkan hukum wanita yang *ma'dhurat* syarii sebagai menyamakan keadaan dengan orang yang berjunub, maka terdapat larangan dalam membaca al-Qur'an kecuali bagi mereka yang khuatir hafazan al-Qur'an hilang begitu sahaja. Kenyataan ini menunjukkan para penghafaz al-Qur'an dibenarkan untuk mengulang (*murāja'at*) al-Qur'an pada hafazan yang lama, tetapi tidak disebutkan pada ayat-ayat al-Qur'an yang belum lagi dihafaz. Keadaan ini juga menggambarkan kuantiti masa untuk menghafaz ayat-ayat baru pada *muṣhaf* al-Qur'an agak terhad bagi kaum perempuan,

namun kaedah penilaian tetap dijalankan pada waktu yang bersamaan tidak mengira pelajar tersebut lelaki mahupun perempuan.

Satu artikel yang diketengahkan oleh M. Saiful Bahari (2007) menjelaskan bahawa walaupun hukum asal dikira haram bagi wanita yang berada dalam keadaan *ma'dhurat* untuk membaca al-Qur'an, namun terdapat keperluan yang lebih utama bagi para penghafaz al-Qur'an dalam kalangan wanita untuk menjaga hafazan tersebut. Rasional yang diutarakan dalam penelitian tersebut menerangkan bahawa adanya kerumitan yang boleh menjejaskan kualiti hafazan sekiranya pelajar tahfiz perempuan terus berhenti menghafaz al-Qur'an semasa berada dalam tempoh *ma'dhurat*.

Berkenaan dengan budaya menghafaz al-Qur'an, kajian Abu Bakar (2008) mendapati bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan. Kedua-dua pelajar melakukan aktiviti menghafaz al-Qur'an dengan nilai kebolehpercayaan yang tinggi, iaitu 0.88. Walau bagaimanapun, kajian beliau menumpukan perbandingan pelajar yang berada di peringkat rendah. Manakala berdasarkan pencapaian, dapatan kajian Shahrulkarnain (2013) yang membahagikan sampel kepada bilangan yang sama, iaitu seramai 30 pelajar lelaki dan 30 pelajar perempuan, membuktikan bahawa pencapaian hafazan al-Qur'an berdasarkan jantina tidak mempunyai perbezaan yang signifikan. Situasi ini turut disokong oleh Yudhi (2012) yang menunjukkan hasil kajiannya ke atas 30 orang pelajar tahfiz lelaki dan 30 orang pelajar tahfiz perempuan. Beliau menyimpulkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pelajar tahfiz lelaki dan pelajar tahfiz perempuan.

Namun begitu, kajian beliau memfokuskan kepada elemen kecenderungan efikasi sendiri dan kecenderungan kekecewaan dalam menghafaz al-Qur'an (Yudhi, 2012).

Sebaliknya Azmil Hashim, Misnan Jemali, Abd Halim dan Aderi (2014) mendapati bahawa terdapat perbezaan yang signifikan di antara pelajar lelaki dan perempuan dari segi pencapaian, namun dapatan dinilai berdasarkan pengaplikasian adab-adab pembelajaran tahfiz. Azmil, et al. (2014) menjelaskan bahawa adab pelajar tahfiz perempuan (min= 4.33, sp= 0.38) lebih baik daripada adab pelajar tahfiz lelaki (min=4.17, sp= 0.59). Sementara Muhammad Ikhwanuddin dan Che Noraini (2014) juga mengungkapkan bahawa pencapaian menghafaz al-Qur'an di antara lelaki dan perempuan mempunyai perbezaan yang signifikan. Data kajian Muhammad Ikhwanuddin dan Che Noraini (2014) menunjukkan bahawa pencapaian pelajar tahfiz lelaki (min= 8.1667) adalah lebih baik daripada pelajar perempuan (min= 6.7105).

Azmil, Abd Halim, Misnan & Mohd Aderi (2014) turut mengemukakan bahawa kaedah pembelajaran tahfiz bagi pelajar perempuan adalah lebih baik daripada lelaki. Kenyataan ini telah dijelaskan oleh Nur Anisa dan Misnan pada tahun 2011, bahawa ingatan pelajar perempuan dalam mengingat ayat-ayat al-Qur'an adalah lebih baik daripada pelajar lelaki. Walau bagaimanapun, Nur Anisa dan Misnan (2011) mendapati lebih ramai pelajar lelaki yang mendapat gred cemerlang berbanding pelajar perempuan. Sementara Abu Bakar (2008) menjelaskan bahawa tahap penghafazan al-Qur'an pelajar lelaki dan perempuan adalah tidak signifikan. Namun kenyataan Abu Bakar (2008) adalah berkenaan dengan tahap penghafazan pelajar peringkat rendah yang berumur 10-12 tahun.

Kajian Ari Sapti (2012) menerangkan bahawa ingatan seseorang mempunyai kaitan dengan latihan menghafaz al-Qur'an. Beliau menyimpulkan, semakin banyak latihan menghafaz yang dilakukan, maka posisi kemahiran menghafaz akan dapat diperolehi. Kajian beliau memfokuskan kepada wanita menopause yang dibahagikan kepada dua kumpulan, iaitu kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan. Hasil kajian membuktikan bahawa terdapat pengaruh signifikan ($p = 0.0489 < 0.05$) di antara kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan (Ari Sapti, 2012). Perkaitan kajian Ari Sapti (2012) dengan aspek jantina memberi maksud bahawa keterlibatan kaum wanita dalam menghafaz al-Qur'an bukanlah satu usaha yang luar biasa, malah beliau menyimpulkan kaedah utama yang perlu dikuasai dalam mengingat ayat-ayat al-Qur'an ialah dengan aplikasi latihan.

Kajian Javed dan Amina (2014) berkenaan kesan penghafazan al-Qur'an ke atas subjek akademik pelajar *Medical Bachelor and Bachelor of Surgery* (MBBS) mendapati bahawa pelajar perempuan mempunyai keputusan min yang lebih baik daripada pelajar lelaki. Kajian ini menggunakan teknik sampel bertujuan ke atas dua kumpulan yang mewakili pelajar yang mempunyai pengalaman menghafaz al-Qur'an dan kumpulan pelajar yang sebaliknya. Kedua-dua kumpulan mencatatkan keputusan pelajar perempuan yang lebih baik daripada pelajar lelaki. Walau bagaimanapun kajian ini hanya mengkhususkan kepada pelajar MBBS dan mengkaji kesan penghafazan ke atas subjek perubatan.

Kajian Siti Sarah, Muhd Najib, Hasnan dan Umar (2015) menjelaskan elemen interaksi dengan al-Qur'an di antara pelajar lelaki dengan perempuan mempunyai perbezaan yang signifikan, iaitu pelajar lelaki dengan min 3.05, manakala pelajar

perempuan dengan nilai min 3.20. Salah satu elemen interaksi dengan al-Qur'an dalam kajian ini dinyatakan sebagai menghafaz al-Qur'an. Kajian ini didapati tidak menjuruskan interaksi dengan al-Qur'an kepada menghafaz al-Qur'an semata-mata, tetapi meletakkan lapan elemen sebagai nilai interaksi dengan al-Qur'an, iaitu kepercayaan, pembacaan al-Qur'an, mendengar al-Qur'an, menghafaz al-Qur'an, mempelajari al-Qur'an, mendominasi al-Qur'an, mempraktikkan isi kandungan al-Qur'an dan mengekalkan interaksi dengan al-Qur'an (Siti Sarah, et al., 2015).

Hakikatnya, menurut Herlitz, Nilsson, dan Backman (1997), tidak terdapat perbezaan memori di antara lelaki dan perempuan. Tinjauan yang dibuat oleh Mohamad Marzuki, Muhammad Akramin, Muhammad Toriq dan Sukhairu (2015) ke atas 80 orang pelajar tahfiz membuktikan keadaan ini dengan mengkaji perbezaan di antara kemampuan pelajar tahfiz lelaki dan pelajar tahfiz perempuan dalam memahami ayat-ayat al-Qur'an. Walaupun kajian mereka mempunyai pembolehubah bebas yang sama dengan kajian ini, iaitu perbandingan gender yang melibatkan responden pelajar tahfiz, namun terdapat perbezaan dari segi pembolehubah bersandar yang dinyatakan. Kajian mereka memfokuskan kepada pemahaman terhadap al-Qur'an sebelum menghafaz al-Qur'an secara lanjut (Mohamad Marzuki, et al, 2015).

Secara keseluruhannya, kajian-kajian lepas menumpukan kepada perbezaan pencapaian menghafaz al-Qur'an dari segi jantina.

2.5.1.2 Lokasi Tempat Tinggal

Selain daripada jantina, faktor lokasi tempat tinggal juga memainkan peranan dalam kejayaan menghafaz al-Qur'an. Keadaan ini disebabkan oleh pengaruh persekitaran

yang memberi impak kepada daya usaha seseorang individu terbabit. Situasi ini diakui oleh Azmil, et al. (2014) yang menyifatkan bahawa lokasi tempat tinggal pelajar tahfiz di institusi tahfiz sebagai pengaruh persekitaran. Lokasi tempat tinggal pelajar tahfiz seharusnya jauh dari kebisingan dan pemilihan tempat yang sesuai untuk mereka ialah kawasan luar bandar (Heri Saptadi, 2012). Heri Saptadi (2012) mengulas kenyataan ini secara kritikal apabila mencadangkan perlunya perpindahan lokasi tempat tinggal pelajar tahfiz ke kawasan luar bandar sekiranya masih berada di kawasan bandar.

Kajian Abdul Hafiz dan Hasimah (2003) turut menggariskan bahawa antara masalah luaran para pelajar tahfiz ialah pengaruh persekitaran tempat tinggal. Hal ini disokong oleh Safwat (2005) yang menyatakan bahawa latar belakang keluarga sangat mempengaruhi persekitaran pelajar tahfiz di Bosnia Herzegovina. Persekitaran dan suasana yang tidak melambangkan dorongan untuk menghafaz al-Qur'an seperti hiburan berlebihan dan sebagainya menjadikan pencapaian hafazan al-Qur'an mengalami gangguan (Abdul Hafiz dan Hasimah, 2003; Abdul Hafiz, Siti Norlina & Hasimah, 2008). Dalam kajian Arif (2013) menambah pengaruh persekitaran yang melibatkan rakan-rakan berlainan bidang turut menyumbang kepada hambatan pencapaian seseorang pelajar tahfiz. Hal ini kerana suasana bidang yang berlainan dari teman-teman rapat menjadikan pelajar tahfiz tersebut alpa akan tugasnya untuk lebih dekat dengan al-Qur'an kecuali bagi mereka yang mempunyai sendiri serta jati diri yang mantap.

Selain itu, kajian Nurul Ain dan Azizi (2012) menyatakan bahawa persekitaran dan lokasi tempat tinggal pelajar yang jauh daripada kemudahan serta fasiliti akan

menyebabkan pencapaian pelajar merundum. Keadaan ini dibuktikan dengan kajian Shahrulkarnain (2013) yang menumpukan pengaruh sosioekonomi pelajar pensijilan Darul Quran terhadap pencapaian hafazan telah membuktikan bahawa pelajar yang bertaraf sosioekonomi lebih tinggi yang kebanyakannya di kawasan bandar memperolehi keputusan lebih baik. Seramai 60 pelajar, iaitu 30 pelajar lelaki dan 30 pelajar perempuan semester akhir pensijilan Darul Quran telah dijadikan responden. Instrumen yang digunakan dalam kajian ini ialah soal selidik, ujian, tinjauan, dan pemerhatian. Walau bagaimanapun, kajian ini melibatkan pelajar tahfiz di peringkat pra-universiti (Shahrulkarnain, 2013).

Perbezaan lokasi tempat tinggal pelajar tahfiz berkait rapat dengan budaya persekitaran yang didedahkan dalam peribadi mereka. Dapatan kajian-kajian lepas sering mengungkapkan lokasi tempat tinggal pelajar tahfiz yang berada di kawasan bandar tidak begitu strategik untuk menempatkan aktiviti penghafazan al-Qur'an. Kenyataan tersebut menjadi satu persoalan apabila banyak institusi-institusi tahfiz yang didirikan di kawasan-kawasan bandar. Justeru kajian berkenaan tahap pencapaian hafazan al-Qur'an berdasarkan lokasi tempat tinggal wajar diselidiki secara lebih mendalam. Secara keseluruhannya, bahagian ini membincangkan lokasi tempat tinggal pelajar berdasarkan tinjauan kajian lepas yang menyentuh aspek ini kepada lokasi luar bandar dan bandar.

i) Kajian Lokasi Luar Bandar

Secara terminalogi, lokasi luar bandar sering dikaitkan dengan kawasan pedalaman yang mempunyai kurang fasiliti kemudahan asas dari segi infrastuktur, kemudahan teknologi komunikasi dan pengangkutan awam yang terhad. Malah dalam kajian

Mustaffa, Mohd Samsudin, Ishak dan Sharina (2012) mengaitkan kehidupan masyarakat luar bandar dengan beberapa perkara yang dilihat sebagai satu persepsi kemudahterancaman. Hal ini merangkumi kemampuan mereka dari segi persaraan diri dan juga aktiviti ekonomi yang dijalankan oleh masyarakat setempat (Mustaffa, et al., 2012). Namun, dalam perkembangan pengajian tahfiz, lokasi luar bandar dilihat sebagai satu kawasan yang ideal untuk para penghafaz al-Qur'an menjalankan aktivitinya.

Hal ini kerana lokasi tempat tinggal pelajar tahfiz seharusnya jauh dari kebisingan serta suasana yang sibuk. Muhammad Izhār (2015) menjelaskan kawasan kejiranan institusi tahfiz sewajarnya bersifat tenang dari sebarang gangguan bunyi. Kenyataan ini telah dibuktikan dalam kajian Abdul Hafiz (2007), iaitu seramai 40 peratus pelajar mengakui bahawa di antara pengaruh buruk dalam proses menghafaz ialah persekitaran bandar yang mereka alami. Pemilihan tempat yang sesuai untuk mereka yang menghafaz al-Qur'an ialah kawasan luar bandar (Heri Saptadi, 2012).

Di Malaysia, selain daripada penubuhan Darul Quran di kawasan pedalaman, beberapa maahad tahfiz kerajaan cawangan negeri (MTQN) turut didirikan di kawasan pedalaman, iaitu negeri Sabah dan Terengganu. Menurut Resti (2014), banyak institusi tahfiz yang mengamalkan konsep tradisional didirikan di kawasan pedalaman. Kedudukan kawasan pedalaman yang mempunyai pelbagai kekurangan akan dapat menjadikan usaha untuk memperolehi kehidupan lebih berkualiti semakin meningkat (Mohamad Johdi, Che Noraini, Ismael & Amir, 2009). Contoh yang boleh dimisalkan ialah dalam konteks pembelajaran. Analoginya, oleh kerana terdapat

bebanan dalam kehidupan yang harus dipikul, maka usaha untuk menghilangkan tekanan tersebut diambil peduli.

Walau bagaimanapun, kajian yang dilakukan oleh Ismail, Wan Maizatul dan Azman (2013) membuktikan bahawa sama ada pelajar luar bandar atau bandar hakikatnya mempunyai semangat dan aspirasi positif yang seiring dalam pencapaian. Kajian ini menyokong kajian Azlina dan Iran Herman (2009) yang menyatakan bahawa pencapaian pembelajaran golongan luar bandar tidak mempunyai perbezaan yang signifikan dengan golongan bandar. Walau bagaimanapun, kajian-kajian tersebut tidak menumpukan kepada responden-responden yang tugasnya menghafaz al-Qur'an.

Dalam perkembangan yang lain, kajian Rajeev dan Mark (2010) menjelaskan bahawa pengaruh kedaifan pelajar luar bandar terhadap pencapaian akademik berkait rapat dengan impak negatif terhadap pemikiran. Kajian ini menambah bahawa kekurangan zat dan tenaga disebabkan kemiskinan luar bandar turut mempengaruhi perkembangan kognitif neurosains dan motivasi seseorang penuntut ilmu untuk berjaya (Rajeev & Mark, 2010). Akan tetapi, dari satu sudut yang lain, kemiskinan dan kehidupan yang serba kekurangan akan menjadikan seseorang individu lebih mengingati Allah s.w.t. Keadaan ini selari dengan Sofyan (2009) yang menjelaskan kekurangan sebagai satu keadaan yang bersifat relatif. Menurut golongan sufi dan zuhud dengan duniawi, kekurangan merupakan suatu nikmat yang harus dihayati kerana kecukupan dalam hidup mempunyai potensi menjadi kufur dengan nikmat yang diperolehi (Sofyan, 2009).

Penubuhan maahad-maahad tahfiz tidak hanya didirikan di kawasan luar bandar tetapi juga di kawasan bandar (Muhammad Qadri, 2010; Darul Quran, 2014). Mutakhir ini, terdapat banyak institusi tahfiz swasta dan persendirian dijalankan dalam bangunan rumah-rumah kedai. Institusi-institusi tahfiz tersebut didirikan di kawasan pusat bandar. Menurut Najihah dan Rozilah (2012), kemudahan yang lengkap dengan fasiliti dan ilmu merupakan satu keperluan kepada penduduk bandar. Justeru, kewujudan maahad-maahad tahfiz di kawasan tersebut digambarkan sebagai pelengkap untuk penduduk bandar memanfaatkan kemudahan awam.

Di Malaysia, arus perkembangan dunia pendidikan tahfiz yang dikelolakan oleh pihak JAKIM, lokasi Darul Quran Kuala Kubu Selangor yang terletak di kawasan pedalaman dan jauh daripada kesibukan kawasan bandar telah mencatatkan peratusan lulus yang lebih tinggi daripada Maahad Tahfiz al-Qur'an Negeri (MTQN). MTQN kebanyakannya mempunyai latar belakang dari segi lokasi yang sebaliknya, iaitu kawasan bandar atau berhampiran bandar. Situasi ini menunjukkan kelebihan kawasan luar bandar berbanding kawasan bandar.

Secara keseluruhannya, kajian-kajian lepas membincangkan pro dan kontra penempatan pelajar tahfiz di kawasan luar bandar.

ii) Kajian Lokasi Bandar

Lokasi bandar sering dikaitkan dengan kawasan yang strategik serta lengkap dengan kemudahan-kemudahan asas. Kawasan ini bukan sahaja menjadi tumpuan masyarakat setempat tetapi juga pelawat, pelancong dan golongan luar bandar yang datang mencari rezeki. Keadaan lokasi bandar yang dilihat lengkap dengan pelbagai kemudahan menjadikan proses pembelajaran berjalan dengan lancar tanpa gangguan-

gangguan kemudahan seperti pengaksesan komunikasi, bekalan makanan dan sebagainya. Situasi ini dinyatakan oleh Jabil, Mazdi dan Zikri (2014) yang mengaitkan kawasan bandar dengan cara hidup yang lebih moden, sosio ekonomi yang tinggi, malah digambarkan lebih menarik dan memenuhi keperluan asasi yang merangkumi sosial, ekonomi, taraf hidup dan sebagainya.

Walau bagaimanapun, sejumlah 40 peratus pelajar tahfiz mengakui bahawa persekitaran di kawasan bandar yang mereka diami merupakan salah satu bentuk cabaran yang perlu mereka lalui (Abdul Hafiz, 2007). Situasi kawasan bandar yang penuh dengan kesibukan dunia dan gangguan-gangguan bunyi menyebabkan proses menghafaz al-Qur'an menjadi kurang selesa berbanding situasi yang bebas dari gangguan tersebut (Abdul Hafiz, 2007). Fajar Ghandi (2013) menjelaskan situasi yang sibuk dengan urusan dunia ini adalah sebagai faktor eksternal pelajar tahfiz yang dapat mengurangkan kewibawaan pelajar sebagai penghafaz al-Qur'an.

Dalam perkembangan yang lain, dapatan kajian Najihah dan Rozilah (2012) menyifatkan kewujudan pelbagai jenis sekolah di kawasan bandar akan dapat memberi peluang kepada penduduk kawasan bandar agar turut sama menikmati kemudahan mendapatkan ilmu pengetahuan. Situasi ini juga telah dinyatakan dalam kajian Abu Bakar (2008) berkenaan pembudayaan membaca dan menghafaz al-Qur'an yang giat dijalankan di kawasan perbandaran Lembah Klang. Kebolehpercayaan instrumen yang digunakan dalam kajian beliau merekodkan pengukuran tahap pembacaan dan menghafazan al-Qur'an yang tinggi, iaitu 0.96 bagi pembacaan al-Qur'an dan 0.88 bagi aktiviti menghafaz al-Qur'an. Dapatan beliau menjelaskan bahawa keadaan sosioekonomi ibu-bapa di bandar tidak dikira sebagai

penyumbang kepada aktiviti menghafaz al-Qur'an. Walaubagaimanapun, kajian beliau memfokuskan kepada pelajar yang berumur 10-12 tahun (Abu Bakar, 2008).

Secara keseluruhannya, dapatan kajian-kajian lepas menunjukkan lokasi tempat tinggal seseorang pelajar adalah tidak seragam. Kesediaan pelajar tahfiz untuk menyesuaikan diri dengan latar belakang tempat tinggal masing-masing seharusnya dibuktikan dengan hasil dapatan yang tidak signifikan ke atas pencapaian menghafaz al-Qur'an di antara lokasi bandar dan luar bandar. Hal ini kerana tidak semua pelajar dilahirkan dalam lingkungan budaya yang sama, malah kehidupan serta pengalaman yang dilalui turut berbeza di antara satu sama lain sesuai dengan ujian dan amanah yang dipertanggungjawabkan oleh Allah s.w.t. ke atas setiap insan. Dalam konteks penghafazan al-Qur'an, kesediaan pelajar tahfiz dalam mengimbangi karakter yang diamanahkan dalam menghafaz al-Qur'an selari dengan Firman Allah s.w.t. dalam Surah Āli-‘Imrān ayat 191 yang berbunyi:

الَّذِينَ يَذْكُرُونَ اللَّهَ قِيَمًا وَقُعُودًا وَعَلَىٰ جُنُوبِهِمْ وَيَتَفَكَّرُونَ فِي خَلْقِ
السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ رَبَّنَا مَا خَلَقْتَ هَذَا بَطْلًا سُبْحَنَكَ فَقِنَا عَذَابَ النَّارِ



Maksudnya: (Iaitu) orang-orang yang menyebut dan mengingati Allah semasa mereka berdiri dan duduk dan semasa mereka berbaring mengiring, dan mereka pula memikirkan tentang kejadian langit dan bumi (sambil berkata): "Wahai Tuhan kami! tidaklah Engkau menjadikan benda-benda ini dengan sia-sia, Maha suci engkau, maka peliharalah kami dari azab neraka.

(Surah Āli-‘Imrān, 3; 191)

Ayat ini menjelaskan bahawa secara rasional, keadaan manusia pasti disulami bentuk keadaan diri yang pelbagai, selari dengan fisiologi manusia sebagai hamba Allah s.w.t.. Pergerakan manusia secara *sunnatullah* tidak terhad kepada satu bentuk

keadaan sahaja. Sinonim dengan fitrah kejadian manusia tersebut, Allah s.w.t. mengingatkan bahawa hakikat al-Qur'an bersifat sesuai dijiwai dalam semua bentuk rutin manusia yang duduk, berdiri mahupun baring. Kenyataan ini selaras dengan rutin manusia yang berkeadaan tenang dan berkeadaan sibuk pada waktu yang lain disebabkan oleh tuntutan-tuntutan naturalisme individu secara bersilih-ganti. Justeru, peranan lokasi tempat tinggal seharusnya tidak memberikan pengaruh ke atas pencapaian menghafaz al-Qur'an.

Keadaan ini tidak selari dengan kajian Shahrulkarnanin (2013) yang menjelaskan pencapaian pelajar tahfiz bertaraf sosio-ekonomi tinggi dilihat lebih dominan dalam menguasai hafazan. Kajian Noor Najihan (2014) menjelaskan bahawa sosioekonomi dapat memberi kesan secara langsung kepada sesebuah keluarga, misalnya dalam konteks pembelajaran, pemakanan, corak kehidupan dan sebagainya. Kajian Bill (2011) misalnya telah mengetengahkan beberapa pelajar tahfiz yang menyertai program menghafaz al-Qur'an di tengah-tengah kota metropolitan. Kajian Bill (2011) mempertalikan aktiviti menghafaz al-Qur'an dengan budaya dan corak kehidupan keluarga yang mementingkan al-Qur'an sebagai suatu nilai estetika yang autentik.

Secara keseluruhannya, kajian-kajian lepas menumpukan perbincangan kepada manfaat dan keburukan penempatan pelajar tahfiz di kawasan bandar dalam konteks pencapaian.

2.6 Faktor Dalaman

Faktor dalaman adalah berkaitan dengan intuisi seperti perasaan dan fikiran. Kajian Abdul Hafiz dan Hasimah (2003) menjelaskan antara bentuk dalaman pelajar tahfiz yang memberikan hambatan dalam proses menghafaz ialah bersangkutan dengan niat

dan berkaitan dengan hati atau jiwa. Jiwa yang kotor akan menzahirkan perilaku yang negatif (Abu Mazaya, 2010). Justeru, faktor dalaman merupakan perkara penting, bahkan dilihat sebagai satu persediaan yang paling awal harus diperhatikan sebelum memulakan pengajian. Contohnya niat dalam menghafaz al-Qur'an. Niat yang betul merupakan intipati paling dasar yang harus ditepati dalam kaedah Islam kerana tanpa niat yang betul, matlamat seseorang untuk menjadi seorang *hamilul Qur'an* yang bertakwa akan tersasar (al-Masyā'ilah, 2010).

Oleh yang demikian, kajian ini mengambil inisiatif yang bersangkutan dengan dalaman seseorang sebagai satu persediaan mental menghadapi pembelajaran dan diketengahkan sebagai kesediaan dalaman. Kesediaan dalaman adalah merujuk kepada perkara paling asas dilakukan sebelum memulakan aktiviti pembelajaran. Menurut Thorndike (2001), kematangan fisiologis dari segi persediaan mental ini disebut sebagai *law of readiness* atau hukum kesediaan. Kajian ini menggunakan istilah kesediaan dalaman sebagai persediaan para pelajar tahfiz. Kesediaan dalaman berasaskan beberapa atribut, iaitu nilai (sikap, intrinsik, ekstrinsik, nilai tugasan), jangkaan (efikasi sendiri dan kawalan kepercayaan) dan afektif (kebimbangan). Pintrich, et al. (1991) menyifatkan ketiga-tiga atribut, iaitu nilai, jangkaan dan afektif sebagai motivasi. Menurut al-Masyā'ilah (2010), motivasi merupakan faktor dalaman yang harus dibangunkan.

Atribut nilai, jangkaan dan afektif bukan sahaja dipraktikkan sebagai proses persediaan untuk belajar tetapi juga mustahak untuk dibangunkan dalam semua peringkat belajar (Intan Zakiah & Munif, 2015). Justeru, faktor dalaman pelajar tahfiz dalam kajian ini merangkumi peringkat sebelum menghafaz al-Qur'an,

peringkat semasa menghafaz al-Qur'an, peringkat selepas menghafaz al-Qur'an dan peringkat amalan para penghafaz al-Qur'an. Faktor dalaman diterangkan kepada dua, iaitu kesediaan dalaman dan strategi pembangunan dalaman pelajar tahfiz.

2.6.1 Kesediaan Dalaman

Kesediaan dalaman merupakan karakteristik pelajar tahfiz yang berasal daripada suatu proses yang dikenali sebagai interen. Salman (2015) mengutarakan situasi interen sebagai suatu proses yang diistilahkan sebagai *internalisasi*. Proses *internalisasi* dinyatakan sebagai sifat personal dalam menghadapi tugas dan ia juga boleh difahami sebagai proses menyemai personaliti ke atas peribadi (Avin, 1996; Salman, 2015). Di antara aspek yang penting dalam menyemai personaliti dalam diri ialah hukum kesediaan. Hukum kesediaan merupakan persediaan individu dalam melakukan sesuatu tugas. Elizaberth (2010) menjelaskan keadaan ini sebagai penglibatan pelajar. Penglibatan pelajar telah diterangkan oleh Chapman (2003) sebagai kesediaan pelajar dalam menangani tugas-tugas pembelajaran yang dipertanggungjawabkan. Misalnya dalam menghafazan al-Qur'an, usaha menghafal merupakan langkah pertama yang paling sesuai dipraktikkan sebelum dapat memahami sesuatu ayat yang dihafaz (Boyle, 2006).

Terdapat pelbagai kaedah menghafaz yang digunakan di seluruh pelosok dunia dalam mencapai matlamat menghafaz al-Qur'an (Sedek, 2012). Contohnya kaedah *Turki* yang diperkenalkan sebagai Tuba (Abdul Hafiz & Norhanan, 2009; Saifullah, 2015). Antara matlamat kaedah ini diperkenalkan ialah sebagai salah satu jalan memudahkan aktiviti menghafaz al-Qur'an. Walau bagaimanapun, kaedah yang digunapakai dalam mencapai matlamat menghafaz al-Qur'an misalnya kaedah *Turki* tidak akan membuahkan hasil yang optimum sekiranya pelajar itu sendiri tidak

mempunyai persediaan dari segi inisiatif serta semangat yang gigih untuk menggunakan kaedah yang disarankan. Kenyataan ini menerangkan bahawa sekalipun suatu kaedah hafazan yang digunakan itu terlalu istimewa, namun kaedah hafazan tersebut bakal menjadi sia-sia apabila pelajar tidak mempunyai kehendak untuk menjadikannya suatu yang bermanfaat.

Dalam kajian Boyle (2006) menggambarkan bahawa hafazan al-Qur'an berkait rapat dengan kesediaan menerima suatu fikiran. Nabiroh, Nik Mohd Rahimi dan Abd Halim (2014) turut mengimplementasikan keadaan ini sebagai penerimaan hidayah (al-Qur'an) yang merupakan proses pembelajaran pelajar. Tiga ciri penting dalam kesediaan menerima pembelajaran, iaitu (i) semangat (*desire*), (ii) jangkaan (*expectation*) dan (iii) minat (*interest*) (Umu Hani, 2014). Ciri-ciri tersebut bersifat selari dengan faktor dalaman pelajar yang penting dalam konteks penghafazan al-Qur'an. Aktiviti hafazan al-Qur'an adalah berkaitan dengan persediaan dalaman yang perlu dibangunkan (al-Masyā'ilah, 2010). Keadaan ini sinonim dengan kenyataan Dasriman (2014) yang menyatakan bahawa hafazan al-Qur'an bergantung kepada pembangunan intuisi dalam diri individu terbabit. Pembangunan intuisi tersebut juga boleh digambarkan sebagai kesediaan dalaman seseorang pelajar.

Kajian Noor Najihan (2014) menerangkan bahawa konsep kesediaan pelajar melibatkan atribut-atribut tertentu, antaranya ialah atribut kognitif, tingkah laku dan afektif. Pintrich, et al. (1991) menyenaraikannya kepada tiga, iaitu nilai, jangkaan dan afektif. Justeru dalam kajian ini membincangkan kesediaan dalaman kepada atribut-atribut tersebut.

2.6.1.1 Nilai

Kesediaan dalaman yang menerangkan atribut nilai dapat diperhatikan dalam surah al-Fuṣṣilat, ayat ke 30. Firman Allah s.w.t.:

إِنَّ الَّذِينَ قَالُوا رَبُّنَا اللَّهُ ثُمَّ اسْتَقَمُوا تَتَنَزَّلُ عَلَيْهِمُ الْمَلَائِكَةُ أَلَّا تَخَافُوا
وَلَا تَحْزَنُوا وَأَبْشِرُوا بِالْجَنَّةِ الَّتِي كُنتُمْ تُوعَدُونَ ﴿٣٠﴾

Maksudnya; Sesungguhnya orang-orang yang menegaskan keyakinannya dengan berkata: "Tuhan kami ialah Allah", kemudian mereka tetap teguh di atas jalan yang betul, akan turunlah malaikat kepada mereka dari semasa ke semasa (dengan memberi ilham): "Janganlah kamu bimbang (dari berlakunya kejadian yang tidak baik terhadap kamu) dan janganlah kamu berdukacita, dan terimalah berita gembira bahawa kamu akan beroleh syurga yang telah dijanjikan kepada kamu.

(Surah al-Fuṣṣilat, 41: 30)

Berdasarkan firman Allah s.w.t. dalam surah al-Fuṣṣilat pada ayat yang ke-30, konsep pencapaian yang benar memerlukan suatu nilai yang konsisten dengan segala kebaikan. Dari segi bahasa Arab, konsisten disebut sebagai *istiqamat* yang membawa maksud berdiri secara berterusan pada landasan yang benar. Berdasarkan teori konsistensi kognitif oleh Fishbein dan Ajzen (1975), aspek konsisten merupakan landasan utama dalam menyatakan organisasi sikap manusia. Kenyataan ini telah diutarakan oleh Ahmad Sonhadji (1997) yang menjelaskan dalam huraian ayat 30 dalam surah al-Fuṣṣilat; bahawa setiap pengakuan yang dilakukan oleh mukmin dalam konteks pegangan hidup, secara refleksnya terus ditaati dalam bentuk nilai yang konsisten berasaskan elemen iktikad, perkataan dan perbuatan. Kezhahiran elemen-elemen ini menerbitkan suatu sikap tertentu pada diri seseorang individu dalam menangani sesuatu tugas.

Menurut Ghazali (2012) sikap merupakan salah satu aspek nilai yang penting dalam pembelajaran. Justeru, di antara elemen nilai dalam kajian ini ialah sikap seseorang

pelajar. Fishbein dan Ajzen (1975) menyifatkan sikap sebagai suatu tingkahlaku secara langsung hasil dari pembelajaran individu, sama ada melahirkan rasa konsisten atau tidak konsisten terhadap sesuatu. Dalam proses penghafazan al-Qur'an, al-Masyā'ilah (2009) menjelaskan para *ḥāfiẓ* dan *ḥafizāt* seharusnya mengambil sikap mengamalkan tilawah secara berterusan agar pencapaian menghafaz al-Qur'an meningkat dari semasa ke semasa. Berdasarkan teori daripada Tolman (1951), kefahaman tentang atribut nilai mampu mewujudkan sikap yang kuat untuk mencapai matlamat. Selain dari sikap, menurut Pintrich, et al. (1991), atribut nilai dapat diketahui melalui tiga elemen, iaitu elemen intrinsik, ekstrinsik dan nilai tugas.

Dalam memperkatakan tentang sikap para penghafaz al-Qur'an, ia dikaitkan dengan perilaku atau tindak yang dilakukan dalam proses menghafaz. Secara empirikalnya, tinjauan literatur mengimplikasikan bahawa kapasiti menyimpan hafalan di dalam minda adalah bergantung kepada kemampuan seseorang pelajar (Abdul Hafiz & Norhanan, 2009). Justeru, secara tidak langsung, kemampuan seseorang pelajar juga adalah berkaitan dengan tindakan mampu untuk berusaha. Tindakan mampu berusaha menunjukkan perlakuan positif dalam pembelajaran. Hal ini dibuktikan dalam kajian Ghazali, Nik Mohd Rahimi dan Parilah (2010) yang menyatakan bahawa elemen sikap pelajar dapat mempengaruhi proses belajar. Sikap yang positif terhadap pembelajaran memberikan implikasi yang tinggi kepada semangat individu untuk meningkatkan prestasi (Bandura, 1994). Contohnya menanamkan rasa syukur dan seronok mempelajari bidang al-Qur'an. Konsep syukur merupakan terminologi Islam yang bersifat kekal dan *syumul* (menyeluruh) (Noor Najihan, 2014). Menurut

Rosniati (2014), keadaan ini dipengaruhi oleh pegangan agama dan nilai Islam yang ada dalam diri seseorang.

Terdapat beberapa sikap negatif para penghafaz al-Qur'an, antaranya ialah seperti tidak sabar, malas dan berputus asa. Dalam kajian Abdul Hafiz dan Hasimah (2009) menyatakan sikap-sikap negatif tersebut sebagai masalah dalaman pelajar tahfiz. Al-Masyā'ilah (2010) menjelaskan bahawa sikap yang negatif dalam menghafaz al-Qur'an menunjukkan perlakuan individu yang tidak mahu menghafaz al-Qur'andengan bersungguh-sungguh. Hafazan al-Qur'an penting untuk dikuasai oleh pelajar tahfiz kerana prestasi pelajar tahfiz akan dinilai berdasarkan kuantiti hafazan yang ditetapkan pada setiap bulan (Abdul Hafiz, 2007). Sekiranya para pelajar didapati tidak dapat mencapai kuantiti hafazan yang ditetapkan, pelajar tersebut dinilai sebagai tidak mengambil berat ke atas tanggungjawab yang diamanahkan (Abdul Hafiz, 2007). Perkara ini disokong dalam kajian Heri Septadi (2012) yang mengungkapkan bahawa penghafaz al-Qur'an seharusnya mempunyai matlamat dalam bidang yang diceburi.

Selain mempunyai matlamat, menurut Hurlock (1974), minat merupakan sikap yang berunsur psikologi dalam diri seseorang pelajar. Berdasarkan konteks hafazan al-Qur'an misalnya, keutamaan terhadap subjek-subjek utama harus diberi perhatian yang sewajarnya. Dalam kajian Umu Hani (2014) menguatkan kenyataan ini dengan meletakkan sikap yang menunjukkan minat mendalam terhadap hafazan al-Qur'an sebagai sikap yang dituntut dalam proses menghafazan al-Qur'an. Kenyataan ini telah dinyatakan oleh Bloom, David dan Bertram (1988) yang menyatakan bahawa kesediaan afektif seperti menunjukkan sikap berminat dan bersemangat akan

menghasilkan dorongan yang kuat untuk mencapai matlamat pembelajaran. Sinonim dengan kenyataan tersebut, kajian Abdul Hafiz dan Hasimah (2003) menyarankan sikap bersemangat dan azam yang kuat terhadap proses penghafazan al-Qur'an seharusnya sentiasa diberi penekanan. Kepentingan elemen semangat akan meletakkan matlamat pelajar dalam sesuatu subjek dapat dicapai (Pintrich, 1999). Keadaan ini juga akan dapat mendorong pelajar tahfiz untuk meneruskan usaha pengekal al-Qur'an di dada (al-Masyā'ilah, 2010).

Menurut Muhamad Asraf (2015), bimbingan serta tunjuk ajar yang dilakukan secara berhikmah ke atas pelajar dapat meningkatkan sikap yang positif. Sikap yang positif dapat memberikan kesan kepada prestasi pelajar terutamanya sewaktu pembelajaran dijalankan di dalam kelas (Pintrich & De Groot, 1990; Guliz Ozoturk & Cigdem Hursen, 2014). Selain itu, elemen sikap juga boleh dilihat berdasarkan tabiat pelajar atau masyarakat sekeliling sama ada rakan sebaya, ibubapa dan pensyarah (Ghazali, 2012). Sejar dengan kenyataan ini, Heri Saptadi (2012) dan Layin (2014) mengakui bahawa elemen sikap pelajar dalam pencapaian menghafaz al-Qur'an dipengaruhi oleh sikap keluarga, rakan sebaya, guru serta kiai pondok pesantren. Kajian-kajian tersebut memberitahu tentang kewujudan pengaruh lingkungan pelajar yang telah mempengaruhi sikap pelajar. Hal ini menggambarkan budaya pergaulan pelajar tersebut ke atas lingkungannya mencetuskan suasana yang tertentu ke atas peribadi. Kajian-kajian tersebut mempunyai perkaitan dengan kajian ini kerana mereka menonjolkan aspek sikap yang mempengaruhi pencapaian pelajar. Walau bagaimanapun, kajian tersebut merupakan kajian kualitatif yang melibatkan triangulasi data (Heri Saptadi, 2012). Heri Saptadi (2014) hanya membincangkan elemen sikap pelajar tahfiz dengan aplikasi merendah diri dalam segala hal.

Manakala kajian Ghazali (2012) melibatkan kajian ke atas pelajar siswa yang mengambil bahasa Arab sebagai bahasa kedua.

Selain itu, kesediaan dalaman juga diterangkan sebagai elemen intrinsik. Elemen intrinsik merujuk kepada dorongan yang tidak dipengaruhi oleh lingkungan luaran. Elemen ini berkait rapat dengan keadaan yang menjelaskan intensiti dalam sesuatu perkara yang dilakukan. Keinginan dalaman seperti ledakan perasan ingin tahu lebih lanjut, minat dan perasaan ingin belajar merupakan rumpun intrinsik. Menurut Pintrich, et al., (1991) serta Pintrich dan Schunk (1996), hasil daripada daya intrinsik akan membuahkan hasil perasaan yang puas dari seseorang pelajar. Intrinsik juga merupakan penggerak dalaman yang bertindak sebagai penguat dalam suatu tindak mencapai aspirasi kehidupan (Gagne, 1967; h. 248). Misalnya suasana yang kondusif mampu menyemarakkan lagi semangat untuk menghafaz al-Qur'an (Riswandi, 2013). Semangat juga merupakan intrinsik yang dapat melahirkan sikap konsisten dan berterusan (Weiner, 1980). Abde Syedna (2013) menyatakan bahawa usaha menghafaz al-Qur'an harus bermula dengan azam, misalnya daya intrinsik dan ekstrinsik yang jelas untuk memelihara *kalāmullah*. Hal ini disokong oleh Riswandi (2013) yang menyenaraikan faktor-faktor kepincangan para pelajar tahfiz meneruskan usaha menghafaz al-Qur'an antaranya ialah kerana tiada dorongan intrinsik dan ekstrinsik.

Hal ini boleh dikaitkan dengan peranan ibu-bapa terhadap anak-anak mereka. Misalnya keputusan ibu-bapa menghantar anak-anak ke institusi tahfiz (Sedek, 2012) yang tidak mengambil kira soal kerelaan dan kesediaan anak-anak itu sendiri merupakan salah satu faktor kegagalan para pelajar tahfiz untuk menghayati al-

Qur'an. Akhirnya para pelajar tersebut secara langsung akan menghafaz al-Qur'an tanpa mempunyai niat yang betul (Umu Hani, 2014). Menurut Nisrina (2015), perkara penting yang harus diperhatikan oleh ibu dan bapa ialah menanamkan sikap kecintaan terhadap al-Qur'an terlebih dahulu sebelum menghantar anak-anak memasuki pengajian tahfiz. Rosniati (2014) juga pernah menyatakan bahawa penyemaian al-Qur'an pada usia kanak-kanak lebih baik berbanding usia yang lebih matang. Hal ini kerana, ramai pelajar tahfiz yang akhirnya berasa jenuh dengan aktiviti mereka yang menekankan hafazan al-Qur'an sepanjang masa kerana jiwa mereka tidak dilatih untuk mencintai al-Qur'an (Nisrina, 2015). Thorndike (2001) menekankan bahawa pembelajaran tidak menghasilkan kesempurnaan apabila terdapat elemen paksaan. Hal ini mempengaruhi pencapaian para pelajar tersebut dari segi intrinsik dan ekstrinsik. Pintrich dan Schunck (1996) turut menjelaskan bahawa daya intrinsik akan terpadam apabila wujudnya sebuah perasaan keterasingan (*incongruity*) yang menghubungkan pengalaman-pengalaman lalu dengan pengalaman-pengalaman yang baru.

Menurut Brophy (1998), intrinsik dapat dijelaskan melalui dua elemen, iaitu afektif dan juga kognitif. Dari sudut afektif dalam daya intrinsik misalnya ialah apabila para pelajar berasa gembira semasa melakukan aktiviti pembelajaran, manakala dari sudut kognitif pula mempunyai kaitan dengan penyempurnaan sendiri (*self-actualization*). Daya intrinsik turut dikaitkan dengan pengaruh yang menyebabkan daya tersebut meningkat. Pengaruh ini timbul disebabkan adanya faktor sebab dan akibat yang mendasari tindakan mereka. Daya intrinsik juga dikaitkan dengan keinginan diri (*self-determination*). Keinginan yang lahir dari dalam diri mempunyai beberapa

elemen penting seperti kompeten, autonomi dan hubungan dengan orang lain (Pintrich & Schunk, 1996; Brophy, 1998).

Kompeten ialah kemampuan seseorang dalam mengawal situasi yang dihadapi dengan daya yang berterusan dan sempurna. Manakala autonomi bermaksud kemampuan seseorang memutuskan sesuatu tindakan (Mohd Zailani, 2012). Tindakan tersebut melibatkan pertimbangan untuk memilih, pertimbangan untuk melakukan dan pertimbangan untuk menyelesaikan. Hubungan dengan orang lain pula ialah kesedaran mempunyai pertalian dengan masyarakat sekeliling. Dalam konteks ini, seseorang yang mempunyai kesedaran mempunyai pertalian dengan masyarakat sekitarnya akan merasakan bahawa keperluan untuk berkhidmat dengan orang-orang di sekitarnya adalah satu tanggungjawab. Pintrich dan Schunk (1996) menjelaskan penyempurnaan sendiri yang gagal akan menyebabkan daya intrinsik berada dalam keadaan yang lemah.

Intrinsik merupakan motivasi dalaman yang berasal daripada keinginan jiwa manakala ekstrinsik dipengaruhi oleh insentif luaran; ganjaran (Pintrich & De Groot, 1990). Al-Masyā'ilah (2010) menggunakan konsep motivasi ekstrinsik dengan amalan menganugerahkan hadiah kepada diri sendiri bagi membangunkan motivasi intrinsik dalam penghafazan al-Qur'an. Anugerah tersebut dikaitkan dengan konsep cabaran kepada diri sendiri. Brophy (1998) menjelaskan situasi meletakkan cabaran kepada diri seseorang pelajar harus bersesuaian dengan tugas yang diberikan kerana perkara tersebut bersangkutan-paut dengan penyemaian minat dalam diri seseorang pelajar. Justeru, pelajar yang mempunyai motivasi intrinsik secara konsisten akan menghasilkan pencapaian akademik yang lebih baik (Marina Lemos & Lurdes Verissimo, 2014). Namun, Brophy (1998), Pintrich dan Schunk (1996)

menyangkal amalan hadiah yang akan dapat meningkatkan daya intrinsik. Hal ini kerana, mereka berpandangan bahawa amalan ganjaran atau hadiah hanya akan dapat menurunkan paras daya intrinsik seseorang pelajar. Ironinya, sekiranya ganjaran tersebut tidak diberikan, pelajar tersebut berasa lemah kerana wujudnya perasaan mengharap kepada ganjaran yang diperolehi (Pintrich & Schunk, 1996; Brophy, 1998).

Semangat intrinsik memainkan peranan yang penting dalam pembelajaran. Berdasarkan kajian Muhammad Purwandi (2011), motivasi dalaman yang tinggi akan dapat meningkatkan pencapaian pembelajaran al-Qur'an. Kenyataan ini disokong oleh Heri Saptadi (2012) yang kajiannya menjelaskan bahawa proses penghafazan al-Qur'an dipengaruhi oleh motivasi intrinsik dan bukan ekstrinsik kerana motivasi ekstrinsik biasanya wujud pada keadaan proses pembelajaran akademik umum. Niat yang betul dalam menghafaz al-Qur'an bukan kerana ganjaran atau pandangan masyarakat adalah perkara paling asas yang perlu diperhatikan oleh setiap penghafaz al-Qur'an (Abdul Hafiz dan Hasimah, 2003; Muhammad Khalīfatullāṭ, 2013). Kenyataan ini menjelaskan bahawa para penghafaz al-Qur'an seharusnya mengutamakan akhirat dalam menghafaz al-Qur'an (Badrul, 2008).

Walau bagaimanapun, Abdul Hafiz (2007) menggariskan para pelajar tahfiz seharusnya mempunyai dua halatuju, iaitu bukan setakat ukhrawi, tetapi juga duniawi. Boyle (2006) dalam sesi temu ramah bersama seorang pelajar tahfiz Yaman memberitahu bahawa manfaat hafazan al-Qur'an dapat diperolehi dalam dua keadaan, iaitu keadaan dalam alam dunia dan keadaan dalam alam akhirat. Kajian Umi Kalthom, Nurul Fitriah dan Adi Hameme (2015) juga memberikan maklumat

bahawa pencapaian dunia dan akhirat sangat mustahak dititikberatkan, justeru kewujudan program Ulul-Albab adalah jalan untuk mencapai objektif dwifungsi tersebut. Pada dasarnya, manusia dijadikan oleh Allah s.w.t. berkehendakan kepada dua pengetahuan, iaitu pengetahuan dunia dan juga pengetahuan agama (Nazia & Syeda, 2015). Menurut Abdul Hafiz (2007), halatuju duniawi penting untuk dikuasai tetapi seharusnya mempunyai asas serta matlamat ukhrawi yang akan memandu pelajar agar tuntutan duniawi seiring dengan tuntutan ukhrawi. Khalisatin Nasihah (2013) menambah bahawa janji syurga dari Allah s.w.t. di akhirat kelak terhadap orang-orang yang berpegang teguh kepada al-Qur'an merupakan motivasi ekstrinsik yang paling jelas untuk hamba-hamba-Nya.

Daya intrinsik juga boleh dikaitkan dengan pegangan agama. Secara rasional, mereka yang berpegang kuat kepada ajaran agama akan menonjolkan sikap positif yang terhasil daripada dorongan dalam diri. Kajian Nazia dan Syeda (2015) yang membandingkan pengaruh hafazan al-Qur'an ke atas pencapaian akademik dan sosio-budaya pelajar tahfiz menunjukkan hanya seramai 3 orang *huffaz* daripada 36 orang *huffaz* (n: 36) merasakan tahap keagamaan mereka bertambah kukuh. Kajian ini menunjukkan daya intrinsik para *huffaz* masih berada dalam keadaan yang lemah kerana hanya 8.34 peratus *huffaz* beranggapan mereka jadi lebih baik dari segi keagamaan.

Ahmad Faqihuddin (2015) mendapati dua faktor utama berkenaan pelajar yang menghafaz al-Qur'an ialah faktor intrinsik dan juga ekstrinsik. Berdasarkan pemerhatian dan temu bual yang dilakukan oleh beliau, data menjelaskan bahawa faktor intrinsik meliputi aspek keyakinan, mengasah kemahiran menghafaz dan

bekalan hidup. Manakala faktor ekstrinsik disenaraikan sebagai dorongan, saranan dan imbuhan yang datangnya dari pelbagai pihak seperti keluarga, rakan, guru dan institusi tahfiz sendiri.

Dalam memperkatakan tentang imbuhan, ia mempunyai kaitan dengan ganjaran. Pintrich, et al. (1991) menjelaskan keadaan ini sebagai pengaruh ekstrinsik. kajian dari Mohamad Khairudin, Rohaida, Zulkifli, Noor Naemah dan Durriyyah (2013) menjelaskan, pengaruh ekstrinsik; ganjaran terbahagi kepada tiga, iaitu ganjaran positif, ganjaran negatif dan hukuman. Ganjaran positif, ganjaran negatif dan hukuman yang setimpal yang diterima oleh pelajar tahfiz dalam mengekalkan usaha menghafaz al-Qur'an mempunyai peranannya tersendiri (Mohamad Khairudin, et al., 2013). Penerimaan hadiah dan pujian merupakan ganjaran positif kepada para pelajar untuk berusaha meningkatkan prestasi pembelajaran (Rusli & Abang Ishar, 2010). Selain itu, ganjaran negatif turut dipraktikkan bagi sesetengah keadaan dan telah digunakan oleh kebanyakan sistem tradisional. Menurut al-Qābisī, (1955), para guru berhak untuk melakukan denda seperti rotan kepada pelajar sekiranya bertentangan dengan prinsip pembelajaran. Sementara dalam kajian Abdul Hafiz (2007) memperkuat kenyataan ini dengan menyatakan bahawa pemberian ganjaran negatif berbentuk amaran dan hukuman denda rotan yang digunakan dalam kaedah *Deobandy* kepada para pelajar yang gagal untuk mengingati hafazan al-Qur'an yang dihafal dipercayai akan menjadikan para pelajar lebih berdisiplin. Ganjaran atau hukuman tersebut merupakan pembangkit utama motivasi pelajar untuk terus menghafaz. Dengan adanya motivasi, keyakinan terhadap kemampuan serta rasa ingin tahu pelajar tahfiz dapat dipupuk secara langsung (Nisrina, 2015).

Ganjaran positif serta ganjaran negatif merupakan salah satu instrumen yang dapat meningkatkan aktiviti pembelajaran. Dalam kajian Marita (2016) menyifatkan ganjaran positif sebagai salah satu konsep pembelajaran yang dianjurkan Islam, iaitu *Tsawab*. Menurut Skinner (1965), ganjaran positif seperti hadiah akan dapat meningkatkan daya intrinsik dan ekstrinsik seseorang pelajar. Walau bagaimanapun, Marita (2016) menjelaskan bahawa ganjaran positif haruslah bersifat tidak berlebihan sehingga menyebabkan wujudnya penipuan, menonjolkan sikap malas pelajar dan sebagainya. Schunk (1983) telah menyatakan bahawa hadiah hanya wajar diberikan kepada pelajar yang menunjukkan prestasi yang positif. Manakala ganjaran negatif melibatkan hukuman yang dijatuhkan kepada seseorang pelajar yang gagal menerima arahan dengan teguran atau nasihat (Marita, 2016).

Selain itu, kesediaan dalaman juga dapat diterangkan sebagai wujudnya elemen nilai tugas dalam diri. Elemen nilai tugas sering dikaitkan dengan tindak balas pelajar dalam menerima sesuatu pembelajaran sehingga menerbitkan suatu tanggapan atau dengan kata lain ialah persepsi. Persepsi pelajar dalam mengandaikan sesuatu kursus itu berguna dan bermanfaat kepada diri merupakan suatu bentuk nilai tugas (Pintrich, et al., 1991). Tugas mencabar yang berjaya diharungi akan melahirkan perasaan puas dan apresiasi (Pintrich & Schunck, 1996). Pintrich dan De Groot (1990) menggariskan bahawa seseorang yang menggunakan pengurusan strategi pembelajaran yang berkesan dipercayai bukan sahaja mempunyai motivasi yang tinggi, malah turut memperolehi keyakinan bahawa kursus itu bernilai pada tahap yang tinggi.

Kajian Ghazali, et al. (2010) menyatakan bahawa majoriti pelajar mengakui kepentingan bahasa Arab. Walau bagaimanapun, kajian tersebut memfokuskan kepada pencapaian akademik bahasa Arab. Menurut Faathima (2013), pencapaian bahasa Arab melalui al-Qur'an (hafalan) mempunyai perbezaan dengan pencapaian akademik bahasa Arab. Hal ini kerana, penghafazan al-Qur'an menuntut fonologi serta ortografi yang tepat dalam melontarkan bacaan secara lisan dan bertulis. Walau bagaimanapun, dapatan Ghazali, et al. (2010) yang mengetengahkan aspek kepentingan tugas yang dibawa oleh pelajar juga bersifat sinonim dengan al-Masyā'ilah (2010) yang menggariskan kesedaran ke atas *ḥafīz* dan *ḥafīzat* tentang kepentingan al-Qur'an yang dihafaz untuk proses pemeliharaan. Hal ini memaksudkan bahawa selain daripada proses pemeliharaan, kemampuan pelajar tahfiz untuk menulis semula apa yang dihafaz juga berkaitan dengan nilai tugas. Dapatan Ghazali (2012) misalnya menunjukkan bahawa nilai tugas merupakan aspek penting dalam meningkatkan pencapaian. Sejajar dengan kenyataan ini, aspek kejelasan tugas yang dibawa oleh para penghafaz al-Qur'an memainkan peranan penting kerana mereka memilih jalan untuk memikul amanah Allah dengan menghafaz *kalāmullah* (Umu Hani, 2014). Aspek kejelasan tugas bukan sahaja akan dapat memandu para pelajar tahfiz meningkatkan kemampuan dari segi pencapaian, malah mengekalkan kualiti serta produktiviti kerja yang bakal ditempuh (Shariffah Nur Bahijah, 2011).

Misalnya, tanggapan pelajar tahfiz dalam menghadapi urusan menghafaz al-Qur'an setiap hari. Menurut Nisrina (2015), rahmat dan ketenangan dapat diraih dengan usaha membaca dan mentadabbur al-Qur'an tanpa harus menghafaznya, walau bagaimanapun pengalaman menghafaz al-Qur'an merupakan usaha khusus yang

mempunyai kelebihan tersendiri. Kesemua usaha yang melibatkan kedekatan manusia dengan al-Qur'an seperti membaca, menghafaz, *tadabbur* hatta mengkaji ilmu-ilmu di dalamnya merupakan usaha memelihara al-Qur'an secara bersendiri (Sarah, 2013; Nisrina, 2015; Siti Sarah, 2015). Kenyataan ini menunjukkan tentang betapa pentingnya para pelajar memahami tugas yang dibawa oleh mereka.

Kejelasan tugas yang diamanahkan akan memandu seseorang untuk meletakkan budaya disiplin ke atas tugas yang dibawa (Abdul Hafiz & Norhanan, 2010; Yusuf, 2011). Dalam menggerakkan budaya disiplin ke atas tugas yang dibawa, Weiner (1980) membahagikan penilaian tugas dari segi pencapaian kepada empat faktor, iaitu keupayaan, usaha, kerumitan dan nasib. Konsep ini selaras dengan prinsip Islam yang menekankan tentang konsep memperoleh nasib rezeki setelah berusaha yang bukan sekadar nasib tetapi sebagai mukmin, rezeki yang diperolehi sewajarnya didahului oleh usaha, tawakal dan doa kepada Allah s.w.t. sebagaimana hadis Rasulullah s.a.w. dari Umar Al-Khattab:

حَدَّثَنَا أَبُو عَبْدِ الرَّحْمَنِ حَدَّثَنَا حَيُّوهُ أَخْبَرَنِي بِكَرْرِ بْنِ عَمْرِو أَنَّهُ سَمِعَ عَبْدَ اللَّهِ بْنَ
هُبَيْرَةَ يَقُولُ إِنَّهُ سَمِعَ أَبَا تَمِيمٍ الْجُشَيْبِيَّ يَقُولُ سَمِعَ عُمَرَ بْنَ الْخَطَّابِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ
يَقُولُ إِنَّهُ سَمِعَ نَبِيَّ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ لَوْ أَنَّكُمْ تَتَوَكَّلُونَ عَلَى اللَّهِ حَقَّ
تَوَكُّلِهِ لَرَزَقَكُمْ كَمَا يَرْزُقُ الطَّيْرَ تَغْدُو خِمَاصًا وَتَرُوحُ بِطَانًا (رواه أحمد)

Ertinya: Dari Umar bin Khattab ra berkata, bahawa beliau mendengar Rasulullah s.a.w. bersabda, “Sekiranya kalian benar-benar bertawakal kepada Allah s.w.t. dengan tawakal yang sebenar-benarnya, sungguh kalian akan diberi rezeki (oleh Allah s.w.t.), sebagaimana seekor burung diberi rezeki; di mana ia pergi pada pagi hari dalam keadaan lapar, dan pulang di petang hari dalam keadaan kenyang”

(Riwayat Tirmīdhī, 2344; Riwayat Ibnu Māja, 4164; Riwayat Ahmad, 205, 372 & 375)

Hadis ini menerangkan tentang konsep tawakal kepada Allah s.w.t. hanya dilakukan setelah adanya usaha untuk mendapatkan rezeki. Allah s.w.t. menunjukkan misal

terbaik untuk dijadikan teladan, iaitu fitrahnya seekor burung yang mencari rezeki pada setiap pagi. Selain itu, dalam surah al-Isra' pada ayat yang ke-44 dinyatakan bahawa semua makhluk di langit dan bumi mengucapkan tasbih kepada Allah s.w.t. Keadaan ini menjelaskan lagi kedudukan makhluk-makhluk Allah s.w.t. sentiasa mensyukuri nikmat Allah s.w.t. yang tidak terhitung padanya. Makhluk-makhluk Allah s.w.t. ini mempunyai konsep syukur dan tawakalnya kepada Allah s.w.t dengan cara yang tersendiri.

Menurut Afrizal (2012), konsep syukur dan tawakal yang boleh diaplikasikan oleh pelajar tahfiz ialah menunjukkan minat yang tinggi terhadap al-Qur'an. Walau bagaimanapun, kajian ini tidak menekankan kepada faktor diri pelajar, sebaliknya meletakkan sensitiviti ke atas usaha guru yang harus dipertingkatkan dari semasa ke semasa. Hal ini kerana, usaha guru dijangkakan akan dapat meningkatkan minat pelajar tahfiz untuk menghafaz al-Qur'an (Afrizal, 2012). Kajian ini memberi manfaat dari segi penyediaan minat yang dilihat penting dalam aspek pengajian tahfiz. Namun begitu, simbolik yang dilihat bergantung kepada orang lain menyebabkan kajian ini tidak selari dengan aspirasi kajian.

Selain itu, menurut al-Masyā'ilah (2010), apabila pelajar berasa minat untuk menghafaz al-Qur'an, perasaan suka untuk membaca al-Qur'an akan bertambah. Intan Zakiah dan Munif (2015) menjelaskan antara perkara yang dapat menambah kekusyukan bacaan al-Qur'an ialah membaca al-Qur'an dengan tartil dan mempunyai melodi yang baik. Bacaan yang baik dapat membawa pelajar agar lebih menghayati kesenian *kalāmullah* yang Maha Agung. Frederick (1989) mengungkapkan situasi ini sebagai kesan muzikal arab yang disebut (tingkatan-

tingkatan) *maqāmāt* dan tangga-tangga nada (*naghamāt*). Apabila pelajar mempunyai kesedaran dan keyakinan bahawa al-Qur'an mempunyai nilai yang positif dalam jiwa, mereka akan merasakan betapa pentingnya al-Qur'an dalam hidup mereka.

Dalam kajian Sedek (2012) menjelaskan bahawa penguasaan memori pelajar tahfiz terhadap al-Qur'an sangat mustahak. Perkara ini bergantung kepada kaedah hafazan yang digunakan. Hal ini juga telah dibuktikan dengan metodologi *Deobandy* yang dipraktikkan di Maahad Tahfiz Kubang Bujuk Terengganu. Walaupun mereka tidak mengulang al-Qur'an selama setahun, mereka dilihat masih mampu untuk membaca semula 30 juz al-Qur'an tanpa melihat *muṣḥaf* pada musim terawih di bulan Ramadhan (Sedek, Sabri, Shaharuddin, Mohd Zaini, Nik Md Saiful Azizi, Mohd Sa'di & Riswadi, 2011). Kajian Sedek (2012) mempunyai perkaitan dengan kajian ini kerana menonjolkan kepentingan menguasai hafazan. Penguasaan hafazan merupakan satu contoh nilai tugas yang perlu disemai dalam jiwa pelajar tahfiz.

Secara keseluruhannya, atribut nilai yang diterangkan dalam kajian ini melibatkan tinjauan kajian-kajian lepas yang menumpukan kepada empat elemen, iaitu sikap, intrinsik, ekstrinsik dan nilai tugas. Ciri-ciri elemen sikap yang dapat diketengahkan ialah positif dengan aktiviti menghafaz al-Qur'an, mengetahui subjek utama yang harus dikuasai dan perancangan untuk memelihara hafazan al-Qur'an. Ciri-ciri yang ditonjolkan dalam elemen intrinsik pula ialah kepelbagaian strategi menghafaz dan mempunyai kemahuan untuk menguasai hafazan al-Qur'an. Manakala ciri-ciri dalam elemen ekstrinsik ialah kaitan pencapaian dengan lingkungan pelajar seperti keluarga, masyarakat, guru dan sebagainya. Ciri-ciri

dalam nilai tugas pula diterangkan melalui tinjauan kajian-kajian lepas sebagai boleh menulis semula apa yang dihafaz, kesedaran tentang peri mustahaknya penguasaan subjek yang dihafaz, faktor minat serta menghargai tugas yang dibawa. Berdasarkan tinjauan kajian-kajian lepas berkenaan atribut ini juga menggambarkan bahawa kesemua elemen yang ditunjukkan merupakan projeksi peringkat amalan para penghafaz al-Qur'an.

2.6.1.2 Jangkaan (*Expectancy Components*)

Kepercayaan asasi terhadap diri untuk melaksanakan sesuatu tugas merupakan suatu proses jangkaan. Jangkaan juga berkait rapat dengan matlamat seseorang pelajar dalam menentukan sesuatu tugas. Dalam Teori Jangkaan Pintrich, et al. (1991), terdapat dua perkara penting, iaitu persepsi terhadap keupayaan sendiri pembelajaran (kawalan kepercayaan) dan kepercayaan jangkaan keupayaan sendiri (efikasi sendiri). Komponen-komponen ini dipercayai mempunyai hubungan dengan pencapaian akademik (Pintrich & Schunk, 1996; Bandura, Barbaranelli, Caprara & Pastorelli, 1996; Murat, 2009). Justeru, ulasan karya bahagian ini menjelaskan faktor jangkaan sebagai kawalan kepercayaan dan efikasi sendiri. Elemen kawalan kepercayaan boleh dihubungkan dengan firman Allah s.w.t. dalam ayat ke 69.

Firman Allah s.w.t.:

وَالَّذِينَ جَاهَدُوا فِينَا لَنَهْدِيَنَّهُمْ سُبُلَنَا وَإِنَّ اللَّهَ لَمَعَ الْمُحْسِنِينَ

Maksudnya; Dan orang-orang yang berusaha dengan bersungguh-sungguh kerana memenuhi kehendak agama Kami, sesungguhnya Kami akan memimpin mereka ke jalan-jalan Kami (yang menjadikan mereka bergembira serta beroleh keredaan); dan sesungguhnya (pertolongan dan bantuan) Allah s.w.t. adalah berserta orang-orang yang berusaha memperbaiki amalannya.

(surah al-‘Ankabūt, 29: 69)

Berdasarkan firman Allah s.w.t. dalam surah al-‘Ankabūt ayat 6, setiap mukmin yang berusaha memperbaiki amalan dengan kesungguhan akan mendapat keredaan Allah. Kenyataan ini merupakan suatu janji bahawa setiap individu yang berusaha akan beroleh kejayaan. Keyakinan dengan konsep usaha menjadikan individu yang ingin mencapai kejayaan akan memilih sikap bersungguh-sungguh di dalam segala bentuk usaha yang dilakukan. Pintrich, et al. (1991) menerangkan bentuk keyakinan ini sebagai pengaktifan kawalan kepercayaan pada diri sendiri dengan melakukan usaha yang berstrategi dan percaya usaha tersebut akan mendapat hasil seperti yang diharapkan.

Berhubung dengan kajian tentang kawalan kepercayaan pelajar, Murat (2009) menyatakan bahawa tidak terdapat perbezaan jantina yang signifikan dalam kawalan kepercayaan terhadap pembelajaran. Tujuan kajian dilakukan ialah untuk mencari perbezaan kawalan kepercayaan yang dimiliki oleh pelajar lelaki dan pelajar perempuan (Murat, 2009). Dapatan ini menunjukkan bahawa kedua-dua pelajar sama ada lelaki ataupun perempuan mempunyai kawalan kepercayaan pada tahap yang tinggi. Kajian ini menggunakan subskala yang dicadangkan oleh Pintrich, et al. (1991). Walau bagaimanapun, kajian tersebut menumpukan kepada pelajar fakulti pendidikan di Universiti Sakarya, Turki.

Dapatan ini turut sejajar dengan Ghazali, et al. (2011) yang menyatakan bahawa kawalan kepercayaan keseluruhan pelajar yang mengikuti kursus bahasa Arab berada pada tahap yang tinggi. Kajian beliau turut menggunakan MSLQ sebagai instrumen utama. Manakala dalam bidang penghafazan al-Qur’an di Malaysia, kajian yang memfokuskan tentang kawalan kepercayaan pelajar tahfiz masih belum meluas.

Namun begitu, terdapat kajian mengenai pemprosesan memori manusia yang menghafaz al-Qur'an oleh Mariam, Abdul Wahab, Abdul Kabir, Jamal, Bashier dan Sofia (2014). Kajian tersebut menyatakan bahawa proses menghafaz al-Qur'an tidak hanya dilakukan oleh pelaku yang membuat latihan semata-mata, tetapi pelaku tersebut harus mempunyai disiplin yang sangat kuat.

Menurut al-Masyā'ilah (2010), disiplin dalam menghafaz al-Qur'an merupakan suatu bentuk kawalan dalam diri seseorang pelajar. Misalnya pada setiap hari para pelajar tahfiz akan menghafaz al-Qur'an di hadapan guru. Setiap pelajar mempunyai kemampuan yang berbeza-beza dalam mempersembahkan bacaan mereka tanpa melihat *muṣḥaf* di hadapan guru. Sinonim dengan kenyataan tersebut, Mohd Nazri (2010) menggariskan bahawa pencapaian satu halaman muka surat di hadapan guru merupakan pencapaian yang memadai sekiranya pelajar dapat mengekalkan prestasi pada setiap hari. Keadaan ini mungkin berbeza di setiap institusi tahfiz, silibus dan guru yang mengelolakan pengajian tahfiz mereka.

Elemen kawalan kepercayaan dikaitkan dengan pencapaian kerana pada kebiasaannya para pelajar yang mempunyai kawalan kepercayaan yang baik terdiri daripada pelajar yang mempunyai matlamat (Pintrich, et al., 1991). Ia juga boleh dikaitkan dengan pemikiran rasional. Secara rasionalnya, pelajar yang bersungguh-sungguh akan memperolehi kejayaan, manakala pelajar yang malas berusaha akan mendapat kegagalan. Contohnya dalam aspek pengajian tahfiz, menurut Wan Ahsani dan Muhamad Faisal (2015), hafazan di dalam minda dan hati merupakan suatu bidang yang abstrak kerana hanya dapat diuji melalui kesan dan tindak balas. Justeru, kepercayaan memperolehi kesan yang baik sekiranya menghafaz dengan

bersungguh-sungguh merupakan satu bentuk kawalan kepercayaan pelajar tahfiz. Hal ini diperakui oleh Mariam, et al. (2015) yang menjalankan temu bual ke atas lima orang *huffaz* yang berumur di antara 35 hingga 55 tahun. Dapatan menyatakan bahawa faktor iman dan kepercayaan merupakan pengaruh yang kuat kepada proses menghafaz al-Qur'an (Mariam, et al., 2015). Walau bagaimanapun, kepercayaan yang dimaksudkan ialah terhadap perkara-perkara ghaib dan juga qadak dan qadar-Nya. Secara natural, apabila pelajar tersebut percaya dengan qada' dan qadar-Nya, mereka juga akan membuat pertimbangan yang betul serta mampu membezakan di antara baik dan buruk. Pertimbangan ini melibatkan elemen kawalan kepercayaan dalam diri individu terbabit.

Selain itu, atribut jangkaan juga dapat diterangkan sebagai elemen efikasi sendiri. Efikasi sendiri merupakan tahap jangkaan keyakinan seseorang individu. Pintrich dan De Groot (1990) melihat komponen efikasi sendiri sebagai persepsi pelajar terhadap penyelesaian sesuatu tugas dengan kemampuan menilai kebolehan diri. Dalam konsep jangkaan, pelajar yang menjangkakan dirinya gagal untuk menyelesaikan sesuatu tugas tidak akan meneruskan tugas yang dibawa (Pintrich & Schunk, 1996).

Brophy (1998) menjelaskan beberapa perkara yang perlu diperhatikan bagi meningkatkan keupayaan sendiri (efikasi sendiri) pelajar misalnya galakan kepada pelajar untuk meletakkan sesuatu matlamat, membimbing cara melaksanakan sesuatu matlamat yang ingin dicapai, komen serta kritikan membina. Galakan, bimbingan, komen dan kritikan yang membina akan dapat mendorong usaha serta ketekalan pelajar dalam menghadapi pembelajaran.

Kajian Layin (2014) meletakkan elemen efikasi sendiri sebagai pembolehubah bersandar, kerana menurutnya, terdapat beberapa aspek yang mempengaruhi efikasi sendiri pelajar tahfiz. Dapatan menunjukkan terdapat hubungan positif yang signifikan di antara dorongan sosial dengan efikasi sendiri. Layin menyatakan bahawa semakin tinggi dorongan sosial yang diperolehi daripada keluarga, guru-guru dan rakan sebaya, maka semakin tinggi efikasi sendiri pelajar untuk mencapai suatu pencapaian.

Namun, dalam kajian Rusmita (2014) menggariskan bahawa perkara yang perlu ada dalam meningkatkan pencapaian menghafaz al-Qur'an hakikatnya ialah elemen minat dan disiplin (Rusmita, 2014). Rusmita menyatakan bahawa elemen minat dan disiplin memberi impak kepada sendiri menghafaz al-Qur'an. Sebaliknya Pintrich dan Schunk (1996) memberi pandangan bahawa sendiri dipengaruhi oleh faktor jangkaan yang melebihi dari faktor lain seperti minat atau kecenderungan. Dalam hal ini, keyakinan diri untuk mencapai kejayaan berkait dengan amalan psikologi seseorang (Zaiton, 2014). Para pelajar yang dilihat tidak mempunyai keyakinan diri untuk mencapai sesuatu matlamat perlu dirawat dengan galakan yang meningkatkan semangat (al-Masyā'ilah, 2010). Hal ini selari dengan Brophy (1998) yang menekankan konsep galakan, bimbingan, komen dan kritikan membina terhadap pelajar sebagai maklum balas seorang guru.

Kajian Murat (2009) berkenaan elemen efikasi sendiri mendapati bahawa tidak terdapat perbezaan jantina yang signifikan dalam efikasi sendiri terhadap pembelajaran. Murat (2009) menggunakan *motivated strategies of learning (MSLQ)* sebagai instrumen yang mengukur tahap efikasi sendiri pelajar. Dapatan kajian

beliau menjelaskan wujudnya hubungan positif di antara kebaikan diri, kemanusiaan dan kesedaran dengan elemen efikasi sendiri. Beliau turut menjelaskan bahawa pengasingan diri dan perbuatan menghakimi diri mempunyai hubungan yang negatif dengan efikasi sendiri. Kelebihan kajian ini ialah menunjukkan usaha peningkatan efikasi sendiri. Hubungan-hubungan yang mempunyai hubungan positif dan negatif dengan efikasi sendiri diperincikan bagi memantapkan daya efikasi sendiri pelajar dalam menghadapi pembelajaran (Murat, 2009).

Efikasi sendiri juga boleh difahami sebagai keyakinan yang dimiliki oleh seseorang individu. Individu yang menjangkakan kejayaan dalam suatu usahanya menggambarkan keyakinannya untuk berjaya berada pada tahap yang tinggi (Pintrich, et al. 1991). Dalam kajian Mariam, et al. (2015) menyebut keadaan ini sebagai motivasi. Beliau menekankan agar kefahaman mengenai proses menerima maklumat al-Qur'an untuk diingati dapat difahami terlebih dahulu. Situasi ini turut dinyatakan oleh Muhandi (2016) sebagai proses memahami sesuatu sebelum adanya daya untuk mengingat pembelajaran. Hal ini menunjukkan pelajar memahami hubungan natural antara daya usaha mengingat dengan subjek yang diingati. Berdasarkan kenyataan Mariam, et al. (2015), kefahaman tentang proses memori secara saintifik misalnya akan menjadikan pelajar tahfiz lebih aktif mengembangkan potensi sebenar masing-masing.

Efikasi sendiri juga merupakan suatu bentuk keyakinan dalaman yang bertindak sebagai pencetus kepada diri untuk mengembangkan keyakinan tersebut secara positif (Pintrich, et al., 1991). Menurut Dani (2014) perbuatan yang positif dihasilkan daripada fikiran yang positif. Perasaan yakin, perasaan mengharap dan rasa syukur

yang diungkapkan oleh Dani (2014) juga merupakan suatu hal yang abstrak dan transedental kerana ia merupakan karakter unik seseorang untuk mencapai sesuatu matlamat. Kenyataan ini juga telah dinyatakan oleh Khadijah dan Habsah (2013) sebagai menjelaskan bahawa keyakinan dan kepercayaan yang utuh akan dapat membantu individu agar lebih menghayati kehidupan seorang Muslim sebagai mukalaf. Terdapat perbezaan dari segi terminologi dalam menjelaskan efikasi sendiri yang diketengahkan oleh pandangan Islam dan juga pandangan barat. Menurut Noor Najihan (2014), efikasi sendiri dalam Islam dikaitkan dengan konsep syukur, reda dan tawakal kepada Allah s.w.t. Manakala pandangan barat mengkhususkan efikasi sendiri kepada satu terminologi yang bersifat sementara dan mengalami perubahan (Noor Najihan, 2014). Namun, persamaan yang diketengahkan oleh Noor Najihan (2014) dalam menjelaskan efikasi sendiri yang dipelopori barat dan pandangan Islam ialah pemikiran yang positif, tidak berputus asa, konsisten, berani mengambil risiko dan entiti pengorbanan dalam menyelesaikan sesuatu tugas. Justeru, dalam konteks ini, pandangan barat merupakan tindakan yang menyokong konsep asas Islam.

Secara keseluruhannya, atribut jangkaan yang diterangkan dalam kajian ini melibatkan tinjauan kajian-kajian lepas yang menumpukan kepada dua elemen, iaitu kawalan kepercayaan dan efikasi sendiri pelajar. Kawalan kepercayaan melibatkan pemikiran rasional sebab-akibat dari tindakan, manakala efikasi sendiri dijelaskan sebagai ramalan positif dari seseorang pelajar tahfiz. Tinjauan kajian-kajian lepas berkenaan atribut ini juga menggambarkan bahawa kesemua elemen yang ditunjukkan merupakan projeksi peringkat amalan para penghafaz al-Qur'an.

2.6.1.3 Afektif (*Affective*)

Ciri-ciri afektif merangkumi karakter yang dihasilkan dari perilaku perasaan, minat, sikap, emosi dan nilai. Pintrich, et al. (1991) mengungkapkan ciri afektif sebagai kebimbangan. Justeru, dalam kajian ini, kebimbangan merupakan ukuran kepada kesediaan dalaman; afektif. Kebimbangan sering dikaitkan dengan emosi negatif. Emosi tidak senang yang dikenali sebagai kebimbangan pada sesuatu perkara memberikan kesan kepada psikologi dan kelakuan seseorang pelajar (Pintrich & Schunk, 1996). Pintrich, et al. (1991) membahagikan kebimbangan kepada dua komponen, iaitu kebimbangan kognitif dan kebimbangan emosi. Situasi kebimbangan dapat terjadi ketika penilaian atau pengujian sedang dijalankan (Pintrich & Schunk, 1996).

Secara empirikalnya, kebimbangan ujian mempunyai hubungan yang negatif dengan pencapaian pelajar (Pintrich, et al., 1991; Pintrich & Schunk, 1996). Kenyataan ini selari dengan kajian Muhammed Yusuf (2010) yang menjelaskan peranan kestabilan emosi sebelum memulakan usaha menghafaz al-Qur'an. Hal ini juga diakui dalam kajiann Mohamad Azrien dan Mohd Alwee (2009) yang membandingkan keputusan peperiksaan pelajar yang mempunyai tahap kebimbangan tinggi dan sebaliknya. Pelajar yang mempunyai kebimbangan yang tinggi menunjukkan keputusan yang lebih rendah.

Sejajar dengan kenyataan ini, terdapat ramai pelajar perempuan mengalami perasaan gemuruh dan akibatnya mudah terlupa akan ayat-ayat hafazan yang ingin dibaca dalam sesi penilaian hafazan al-Qur'an (Abdul Hafiz, Siti Norlina & Hasimah, 2008). Abdul Hafiz, et al. (2008) menambah bahawa kekurangan guru dalam

kalangan *ḥāfiẓat* untuk menyemak bacaan menyebabkan para pelajar perempuan berasa gemuruh dan bimbang. Namun begitu perkara ini tidak bermakna bahawa hanya pelajar perempuan yang mengalami perasaan bimbang dalam menghadapi ujian, tetapi sebilangan pelajar lelaki turut mengalaminya namun dalam aspek yang berbeza. Dalam konteks kajian Ghazali, et al. (2010) menyatakan kebimbangan sebagai maksud cemas dan tertekan apabila mendapati bahawa dirinya harus bersaing dengan rakan-rakan yang lebih cepat dan lebih pandai dalam sesi pengujian.

Dalam perkembangan akademik yang lain, kajian Veloo dan Shamsuddin (2011) turut menjelaskan bahawa kebimbangan mempunyai hubungan negatif yang signifikan terhadap pencapaian pelajar. Kajian mereka menggunakan sampel seramai 251 pelajar tingkatan empat aliran teknikal di Kelantan melalui kaedah persampelan rawak. Dapatan kajian menggariskan agar komponen afektif; kebimbangan dititikberatkan bagi mengawal prestasi pembelajaran. Kenyataan ini menyokong cadangan Pintrich dan Schunk (1996) yang menjelaskan bahawa tahap kebimbangan dapat dibantu dengan kaedah pengawalan emosi dan kognitif.

Kajian Husni, Lili Zahara, Farhaniza, Sapora dan Khatijah (2013) menyimpulkan kebimbangan akan dapat diatasi dengan adanya kekuatan rohani dan kesedaran beragama yang tinggi. Kajian mereka menjelaskan bahawa semakin tinggi pegangan agama dalam diri seseorang pelajar, maka tahap kebimbangan turut berada pada tahap yang rendah. Personaliti beragama merupakan meditasi paling baik dalam mengatasi kerunsingan. Walau bagaimanapun, kajian mereka hanya membataskan kepada pelajar tahfiz lelaki yang mengambil jurusan kejuruteraan di peringkat asasi.

Responden juga tidak menunjukkan tahap kebimbangan yang tinggi, iaitu min 0.75 (Husni, et al. 2013).

Kajian Mohamad Khairudin, Rohaida, Zulkifli, Noor Naemah & Durriyyah (2014) menganalisis tentang perubahan tingkahlaku pelajar tahfiz setelah menerima ganjaran positif, ganjaran negatif dan hukuman daripada guru. Kajian ini mengetengahkan versi kebimbangan pelajar dari segi emosi yang dikatakan mengalami kebimbangan setelah menerima ganjaran negatif (*tarhib* dan *'uqubah*) yang dikenakan kepada mereka. Bentuk ganjaran negatif yang dilakukan ialah secara fizikal ataupun emosi. Bentuk ganjaran negatif secara fizikal seperti denda berdiri di atas pentas, manakala bentuk ganjaran negatif secara emosi ialah menghantar pelajar kepada kumpulan lain yang tingkat hafalannya lebih rendah serta memberi amaran kepada pelajar untuk menyertai kumpulan yang berlainan jantina (Mohamad Khairudin, et al., 2014). Menurut Marita (2016) dalam Islam, konsep ganjaran negatif dipanggil sebagai *adzab*. Rasionalnya, para pelajar berasa malu dan bimbang dengan ganjaran-ganjaran negatif yang melibatkan maruah mereka.

Dalam perkembangan yang lain, aplikasi ganjaran negatif membawa kebaikan kepada pelajar tahfiz di Terengganu kerana mereka berusaha sedaya-upaya untuk menghindari bentuk hukuman tersebut (Mohamad Khairudin et al., 2014). Selain itu, kebimbangan juga boleh dikaitkan dengan kekecewaan. Menurut kajian Yudhi (2012), kekecewaan yang dimaksudkan ialah dikeranakan oleh tujuan menghafaz yang tidak kesampaian. Justeru kekecewaan ini wajar berlaku ke atas mereka yang menghafaz al-Qur'an kerana perancangan pembelajaran yang adakalanya tergendala.

Walhal perkara ini dapat diatasi dengan lebih baik lagi sekiranya kekecewaan tersebut digantikan dengan perasaan yang hampir tepat sebagai pembelaan.

Secara keseluruhannya, kajian-kajian lepas menjelaskan kebimbangan mempunyai perkaitan yang negatif terhadap pencapaian dan dari satu sudut yang lain memberikan implikasi yang positif terhadap pencapaian pelajar tahfiz. Penilaian ke atas pelajar tahfiz berkenaan elemen afektif; kebimbangan juga akan memberikan penjelasan berkenaan hubungannya dengan pencapaian menghafaz al-Qur'an. Tinjauan kajian-kajian lepas yang diketengahkan dalam bahagian ini menggambarkan bahawa kesemua elemen yang ditunjukkan merupakan projeksi peringkat selepas menghafaz al-Qur'an kerana elemen-elemen memfokuskan kepada afektif; kebimbangan dengan penilaian subjek *Hifz al-Qur'ān*.

2.6.2 Strategi Pembangunan Dalaman Pelajar Tahfiz

Pembangunan dalaman merujuk kepada intuisi yang berasal dari peribadi seseorang untuk melakukan sesuatu tugas dan dalam erti kata yang lain ialah motivasi. Motivasi merupakan faktor dalaman (*internal*) yang perlu ada dalam jiwa setiap pelajar (Fifi Lutfiah, 2013). Berdasarkan teori motivasi pembangunan yang diperkenalkan oleh Csikszentmihalyi (1993) menjelaskan bahawa pembangunan dalaman mempunyai perkaitan dengan matlamat, ganjaran dan persekitaran. Beliau juga turut menjelaskan tentang aliran (*flow*) yang bukan sahaja wujud pada situasi yang menggembirakan tetapi juga pada aktiviti yang penuh dengan cabaran. Brophy (1998) menghuraikan situasi ini sebagai kesediaan dan penerimaan seseorang untuk bertindak dalam menyempurnakan tugasnya.

Strategi pembangunan dalaman juga berkait-rapat dengan motivasi. Majoriti para *huffaz* yang telah menghafaz al-Qur'an 30 juz, mereka mempunyai motivasi menghafal al-Qur'andengan cara yang tersendiri (Halilovic, 2005). Situasi ini diterangkan dalam konteks pembelajaran tahfiz. Menurut Elizaberth (2001), aktiviti pembelajaran dirangkumkan dalam tiga perkara, iaitu motivasi, penglibatan pelajar dan pembelajaran aktif. Beliau menggabungkan tiga perkara tersebut sebagai satu teknik pembelajaran yang berkualiti. Dalam memperkatakan tentang penglibatan pelajar, Chapman (2003) menjelaskannya sebagai kesediaan pelajar dalam menunaikan amanah pembelajaran. Hal ini dikaitkan dengan aplikasi kognitif, tingkah laku dan afektif (Nor Najihan, 2014) yang boleh digambarkan sebagai motivasi.

Kajian Rusmita (2014) mengandungi elemen motivasi namun ia hanya menekankan komponen tersebut dalam pencapaian secara umum. Sementara Heri Saptadi (2012) turut membincangkan motivasi dalam aktiviti pembelajaran tahfiz, walau bagaimanapun kajian beliau didapati tidak menggunakan instrumen soal selidik kerana menggunakan instrumen pemerhatian secara langsung, dokumentasi dan wawancara *in-depth interview* dalam mengukur tahap pencapaian pelajar tahfiz sedangkan Pintrich, et al. (1991) mencadangkan bahawa pengukuran aspek motivasi dapat diukur melalui kaedah soal selidik.

Kenyataan diperkuat oleh Pintrich dan Schunck (1996) dengan menjelaskan bahawa abstraknya motivasi dapat diukur dengan soal selidik melalui beberapa domain seperti penilaian kognitif dan psikomotor. Walau bagaimanapun Bloom, David & Bertram (1988) mengkategorikan domain-domain kepada tiga penilaian iaitu

kognitif, afektif dan psikomotor. Domain kognitif diaplikasikan sebagai mental manakala psikomotor adalah sebagai fizikal (Pintrich & Schunck, 1996). Keterampilan fizikal seperti usaha seseorang pelajar merupakan domain psikomotor yang berbentuk fizikal. Sementara keterampilan intelektual seperti pengetahuan merupakan domain kognitif berbentuk mental (Bloom, David & Bertram, 1988).

Justeru, secara fizikalnya, pelajar yang mempunyai motivasi akan menggunakan usaha secara aktif dalam sesi pembelajaran seterusnya memproses bahan pembelajaran secara intelektual ke atas memori. Sebaliknya bagi pelajar yang tidak mempunyai motivasi akan bertindak secara berlawanan dengan tindakan pelajar yang mempunyai motivasi. Umumnya pelajar yang mempunyai motivasi dalam aspek hafazan terdiri daripada mereka yang mencari kekuatan untuk menghafaz al-Qur'an dari pelbagai cara. Menurut al-Masyā'ilah (2010), mereka bukan sahaja mempunyai nilai intrinsik dalam jiwa tetapi juga mempunyai semangat ekstrinsik yang kuat contohnya menganugerahkan diri sendiri dengan suatu ganjaran positif bilamana berjaya melakukan sesuatu dengan baik.

Al-Masyā'ilah (2010) mengkategorikan genre tidak bermotivasi yang selalunya ada pada para pelajar tahfiz terbahagi kepada dua jenis, iaitu; i) *al-Muzminat* yang bermaksud selamanya tidak mempunyai motivasi dan yang kedua ii) *al-Muaqqatat*, iaitu pada permulaannya sahaja tidak mempunyai motivasi sebaliknya semangat tersebut akan datang kemudian pada waktu yang lain. Keadaan ini menggambarkan motivasi para pelajar tahfiz harus disuburkan dari semasa ke semasa. Motivasi merupakan suatu keadaan yang tidak dapat dilihat secara nyata, namun dapat dilihat dari segi tingkah laku yang menggambarkan bahawa azam dan nilai semangat

tersebut dibangun secara sedar (al-Masyā'īlah, 2010). Salah satu elemen motivasi ialah nilai yang berkaitan dengan sikap (Ghazali, 2012). Perilaku seseorang pelajar tahfiz yang mengoptimumkan potensi usaha serta bertawakal kepada Allah s.w.t. merupakan sikap terpuji dalam menghafaz al-Qur'an (Al-Masyā'īlah, 2010). Di samping itu, al-Masyā'īlah (2010) turut menekankan pelajar tahfiz agar sentiasa mendapat reda daripada kedua orang tua mereka sebelum melakukan sesuatu perkara termasuk menghafaz al-Qur'an dan menerima pelajaran.

Kenyataan ini sesuai dengan firman Allah s.w.t. dalam surah Āli-'Imrān pada ayat yang ke-139. Ayat ini menggambarkan suatu kaedah bahawa perjuangan yang dilakukan itu sangat memerlukan amalan yang tepat dan faktor dalaman yang kuat lagi tegar sehingga diperingatkan oleh Allah s.w.t. melalui kalam-Nya agar tidak pernah merasa lemah dan putus harapan dalam melakukan sesuatu yang bersifat sakral.

Firman Allah s.w.t.:

وَلَا تَهِنُوا وَلَا تَحْزَنُوا وَأَنْتُمْ الْأَعْلَوْنَ إِنْ كُنْتُمْ مُؤْمِنِينَ

Maksudnya; Dan janganlah kamu merasa lemah (dalam perjuangan mempertahankan dan menegakkan Islam), dan janganlah kamu berdukacita (terhadap apa yang akan menimpa kamu), padahal kamulah orang-orang yang tertinggi (mengatasi musuh dengan mencapai kemenangan) jika kamu orang-orang yang (sungguh-sungguh) beriman.

(Surah al-Baqarat, 3: 139)

Selain daripada mencari amalan yang tepat dalam membantu proses penghafazan al-Qur'an, pelajar tahfiz disarankan agar mendapatkan kekuatan daripada pelbagai pihak dalam memenuhi matlamat (Moh Nasrudin, 2012). Kajian Umu Hani (2014) menggambarkan keterlibatan pihak lain dalam mendorong proses menghafaz al-Qur'an akan dapat membangunkan lagi motivasi dalam diri seseorang penghafaz al-

Qur'an. Dalam aspek yang lain, kesedaran tentang aspek kejelasan tugas turut memandu diri agar tidak mudah berputus asa dan bangkit semula apabila semangat didapati tidak konsisten (al-Masyā'īlah, 2010). Bagi memastikan kesedaran tentang aspek kejelasan tugas yang dibawa, al-Qābisī (1955) meletakkan satu matlamat dengan denotasi *ma'rifatuddīn* sebagai landasan utama sebelum melakukan sesuatu tugas.

Selain itu, al-Masyā'īlah (2010) juga menyatakan tentang elemen jangkaan dalam strategi pembangunan dalaman pelajar tahfiz. Misalnya pelajar tahfiz harus menyemaikan sifat yakin dalam diri bahawa usaha yang dilakukan mendapat kejayaan. Sekiranya tidak dapat mencapai matlamat yang dirancang, pelajar tahfiz tersebut dicadangkan agar dapat membuat pembaharuan dari segi perancangan (al-Masyā'īlah, 2010). Keadaan ini sejajar dengan Thorndike (2001) yang menerangkan tentang konsep pembelajaran *trial and error*.

Selain cadangan dalam aspek jangkaan, al-Masyā'īlah (2010) turut mengetengahkan aspek kebimbangan dalam penghafazan al-Qur'an. Misalnya kebimbangan pelajar tahfiz yang semakin meningkat sekiranya mereka tidak berjaya mencapai matlamat pada hari-hari yang tertentu. Situasi kebimbangan ini bertambah teruk apabila pencapaian pelajar didapati merundum, oleh kerana bebanan hutang hafazan yang sepatutnya dipersembahkan di hadapan guru, gagal dilakukan pada waktu yang ditetapkan. Menurut Mohd Nazri (2010), keadaan ini menyebabkan pelajar tahfiz bertambah malas untuk meneruskan hafazan mereka. Hal ini kerana tanggungjawab mereka yang bertambah dari sehari ke sehari menjadikan para pelajar tahfiz merasakan mustahil untuk melakukannya semula dalam waktu yang singkat dan

cepat. Yudhi (2012) menungkapkan situasi ini sebagai kekecewaan kerana matlamat yang tidak kesampaian.

Menurut kajian Azmil, et al. (2013), kaedah menulis semula al-Qur'an yang dihafaz sebagai satu jalan untuk para pelajar membezakan ayat-ayat al-Qur'an yang mudah diingati dan ayat-ayat yang sukar diingati. Rasionalnya, kebimbangan dapat diatasi apabila para pelajar dapat mengukuhkan hafazan masing-masing melalui kaedah yang pelbagai. Secara keseluruhannya, strategi pembangunan dalaman pelajar tahfiz yang diterangkan dalam kajian ini melibatkan tinjauan kajian-kajian lepas yang menumpukan kepada tiga elemen, iaitu nilai, jangkaan dan afektif; kebimbangan. Kajian-kajian lepas yang ditinjau berkenaan atribut ini juga menggambarkan bahawa kesemua elemen-elemen yang ditunjukkan merupakan projeksi peringkat amalan para penghafaz al-Qur'an.

2.7 Faktor Luaran

Faktor luaran pelajar tahfiz dikaitkan dengan amalan dan strategi menghafaz yang digunakan oleh seseorang pelajar. Situasi ini selaras dengan Abdul Hafiz dan Hasimah (2003) yang mengklasifikasikan faktor luaran yang mengganggu gugat pembelajaran tahfiz sebagai antaranya ialah tidak mampu mengurus masa dengan baik, tidak mampu membezakan ayat-ayat *mustasyābih* dan sebagainya. Faktor-faktor ini mencerminkan aplikasi pelajar tahfiz dalam mengurus pembelajaran tahfiz secara praktikal.

Justeru, antara dimensi faktor luaran dalam kajian ini ialah strategi latihan. Strategi latihan merupakan strategi pembelajaran yang harus diberi perhatian. Berdasarkan Pintrich, et al. (1991), strategi pembelajaran dapat diterangkan sebagai kognitif,

metakognitif dan pengurusan sumber. Pengurusan kognitif dan metakognitif melibatkan kepada hasil akhir pelajar untuk berusaha. Situasi ini diperkuatkan oleh Larkin (2006) yang menyatakan bahawa metakognitif dipengaruhi oleh latihan seseorang. Dalam kajian ini, strategi latihan terdiri daripada atribut strategi kognitif (latihan, penghuraian, penyusunan dan pemikiran kritis), strategi metakognitif (regulasi sendiri) dan strategi pengurusan sumber (masa dan persekitaran, usaha, rakan-rakan dan mencari bantuan). Penjelasan atribut-atribut ini merupakan kandungan penting dalam aspek strategi pembelajaran (Pintrich, et al., 1991).

Faktor luaran juga boleh dimaksudkan dengan atribut strategi menghafaz al-Qur'an. Oleh kerana faktor luaran dikaitkan dengan amalan praktikal (Abdul Hafiz dan Hasimah, 2003), justeru ia juga bersangkutan dengan strategi menghafaz al-Qur'an. Hal ini kerana, strategi menghafaz al-Qur'an merupakan empat peringkat yang disusun secara kronologis berdasarkan aktiviti harian pelajar, iaitu peringkat sebelum menghafaz al-Qur'an, peringkat semasa menghafaz al-Qur'an, peringkat selepas menghafaz al-Qur'an dan peringkat amalan para penghafaz al-Qur'an (Intan Zakiah & Munif, 2015).

Oleh itu, faktor luaran diterangkan kepada dua dimensi yang melibatkan praktikal pelajar tahfiz, iaitu strategi latihan dan strategi menghafaz al-Qur'an.

2.7.1 Strategi latihan

Istilah latihan umumnya dikaitkan dengan usaha-usaha yang dilaksanakan bagi meningkatkan ilmu pengetahuan. Dalam penghafazan al-Qur'an, latihan yang berterusan harus dipraktikkan oleh setiap pelajar tahfiz bagi melestarikan hafazan al-Qur'an (Anisa Ida, 2014). Roswilda (2013) menggambarkan kelestarian hafazan al-

Qur'an sebagai kemampuan mengingat dengan baik melalui bantuan organ penderiaan seperti pendengaran dan penglihatan. Kemampuan menjadi terserlah apabila pelajar tahfiz dapat menyemaikan suatu azam yang jitu dalam diri (al-Masyā'ilah, 2010). Berdasarkan Teori Thorndike (2001) berhubung dengan *law of exercise* (hukum latihan), suatu azam yang ingin dicapai akan diperolehi apabila adanya usaha yang konsisten untuk mendapatkan matlamat tersebut.

Kajian Sedek (2012) menyatakan bahawa pemeliharaan hafazan al-Qur'an akan mengalami peningkatan dari segi kesukaran sebaik sahaja proses menghafaz selesai pada pusingan yang pertama. Walau bagaimanapun menurut Hamdān (2006), penghafazan al-Qur'an telah dijamin kemudahan untuk menghafaznya melalui ayat al-Qur'an pada ayat 17 dalam surah al-Qamar. Hamdān (2006) menjelaskan bahawa ayat tersebut mengkhususkan kepada manusia yang ingin memelihara al-Qur'an dengan hati yang tulus, misalnya berusaha untuk menghafaz dengan kesungguhan. Oleh sebab itu kesukaran dalam memelihara hafazan sehingga tiba waktu penilaian wajar dititikberatkan para pelajar tahfiz kerana usaha menghafaz al-Qur'an merupakan suatu tindak yang memerlukan ruang untuk pemeliharaan secara konsisten (Roswilda, 2013). Pintrich, et al. (1991) mengemukakan beberapa strategi yang telah dikenalpasti dapat membantu dalam pengaksesan pembelajaran. Berdasarkan konsep Thorndike (2001), strategi-strategi pembelajaran seharusnya dilatih secara berterusan bagi mencapai tahap pencapaian yang setimpal. Pintrich, et al. (1991) membahagikan strategi-strategi tersebut kepada pembelajaran kognitif, metakognitif dan pengurusan sumber.

Manakala Azmil (2012) menilai proses pembelajaran tahfiz di dalam kelas sebagai strategi yang perlu dikuasai dan diperbaharui dari semasa ke semasa. Azmil, et al. (2014) turut menyuarakan elemen-elemen dalam strategi pembelajaran tahfiz harus diberi penekanan dari pihak-pihak berwajib. Kenyataan ini menunjukkan bahawa strategi menghafaz al-Qur'an yang dilalui para penghafaz al-Qur'an merupakan proses penting dalam pembelajaran tahfiz.

Menurut Salman (2015), karakter nilai-nilai al-Qur'an pada pelajar tahfiz dapat di terangkan sebagai *tilāwat* (pembacaan), *tahfiz* (pemeliharaan), *tafhim* (kefahaman) dan *tafbiq* (amalan). Kesemua karakter nilai-nilai al-Qur'an ini diilustrasikan dalam strategi latihan yang dibahagikan kepada tiga bahagian, iaitu strategi kognitif, strategi metakognitif dan strategi pengurusan sumber.

2.7.1.1 Strategi Pembelajaran Kognitif

Kognitif merujuk kepada aktiviti mental yang berkaitan dengan pemikiran, pemahaman atau ingatan. Strategi pembelajaran kognitif merupakan faktor penting dalam pencapaian akademik (Pintrich & De Groot, 1990). Aliran kognitif menjelaskan bahawa kognitif melibatkan proses mental dan emosi seseorang. Perbincangan mengenai kognitif memberikan inspirasi kepada tokoh pemikir kognitif untuk mengetengahkan teori matlamat pembelajaran (*learning goal*) dan teori pencapaian prestasi (*performance goal*). Bagi mencapai matlamat-matlamat tersebut, satu kesimpulan yang dapat dibuat ialah keperluan menspesifikasikan seluruh usaha ke atas diri pelajar tahfiz itu sendiri sebagaimana yang diterangkan oleh Murihah, et al. (2015) sebagai aplikasi '*student centred*' adalah berasas. Al-

Masyā'ilah (2010) juga telah memperkatakan perkara ini sebagai pendirian kognitif pelajar yang mempunyai dua kecenderungan, iaitu positif dan negatif.

Dapatan kajian Javed dan Amina (2014) membuktikan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan di antara kumpulan pelajar perubatan yang mempunyai pengalaman menghafaz al-Qur'an dengan pelajar perubatan yang tidak mempunyai pengalaman menghafaz al-Qur'an dalam aspek pembelajaran fisiologi. Kajian mereka menjelaskan bahawa pengalaman menghafaz al-Qur'an pada masa lalu mempunyai manfaat terhadap kognitif mereka, contohnya dalam bidang fisiologi yang memerlukan proses mengingat fakta dan pembinaan konsep (Javed & Amina, 2014). Walau bagaimanapun, kajian Javed dan Amina (2014) memfokuskan kepada kelebihan kognitif yang dialami oleh pelajar tahfiz dan tidak bersangkut-paut dengan pencapaian subjek *Hifz al-Qur'an*. Begitu juga dalam kajian yang telah dilakukan oleh Fathima (2013). Menurut beliau, pengalaman menghafaz al-Qur'an akan dapat memudahkan tugas pelajar menerima bahasa Arab sebagai pembelajaran bahasa kedua. Situasi ini menunjukkan wujudnya penggunaan kognitif yang lebih baik dengan aplikasi menghafaz al-Qur'an. Pembelajaran kognitif dibahagikan kepada beberapa elemen dalam aspek pembelajaran, iaitu latihan (*rehearsal*), penghuraian, penyusunan dan pemikiran kritis (Pintrich, et al., 1991).

Strategi kognitif yang melibatkan elemen latihan dapat dicapai oleh para pelajar dengan teknik tertentu. Misalnya teknik latih tubi yang menekankan konsep pengulangan adalah merupakan salah satu bentuk strategi kognitif paling asas, iaitu latihan (*rehearsal*) (Pintrich, et al., 1991). Selain itu, mengulang semula secara alami setiap apa yang telah dipelajari dari guru setelah mendengar dan melihat pengajaran

guru juga merupakan komponen latihan (*rehearsal*) (Weinstein, Claire, Mayer & Richard, 1983). Dalam penghafazan al-Qur'an, kajian Tengku Radzitan (2013) menekankan bahawa kaedah *murāja'at* (mengulang-ngulang kembali apa yang dihafal) sebagai suatu bentuk latihan (*rehearsal*) dapat meningkatkan gred pelajar. Di samping itu, hafazan akan menjadi kukuh dan terlekat di mata hati (Azmil & Abd Halim, 2012). Oleh yang demikian, sebelum memasuki bidang ini secara serius, antara kriteria yang harus dipenuhi sebelum menghafaz lebih lanjut ialah mempunyai kemahiran membaca dan menghafaz (Norlizah, Fathiyah, Ahmad Fauzi, Lukman & Wan Marzuki, 2015). Situasi ini telah dinyatakan oleh Aoman (2008) yang mengaitkan proses menghafaz al-Qur'an dengan kemahiran ataupun bakat yang diasah.

Kemahiran menghafaz juga mempunyai kaitan dengan latihan menghafaz. Dalam kajian Sedek, Mustaffa dan Khader (2015) menjelaskan bahawa 1/3 daripada proses menghafaz merupakan keperluan untuk menghafaz ayat-ayat baru, manakala selebihnya adalah keperluan untuk mengulang semula ayat-ayat yang telah dihafaz. Kajian ini menjelaskan bahawa seseorang penghafaz yang mempunyai ingatan kuat dan sentiasa membuat latihan menghafaz selama 30 minit setiap hari akan dapat menyelesaikan hafazan 30 juz setelah mencapai lima tahun. Manakala bagi ingatan yang lemah dengan kadar 23 tahun 10 bulan dan lima hari. Hubungan dapatan kajian Sedek, et al. (2015) dengan kajian ini menjelaskan bahawa latihan yang tetap dan berterusan menunjukkan satu aspek yang sangat penting dalam merealisasikan matlamat menyelesaikan keseluruhan hafazan 30 juz.

Terdapat pelbagai metod dalam usaha menghafaz al-Qur'an yang antara lainnya ialah mengingat kata kunci. Kajian Abdul Hafiz dan Hasimah (2004) menjelaskan antara teknik mengingat kata kunci tersebut ialah teknik mengulang, teknik memisahkan (*chunking*), memahami maksud, gambaran imej, teknik mendengar, berpasangan dengan kawan, rakaman suara, menulis semula, menghafaz sebelum tidur, peta minda, teknik imbasan dan gundalan. Di samping itu, kemampuan menyenaraikan perkara penting dalam menghafaz al-Qur'an juga merupakan satu strategi kognitif: latihan. Antara perkara penting tersebut misalnya dapat membahagikan masa menghafaz dan mengulang al-Qur'an dengan teratur. Menurut Mohd Nazri (2010) pembahagian masa mengulang al-Qur'an harus melebihi waktu menghafaz ayat-ayat baru. Hal ini turut dinyatakan dalam kajian-kajian lepas yang lain seperti Abdul Hafiz dan Hasimah (2004), Muhammad Saleem (2012), Fifi Lutfiah (2013), Sedek, Zulkifli, Fauzi, Ishak, Khader, Munirah, Faizal dan Norhidayah (2014).

Selain itu, strategi latihan juga dapat diterangkan sebagai wujudnya elemen penghuraian dalam diri seseorang pelajar. Strategi penghuraian (*elaboration*) memerlukan teknik pemahaman secara teliti. Pintrich, et al. (1991) mengulas strategi penghuraian dengan kemampuan pelajar menghubungkan pengetahuan-pengetahuan yang dipelajari kepada bidang-bidang lain. Antara contoh konsep penghuraian dalam penghafazan al-Qur'an ialah memahami secara mendalam dari ayat-ayat yang dihafaz. Selain itu, sikap tidak bergantung kepada pembelajaran yang diberikan guru juga merupakan salah satu aspek penghuraian. Menurut Nūr Nājiḥat (2008), pembinaan intelek dapat disuburkan melalui penggunaan sumber kedua yang digunakan oleh pelajar dalam memahami sesuatu pembelajaran. Salman (2015) menjelaskan situasi ini dikenali sebagai proses *tafhīm* (kefahaman). Dalam kajian

Abdul Salām (2008) mendapati bahawa kefahaman yang jitu dapat menyemaikan nilai-nilai murni dan kesedaran Islamiah di kalangan para penghafaz al-Qur'an di Palestin. Walau bagaimanapun kenyataan tersebut mewakili pengkajiannya ke atas para penghafaz al-Qur'an yang berada di negara tersebut. Mereka menggunakan bahasa Arab sebagai komunikasi bahasa penghantar sehari-hari ('Abdul Salām, 2008).

Bagi penghafaz al-Qur'an yang tidak menggunakan bahasa Arab sebagai bahasa utama mereka, dalam kajian Fathima (2013) telah membahagikannya kepada empat jenis penutur. Kategori pertama ialah penutur yang berasal daripada keluarga yang tidak berkomunikasi dengan bahasa Arab dan tidak mengikuti kelas bahasa Arab. Kategori kedua ialah penutur yang berasal daripada keluarga yang tidak berkomunikasi dengan bahasa Arab, tetapi mengambil kelas-kelas bahasa Arab sebagai pengetahuan mereka. Kategori yang ketiga pula ialah mereka yang tidak menghafaz al-Qur'an tetapi mengikuti kelas-kelas bahasa Arab dan yang keempat terdiri daripada mereka yang tidak menghafaz dan tidak mengikuti kelas bahasa Arab di sepanjang hidup mereka. Kajian Fathima (2013) menjelaskan bahawa kesemua kategori tersebut merupakan penghafaz al-Qur'an dalam kalangan 'Ajam (selain bangsa Arab). Selari dengan kenyataan berkenaan para penghafaz al-Qur'an dalam kalangan 'Ajam, menurut Mohd Zulkifli, Harun dan Siti Fatimah (2015) bahawa hakikatnya, dorongan menguasai makna-makna bahasa Arab boleh dikuasai dengan baik sekiranya para penghafaz al-Qur'an ingin mendalami makna al-Qur'an. Malah, Mohd Zulkifli, et al. (2015) menyatakan penghafazan al-Qur'an merupakan medium terbaik untuk memahirkan diri dalam bidang bahasa Arab. Situasi ini selari dengan Pintrich, et al. (1991) yang menjelaskan penghuraian sebagai kemampuan pelajar menghubungkan subjek dipelajari dengan bidang-bidang lain.

Selain itu, terdapat juga kenyataan yang menjelaskan kelemahan para pelajar tahfiz dalam menterjemah ayat-ayat al-Qur'an yang ingin dihafaz. Walau bagaimanapun, kajian ini dilakukan ke atas para pelajar tahfiz yang baru sahaja menamatkan Sijil Peperiksaan Menengah (SPM) dan diterima masuk ke Darul Quran (Mohamad Marzuqi, Muhammad Akramin, Muhammad Toriq & Sukhairu, 2015). Malah dalam kajian beliau membuktikan bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara pengetahuan bahasa Arab peringkat menengah dalam ujian bahasa arab SPM dengan ujian pemahaman ayat-ayat al-Qur'an di Darul Quran (Mohamad Marzuki, et al., 2015). Kajian beliau mencadangkan penyediaan subjek khusus berkenaan kemahiran menterjemah ayat-ayat al-Qur'an dapat diwujudkan. Hal ini kerana, pemahaman terhadap ayat-ayat al-Qur'an yang dihafaz akan dapat meningkatkan keupayaan menghafaz al-Qur'an. Sebagai contoh, menurut Farhana dan Munirah (2015), modul bahasa arab per kata wajar diterapkan kepada para pelajar sejak dari peringkat rendah lagi serta pemahaman ayat-ayat al-Qur'an peringkat menengah harus diperhalusi tanpa membataskan aliran atau bidang pelajar. Dengan itu, para pelajar dapat menghafaz al-Qur'an dengan lebih mudah pada peringkat yang seterusnya. Situasi ini difahami sebagai kewujudan proses mengaitkan maklumat masa lalu dengan aspek pembelajaran akan datang (*elaboration*).

Selain itu, bagi para penghafaz al-Qur'an yang sedang mengikuti pengajian, al-Masyā'ilah (2010) menyarankan pembacaan tafsir-tafsir muktabar secara rinci dapat dilakukan sewajarnya. Aktiviti tersebut merupakan sesuatu yang sangat bernilai kerana melibatkan konsep *tadabbur* dalam menghafaz. Dalam kajian yang dibuat oleh Moh. Khoeron (2012), pola pembelajaran *huffaz* di Pulau Jawa diselang-selikan dengan usaha menelaah kitab kuning. Penggabungan maklumat dari sumber

berlainan ketika menghafaz al-Qur'an ini juga difahami sebagai proses penghuraian (*elaboration*).

Dalam komponen yang lain, penggunaan strategi penyusunan dalam hafazan al-Qur'an dapat menjadikan pelajar tahfiz lebih bersistematik. Penggunaan strategi penyusunan (*organization*) akan dapat merangsang pelajar mengesan maklumat dengan berkesan, misalnya penggunaan strategi peta minda (*mindmapping*) (Pintrich, et al., 1991). Aplikasi ini akan dapat membantu meningkatkan pencapaian hafazan al-Qur'an (Abdul Hafiz & Hasimah, 2003). Hal ini diakui oleh al-Mosallam (2013) yang menjelaskan penggunaan peta minda secara topikal, misalnya mengikut penceritaan secara tematik atau subjek akan dapat membantu proses menghafaz menjadi lebih mudah. Aplikasi pemetaan minda terbahagi kepada empat ciri, iaitu idea utama berada di tengah, bentuk cabang, kata kunci di setiap cabang dan kesemua kata kunci mempunyai perkaitan di antara satu sama lain (Mohd Ali, Ismail, Eidee & Mohd Noor, 2010).

Sebagai satu kreativiti yang lebih menarik, bentuk pembelajaran secara pemetaan minda juga boleh diaplikasi melalui penggunaan media seperti yang dinyatakan oleh M. Sofwan, Udin dan Saepul (2014) berkenaan *power point* dan video. Aplikasi pemetaan minda juga boleh ditunjukkan dalam bentuk poster-poster. Antara isu-isu yang sesuai dalam mengaplikasikan teknik ini ialah fakta-fakta penting dalam al-Qur'an yang merangkumi pelbagai bidang, iaitu akhlak, akidah, fiqh, tarikh dan kebudayaan Islam (M. Sofwan, et al., 2014). Selain itu, pembentukan carta yang mewakili juz-juz yang dihafaz dapat mengorganisasikan pelajar dalam menentukan penetapan matlamat setiap hari (Mohd Nazri, 2010). Situasi ini sering dipraktikkan

oleh kebanyakan institusi tahfiz yang mengamalkan sistem buku rekod pelajar yang mempunyai catatan kemajuan secara harian, bulanan dan tahunan.

Dalam memperkatakan tentang penentuan matlamat, ia juga boleh dikaitkan dengan pola pembelajaran tahfiz. Seperti kajian yang ditunjukkan oleh Moh. Khoeron (2012), beliau membahagikan pola pembelajaran *huffaz* kepada tiga bahagian, iaitu sesi pembelajaran kitab kuning dan kemudian diteruskan dengan sesi menghafaz al-Qur'an. Pola yang ke-dua pula dimulai dengan penghafazan al-Qur'an dan disudahi dengan pembelajaran kitab kuning. Manakala pola yang ketiga ialah dimulai dengan sesi pembelajaran kitab kuning, sesi menghafaz al-Qur'an dan berakhir dengan pembelajaran kitab kuning kembali. Penetapan pola pembelajaran yang disusun secara sistematik ini menunjukkan adanya elemen penyusunan dalam proses menghafaz al-Qur'an.

Menurut Mohd Nazri (2010) dan kajian yang dilakukan oleh Sedek (2012), kebanyakan teknik menghafaz menekankan kekerapan membaca ayat tersebut secara berulang kali. Teknik-teknik ini juga penting dikuasai oleh para pelajar tahfiz kerana matlamat mereka ialah mengingat keseluruhan ayat yang dihafaz. Situasi ini menunjukkan strategi penyusunan pelajar tahfiz dalam memastikan hafazan yang cuba diingat dapat diperolehi dengan jayanya. Dalam memastikan matlamat menghafaz tercapai, selain melakukan pengulangan dengan kerap, kajian Abdul Hafiz, et al. (2005) menjelaskan keperluan pelajar tahfiz untuk lebih peka dengan ayat-ayat yang dihafaz adalah berasas kerana sebanyak 40.2% pelajar tahfiz bersetuju bahawa mereka sukar membezakan ayat-ayat *mutasyābih*. Justeru, disebabkan kesukaran membezakan ayat-ayat tersebut juga menyebabkan proses menghafaz

tidak dapat berjalan dengan baik. Hal ini penting untuk dikuasai kerana dalam bidang tahfiz, aspek kelancaran dan penguasaan merupakan isu yang sering dibincangkan oleh para pengkaji, lingkungan pelajar tahfiz itu sendiri bahkan pelbagai lapisan masyarakat.

Berdasarkan perkembangan yang lain, antara strategi penyusunan yang dipraktikkan di salah sebuah institusi tahfiz di Indonesia ialah penerapan metode *murāja'at* yang dibahagikan kepada empat bentuk (Anisa Ida, 2014). Kajian Anisa Ida (2014) mendapati bahawa bentuk yang pertama ialah *murāja'at* hafalan baru kepada guru, bentuk kedua pula ialah *murāja'at* hafalan lama di hadapan kawan, bentuk ketiga, iaitu *murāja'at* hafalan lama di hadapan guru dan bentuk yang keempat ialah ujian peperiksaan yang khusus kepada aktiviti *murāja'at*. Bentuk-bentuk penyusunan dalam menghafaz al-Qur'an ini mempunyai persamaan dan perbezaan antara satu sama lain, iaitu berdasarkan kelolaan institusi tahfiz itu sendiri. Setiap institusi tahfiz mempunyai budaya yang diterapkan dalam tradisi pembelajaran serta metod yang digunapakai. Walhal, kesemua matlamat institusi tahfiz mempunyai arah tuju yang sama, iaitu menghafaz al-Qur'an. Dalam kajian Fithriani (2014) menjelaskan situasi ini sebagai menerima kesan-kesan, menyimpan kesan-kesan serta memperoleh kesan-kesan. Kesan-kesan yang dimaksudkan di sini ialah hafalan al-Qur'an (Fithriani, 2014).

Selain itu, pemikiran kritis juga merupakan salah satu strategi yang menumpukan kepada tindakan kognitif. Misalnya seseorang pelajar yang dapat menilai sesuatu tugas yang dilakukan sendiri akan mampu menguji kebolehan diri dalam menjayakan sesuatu subjek (Pintrich, et al., 1991). Sehubungan dengan itu,

berdasarkan kajian Sedek (2012), para penghafaz al-Qur'an seharusnya mempunyai pemikiran kritis dalam menilai kekuatan hafazan masing-masing dengan mempraktikkan pengulangan secara kerap sehingga mencapai matlamat.

Berdasarkan perkembangan yang lain, dalam kajian Al-'Unūd (2008) menjelaskan bahawa penerapan ayat-ayat al-Qur'an ke dalam jiwa mampu meningkatkan daya pemikiran kritis. Satu eksperimen ke atas 100 pelajar *Quranic Schools* dan 120 pelajar dari sekolah umum di Makkah al-Mukarramat dipilih sebagai responden. Pertanyaan diaju kepada para pelajar secara soal selidik berdasarkan beberapa pernyataan ayat al-Qur'an. Dapatan kajian membuktikan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan 0.05 di antara para pelajar *Quranic Schools* dengan pelajar sekolah umum. Apa yang menarik dalam kajian ini ialah berkenaan dengan kewujudan elemen pemikiran kritis yang diutarakan oleh para pelajar tahfiz berhubung ayat-ayat al-Qur'an yang telah dihafaz.

Hal ini turut dinyatakan dalam kajian Javed dan Amina (2014) yang menguji pengaruh hafazan al-Qur'an terhadap perkembangan kognitif pelajar. Mereka mendapati bahawa pengalaman lalu seperti pernah menghafaz al-Qur'an menjadikan fungsi kognitif bertambah baik. Hasil kajian membuktikan bahawa pelajar yang pernah menghafaz al-Qur'an mempunyai fungsi kognitif yang lebih baik daripada pelajar yang tidak menghafaz al-Qur'an. Dalam kajian ini disebutkan bahawa di antara fungsi kognitif yang dimaksudkan ialah daya pemikiran yang kritis.

Berdasarkan kajian Farah (2015), aliran pemikiran kritis mampu dibangunkan secara langsung atau tidak langsung kerana secara tradisinya, pengaplikasian *halaqat* dalam

mempelajari al-Qur'an dan ilmu-ilmu berkenaan *al-Dīn* telah diamalkan dalam dunia Islam sejak zaman berzaman. Pengaplikasian *halaqat* bukan sahaja dapat mengeratkan hubungan antara satu sama lain, tetapi juga dapat meningkatkan keupayaan lisan dan kemahiran berfikir (Farah, 2015). Situasi ini mempunyai kaitan dengan proses menghafaz al-Qur'an yang dipraktikkan dalam bentuk *halaqat*. Suasana membaca dan menghafaz dalam bentuk *halaqat* bukan sahaja dapat meningkatkan semangat untuk terus menghafaz, tetapi juga mewujudkan daya persaingan yang sihat dalam mengekalkan momentum menghafaz al-Qur'an.

Selain itu, mencari bahan sokongan dalam membantu proses menghafaz juga wajar dipraktikkan. Hal ini selari dengan kajian Abdul Hafiz dan Hasimah (2004) yang menggariskan beberapa teknik menghafaz yang menggunakan bahan sokongan seperti rakaman suara, pita kaset, cd dan seumpamanya. Bahan sokongan lain yang menjadi topik perbincangan kajian-kajian lepas juga disebutkan tentang penggunaan al-Qur'an digital dan media-media terkini yang dapat memudahkan proses menghafaz (Zameer dan Abdul Ahad, 2013; Atefeh, Akram, Nasser, Gharamaleki & Bahar, 2014; M. Sofyan, 2015). Pintrich, et al. (1991) menjelaskan situasi mencari bahan sokongan untuk pembelajaran adalah sebagai salah satu elemen pemikiran kritis.

Selain itu, pemikiran kritis juga dapat dijelaskan apabila pelajar mampu memfokuskan idea mereka untuk menggunakan satu kaedah menghafaz yang dirasakan sesuai dengan ingatan mereka. Menurut kajian Sedek (2009), kaedah menghafaz merupakan perkara pokok yang paling utama dalam menghasilkan penghafaz al-Qur'an yang berjaya. Misalnya hasil kajian Sedek (2009)

membandingkan kaedah al-Huffaz dan kaedah yang digunakan di Darul Quran. Hasil kajian membuktikan bahawa pelajar tahfiz yang menggunakan kaedah al-Huffaz mempunyai ingatan yang lebih baik. Apa yang dimaksudkan di sini ialah pemilihan metod yang sesuai oleh para pelajar tahfiz. Kajian-kajian yang menganalisis metod hafazan hanya menunjukkan satu idea yang bersifat sugestif berdasarkan pembuktian dan eksperimen yang dijalankan ke atas pelajar yang menggunakan metod tersebut. Namun, hanya pelajar yang mampu membuat keputusan sama ada mahu menggunakan metod tersebut ataupun sebaliknya.

Intan Zakiah dan Munif (2015) menambah bahawa selain daripada kaedah menghafaz yang digunakan secara spesifik, penggunaan *lahjat al-hurf* dan *lahjat al-tarannum* juga memainkan peranan yang penting. Berdasarkan kenyataan Mohd Lukman, Mohd Yakub@Zulkifli (2012) dan Ismarulyusda, Nor Malia, Farah Wahida, Siti Nur Rasyidah & Sabri (2016), pembacaan al-Qur'an yang dialunkan secara tartil dan berlagu akan menjadikan bacaan al-Qur'an tersebut dapat dihayati dengan lebih baik. Bahkan aktiviti menghafaz al-Qur'an akan menjadi lebih variasi dengan penerapan-penerapan lagu yang sesuai dengan bacaan serta makna yang dilantunkan. Hal ini bukan sahaja dapat meningkatkan semangat para penghafaz al-Qur'an untuk terus tetap menghafaz al-Qur'an pada setiap hari, tetapi juga dapat menguatkan akal dengan satu teknik yang bersesuaian (Intan Zakiah & Munif, 2015). Keadaan ini selari dengan Pintrich, et al. (1991) tentang pandangannya berkenaan pemilihan kaedah dalam pembelajaran sebagai satu aliran pemikiran yang kritis.

Secara keseluruhannya, strategi kognitif yang melibatkan elemen latihan yang diterangkan dalam kajian ini melibatkan teknik latih tubi, mengingat kata kunci dan

menyenaraikan perkara penting dalam menghafaz. Sementara strategi kognitif yang melibatkan elemen penghuraian dalam kajian-kajian lepas diterangkan sebagai menggabungkan maklumat dari sumber-sumber lain ketika menghafaz serta mengaitkan subjek *Hifz al-Qur'an* dengan subjek-subjek lain. Bagi atribut strategi kognitif yang melibatkan elemen penyusunan pula diterangkan dalam kajian-kajian lepas sebagai teknik pemetaan minda, menguasai teknik-teknik menghafaz dan juga jadual atau organisasi yang memandu pelajar dalam menghafaz al-Qur'an. Strategi kognitif yang melibatkan elemen pemikiran kritis diterangkan dalam kajian-kajian lepas sebagai tiga ciri, iaitu terhadap diri sendiri, bahan sokongan untuk pembelajaran dan menggunakan teknik menghafaz bersesuaian. Fokus tinjauan kajian-kajian lepas berkenaan atribut ini juga menggambarkan bahawa kesemua elemen-elemen yang ditunjukkan merupakan projeksi peringkat semasa menghafaz al-Qur'an.

2.7.1.2 Strategi Pembelajaran Metakognitif

Strategi metakognitif merupakan usaha meningkatkan kesedaran terhadap proses pembelajaran atau proses kognitif. Menurut Pintrich, et al. (1991), keadaan ini dikenali sebagai pembelajaran sendiri (*self-regulated learning*). Zimmerman (2008) melihat pembelajaran sendiri dalam strategi metakognitif sebagai proses organisasi diri terhadap kemampuan mental dalam mencapai sesuatu matlamat. Zimmerman (2008) menyatakan bahawa proses pembelajaran sendiri (*self-regulated learning*) yang bertugas mengarahkan minda melalui proses *recall* dan *remind*, bertujuan membina keyakinan dalaman untuk mampu belajar (*self-efficacy*).

2.7.1.2.1 Regulasi Kendiri

Regulasi sendiri mempunyai kaitan dengan pengawasan diri yang melibatkan faktor dalaman. Kajian Mardzelah, Abdul Halim, Mohd Aderi dan Mohamad Fadhli (2012) menyatakan bahawa pengawasan sendiri diperkenalkan sebagai *hisbat*. Dapatan Mardzelah, et al. (2012) menjelaskan elemen *hisbat* sebagai proses kawalan *muhāsabat al-nafs* mempunyai enam item. Enam item tersebut ialah persyaratan hati (*musyārataṭ*), waspada (*murāqabat*), menghitung diri (*muhāsabat*), penambahbaikan rohani (*mu‘āqabat*), bersungguh-sungguh (*mujāhadat*) dan taubat (*mu‘ātabat*). Kajian ini juga mempunyai hubungan dengan strategi kognitif dan metakognitif seseorang pelajar misalnya bentuk kawalan yang selari dengan konsep penyusunan dalam strategi kognitif serta bentuk waspada, menghitung diri dan penambahbaikan rohani yang selari dengan konsep regulasi sendiri.

Kajian Fitria dan Muhari (2013) memfokuskan hubungan di antara pembelajaran sendiri (*self-regulated learning*) pelajar tahfiz terhadap penundaan (*procrastination*) dalam menghafaz al-Qur'an. Kajian mereka menjelaskan penundaaan dalam menghafaz al-Qur'an sebagai penundaan (*procrastination*) akademik. Misalnya para pelajar dipertanggungjawab untuk *tasmi‘* hafazan di hadapan guru sekurang-kurangnya empat halaman dalam satu minggu. Walau bagaimanapun kebanyakan pelajar hanya *tasmi‘* hafazan sebanyak dua atau tiga halaman di hadapan guru semasa dalam sela waktu tersebut. Dalam kenyataan Mohd Nazri (2010), matlamat menghafaz sehari bersamaan satu halaman merupakan usaha yang memadai. Hal ini kerana, perkara pokok yang lebih utama dalam menghafaz al-Qur'anialah *istiqamat* dengan matlamat harian yang dirancang (Al-Masyā'ilah, 2010). Prestasi menghafaz al-Qur'an akan terganggu sekiranya pelajar tidak dapat memenuhi perancangan

jadual yang sepatutnya dipatuhi pada setiap hari. Situasi ini dijelaskan dalam kajian Fitria dan Muhari (2013) sebagai prokrastinasi akademik. Antara penyebab berlakunya penundaan akademik tersebut ialah timbulnya rasa malas, sibuk dengan tugas lain, tidak mempunyai keyakinan diri dan terasa berat hati untuk menghafaz al-Qur'an. Kajian Anisa Ida (2014) turut mengulas pembelajaran sendiri ke atas menghafaz al-Qur'an dipengaruhi oleh beberapa faktor seperti niat, tujuan, motivasi, kesediaan dan proses pemeliharaan.

Menurut pemerhatian yang dilakukan dalam kajian Fitria dan Muhari (2013) juga, kebanyakan pelajar lebih gemar berpelesenan dan membuang masa di kantin, tidur sehingga melebihi had dan berborak-borak kosong bersama kawan-kawan mereka. Aktiviti ini amat berbahaya sekiranya diamalkan oleh seseorang menghafaz al-Qur'an. Kajian mereka menjelaskan bahawa tahap penundaan akademik menjadi semakin meningkat apabila regulasi sendiri atau pembelajaran sendiri (*self-regulated learning*) pelajar berada pada tahap yang rendah. Kajian Tazkia dan Dewi (2014) mengaitkan situasi penundaan dengan mewujudkan tindakan pengawalan sendiri. Misalnya keperluan metakognitif dan faktor dalaman dapat meningkatkan pembelajaran sendiri (Fitria & Muhari, 2013). Walau bagaimanapun, kajian mereka membincangkan elemen regulasi sendiri dari sudut penundaan dalam menghafaz al-Qur'an serta pencapaian dari segi kandungan juz al-Qur'an (Fitria & Muhari, 2013).

Kajian Khālid (2013) berkenaan keupayaan meta-memori terhadap pencapaian hafazan al-Qur'an. Secara analitis, meta-memori digambarkan sebagai satu bentuk penting dalam elemen metakognitif. Responden kajian ini melibatkan pelajar Quranic Secondary School di daerah Taif. Dapatan kajian menjelaskan bahawa

terhadap hubungan signifikan di antara komponen meta-memori dengan gred pencapaian menghafaz al-Qur'an. Kajian ini membina komponen meta-memori berdasarkan kepada tiga bahagian utama yang bersangkutan dengan kemampuan mengingat, iaitu kepuasan memori, kapasiti memori dan strategi memori.

Kajian Husni, et al. (2013) menyentuh tentang bagaimana pelajar tahfiz menangani isu-isu peribadi dengan konsep personaliti beragama. Menurut kajian ini, di antara perkara domain yang menunjukkan seseorang itu mempunyai personaliti beragama ialah elemen regulasi sendiri. Carver dan Shcheir (2001) menjelaskan sekiranya regulasi sendiri pelajar menjadi superordinat dalam aspek pembelajaran, mereka akan mampu melakukan sesuatu tugas dengan baik dan lebih terserlah. Manifestasi tugas yang baik tersebut diterangkan kepada beberapa perkara seperti matlamat, prestasi dan tingkah laku (Carver & Shcheir, 2001).

Berdasarkan perkembangan yang lain, kajian Javed dan Amina (2014) menyimpulkan bahawa pengalaman menghafaz al-Qur'an dapat memandu pelajar untuk mampu menyelesaikan sesuatu masalah dengan lebih berkesan. Kajian ini membandingkan dua kumpulan pelajar yang mempunyai pengalaman menghafaz al-Qur'an dengan pelajar yang tidak mempunyai pengalaman menghafaz al-Qur'an. Dapatan kajian membuktikan kumpulan pelajar yang mempunyai pengalaman dalam menghafaz al-Qur'an mempunyai tahap sendiri ke atas subjek pembelajaran yang lebih tinggi daripada mereka yang tidak mempunyai pengalaman menghafaz al-Qur'an. Walau bagaimanapun kajian ini memfokuskan sendiri pelajar perubahan ke atas pembelajaran akademik seperti biokimia, fisiologi dan anatomi.

Menurut kajian yang dijalankan oleh Hannatul Malihah (2015), aplikasi pembelajaran sendiri sangat mustahak diterapkan ke dalam jiwa pelajar tahfiz. Hal ini akan dapat membina semangat untuk bertanggungjawab terhadap tugas yang dibawa. Kajian ini menyatakan beberapa masalah pelajar tahfiz dalam menghafaz al-Qur'an ialah ponteng kelas, tidak tetap pendirian untuk menyegerakan tugas menghafaz, mempunyai perasaan malas dan mengalami kejenuhan dalam menghafaz ayat-ayat al-Qur'an pada tahap yang maksimum. Beliau mengetengahkan beberapa contoh pembelajaran sendiri yang diterapkan di Maahad al-Muayyad Surakarta ialah menambah aktiviti hafalan sebanyak satu mukasurat dan melakukan *murāja'at* pada waktu selepas Subuh dan Maghrib. Dapatan kajian membuktikan bahawa terdapat korelasi di antara pembelajaran sendiri dengan kemampuan menghafaz al-Qur'an pada nilai koefisien 0.387. Walau bagaimanapun, kajian ini menjelaskan aspek sendiri pelajar tahfiz terhadap kemampuan pelajar tahfiz dengan tahap nilai halaman muka surat.

Dapatan kajian Zur'ah (2015) turut menyatakan tentang kepentingan regulasi sendiri, namun menghubungkan aspek tersebut dengan sifat sabar. Hasil dapatan menjelaskan bahawa terdapat hubungan antara sifat sabar pelajar tahfiz dengan regulasi sendiri. Kajian ini melibatkan 100 orang pelajar tahfiz yang datang daripada lapan buah sekolah tahfiz di Indonesia. Kesabaran merupakan antara kekunci paling utama dalam menghafaz al-Qur'an (Abdul Hafiz & Norhanan, 2010). Hal ini dinyatakan dalam firman Allah s.w.t. dalam surah al-Qiyāmat:

لَا تُحَرِّكْ بِهِ لِسَانَكَ لِتَعْجَلَ بِهِ ۚ

Maksudnya; “Janganlah kamu gerakkan lidahmu untuk (membaca) Al-Qur'an kerana hendak cepat-cepat menguasainya” (Surah al-Qiyāmat, 75: 16)

Ayat ini menekankan kepada pembaca al-Qur'an mahupun menghafaz al-Qur'an untuk memiliki sifat sabar dalam melontarkan bacaan. Situasi ini boleh dikaitkan dengan usaha menghafaz al-Qur'an yang memerlukan masa dan waktu tertentu dalam memastikan al-Qur'an dapat dihafaz dengan sifat kesempurnaan, iaitu sama ada pada lafaz, huruf, bunyi makhraj, maksud yang tepat, *lahja*t dan sebagainya. Menurut Yunis (2012), pembacaan yang baik akan dapat dihasilkan sekiranya penghayatan ilmu tajwid dapat diterapkan sebagai kurikulum utama dalam kehidupan seseorang muslim yang menjunjung al-Qur'an sebagai rujukan mereka.

Secara keseluruhannya, strategi metakognitif yang diterangkan dalam kajian ini melibatkan tinjauan kajian-kajian lepas yang menumpukan kepada elemen regulasi sendiri. Ciri-ciri yang ditonjolkan dalam elemen regulasi sendiri ialah aktiviti pengulangan, penyelesaian masalah dalam menghafaz, penggunaan metod yang sesuai, dan penetapan matlamat menghafaz. Tinjauan kajian-kajian lepas berkenaan atribut ini juga mengimplikasikan bahawa kesemua elemen yang ditunjukkan merupakan projeksi peringkat semasa menghafaz al-Qur'an.

2.7.1.3 Strategi Pengurusan Sumber (*Resource Management Strategies*)

Pengurusan sumber merupakan aktiviti pengorganisasian individu dalam menggunakan khidmat lain yang bertujuan mengarah kepada penyempurnaan tugas. Strategi pengurusan sumber dikelaskan kepada elemen persekitaran dan masa, regulasi usaha, belajar dengan kawan-kawan serta mencari bantuan (Pintrich, et al., 1991).

Dalam komponen persekitaran, faktor ini dilihat memainkan peranan yang penting terhadap pencapaian pembelajaran (Pete, Frances dan Smith, 2008). Sebagai contoh,

aktiviti luar kelas dan aktiviti di dalam kelas. Kepelbagaian strategi dalam konsep pembelajaran menghasilkan keputusan pencapaian yang berbeza kerana kajian Ghazali, et al. (2012) menyatakan bahawa tahap penggunaan komunikasi lisan bahasa Arab di luar kelas berada pada tahap yang lebih sederhana berbanding penggunaan komunikasi lisan bahasa Arab di dalam kelas. Perbezaan suasana persekitaran tersebut menunjukkan bahawa betapa suasana persekitaran memainkan peranan yang penting sehingga dapat memberikan impak yang berbeza dalam pencapaian akademik.

Berkenaan dengan bidang hafazan al-Qur'an, perbezaan suasana persekitaran juga telah dijelaskan dalam kajian Abdul Hafiz, et al. (2008). Kajian Abdul Hafiz pada tahun 2007 juga ada menyatakan tentang suasana yang sepi memberikan ketenangan kepada para penghafaz al-Qur'an untuk berkhawatir melakukan ibadah. Kenyataan ini diperkuat oleh Muhammad Izhār (2015) yang menyatakan berkenaan dengan konsep kejiranan. Menurut beliau, konsep kejiranan seharusnya tidak dipengaruhi oleh bunyi bising yang mungkin memudaratkan pihak awam. Berdasarkan data kajian Abdul Hafiz (2007), hampir separuh daripada pelajar, iaitu sejumlah 40 peratus pelajar menjelaskan suasana bandar telah menghantui proses hafazan mereka. Hal ini berlaku kerana Maahad Tahfiz Negeri Johor dibangunkan dalam kawasan bandar. Heri Saptadi (2012) merungkaikan permasalahan ini dengan memberi saranan agar pelajar tahfiz dapat mendiami kawasan luar bandar.

Dalam membincangkan topik mengenai persekitaran, kajian Hamidah, Maheran, Abdul Halim dan Muhammad Mukhlis (2014) menjelaskan beberapa fasiliti penting dalam menyediakan suasana yang kondusif untuk para pelajar tahfiz menghafaz al-

Qur'an. Antaranya ialah faktor pencahayaan yang baik, aliran pengudaraan yang segar, pembangunan yang tersusun, kebersihan yang terkawal serta kemudahan peralatan sukan yang lengkap. Kewujudan kemudahan tersebut wajar diperkemas dari semasa ke semasa (Hamidah, et al., 2014). Dari segi keselamatan seperti kemudahan *fire drill*, pemakanan yang sihat di samping tiada wujud eksploitasi pelajar dengan masalah buli dan kewangan memberikan keyakinan kepada pelajar tahfiz untuk melakukan aktiviti seharian dengan tenang. Selain itu, pembasmian masalah-masalah disiplin seperti merokok, kejadian buli dan vandalisme juga merupakan perkara utama pelajar tahfiz berasa selesa untuk menghafaz al-Qur'an.

Selain daripada faktor persekitaran, faktor masa juga memainkan peranannya yang tersendiri. Pintrich, et al. (1991) menggabungkan faktor persekitaran dan masa sebagai satu elemen kerana faktor ini dilihat saling berhubungan di antara satu sama lain. Kajian Anisa Ida (2014) menjelaskan para pelajar tahfiz seharusnya dapat membahagikan masa kepada beberapa keadaan penting, seperti waktu membuat tugas sekolah, waktu menghafaz dan waktu *murāja'at*. Aktiviti *murāja'at* misalnya dijalankan di satu tempat yang jauh dari kebisingan dan sesuai untuk melakukan aktiviti tersebut seperti dalam kajian Bill (2011), iaitu dilakukan dalam masjid.

Dalam memperkatakan tentang faktor masa, kajian Ghazali, et al. (2012) menyatakan bahawa kolerasi masa dengan penggunaan komunikasi lisan bahasa Arab adalah signifikan. Kepentingan faktor masa ini turut diperakui dalam bidang penghafazan al-Qur'an yang sewajarnya dilakukan dengan bijak oleh para pelajar tahfiz (Mohd Nazri, 2010; Mohd Solleh, 2011). Dalam kajian Umu Hani (2014) menyarankan

bahawa bukan sekadar waktu khusus untuk sesi ‘hafal’ dan ‘hafaz’ harus disediakan pelajar tahfiz, tetapi sesi ulangan turut menjadi prioriti keutamaan bilamana menjadi seorang *ḥāfiẓ* al-Qur’an (Umu Hani, 2014). Al-‘Auratānī (2006) mencadangkan pembahagian masa untuk menghafaz al-Qur’an kepada tiga bahagian, iaitu waktu Duha, selepas Asar serta di antara Maghrib dan Isyak. Baki daripada waktu tersebut ialah masa untuk *murāja‘at*, tilawah dan pekerjaan (al-‘Auratānī, 2006). Justeru, menurut al-Masyā‘ilah (2010), kelas *tasmi‘* harus dihadiri oleh para pelajar tahfiz pada setiap hari. Hal ini dilakukan kerana mengelakkan pelajar daripada tertunda waktu dalam menghafaz al-Qur’an. Kajian Fitria dan Muhari (2013) menyifatkan situasi ini sebagai kewujudan unsur-unsur lewah (*procrastination*) dalam aktiviti pembelajaran.

Pada kebiasaannya kelas *tasmi‘* akan dihadiri oleh beberapa orang pelajar yang diketuai oleh seorang guru. Dalam kajian Bill (2011), guru *tasmi‘* disebut sebagai *Malvi Sahib*. Bilangan pelajar dalam kelas *tasmi‘* biasanya berada dalam lingkungan 10-15 orang pelajar. Selain itu, kelas *tasmi‘* pelajar lelaki juga diasingkan daripada kelas *tasmi‘* pelajar perempuan. Bagi kebanyakan kaedah menghafaz al-Qur’an, waktu paling ideal untuk memperdengarkan bacaan al-Qur’an di hadapan guru ialah pada awal pagi (Al-‘Auratānī, 2006; Abdul Hafiz, 2007; Sedek, 2012). Justeru, apa yang dapat dijelaskan di sini ialah tentang usaha untuk memenuhi kelas *tasmi‘* yang dijalankan pada setiap hari.

Selain itu, Pintrich, et al. (1991) turut menjelaskan bahawa regulasi usaha merupakan subordinat daripada strategi pengurusan sumber. Regulasi usaha dapat dilihat apabila seseorang pelajar dapat meneruskan aktiviti pembelajaran mereka dengan baik

ataupun sebaliknya. Dalam konteks ini, regulasi usaha mempunyai kaitan dengan sendiri seseorang pelajar. Menurut al-Masyā'ilah (2010), sendiri pelajar tahfiz yang lemah akan menyebabkan usaha pelajar berada pada tahap yang minimum. Justeru, Tāhā (2005) menghuraikan beberapa tanggungjawab pelajar tahfiz yang perlu diperbaharui dari semasa ke semasa ialah niat kerana Allah s.w.t., sering memanjatkan doa kepada Allah s.w.t. agar hafazan menjadi mudah dan diangkat beban dalam menghafaznya. Tāhā (2005) turut menjelaskan bahawa para pelajar tahfiz harus meyakini kuasa Allah s.w.t. dengan mukjizat al-Qur'an yang dihafaz, menyedari akan kelebihan menghafaz al-Qur'an serta berusaha membersihkan hati daripada sifat-sifat *mazmumah*. Hal ini kerana al-Qur'an yang dihafaz merupakan *kalāmullah* yang Esa, justeru hanya Allah s.w.t. sahaja yang berkuasa mengizinkan mereka untuk memelihara kalimah-Nya secara zahir dan batin.

Zainal Arifin (2015) menggariskan beberapa permasalahan yang berkaitan dengan usaha pelajar tahfiz antaranya ialah terlalu banyak aktiviti luar, tidak fokus dengan penghafazan, tidak mempunyai budaya membaca al-Qur'an serta tahap kemampuan yang rendah. Dalam memperkatakan tentang aktiviti luar, ia juga berkaitan dengan komitmen dan tanggungjawab, maka masa yang diluangkan untuk menghafaz al-Qur'an menjadi lebih terhad dan padat. Malah, aktiviti-aktiviti yang berlebihan boleh menjejaskan prestasi seseorang pelajar sekiranya pelajar tersebut gagal menguruskan pembelajaran dengan baik.

Penghafazan al-Qur'an juga mempunyai kaitan dengan pembacaan al-Qur'an. Pembacaan al-Qur'an secara tartil merupakan perkara asas yang harus dikuasai sebelum memulakan aktiviti menghafaz al-Qur'an. Situasi ini boleh dinyatakan

sebagai aplikasi *lahjat al-Hurf*. Dalam konteks pembelajaran tahfiz, aplikasi *lahjat al-Hurf* juga boleh dibahagi kepada empat fasa, iaitu peringkat sebelum menghafaz al-Qur'an, peringkat semasa menghafaz al-Qur'an, peringkat selepas menghafaz al-Qur'an dan peringkat amalan para penghafaz al-Qur'an. Keadaan ini menggambarkan bahawa pembacaan al-Qur'an merupakan budaya dan tradisi dalam menghafaz al-Qur'an. Oleh yang demikian, usaha yang padu untuk membaca al-Qur'an dalam jangka masa yang panjang pada setiap hari memerlukan latihan yang kukuh dari seseorang pelajar tahfiz. Hal ini kerana, usaha tersebut mempunyai kaitan dengan pencapaian pelajar tahfiz itu sendiri.

Terdapat pelajar yang bergantung kepada kehendak dalaman seperti semangat intrinsik dan pengaruh luaran seperti ekstrinsik untuk melakukan sesuatu aktiviti pembelajaran. Namun, terdapat juga pelajar yang tetap meneruskan perjalanan walaupun tidak mempunyai semangat dalam diri. Situasi ini diakui oleh Umu Hani (2014) yang menjelaskan ianya sebagai satu elemen paksaan. Walau bagaimanapun, kajian-kajian lepas mengimplikasikan bahawa elemen paksaan dalam menghafaz al-Qur'an akan menyebabkan hambatan kepada usaha menghafaz al-Qur'an (Umu Hani, 2014; Nisrina, 2015). Perkara ini juga mempunyai kaitan dengan peranan ibu-bapa semasa berinteraksi dengan anak-anak mereka (Murihah, Abdul Hafiz & Arief, 2015). Hal ini kerana, selain daripada komunikasi dan menyediakan persekolahan yang dianggap mempunyai manfaat kepada anak-anak mereka, penilaian sendiri ke atas tahap intelek dan kemampuan usaha anak-anak juga merupakan isu yang sangat mustahak (Murihah, et al., 2015).

Dalam komponen yang lain, berdasarkan kajian Ghazali, Nik Mohd Rahimi, Parilah, Wan Haslina & Thalal (2012), faktor belajar dengan kawan-kawan (*peer learning*) turut memainkan peranan yang penting dalam pencapaian pelajar. Usaha ini dilihat sebagai sumber yang bermanfaat kerana berdasarkan kajian Azmil, et al. (2014), pergaulan pelajar tahfiz dengan golongan *huffaz* merupakan salah satu cara untuk memantapkan hafazan al-Qur'an. Hal ini kerana percampuran dengan golongan yang turut sama menghafaz al-Qur'an akan dapat membangkitkan semangat serta energi para penghafaz al-Qur'an untuk lebih fokus dalam bidang yang diceburi. Kenyataan ini disokong oleh Ghazali, et al. (2012) yang menyatakan bahawa strategi penggunaan rakan-rakan (*peer learning*) dalam pembelajaran adalah signifikan.

Antara penggunaan *peer learning* dalam menghafazan al-Qur'an ialah teknik berpasangan. Menurut kajian yang dijalankan oleh Sedek, et al. (2012), teknik berpasangan sentiasa dipraktikkan dalam kaedah pembelajaran tahfiz di Maahad Tahfiz Kubang Bujuk, Terengganu. Guru akan menetapkan setiap pelajar dengan pasangan masing-masing yang mempunyai paras kemampuan hafazan yang seiring, seperti hampir sama bilangan hafazan atau sama bilangan hafazan yang telah diperdengarkan di hadapan guru. Tujuan teknik ini dipraktikkan ialah memastikan pelajar betul-betul mantap hafazannya sebelum memperdengarkan bacaan yang telah dihafaz di hadapan guru. Kajian ini juga menjelaskan bahawa para pelajar dikehendaki memperdengarkan bacaan mereka di hadapan pasangan masing-masing terlebih dahulu sebelum mempersembahkan bacaan di hadapan guru. Layin (2014) turut menggariskan dukungan sosial seperti rakan sebaya dapat meningkatkan prestasi hafazan al-Qur'an. Situasi dukungan sosial ini juga telah dipersetujui oleh Hanifah (2010).

Hal ini bersifat kontra dengan dapatan kajian Arna Vardardottir (2012) yang mengasingkan pelajar ke dalam kelas keupayaan tinggi, bahawa tidak terdapat kesan yang signifikan ke atas pencapaian pelajar dalam konteks *peer learning*. Walau bagaimanapun, kajian ini tidak melibatkan pengajian tahfiz. Perkembangan pengajian tahfiz turut menggunakan pendekatan *peer learning* secara berpasangan dalam menghafaz al-Qur'an, misalnya pendekatan yang dijelaskan oleh Sedek (2012) berkenaan kaedah menghafaz di Kubang Bujuk, Terengganu. Kaedah tersebut menuntut pengawasan guru dengan memastikan bahawa pasangan pelajar tersebut mempunyai taraf yang sama atau hampir sama dari segi kuantiti hafazan (Sedek, 2012). Hal ini dilakukan agar para pelajar tahfiz dapat menghafaz al-Qur'an bersama dengan konsep memberi dan mendapat manfaat (*give and take*), sekaligus akan meningkatkan semangat mereka dalam menghafaz al-Qur'an. Secara logika, sekiranya pelajar dikehendaki melakukan aktiviti ini dengan pasangan yang tidak sama taraf dari segi kuantiti, kemungkinan pelajar tersebut akan berasa lebih tertekan sekiranya terdapat jurang dari segi kuantiti hafazan yang jauh di antara mereka. Situasi ini berkemungkinan akan dapat menjejaskan reputasi seseorang pelajar yang pada asalnya mempunyai keinginan kuat untuk menghafaz.

Menurut kajian yang dijalankan oleh Ghazali, et al., (2012), penggunaan *peer learning* banyak dilakukan dalam gerak kerja berkumpulan. Selaras dengan kenyataan ini, kedudukan pelajar dalam *halaqat* secara berkumpulan yang dipraktikkan dalam kelas hafazan al-Qur'an (Abdul Hafiz, 2007) turut mendorong pelajar tahfiz untuk bersaing secara positif. Secara adatnya, aktiviti *halaqat* dipraktikkan dalam bentuk (lajur, baris) atau kumpulan pelajar yang disusun mengikut bentuk U (Abdul Hafiz, 2007). Aktiviti *halaqat* mempunyai manfaatnya

tersendiri kepada karakter seseorang, antara lain dapat merangsang minda, mengaktifkan tindakan kognitif, membangunkan tindakan afektif dan menyuburkan spiritual seseorang (Farah, 2015).

Berkenaan dengan aktiviti *halaqat* yang menyemai nilai-nilai murni belajar secara berkumpulan bersama rakan-rakan, kajian Mokhamad (2011) menjelaskan antara metod yang popular dijalankan di salah sebuah pondok tahfiz di Indonesia ialah *metode mudarasat*. Metod ini dijalankan secara berganti-ganti di antara satu sama lain. Yang pertama, *mudasarat per halaman*, iaitu setiap seorang membaca satu muka surat dan disambung oleh rakan-rakan lain. Teknik kedua ialah *mudasarat lembaran*, iaitu membaca satu helai dan diteruskan oleh rakan-rakan yang lain. Beliau juga menjelaskan teknik membaca $\frac{1}{4}$ juz setiap seorang dan diteruskan oleh rakan-rakan lain sebagai teknik yang ketiga, iaitu *mudasarat perempatan* (Mokhamad, 2011).

Kajian Āmal (2012) menjelaskan dalam kajiannya ke atas pelajar gred lima di sebuah sekolah al-Qur'an di Makkat al-Mukarramat, penggunaan *peer* memainkan peranan yang sangat penting. Āmal (2012) menerangkan situasi *peer* adalah bersangkutan dengan pembelajaran dan pengajaran. Justeru, kajian beliau menekankan pembelajaran *peer* sebagai pengajaran *peer* (*peer teaching*). Dapatan kajiannya membuktikan bahawa terdapat perbezaan signifikan di antara dua kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan berhubung dengan kemahiran memelihara al-Qur'an seperti tanggungjawab ke atas al-Qur'an. Perbezaan ini disebabkan oleh penggunaan strategi *peer teaching* di dalam kelas (Āmal, 2012). Menurut Āmal (2012), penggunaan *peer teaching* akan dapat mempermudah proses

pemeliharaan al-Qur'an, oleh yang demikian, beliau mencadangkan agar metod ini harus dipraktikkan sejak pelajar menginjakkan kaki ke sekolah di usia awal lagi.

Selain penggunaan *peer learning* ataupun *peer teaching*, penggunaan mencari bantuan (*help seeking*) juga memainkan peranan yang penting. Sebagai contoh penggunaan alat bantuan pembelajaran lain yang turut memberikan kesan yang signifikan terhadap pencapaian pelajar (Ghazali, et al., 2012). Berhubung dengan pembelajaran tahfiz, aktiviti sosial di antara para *hafiz* dan *hafizat* merupakan salah satu bentuk dorongan dalam menghafaz al-Qur'an (Abd Hafiz, 2007; Mohd Nazri, 2010). Menurut kajian yang dijalankan oleh Abdul Hafiz & Hasimah (2003), Aslam, Zia Al-Qayyum, Waqar, Saad, Martinez & Afraz (2012), aktiviti yang dilakukan bersama-sama dapat membantu para pelajar untuk berkongsi idea dan pengalaman sesama sendiri. Selain itu, elemen mencari bantuan (*help seeking*) dengan penggunaan alat elektronik dalam hafazan al-Qur'an dapat memantapkan lagi pencapaian hafazan al-Qur'an. Bantuan alat elektronik mampu mengubah pembacaan serta penghafazan al-Qur'an para pelajar pada tahap yang lebih baik. Berdasarkan kajian Mahmud (2010), penggunaan alat perakam (*tape recorder*) dapat meningkatkan mutu menghafaz al-Qur'an. Selain itu, penelitian yang dilakukan terhadap bacaan Qari-Qari masyhur akan dapat mengislahkan bacaan al-Qur'an yang dipraktikkan sehari-hari (Intan Zakiah & Munif, 2015).

Dalam memperkatakan tentang meminta bantuan (*help seeking*), kajian Afrizal (2013) menekankan bahawa penglibatan guru yang bersifat inspirasi akan meningkatkan pertalian komunikasi pelajar dengan guru mereka. Kajian Afrizal (2013) menyarankan beberapa transisi berbeza yang wajar dipraktikkan oleh para

guru pelajar tahfiz, antaranya ialah menerangkan fadilat membaca al-Qur'an, memperkenalkan metod-metod tertentu dalam menghafaz, memastikan kesemua pelajar berada pada tahap hafazan yang terkawal, serta memberikan pujian, hadiah dan hukuman sebagai meningkatkan prestasi mereka. Selain itu, aspek pembelajaran tidak dilihat sebagai interaksi komunikatif dua hala yang aktif sekiranya para pelajar hanya menerima suatu ilmu yang dicurahkan tanpa ada usaha untuk memahami pelajaran dengan kaedah mendapatkan bantuan daripada orang lain seperti bertanya dengan guru atau rakan-rakan.

Berdasarkan kenyataan daripada Abdul Hafiz & Hasimah (2005), Mohd Nazri (2010), Intan Zakiah & Munif (2015) dan Jiyanto (2015), konsep bertanya dengan rakan-rakan ditunjukkan dalam kajian-kajian lepas dapat memberi peluang kepada para pelajar tahfiz bergaul dengan mereka yang mempunyai pengalaman dalam menghafaz al-Qur'an. Menurut Abdul Hafiz dan Hasimah (2005), berhubung dengan para *ḥāfiẓ/ḥāfiẓat* merupakan salah satu teknik yang digunapakai oleh para pelajar tahfiz dengan tujuan aktiviti menghafaz al-Qur'an menjadi mudah. Hal ini kerana, para pelajar tahfiz yang baru mengenali dunia tahfiz akan mendapat kekuatan serta ilmu pengetahuan baru berdasarkan pengalaman-pengalaman yang ditimba oleh mereka yang lebih senior. Justeru, para pelajar tahfiz yang baru berjinak-jinak dalam dunia penghafazan tidak akan merasa janggal dengan aktiviti mereka sehari-hari kerana budaya menghafaz tersebut telah menjadi tradisi sejak turun-temurun lagi.

Pergaulan pelajar tahfiz dengan pensyarah juga memainkan peranan yang penting dalam konteks mendapatkan bantuan. Contohnya proses *talaqqī* dan proses *tasmi'* yang dijalankan dalam kelas subjek *Ḥifẓ al-Qur'an*. Semasa proses ini dijalankan,

para pelajar tahfiz melakukan interaksi secara perseorangan dengan pensyarah, justeru pada waktu ini menunjukkan adanya komunikasi dua hala yang sangat ideal di antara pelajar dan pensyarah. Situasi ini dibuktikan dalam kajian-kajian lepas mengenai proses sehari-hari di institusi tahfiz yang melibatkan *talaqqī* dan *tasmi‘* (Abdul Hafiz & Hasimah, 2005; Azmil & Abdul Halim, 2012; Azmil, Misnan, Abdul Halim & Mohd Aderi, 2014; Azmil, 2014; Intan Zakiah & Munif, 2015).

Secara keseluruhannya, elemen masa dan persekitaran dalam strategi pengurusan sumber ini diterangkan melalui kajian-kajian lepas yang menumpukan kepada aspek penggunaan masa dan tempat menghafaz yang spesifik. Selain itu, elemen pengurusan usaha yang diterangkan pula melibatkan tinjauan kajian-kajian lepas yang menjelaskan sikap tidak berputus asa dan terus berusaha walaupun mempunyai tahap semangat yang rendah. Manakala elemen rakan-rakan yang diterangkan dalam kajian ini diterangkan sebagai meluangkan masa bersama rakan dan berkongsi panduan menghafaz dengan rakan secara tidak langsung, misalnya dalam aktiviti kelas dan *halaqat*. Bagi atribut strategi pengurusan sumber (*help seeking*) yang diterangkan dalam kajian ini juga mengetengahkan tinjauan kajian-kajian lepas yang memfokuskan kepada elemen bantuan seperti bantuan elektronik, pergaulan dengan mereka yang telah menghafaz al-Qur'an serta pergaulan pelajar tahfiz sehari-hari dengan pensyarah. Kesimpulannya, strategi pengurusan sumber dirangkumkan kepada empat elemen, iaitu elemen persekitaran dan masa, regulasi usaha, rakan dan mencari bantuan. Berdasarkan tinjauan kajian-kajian lepas berkenaan atribut-atribut yang dibincangkan menggambarkan bahawa kesemua elemen-elemen yang ditunjukkan merupakan projeksi peringkat semasa menghafaz al-Qur'an.

2.7.1.4 Strategi Menghafaz Al-Qur'an

Penghafazan al-Qur'an sering dikaitkan dengan konsep *talaqqī*. Konsep ini dapat dilihat dalam dalil al-Qur'an surah al-Baqarat pada ayat yang ke-30 dan 31.

Firman Allah s.w.t. :

وَإِذْ قَالَ رَبُّكَ لِلْمَلَائِكَةِ إِنِّي جَاعِلٌ فِي الْأَرْضِ خَلِيفَةً ۖ قَالُوا أَتَجْعَلُ فِيهَا مَن
يُفْسِدُ فِيهَا وَيَسْفِكُ الدِّمَاءَ وَنَحْنُ نُسَبِّحُ بِحَمْدِكَ وَنُقَدِّسُ لَكَ ۚ قَالَ إِنِّي أَعْلَمُ مَا لَا
تَعْلَمُونَ ﴿٣٠﴾

وَعَلَّمَ آدَمَ الْأَسْمَاءَ كُلَّهَا ثُمَّ عَرَضَهُمْ عَلَى الْمَلَائِكَةِ فَقَالَ أَنْبِئُونِي بِأَسْمَاءِ هَٰؤُلَاءِ إِنْ
كُنْتُمْ صَادِقِينَ ﴿٣١﴾

Maksudnya: Dan (ingatlah) ketika Tuhanmu berfirman kepada Malaikat; "Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di bumi". mereka bertanya (tentang hikmat ketetapan Tuhan itu dengan berkata): "Adakah Engkau (Ya Tuhan kami) hendak menjadikan di bumi itu orang yang akan membuat bencana dan menumpahkan darah (berbunuh-bunuhan), padahal kami sentiasa bertasbih dengan memuji-Mu dan mensucikan-Mu?". Tuhan berfirman: "Sesungguhnya Aku mengetahui akan apa yang kamu tidak mengetahuinya".

Dan Ia telah mengajarkan Nabi Adam, akan segala nama benda-benda dan gunanya, kemudian ditunjukkannya kepada malaikat lalu Ia berfirman: "Terangkanlah kepada-Ku nama benda-benda ini semuanya jika kamu golongan yang benar".

(Surah al-Baqarat, 2: 30-31)

Ayat ini menerangkan bahawa Nabi Adam a.s. merupakan manusia pertama yang diperkenalkan dengan konsep *talaqqī*. Konsep *talaqqī* merupakan aplikasi psikolinguistik yang melibatkan pancaindera atau organ penderiaan untuk tujuan penerimaan serta pengeluaran semula apa yang diterima. Psikolinguistik merupakan ilmu psikologi dan neurobiologi yang membolehkan manusia menggunakan fungsi-fungsi kebahasaan. Barker (1987) membahagikan fungsi kebahasaan kepada *naming*, *labelling*, interaksi dan transmisi informasi. Berdasarkan perspektif pembelajaran hafazan al-Qur'an, para pelajar diterapkan dengan fungsi-fungsi kebahasaan melalui konsep *talaqqī musyāfahat*, amalan *tasmi'* dan *tahrīrī*. Kenyataan ini selari dengan

kajian Azmil dan Abdul Halim (2012) yang menerangkan aktiviti-aktiviti para pelajar tahfiz sehari-hari. Sejajar dengan fungsi-fungsi kebahasaan tersebut, pencapaian hafazan al-Qur'an dapat ditingkatkan dengan pengaruh dari dorongan-dorongan tertentu yang dipercayai memberi impak kepada kompetensi menghafaz al-Qur'an misalnya strategi menghafaz al-Qur'an yang digunakan secara spesifik. Strategi menghafaz al-Qur'an yang spesifik merupakan aspek penting untuk dikuasai oleh para pelajar tahfiz. Sedek Sabri, Shaharuddin, Mohd Zaini, Nik Mohd Saiful Azizi, Mohd Sa'di & Riswandi (2013) mengimplikasikan bahawa strategi menghafaz al-Qur'an yang betul akan dapat melahirkan para penghafaz al-Qur'an yang berjaya. Justeru, dalam bahagian ini, tinjauan kajian lepas diterangkan kepada empat fasa. Empat fasa ini merupakan peringkat yang dipraktikkan para pelajar tahfiz dalam aktiviti sehari-hari di institusi tahfiz (Intan Zakiah dan Munif, 2015), iaitu:

- a) Peringkat sebelum menghafaz al-Qur'an
- b) Peringkat semasa menghafaz al-Qur'an
- c) Peringkat selepas menghafaz al-Qur'an
- d) Peringkat amalan para penghafaz al-Qur'an

2.7.1.4.1 Peringkat Sebelum Menghafaz Al-Qur'an

Pada peringkat sebelum menghafaz al-Qur'an, terdapat beberapa perkara yang sentiasa dititikberatkan (Mohd Nazri, 2010). Antaranya ialah adab menghafaz al-Qur'an dan proses *talaqqī*. Adab merupakan perkara yang dirujuk sebagai pengetahuan berkenaan tingkah laku (Azmil, et al., 2014). Kajian Azmil, et al. (2014) mengetengahkan adab menghafaz al-Qur'an sebagai peri laku sepanjang pembelajaran tahfiz. Dalam kajian Boyle (2006) menyatakan bahawa pelajar tahfiz kebiasaannya diajar untuk mempelajari akhlak Islam. Terdapat beberapa adab perlu

diberi perhatian (al-Khālīdī, 1994) semasa proses menghafaz al-Qur'an, di antaranya ialah niat yang ikhlas (Abd Hafiz & Hasimah, 2004; Muhammad Khalifatullah, 2013). Al-Masyā'ilah (2010) menjelaskan keadaan ini sebagai meletakkan matlamat hanya kepada Allah s.w.t. serta menjauhkan diri daripada perkara-perkara yang merosakkan niat seperti riyak, *sum'at* dan sebagainya.

Selain itu, dalam kajian Abdul Hafiz dan Hasimah (2004) menyatakan bahawa aspek lain yang perlu dijaga ialah suci dari hadas dan najis, membaca dan menghafaz di tempat yang bersih, menghadap kiblat, *Isti'ādhat* atau *ta'awwudh* di samping membaca secara tartil (Abu al-Wafā, 2003). Mohd Nazri (2010) menjelaskan perkara-perkara tersebut termasuk dalam kategori adab-adab umum yang asas sebelum membaca al-Qur'an. Dalam kajian Anisa da (2014), adab-adab tersebut wajar dipersiapkan oleh para pelajar tahfiz sebelum memulakan hafazan. Proses hafazan al-Qur'an juga dikaitkan dengan amalan sunah yang seharusnya dipraktikkan oleh para pelajar tahfiz (Muhammad Sofyan, 2015). Amalan-amalan sunnah lain juga disebut oleh al-Masyā'ilah (2010) sebagai solat sunat *taqwiyyatul-ḥifẓ*. Keadaan ini sejajar dengan kajian Umi Kalthom, Nurul Fitriah dan Ady Hameme (2015) yang menyatakan solat-solat sunat yang dilakukan oleh para pelajar tahfiz bertujuan dapat memberikan semangat kepada pelajar untuk berusaha dengan lebih baik.

Dalam komponen yang lain, kajian Abdul Hafiz dan Hasimah (2004) menyatakan bahawa amalan *tadabbur* bacaan yang dihafaz (H. Aboebakar, 1973; al-Khālīdī, 1994; al-Qarḍāwī, 1999) akan memudahkan lagi proses menghafaz. Hal ini kerana, kefahaman yang dapat dicapai melalui amalan *tadabbur* akan dapat memberi impak kepada hafazan yang diingati. Dalam kajian Fathima (2013) menjelaskan terdapat

dua kategori penghafaz al-Qur'an, iaitu kategori yang pertama ialah bagi mereka yang berasal dari kalangan keluarga yang tidak berkomunikasi menggunakan bahasa Arab. Selain itu, mereka dididik oleh guru-guru yang tidak menggunakan bahasa Arab sebagai bahasa pertama, namun mereka berkemampuan untuk mencapai fonologi al-Qur'an berdasarkan tajwid yang betul. Kategori yang kedua pula ialah mereka yang mempunyai keluarga yang menggunakan bahasa Arab sebagai bahasa pertama atau kedua. Mereka juga mempunyai guru-guru yang berkomunikasi menggunakan bahasa Arab. Dalam konteks ini, menurut al-'Auratānī (2006), kendatipun para penghafaz al-Qur'an berada dalam kategori yang tidak memahami makna al-Qur'an secara huruf, seyogialah dilakukan rancangan untuk memahami al-Qur'an dengan lebih komited. Usaha pembacaan terjemahan dan tafsir-tafsir muktabar merupakan salah satu rancangan terbaik dalam menghayati isi kandungan al-Qur'an (Raed, 2008).

Dalam kajian Abdul Hafiz dan Hasimah (2004) juga menyatakan bahawa membaca al-Qur'an dengan suara yang indah (al-Qardhāwī, 1999; Muhammad Khalifatullah, 2013) merupakan amalan sunat serta mendapat pahala. Kajian Muhammad Khalīfatullāh (2013) menyatakan bahawa amalan membaca al-Qur'an yang dihafaz dengan melodi-melodi tertentu akan menjadikan hafalan bertambah kuat dan mudah diingati. Keadaan ini selaras dengan hadis Rasulullah s.a.w. berkenaan hal memperelokkan bacaan semasa mengalunkan ayat-ayat al-Qur'an, iaitu:

رَزَيْنُوا الْقُرْآنَ بِأَصْوَاتِكُمْ

Maksudnya: "Hiasilah bacaan al-Qur'an itu dengan suara kamu yang merdu dan lunak."

(Riwayat Abu Dāud, 2010: no. 1468)

Hadis ini mengandungi lafaz perintah agar mencantikkan bacaan al-Qur'an dengan suara yang dianugerahkan oleh Allah s.w.t. terhadap sekalian hamba-Nya.

Kajian Abdul Hafiz dan Hasimah (2004) turut menjelaskan tentang makruhnya membaca al-Qur'an ketika mengantuk (al-Kilānī, 2006). Oleh yang demikian, secara rasionalnya, orang yang mengantuk tidak akan dapat menumpukan perhatian kepada al-Qur'an dengan bersungguh-sungguh. Walau bagaimanapun, al-'Auratānī (2006) menjelaskan membaca al-Qur'an ketika berehat dan ketika masuk tidur merupakan salah satu cara untuk para pelajar tahfiz mengulang al-Qur'an kerana ditakuti hafazan yang diingati akan hilang begitu sahaja.

Selain dari itu, para pembaca al-Qur'an digalakkan membaca *صدق الله العظيم* setelah selesai membaca dan meletakkan al-Qur'an di tempat yang lebih tinggi sebagai tanda hormat (H. Aboe Bakar, 1973). Identifikasinya, keadaan ini sejajar dengan perspektif Islam yang meletakkan al-Qur'an sebagai paksi tertinggi dalam hierarki syaria Islamiah. Atas dasar ciri-ciri intensiti yang tinggi ke atas al-Qur'an inilah, adab dengan al-Qur'an diangkat sebagai akhlak yang mulia (*karīm*) (al-Qarḍāwī, 1999). Hal ini turut diakui Irfana (2015) yang melakukan pemerhatian terhadap pelajar-pelajar tahfiz di salah sebuah Pesantren di Indonesia. Dapatan kajian memperlihatkan bahawa mereka meletakkan al-Qur'an di tempat yang lebih tinggi. Pelajar-pelajar mereka juga memeluk al-Qur'an dengan meletakkannya berhampiran dengan dada semasa membawa al-Qur'an dalam perjalanan (Irfana, 2015).

Mohd Nazri (2010) membahagikan adab menghafaz al-Qur'an kepada tiga kategori, iaitu adab umum, adab sebelum dan adab semasa membaca berdasarkan ilustrasi Jadual 2.5.

Jadual 2.5

Adab-adab menghafaz al-Qur'an

Adab Umum	Adab Sebelum	Adab Semasa
Solat berjemaah	Niat <i>ikhhlās</i>	Sentiasa berdamping dengan golongan menghafaz
Memelihara wuduk	Doa bersungguh-sungguh	Sentiasa hormat guru
Menghadap kiblat	Istighfar dan meninggalkan maksiat	Memperbanyakkan solat sunat dan membaca ayat yang dihafaz dalam solat atau masa terluang
Suci, bersih dan menutup aurat	Sabar dan mempunyai azam yang kuat	Mengelak dari menghafaz ketika mengantuk
Menghindari maksiat, <i>makruhāt</i> , dan <i>syubhat</i> Meninggalkan perkara-perkara <i>laghā</i>	Menyediakan waktu dan jadual tersusun	

Jadual 2.3 menyenaraikan beberapa adab yang wajar diberi perhatian oleh para menghafaz al-Qur'an. Kajian Abdul Hafiz, et al. (2005) menyatakan bahawa penjagaan adab sebelum dan selepas menghafaz haruslah dijaga dengan sempurna agar proses menghafaz al-Qur'an menjadi mudah. Berdasarkan kajian Shahrulkarnain pada tahun 2013, sejumlah 88.9% pelajar tahfiz mengakui akan pentingnya adab dalam menghafaz al-Qur'an.

Selain itu, pemakanan yang sihat, halal lagi bersih juga merupakan suatu tuntutan. Terdapat beberapa makanan yang dapat menyebabkan hafazan bertambah kuat, antaranya ialah madu, kismis, susu lembu, air zamzam dan makanan-makanan berzat dan mengandungi gizi yang seimbang (al-Āuratānī, 2016). Kenyataan ini disokong oleh kajian Shahrulkarnain (2013) yang menggariskan pemakanan halal sebagai

salah satu faktor yang memberi pengaruh kepada proses menghafaz al-Qur'an. Kajian lepas juga menjelaskan bahawa pemakanan halal amat dititikberatkan oleh para pelajar tahfiz kerana dapatan kajian mencatatkan interpretasi skor min pada tahap yang tinggi pada item tersebut, iaitu (min=4.51) (Azmil, et al., 2014).

Selain itu, peringkat sebelum menghafaz al-Qur'an juga diterangkan sebagai elemen proses *talaqqī*. Kajian-kajian lepas mengimplikasikan bahawa proses *talaqqī* merupakan suatu proses yang signifikan dalam bidang hafazan al-Qur'an (Ekom, 2010; Sedek, 2012; Edi 2012; Juliyanto, 2014). Kajian-kajian tersebut menjelaskan bahawa proses *talaqqī* merupakan proses yang tidak asing dalam dunia penghafazan al-Qur'an. Proses ini diamalkan kerana matlamat penghafazan al-Qur'an yang menuntut pemeliharaan ayat-ayat al-Qur'an secara tepat dari segi bunyi suara serta tajwid yang betul. Kajian Abdul Hafiz dan Norhanan (2009) memfokuskan kaedah hafazan *Turki* yang digunapakai segelintir masyarakat Melayu di Tangkak, Muar. Kajian yang menggunakan instrumen soal selidik tersebut dilakukan dengan tujuan dapat mengetengahkan keistimewaan kaedah yang digunapakai dalam menghafaz al-Qur'an. Dapatan kajian merumuskan bahawa di antara perkara penting di dalam kaedah hafazan *Turki* ialah kelas kelancaran al-Qur'an. Menurut Anisa Ida (2014), kelancaran membaca al-Qur'an merupakan aktiviti pemanasan sebelum beralih kepada aktiviti seterusnya. Berdasarkan kaedah *Turki*, kehadiran dalam kelas kelancaran al-Qur'an tersebut adalah diwajibkan bagi setiap mereka yang berhajat untuk menghafaz al-Qur'an. Tempoh kelancaran dikira dalam minit tertentu, dan sekiranya tidak mencapai tahap, ia masih belum boleh dikategorikan sebagai tahap lancar yang terbaik (Abdul Hafiz & Norhanan, 2009).

Tambahan lagi, dalam kajian brahim (2013) menyatakan bahawa para pelajar yang mempelajari bidang al-Qur'an seharusnya menguasai hukum tajwid. Hukum tajwid tersebut adalah seperti pengeluaran bunyi makhraj bertanda *tanwīn*, huruf nun bersabdu, huruf mim bersabdu, huruf nun bertanda *sakin*, huruf mim bertanda *sakin* dan sebagainya. Menurut kajian yang dijalankan Anisa Ida (2014), pada kebiasaannya, pelajar yang dapat menjaga tajwid dengan bunyi makhraj yang betul akan lebih mudah mengingat ayat-ayat yang dihafaz berbanding mereka yang tidak fasih. Dalam konteks ini, elemen *talaqqī* bacaan al-Qur'an (Muhammad Khalīfatullāh, 2013) dengan guru atau *syekh* sebelum menghafaz al-Qur'an (al-Kilānī, 2006; Mohd Nazri, 2010) dan bacaan diuji sebelum kelas hafazan bermula (Abd Hafiz dan Norhanan, 2009) harus dipraktikkan.

Dalam kajian Azmil dan Abdul Halim (2012) menyatakan bahawa kaedah *talaqqī* dan *musyāfahat* merupakan kaedah P&P yang dipraktikkan di Darul Quran dan MTQN seliaan DQ. Namun, kaedah *talaqqī* dan *musyāfahat* yang dikawal oleh pensyarah tidak mencukupi dan tidak mencapai tahap yang sepatutnya (Azmil & Abdul Halim, 2012). Proses ini amat penting bagi memastikan bacaan al-Qur'an yang dihafaz terlekat betul di mata hati (Abdul Hafiz & Norhanan, 2009). Sementara kajian Abdul Hafiz, et al., (2005), merumuskan bahawa kaedah melancarkan bacaan sebelum menghafal amat penting untuk dikuasai agar proses menghafaz al-Qur'an menjadi mudah (Muhammad Khalīfatullāh, 2013; Sedek, Mohd Zaini, Muhamad Ali, Khadher, Mohd Murshidi & Amin, 2012).

Kelancaran bacaan mempunyai perkaitan dengan cara pembacaan al-Qur'an. Misalnya, menurut Intan Zakiah dan Munif (2015), penguasaan *lahjat al-ḥuruf*

merupakan suatu kesenian yang menjadi tuntutan ke atas pelajar yang tugasnya menghafaz al-Qur'an sehari-hari. Penguasaan *lahjaṭ al-ḥuruf* menunjukkan bahawa kemampuan membaca al-Qur'an dengan sempurna telah tercapai.

Kajian Edi (2010) tentang metod pembelajaran tahfiz di Surakarta, Indonesia, menjelaskan bahawa kaedah *talaqqī* merupakan aktiviti yang dilakukan secara intensif. Kadar bacaan setiap pelajar di hadapan guru mereka juga adalah berbeza-beza. Segelintir pelajar memperdengarkan bacaan dengan kadar bilangan ayat dan segelintir pelajar menggunakan halaman sebagai aras penanda untuk membaca hafazan yang seterusnya (Edi, 2010). Proses ini merupakan elemen utama dalam fasa awal menghafaz al-Qur'an. Pada peringkat ini juga, guru akan mendengar bacaan pelajar dengan teliti. Guru akan memperbetulkan kesilapan yang dilakukan oleh para pelajar semasa mendengarkan bacaan mereka (Nur Solihah, 2015).

Menurut kajian yang dijalankan oleh Sedek, et al. (2012) aktiviti *talaqqī* dilakukan setelah pelajar melancarkan bacaan yang ingin dihafaz sebanyak 40 kali. Bacaan 40x tersebut dibaca dalam keadaan melihat muṣḥaf. Hafalan baru harus diperdengarkan kepada guru sekurang-kurangnya setengah hingga empat halaman (Sedek, et al., 2012). Peringkat penting proses *talaqqī* memperlihatkan adanya komunikasi yang berlangsung di antara guru dan pelajar. Kajian Mutmainnah (2008) menjelaskan situasi ini sebagai pendekatan personal dan komunikasi instruksi. Projekti pendekatan personal yang melibatkan proses belajar secara individual menjadikan suasana pembelajaran mempunyai daya empati tersendiri yang bersifat komprehensif. Daya empati dari seorang guru akan dapat menghasilkan suasana pembelajaran yang kondusif (Ikbal, 2013). Dalam konteks komunikasi instruksi pula,

para guru bebas memberikan arahan kepada pelajar sehingga guru berasa puas hati dengan pencapaian yang ditunjukkan pelajar setiap hari.

Secara keseluruhannya, Kajian ini menerangkan peringkat sebelum menghafaz al-Qur'an dengan tinjauan kajian-kajian lepas yang menekankan tentang adab-adab menghafaz al-Qur'an dan proses *talaqqī*. Elemen adab-adab menghafaz al-Qur'an memberi fokus kepada beberapa item yang bersifat umum dan khusus, manakala proses *talaqqī* menumpukan kepada item *talaqqī* dengan guru.

2.7.1.4.2 Peringkat Semasa Menghafaz al-Qur'an

Pada peringkat semasa menghafaz al-Qur'an, ada beberapa elemen yang sering dipraktikkan oleh para pelajar tahfiz. Antaranya ialah teknik-teknik menghafaz al-Qur'an dan proses *tasmi'*. Teknik-teknik menghafaz merupakan suatu keadaan yang dipilih oleh pelajar tahfiz secara eklektik. Terdapat pelbagai teknik menghafaz al-Qur'an yang diperkenalkan seluruh pelosok dunia dan tidak ketinggalan juga di Malaysia. Teknik-teknik ini diperkenalkan secara faktual melalui pengalaman lepas ataupun pengkajian-pengkajian yang telah dibuktikan keberkesanannya. Kajian-kajian lepas menunjukkan bahawa kaedah menghafaz al-Qur'an mempunyai disiplin-disiplin tertentu dalam penghafazan al-Qur'an (Abdul Hafiz & Hasimah, 2003; Abdul Hafiz, et al., 2003; Abdul Hafiz, et al., 2005; Abdul Hafiz & Norhanan, 2009; Sedek, 2012; 2013). Disiplin-disiplin tersebut harus dipatuhi sejak dari permulaan hingga pengakhiran proses hafazan. Hal ini diakui oleh Mohd Nazri (2010) dalam kaedah *al-Munawwar* yang menekankan aspek istiqamah terhadap teknik-teknik yang digunakan bagi matlamat menghafaz al-Qur'an.

Spesifikasi teknik-teknik menghafaz tersebut di antaranya ialah; hafazan yang ingin dihafaz dimulakan dari helaian paling awal iaitu surah-al fatihah dan juz awal (al-Kilānī, 2006). Namun, pemilihan surah-surah yang tertentu dan konsep tematik; ayat-ayat mengikut tajuk-tajuk penting seperti; takwa, jihad dan sebagainya terlebih dahulu semasa menghafaz adalah teknik menghafal yang lebih memudahkan (al-Masyā'ilah, 2010). Dalam kajian Nisrina (2015) menjelaskan penghafazan yang diterapkan di Jakarta harus dimulakan dengan ayat-ayat yang mudah difahami terlebih dahulu. Namun, kajian Nisrina (2015) mengkhususkan kepada pelajar yang berusia bawah dua belas tahun.

Selain itu, dalam kajian Abdul Hafiz dan Norhanan (2009) menerangkan teknik menghafaz al-Qur'andari helaian belakang untuk setiap juz; misalnya memulakan *tasmi'* juz satu pada helaian yang terakhir (mengikut cetakan Saudi). Kaedah *Turki* ini digunapakai di Maahad Tahfiz Darul Tuba, Tangkak, Johor (Abdul Hafiz & Norhanan, 2009). Ahmad Baha dan Sarinah (2015) mengklasifikasikan kaedah *Turki* tersebut sebagai kaedah berselang. Hal ini kerana, penghafazan mereka mempunyai perbezaan dengan amalan-amalan popular dalam kaedah lain seperti kaedah Pakistan dan India yang mengutamakan hafalan akhir juz sebagai permulaan menghafaz (Ahmad Baha & Sarinah, 2015).

Berdasarkan kajian Sedek et al., (2012) dan (2013), kaedah Pakistan seperti *Deobandy* merupakan kaedah yang masyhur di Maahad Tahfiz Kubang Bujuk Terengganu. Mereka mempraktikkan bacaan dari surah-surah pendek bahagian juz yang ke-30 (Sedek, terlebih dahulu. Sedek, et al. (2012) menambah bahawa lima juz terakhir, iaitu juz yang ke-26 hingga juz ke-30 lebih mudah dihafaz berbanding juz

sebelumnya, justeru penghafazan di Kubang Bujuk dimulakan dengan juz 30, 29, 28, 27 dan 26 terlebih dahulu. Setelah selesai lima juz tersebut, pelajar dibenarkan menghafaz pada juz awal dan seterusnya (Sedek, et al., (2012). Dalam kenyataan Ahmad Baha dan Sarinah (2015) menjelaskan situasi membaca dari juz awal tersebut sebagai kaedah berturut.

Sementara kajian Sa'ad (2014) yang memilih 130 guru pelajar tahfiz secara rawak di beberapa buah *Quranic School, Makkah al-Mukarramat* membuktikan bahawa strategi menghafaz al-Qur'andari halaman akhir adalah tidak diperlukan. Hal ini kerana kebanyakan pelajar mampu untuk menghafaz daripada halaman yang paling awal. Walau bagaimanapun, kesemua pelajar mereka yang menghafaz al-Qur'an tersebut adalah berbangsa arab. Menurut kenyataan Wan Ahsani dan Muhamad Faisal (2015), masyarakat Arab mempunyai budaya hafalan yang sangat kuat sejak zaman jahiliyyah lagi. Mereka sering menghafaz puisi-puisi indah, beribu-ribu ayat mutiara kata, salasilah keturunan, peristiwa penting beserta tarikh dan sebagainya. Setelah kedatangan Islam, penghafazan al-Qur'an, al-hadis dan kitab-kitab muktabar terus dilakukan.

Menurut kenyataan Mohd Nazri (2010) teknik menghafaz sehari bersamaan dengan satu muka surat adalah memadai bagi individu yang ingin menghafaz al-Qur'an kerana kuantiti ini dianggap sederhana, tidak terlalu banyak dan tidak terlalu sedikit. Manakala al-Kilānī (2006) menggariskan teknik menghafal dengan dimulakan satu ayat pada hari pertama, dua ayat pada hari kedua dan begitulah seterusnya sehinggalah bilangan hafalan mencapai sebanyak 20 ayat dalam satu hari. Situasi ini dirumuskan oleh Muhammad Khalifatullāṭ (2013) bahawa proses penghafazan

haruslah mempunyai *daily limit* yang tetap misalnya; dalam satu hari bersamaan satu muka, dua muka dan sebagainya.

Selain itu, pemilihan *muṣḥaf* berdasarkan cetakan wajar dititikberatkan selain *muṣḥaf* tidak harus bertukar-tukar selama mana proses menghafaz al-Qur'an berjalan (al-Masyā'ilah, 2010; Mohd Nazri, 2010; Mokhamad, 2011; Muhammad Khalifatullāh, 2013). Hal ini kerana, penggunaan *muṣḥaf* yang tidak tetap akan menyebabkan para pelajar berasa keliru dengan perbezaan susunan ayat, warna, bentuk tulisan yang kecil atau nipis, bentuk tulisan tebal atau besar dan sebagainya. Perkara ini mungkin dilihat enteng kerana memandangkan isi kandungan al-Qur'annya yang serupa, tetapi risiko kekeliruan yang menghantui fikiran mereka juga berkemungkinan memberikan kesan jangka panjang yang negatif terhadap pencapaian menghafaz al-Qur'an.

Kajian Abdul Hafiz dan Hasimah (2003) ada menyenaraikan beberapa teknik dalam menghafaz al-Qur'an. Di antaranya ialah kaedah *Chunking* yang merupakan kaedah *mnemonic* popular dketengahkan penggunaannya oleh Miller (1966). Selain itu, teknik memahami maksud dalam konteks ayat (H. Aboebakar, 1973; al-Khālīdī, 1994; al-Qarḍāwī, 1999; Abdul Hafiz & Hasimah, 2003) dan membayangkan cerita (*link system*) turut membantu dalam menghafaz *kalāmullah* (al-Masyā'ilah, 2010; Muhammad Khalifatullāh, 2013).

Dalam perkembangan yang lain, al-Qābisī (1955) menggariskan satu kemestian kepada para penghafaz al-Qur'an untuk mempelajari bahasa Arab secara gramatis bagi tujuan pemahaman yang lebih membantu proses menghafaz. Hal ini telah

dibuktikan dalam kajian Setiyo (2007) yang menjelaskan bahawa kemampuan menghafaz al-Qur'an adalah lebih cepat bagi mereka yang memiliki kefahaman dalam bahasa Arab.

Selain itu, penumpuan juga memberikan kesan secara langsung dalam penghafazan. Menurut kajian yang dijalankan oleh Abdul Hafiz dan Hasimah (2004), penumpuan secara visual (*Visual Imagery*) semasa menghafaz al-Qur'an membolehkan teknik minda fotografi dipraktikkan, manakala teknik mengulang-ulang bacaan sebanyak 10 kali (Abdul Hafiz dan Hasimah, 2004; Mohd Nazri, 2010) dan teknik mendengar (al-Masyā'ilah, 2010) turut membantu dalam memudahkan proses penghafazan al-Qur'an menjadi mudah.

Berhubung dengan teknik mendengar, kajian Muhammad Khurram dan Yassir (2013) menyimpulkan bahawa al-Qur'an digital merupakan alat bantu atau pemudah cara yang mempunyai banyak manfaat. Dalam kajian Nisrina (2015) turut menambah bahawa alat perakam atau media mampu menjadikan pelajar mengingat hafazan dengan lebih cepat. Kajian Abdul Hafiz dan Hasimah telah menjelaskan tentang aplikasi teknik rakaman suara ini sejak pada tahun 2004. Walau bagaimanapun, pada sekitar tahun tersebut, alat bantu rakaman yang dimaksudkan ialah penggunaan kaset. Seiring dengan kemajuan, kini alat bantu digital seperti telefon bimbit, komputer riba dan sebagainya mampu menyediakan pelajar dengan pelbagai kemudahan dari segi pembacaan dan penghafazan al-Qur'an. Pembacaan al-Qur'an yang disediakan pula mempunyai pelbagai versi dan variasi.

Selain dari itu, teknik menghafaz secara berpasangan (Sedek, 2013) juga wajar dipraktikkan. Keadaan ini menggambarkan proses penghafazan al-Qur'an dapat dibantu dengan kaedah menghafaz bersama rakan. Menurut kajian yang dijalankan oleh Nisrina (2015), bukan semua pelajar dapat menghafaz dengan betul kerana terdapat pelajar tahfiz yang kurang fokus dalam menghafaz. Justeru, teknik berpasangan merupakan salah satu teknik yang ideal bagi pelajar yang bermasalah dalam menumpukan perhatian terhadap hafazan al-Qur'an. Kajian Anisa Ida (2014) turut menjelaskan, menghafaz secara bersendirian mempunyai kemungkinan melakukan kesilapan dalam menuturkan bacaan yang lebih tinggi daripada menghafaz dengan semakan rakan-rakan. Selain itu, pembelajaran secara *co-operative* akan dapat memotivasikan pelajar untuk mencapai kejayaan (Sarikin, 2012). Dalam perkembangan yang lain, teknik *African Sub* mempraktikkan *circle method* secara berkumpulan semasa proses hafazan dipercayai meningkatkan daya ingatan terhadap al-Qur'an (Muhammad Saleem, 2012). Teknik ini menekankan tentang proses pembelajaran yang dilalui bersama rakan-rakan.

Dalam kajian Abdul Hafiz dan Hasimah (2004) menambah bahawa teknik menulis pada waktu sebelum dan selepas menghafaz al-Qur'an (Abdul Hafiz & Hasimah, 2004; Abdul Hafiz dan Norhanan, 2009) dianggap penting kerana berdasarkan situasi menyimpan hafalan, para *huffaz* dinilai dapat memelihara hafalan apabila mampu mengeluarkan semula apa yang dihafaz dalam bentuk penulisan (al-Qābisī, 1955). Siti Fatimah (2012) menyifatkan setiap apa yang dituturkan tidak akan menimbulkan kesan yang signifikan berbanding penyampaian yang diabadikan dalam bentuk bertulis. Sementara Jack Goody (2012) menjelaskan bahawa aktiviti penulisan dapat mempelbagaikan lagi kesenian menerima pelajaran selain daripada pedagogi bentuk

lisan. Menyedari tentang peri pentingnya mengabadikan penulisan inilah, hasil usaha dan garapan yang bermula dari usaha Rasulullah s.a.w. dan para sahabat yang bergelar *huffaz* berjaya dikongsi sehingga ke hari ini melalui naskhah al-Qur'an (al-Qattān, 2000).

Kaedah mengabadikan penulisan ini turut diselusuri oleh Darul Quran (DQ) dan MTQN di bawah seliaan DQ. Hal ini dibuktikan dengan dapatan kajian Abd Hafiz, et al. (2005), membuktikan bahawa sebanyak 37.5% iaitu seramai 137 responden dari kalangan pelajar Darul Quran bersetuju bahawa mereka mampu menulis semula ayat-ayat al-Qur'an yang dihafaz dengan baik setelah menghafalnya. Manakala 18.5% iaitu seramai 68 responden menyatakan sangat bersetuju dengan item teknik penulisan tersebut. Teknik menulis semula dalam aktiviti pembelajaran mempunyai korelasi yang kukuh dengan pencapaian hafazan seseorang pelajar (Azmil, et al., 2014). Menulis semula apa yang dihafaz bukan sahaja dapat membantu meningkatkan pencapaian tetapi juga dapat melatih pelajar untuk lebih fokus kepada ayat-ayat yang sukar untuk diingati (Azmil, et al., 2014). Sehubungan dengan itu, Azmil dan Abdul Halim (2012) menggariskan agar penambahbaikan perlu dipergiat di institusi-institusi tahfiz kerana kelas *tahfīz* al-Qur'an masih tiada walaupun peperiksaan *tahfīz* al-Qur'an dilaksanakan setiap semester.

Walau bagaimanapun, kajian Sa'ad (2014) membuktikan bahawa kaedah menulis semula apa yang dihafaz tidak menunjukkan keperluan yang utama kepada para pelajar berketurunan Arab yang menuntut di *Quranic School, Makkah al-Mukarramat*. Situasi ini selaras dengan kenyataan Nisrina (2015) berkenaan kemantapan hafalan masyarakat Arab yang ditonjolkan sebagai nilai kepuasan,

malah menjadi keperluan bagi mereka. Menurut Nisrina (2015), menulis semula ayat-ayat yang telah dihafaz dianggap sebagai satu keaiban bagi mereka kerana menzahirkan sifat lemahnya tahap memori mereka.

Selain itu, teknik menghafaz sebelum tidur, pemetaan minda (*mindmapping*) (Abdul Hafiz dan Hasimah, 2003) dan teknik gundalan (Mohd Nazri, 2010) merupakan teknik yang turut dipraktikkan oleh para pelajar tahfiz. Bagi teknik menghafaz sebelum tidur, al-‘Auratānī (2006) turut mencadangkan pengulangan tetap dilakukan oleh para penghafaz al-Qur’an pada waktu tersebut. Kenyataan turut disokong oleh Setiyo (2007) yang menggariskan keperluan menghafaz ayat-ayat baru dan mengulang hafalan lama bukan sahaja dilakukan pada waktu siang tetapi juga pada waktu malam. Bahkan, Ekom (2010) mensyaratkan agar para penghafaz al-Qur’an dapat mengurangkan waktu tidur dan waktu rehat mereka kerana perkara-perkara tersebut dapat menjauhkan pelajar daripada kelalaian.

Selain itu, dalam memperkatakan teknik pemetaan minda (*mindmapping*) semasa menghafaz al-Qur’an, antara kaedah yang mengamalkan konsep ini ialah kaedah Nadi al-Baghdadi (Abdul Sattar, 2014). Kaedah tersebut menjelaskan rangsangan pemetaan minda seperti melihat bentuk-bentuk yang pelbagai dan dikatakan dapat mengaktifkan fungsi otak kanan pelajar. Kaedah ini juga menyarankan konsep melihat secara visual dan membaca secara visual. Teknik yang dilakukan ialah melakukan ulangan ke atas bacaan sebanyak tiga kali dengan suara yang kuat di bawah bimbingan guru (Abdul Sattar, 2014). Menurut Umi Hidayah dan Salma (2014), kaedah pemetaan minda seperti *tree map* yang dilihat secara visual akan dapat meningkatkan kefahaman pelajar dalam mengingat sesuatu fakta. Umi

Hidayah dan Salma (2014) mengetengahkan teknik ini dilakukan pada salah satu topik yang diceritakan dalam al-Qur'an, iaitu dalam kronologis Israk dan Mikraj. Kajian tersebut menumpukan kepada kaedah peta minda yang dipercayai dapat meningkatkan daya ingatan dan kefahaman pelajar (Umi Hidayah & Salma, 2014).

Antara lain teknik menghafaz yang digunakan ialah teknik gundalan (Abdul Hafiz & Hasimah, 2003). Kajian Mokhamad (2011) menjelaskannya sebagai menghafal beberapa urutan ayat mengikut kiraan yang tertentu. Teknik ini turut diamalkan dalam pengajian tahfiz tradisional. Namun, apa yang membezakannya ialah kekerapan mengulang dan kiraan sebagai aras penanda dalam membuat gundalan. Misalnya penghafazan dimulai dengan pembacaan ayat satu selama 10 kali, kemudian terus berpindah pada ayat dua sebanyak sepuluh kali. Setelah itu dijamakkan antara ayat satu dan dua dengan pengulangan sepuluh kali (Mohd Nazri, 2010). Seseengah kaedah menerapkan pembacaan sebanyak 40 kali, contohnya kaedah *Deobandy* (Sedek et al., 2012). Teknik gundalan juga merupakan teknik yang popular diamalkan oleh kebanyakan pelajar tahfiz. Walau bagaimanapun dalam kaedah Nadi al-Baghdadi (Abdul Sattar, 2014), teknik gundalan dilakukan secara rawak tanpa mengikut urutan kerana teknik ini menekankan daya visual yang bukan sahaja dilakukan ke atas ayat tetapi juga ke atas nombor ayat. Para pelajar yang mengikuti kaedah ini tidak hanya menghafaz ayat-ayat al-Qur'an mengikut turutan nombor ayat menaik, tetapi juga mampu untuk membaca ayat-ayat yang dihafaz tanpa *muṣḥaf* secara turutan nombor ayat menurun yakni terbalik (Abdul Sattar, 2014). Namun, terdapat pertikaian mengenai kaedah ini kerana mengamalkan kaedah turutan nombor yang menurun. Malah kaedah ini juga mengamalkan pembacaan secara rawak dan tidak mengikut susunan nombor ayat surah. Bagaimanapun,

menurut Ahmad Baha dan Sarinah (2015), perbuatan tersebut dibenarkan dalam Islam kerana bertujuan memantapkan setiap kedudukan ayat yang dihafaz dalam minda. Secara dogma, proses *tasmi'* tetap mewajibkan pelajar untuk memperdengarkan bacaan kepada guru dengan turutan nombor ayat yang betul.

Selain itu, proses semasa menghafaz al-Qur'an juga diterangkan sebagai proses *tasmi'*. Dalam penghafazan al-Qur'an, *tasmi'* merupakan proses bacaan yang diperdengarkan kepada guru tanpa melihat *mushaf*. Menurut Intan Zakiah dan Munif (2015), proses ini dipraktikkan dalam peringkat semasa menghafaz al-Qur'an. Proses *tasmi'* merujuk kepada perkara asas dalam penghafazan al-Qur'an (Abu al-Wafā, 2003; al-Masyā'ilah, 2010). Dapatan kajian Azmil dan Abdul Halim (2012), yang menggunakan instrumen soal selidik, mencatatkan kebolehpercayaan yang tinggi, iaitu nilai *alpha cronbach* 0.96 dalam elemen *tasmi'*. Mereka merumuskan bahawa kaedah *tasmi'* merupakan kaedah yang menjadi satu kelaziman dalam pengajaran dan pembelajaran di Darul Quran (DQ), Jakim dan Maahad Tahfiz Negeri (MTQN) kelolaan Jakim. Hal ini telah dinyatakan oleh Mohd Nazri (2010) berkenaan hafazan yang telah lancar dan hafal hendaklah ditasmi' (Azmil dan Abdul Halim, 2012) oleh seorang guru atau *syekh* yang mampu memperbaiki bacaan ke arah yang lebih baik.

Sebagai contoh, Fifi Lutfiah (2013) menggariskan penggunaan metode *sima'ī* sebagai istilah semasa proses *tasmi'* dengan guru. Metode *sima'ī* merupakan kaedah memperdengarkan bacaan. Kaedah memperdengarkan bacaan oleh pelajar dicadangkan dalam dua bentuk. Pertamanya ialah mendapatkan bacaan dari guru dan yang kedua, iaitu merakam ayat-ayat yang dihafaz terlebih dahulu dengan tujuan mendengarkannya sebelum mula menghafaz. Setelah dapat menghafaz dengan

jayanya, pelajar memperdengarkan bacaan yang dihafaz semasa proses *tasmi* ' (Fifi Lutfiah, 2013). Proses *tasmi* ', bukan sahaja dapat memastikan hafazan berada dalam lingkungan yang tepat tetapi juga berpeluang untuk menilai hafazan yang dihafaz sama ada berada pada tahap yang lancar ataupun sebaliknya.

Mengikut kaedah pembelajaran tahfiz di Kubang Bujuk Terengganu, proses *tasmi* ' dengan guru akan dilakukan setelah para pelajar memperdengarkan bacaan masing-masing kepada pasangan yang ditetapkan oleh guru, iaitu dalam kalangan rakan-rakan mereka sendiri (Sedek, et al., 2012). Berdasarkan Nor Musliza dan Mokmin (2014), menjelaskan perbuatan memperdengarkan bacaan kepada rakan-rakan ini juga dikenali sebagai proses *tasmi* '. Sebarang kesilapan yang dilakukan dalam proses *tasmi* ', akan diperbaiki melalui teguran rakan-rakan dan guru yang mendengar bacaan. Menurut Setiyo (2007), situasi ini juga dipanggil sebagai proses penyimpanan akustik.

Berdasarkan pemerhatian Mardhiah dan Mohd So'od (2014), proses *tasmi* ' yang dijalankan oleh guru memberi manfaat kepada pelajar untuk memperbaiki bacaan ke arah yang lebih berkualiti. Melalui kaedah GAMBUT (gambar dan sebut), para pelajar dilihat dapat menerima kaedah tersebut dengan baik kerana terdapat perubahan positif dari segi perbezaan bunyi huruf yang menggunakan hujung lidah dalam pembacaan al-Qur'an. Walau bagaimanapun, kaedah ini dibuat ke atas para pelajar sekolah kebangsaan berkenaan subjek Pendidikan Islam yang mempunyai sesi *tasmi* ' al-Qur'an dengan guru. Kajian menyimpulkan proses *tasmi* ' menonjolkan transformasi pelajar dari keadaan yang kurang baik kepada yang lebih baik kerana menggunakan kaedah yang kondusif.

Kajian Umi Kalthom, et al. (2015) berkenaan program Ulul-Albab di Maktab Rendah Sains Mara, Malaysia menggariskan pelajar yang mengikuti program ini dapat menjalankan proses *tasmi'* dengan guru dalam masa tiga tahun. Justeru, pengambilan pelajar untuk memasuki program ini amat menitikberatkan daya kecepatan menghafaz kerana program ini tidak hanya menumpukan kepada hafazan al-Qur'an semata-mata, tetapi juga subjek akademik yang lain seperti Sains, Matematik dan sebagainya. Menurut Setiyo (2007), daya kecepatan menghafaz dipengaruhi oleh ingatan jangka pendek seseorang pelajar. Selain itu, pemahaman bahasa Arab dilihat dapat meningkatkan daya kecepatan menghafaz seseorang pelajar (Setiyo, 2007).

Justeru, berdasarkan situasi ini, kelancaran sebelum proses *tasmi'* memainkan peranan yang penting. Menurut Sedek, Mustaffa dan Khader (2015), proses *tasmi'* hafazan hanya dibenarkan oleh guru apabila pelajar telah mengkhatamkan bacaan seluruh al-Qur'an dengan melihat *muṣḥaf* sebanyak 10 kali. Proses *tasmi'* juga dikenali sebagai metode *sema'an* (Amalia, 2014). Nor Musliza dan Mokmin (2014) menjelaskan metod ini dengan istilah sema'an.

Secara keseluruhannya, kajian-kajian lepas menumpukan kepada beberapa item dalam teknik menghafaz al-Qur'an seperti teknik ulangan, teknik gundalan dan sebagainya. Kajian-kajian lepas juga menjelaskan elemen proses *tasmi'* sebagai kaedah pembelajaran yang aktif digunakan dalam pengajian tahfiz.

2.7.1.4.3 Peringkat Selepas Menghafaz Al-Qur'an

Peringkat selepas menghafaz al-Qur'an merupakan situasi sebaik sahaja hafazan al-Qur'an telah diingati oleh seseorang pelajar. Pada bahagian ini, ulasan karya

diterangkan sebagai proses *murāja'at*. Proses *murāja'at* merupakan fasa pengulangan al-Qur'an sebaik sahaja al-Qur'an telah dihafaz. Pada tahap ini pembacaan semula ayat-ayat yang telah dihafaz mempunyai tujuan yang tertentu, iaitu agar *kalāmullah* yang dihafaz terlekat betul di mata hati.

Sabda Rasulullah s.a.w.:

عن أبي ذر: إن النبي (ص) قام بأية يرددها حتى أصبح: " إن تعذبهم فإنهم عبادك ,
(المائدة: 118)"

Maksudnya:

Dari Abū Zār: Bahawa Rasulullah s.a.w. mengulang-ulang ayat sehingga menjadi (terlekat): *(Jika Engkau menyiksa mereka, (maka tidak ada yang menghalanginya) kerana sesungguhnya mereka adalah hamba-hamba-Mu-(al-Mā'idat,, 6: 118);*

(Riwayat al-Nasā'ī, 2010: 1083)

Berdasarkan kenyataan Abū Zār dalam riwayat al-Nasā'ī ini, jelas kepada kita bahawa proses *murāja'at* al-Qur'an memerlukan latihan yang jitu dalam matlamat memantapkan pencapaian hafazan. Menurut Anisa Ida (2014), terdapat dua prinsip *murāja'at* hafazan al-Qur'an, iaitu membacanya secara batin (hati) dan yang keduanya ialah mengeluarkan suara ketika membacanya.

Tinjauan kajian-kajian lepas seperti Abdul Hafiz, et al. (2003), Abdul Hafiz, et al. (2005, 2009) dan Sedek (2012; 2013) bertujuan mencari kaedah yang paling efektif dan sistematik bagi membantu para pelajar dalam proses menghafaz al-Qur'an di institusi tahfiz al-Qur'an. Terdapat pelbagai kaedah menghafaz yang dipraktikkan di institut-institut tahfiz di Malaysia dan luar negara. Rata-rata kaedah menghafaz memiliki gaya tersendiri dan menerapkan kaedah pengulangan bacaan secara kerap.

Hafazan yang perlu diulang tidak hanya dikhususkan ke atas penghafazan al-Qur'an yang baru sahaja dihafaz tetapi juga hafazan yang telah sekian lama dihafaz turut dituntut untuk proses pemeliharaan. Kaedah mengulang hafazan dibahagikan kepada tiga bahagian, iaitu; kaedah mengekalkan hafalan baru, mengekalkan hafalan lama, dan panduan mengekalkan hafalan (Abdul Hafiz, et al., 2003). Ketiga-tiga kaedah mengulang ini haruslah dipraktikkan oleh para penghafaz al-Qur'an secara tetap. Keadaan ini akan menjadi satu kesalahan sekiranya para *huffaz* mempunyai semangat yang bermusim dalam proses *murāja'at*, walhal usaha pengulangan ini wajib dilakukan secara khusus setiap hari sebagaimana solat lima waktu (Abdul Hafiz & Hasimah, 2003). Dalam komponen metod *Tasmur* juga menerapkan pengulangan hafalan baru sebagai teknik Setoran dan teknik *Murāja'at* sebagai ulangan hafalan lama (Wiyoto, 2009).

Kajian Azmil dan Abdul Halim (2012) menggunakan instrumen soal selidik, mencatatkan kebolehpercayaan yang tinggi, iaitu nilai *alpha cronbach* 0.96 dengan merumuskan bahawa kaedah *murāja'at* merupakan kaedah yang menjadi satu kelaziman dalam pengajaran dan pembelajaran di Darul Quran (DQ), Jakim dan Maaahad Tahfiz Negeri (MTQN) kelolaan Jakim. Justeru, pelajar seharusnya dilatih untuk menjadi imam dalam solat fardu, solat jumaat dan solat sunat sebagai aktiviti *murāja'at* al-Qur'an (Mohd Nazri, 2010). Peri pentingnya proses *murāja'at*, dalam Azmil dan Abdul Halim (2012) mengimplikasikan bahawa kefahaman yang lebih baik terhadap al-Qur'an boleh dicapai pada waktu *murāja'at* di luar kelas. Hal ini kerana penekanan kepada kefahaman tidak banyak dilakukan di dalam kelas oleh kerana terdapat kekangan masa (Azmil & Abdul Halim, 2012). Keadaan ini selari dengan saranan Khoirul Huda pada tahun 2010 yang mencadangkan aktiviti

murāja'at dapat dilakukan di kawasan selain daripada kelas, iaitu di dataran sekolah, bawah pokok dan di dalam masjid sebagai variasi. Keadaan ini disebabkan oleh beberapa masalah pelajar yang tidak dapat melakukan aktiviti *murāja'at* tersebut secara trend semasa mereka pulang ke rumah mereka.

Kajian Sedek (2013) menyimpulkan bahawa terdapat empat kaedah *murāja'at dharurī* yang dipraktikkan setiap hari dengan menetapkan syarat menepati piawai; tanpa melihat *muṣḥaf* al-Qur'an iaitu i) *murāja'at* hafazan *sabak*, ii) *murāja'at* hafazan *para sabak* iii) *murāja'at* hafazan *ammokhtār* dan *murāja'at* semasa *ḥalaqaṭ daurī*. Istilah *Ḥalaqaṭ daurī* hanya dilakukan khas untuk pelajar yang telah khatam kesemua *sabak* (Sedek, 2013) dan ia serupa dengan istilah *murāja'at majmu'* (Azmil dan Abdul Halim, 2012) yang dikhaskan kepada mereka yang telah khatam silibus 30 juz mengikut sistem Darul Quran. Manakala kelas *murāja'at* untuk *imtiḥān syahadaṭ* bagi mereka yang telah khatam hafazan 30 juz digalakkan oleh tenaga pengajar dan bersifat terbuka (Abdul Hafiz & Norhanan, 2009).

Menurut Sedek, et al. (2012), dalam kaedah hafazan yang diamalkan di Maahad Tahfiz Kubang Bujuk, Terengganu, para pelajar yang telah menyelesaikan hafazan sebanyak 30 juz dikehendaki melalui satu proses *murāja'at* peringkat akhir. Proses tersebut merupakan proses wajib sebelum para pelajar meninggalkan pusat itu secara rasmi. Misalnya, para pelajar harus dapat mengkhatamkan al-Qur'an selama enam hari terlebih dahulu. Setelah itu, guru memberikan kebenaran kepada mereka untuk membaca al-Qur'an 30 juz tanpa melihat *muṣḥaf* selama satu hari, iaitu dengan kadaran 30 minit bersamaan satu juz. Aktiviti ini merupakan aktiviti terus-menerus secara langsung, iaitu mengambil masa selama lebih kurang 15 jam untuk

menamatkan 30 juz al-Qur'an. Usaha mengkhataamkan al-Qur'an yang telah dihafaz dalam masa sehari ini disebut sebagai *tes sumatif* (Mokhamad, 2011). Kesemua aktiviti ini berada di bawah pengawasan guru (Sedek, et al., 2012). Pemantauan guru dari semasa ke semasa sangat penting agar pelajar lebih berdisiplin dengan jadual masing-masing (Sedek, 2012; 2013). Galakan dan motivasi tenaga pengajar dalam merealisasikan matlamat pelajar dengan menggalakkan amalan *murāja'at* bersama guru harus sentiasa dilatih (Abdul Hafiz & Norhanan, 2009).

Dalam kenyataan Mohd Nazri (2010) turut menerangkan beberapa panduan sekiranya menambah hafalan pada hari berikutnya, maka hafalan lama harus diulang semimum 10 kali. Hafalan tidak boleh ditambah sekiranya hafalan yang sebelumnya tidak diulang (Mohd Nazri, 2010; Sedek, 2012). Hal ini kerana proses *murāja'at* menjadi bertambah sukar dan terbeban seolah-olah bermula daripada kosong (*zero*), sekiranya hafazan lama terus ditinggalkan. Cara yang paling baik ialah dijamakkan antara *murāja'at* hafalan lama dan hafalan baru (Mohd Nazri, 2010; Muhammad Saleem, 2012). Hal ini kerana, apabila amanah pelajar semakin bertambah dalam memelihara hafazan al-Qur'an, maka para pelajar biasanya akan berasa malas untuk melakukannya semula lebih-lebih lagi apabila hafazan tersebut telah hilang daripada ingatan sepenuhnya (Umu Hani, 2014). Konteks ini menggambarkan kesabaran mujahadah dari segi emosi, mental dan fizikal harus disertai dengan doa yang berpanjangan kepada Allah s.w.t. demi mendorong hati untuk kekal melakukannya (Umu Hani, 2014).

Kajian Anisa Ida (2014) memperkenalkan langkah *murāja'at* dengan konsep 3P, iaitu persiapan, pengesahan dan penjagaan. Berkenaan dengan persiapan, beliau

menjelaskan pelajar harus mempunyai matlamat dari segi jumlah *murāja'at* pada setiap hari seperti satu halaman sebelum tidur dan sebagainya. Bagi pengesahan pula, beliau mencadangkan agar pelajar menandakan kesemua ayat yang silap supaya minda dapat mengesan kesilapan tersebut pada pusingan *murāja'at* yang seterusnya. Beliau juga memperingatkan pelajar agar tidak beralih kepada ayat yang lain kecuali setelah guru mengarahkannya dalam konsep penjagaan (Anisa Ida, 2014). Namun, timbul masalah apabila pelajar merasa bosan dan jenuh untuk meneruskan perjuangan menghafaz al-Qur'an, justeru Anisa Ida (2014) mencadangkan agar para pelajar tahfiz tidak menumpukan fikiran kepada hasil *murāja'at*, tetapi memfokuskan tumpuan kepada aktiviti tersebut secara santai.

Secara keseluruhannya, kajian-kajian lepas menumpukan kepada keperluan *murāja'at* melebihi daripada keperluan menghafaz. Selain itu, *murāja'at* bacaan bersama orang lain seperti rakan atau guru (Abdul Hafiz, et al., 2003; Abu Mazaya, 2010; Sedek, 2012; 2013; Muhammad Saleem, 2012; Muhammad Khalifatullah, 2013), membaca ayat yang dihafaz dalam solat (Abd Hafiz, et al., 2003; Mohd Nazri, 2010) dan pemantauan guru (Azmil, Abdul Halim & Misnan, 2013) di samping doa merupakan perkara-perkara yang dapat melatih diri agar terus *istiqamat* dengan *murāja'at* subjek *Hifz al-Qur'ān*.

2.7.1.4.4 Peringkat Amalan Para Penghafaz al-Qur'an

Peringkat amalan para penghafaz al-Qur'an adalah merujuk kepada cara hidup serta perbuatan yang dituntut untuk melakukan secara alami. Peringkat ini diterangkan sebagai elemen panduan menghafaz al-Qur'an dan ciri-ciri *hāfīz/hāfīzat*. Panduan menghafaz al-Qur'an merupakan perkara berkaitan dengan pedoman yang menjadi

rujukan atau ikutan dalam pengaplikasian sesuatu tugas. Al-Masyā'ilah (2010) mengungkapkan pernyataan ini sebagai contoh yang harus diikuti oleh para penghafaz al-Qur'an. Proses menghafaz memerlukan strategi dan teknik-teknik yang tertentu (Miller, 1956). Sehubungan dengan itu, salah satu rahsia yang mesti dikuasai oleh para pelajar tahfiz untuk berjaya dalam menghafaz al-Qur'an ialah dengan mengamalkan saranan tertentu (Riswandi, 2013). Di antara saranan yang perlu dikuasai ialah mengatasi segala macam bentuk 'masalah dalaman' dan 'masalah luaran' (Abdul Hafiz dan Hasimah, 2003) yang sering melanda kehidupan mereka. Namun, saranan ini gagal dikuasai oleh kebanyakan para pelajar tahfiz (Abdul Hafiz, 2007). Berikut merupakan penerangan Jadual 2.6 yang mengilustrasikan 'masalah dalaman' dan 'masalah luaran' para pelajar tahfiz.

Jadual 2.6

Faktor hafalan tidak mantap (rasikh) menurut Abdul Hafiz & Hasimah (2003)

Bil	Masalah Dalaman	Masalah Luaran
1	Tiada keikhlasan	Tidak mampu membaca al-Qur'an dengan baik
2	Cinta dan sibuk dengan keduniaan	Tidak mampu mengurus masa dengan baik
3	Tidak merasai kenikmatan dalam membaca dan menghafaz kalāmullah	Sukar membezakan ayat-ayat <i>mutasyābih</i>
4	Maksiat dan hati yang kotor	Gangguan persekitaran seperti hiburan
5	Tidak sabar, malas dan putus asa	Masalah keluarga, dan sebagainya

Sementara dalam kajian Arif (2013) menambahkan beberapa masalah dalaman dan luaran pelajar tahfiz antaranya ialah; malas, tidak berbakat dalam menghafaz, mengantuk, lupa, dan banyak bermain. Justeru, ramai para pelajar tahfiz yang terkandas di pertengahan jalan kerana pelbagai masalah dalaman dan luaran yang menimpa kehidupan mereka (Abdul Hafiz & Hasimah, 2004).

Panduan menghafaz al-Qur'an merupakan perkara esensi dalam kesemua peringkat yang dilalui oleh setiap para penghafaz al-Qur'an. Al-Masyā'ilah (2010) menyatakan bahawa proses penghafazan al-Qur'an mempunyai beberapa panduan yang harus dititikberatkan. Di antaranya ialah kesabaran beserta kesungguhan (*mujahadat*) merupakan perkara pokok yang perlu ada dalam setiap para penghafaz al-Qur'an (Al-Masyā'ilah, 2010). Selain itu, bergaul dengan mereka yang telah menjadi *hāfiẓ* di samping mendengarkan bacaan para *hāfiẓ* (Abdul Hafiz, et al., 2003; Mohd Nazri, 2010; Khairol Huda, 2010) merupakan salah satu bentuk yang dapat meningkatkan usaha menghafaz al-Qur'an. Keadaan ini selari dengan kajian Yusof (2011) yang mencadangkan bahawa para pelajar tahfiz sewajarnya menanyakan setiap pengalaman yang dilalui oleh para pelajar tahfiz yang lebih senior daripada mereka. Melalui pertanyaan tersebut, para pelajar dapat menimba pengetahuan dan akan memperbaiki kekurangan yang ada pada mereka (Yusof, 2011).

Berdasarkan kajian Abdul Hafiz, et al., (2003), Abdul Hafiz & Norhanan (2009), hafazan pelajar juga harus direkodkan dalam sebuah buku atau catatan. Kajian Eka dan Rinda (2015) turut menjelaskan antara cara untuk merekod hafazan pelajar ialah dengan aplikasi *mutaba'at (evaluation)* menggunakan *software*. Bacaan yang direkodkan dapat menguatkan semangat seseorang untuk terus gigih berusaha kerana rekod kemajuan sering dipantau dari semasa ke semasa (al-Masyā'ilah, 2010). Hal ini akan menjadikan semangat kegigihan dapat diperolehi kerana wujudnya amalan persaingan yang sihat di antara mereka (Abdul Hafiz & Hasimah, 2003; al-Masyā'ilah, 2010).

Selain dari itu, mengulang bersama orang lain (Sedek, 2012; 2013), kerap membaca ayat yang dihafaz dalam solat (Abu al-Wafā, 2003; Mohd Nazri, 2010; Yusof, 2011) serta menyertai *Musābaqat ‘Hifz al-Qur’an’* (Mohd Nazri, 2010) adalah antara faktor utama hafazan al-Qur’an menjadi mantap. Yusof (2011) menyatakan bahawa penyertaan pelajar tahfiz dalam pertandingan merupakan salah satu bentuk penilaian (*evaluation*) ke atas diri mereka. Dengan sebab adanya penilaian tersebut, para pelajar tahfiz dapat memperbaiki hafazan mereka dengan lebih efisien. Malah pelaksanaan perkara-perkara tersebut juga harus bergerak seiring dengan usaha penjagaan pemakanan, pancaindera, serta ketelitian dalam pergaulan yang bertujuan agar proses menghafaz dan memelihara al-Qur’an menjadi mudah (Abdul Hafiz & Hasimah, 2004; Abdul Hafiz, et al., 2005). Kajian Yusof (2011) menjelaskan keadaan ini sebagai tanggungjawab pelajar yang merangkumi tanggungjawab kepada Allah dan masyarakat.

Dalam kenyataan Mohd Nazri (2010) turut menyenaraikan beberapa kriteria bahawa hafazan yang dihafal telahpun diingati iaitu; i) boleh membaca al-Qur’an tanpa *muṣḥaf* dengan lancar (Abdul Hafiz dan Norhanan, 2009; Muhammad Saleem; 2012), ii) boleh membawa hafazan yang dihafal dalam solat (Abdul Hafiz, et al., 2003), iii) boleh membaca dalam semua situasi, iv) boleh membaca tanpa berfikir (*spontaneous*), v) mampu membaca atau menyemak al-Qur’an secara terbalik, serta vi) nampak kedudukan ayat sama ada bahagian atas, bawah, kanan, kiri, tepi dan sebagainya. Kedudukan ayat-ayat al-Qur’an yang telah tergambar dalam akal fikiran para penghafaz al-Qur’an menunjukkan hafazan tersebut telah kukuh di mata hati. Namun para pelajar itu sendiri dapat mengetahui sama ada hafazan yang dihafaz tersebut bersifat sementara ataupun sebaliknya. Oleh yang demikian, keperluan

panduan menghafaz al-Qur'an dilihat sebagai satu cabang yang sangat mustahak untuk diperdalam bagi membantu para penghafaz al-Qur'an agar terus mujahadah dan sabar dalam menghadapi kesukaran mengekalkan hafazan kerana ianya merupakan perkara alami yang pasti dilalui oleh setiap para penghafaz al-Qur'an. Hal ini selari dengan Siti Asniyati (2012), yang menjelaskan berlaku kesukaran menghafaz pada halaman-halaman tertentu yang terkadang dapat mengganggu gugat para penghafaz untuk meneruskan aktiviti sehariannya lebih lanjut.

Selain itu, peringkat selepas menghafaz al-Qur'an juga diterangkan sebagai ciri- ciri *ḥāfiẓ* atau *ḥāfiẓat*. Ciri-ciri tersebut merujuk kepada watak yang menjadi pegangan seseorang penghafaz al-Qur'an. Watak tersebut merupakan unsur tertentu yang terdapat dalam diri seseorang penghafaz. Ciri-ciri *ḥāfiẓ* atau *ḥāfiẓat* seperti menunaikan amanah dalam pembelajaran sentiasa akan dapat melatih dirinya untuk mempunyai matlamat dan fokus yang tinggi. Perkara ini diakui dalam kajian Abd Hafiz dan Norhanan (2009) yang menjelaskan bahawa kepentingan meletakkan matlamat untuk menyelesaikan keseluruhan al-Qur'an harus bermula sejak dari peringkat awal lagi (al-Masyā'ilah, 2010).

Hal ini bermaksud, para *ḥuffaẓ* sewajarnya meletakkan matlamat yang jelas dalam kehidupan mereka (Badrul, 2008). Di antara matlamat terpenting dalam kehidupan para *ḥuffaẓ*, iaitu persiapan mental dalam memelihara kalāmullah serta jiwa yang aktif dalam mencapai *maṣḥūṭillāh*. Kenyataan ini selaras dengan al-Qur'an sebagai *ḥarakī* yang sentiasa menggalakkan keaktifan dan dinamik (Abu Mazaya, 2010).

Para *huffaz* seharusnya menyusun langkah-langkah yang optimum dalam bergaul dengan al-Qur'an di sepanjang hayatnya (Badrul, 2008). Al-Khālidi (1994) menyatakan bahwa antara langkah bergaul dengan al-Qur'an, yaitu menumpukan terhadap suasana iman dengan pemahaman dan pemerhatian. Sebagai contohnya ialah perhatian kepada ayat-ayat al-Qur'an yang dibaca sepenuh jiwa. Dalam konteks ini, proses *tadabbur* al-Qur'an dengan menelaah tafsir, mencari asbabun-nuzul, memahami erti yang sukar serta menelaah tafsir yang luas subjeknya (H. Aboebakar, 1973; al-Khālidi, 1994; al-Qardāwī, 1999; Muhammad Saleem, 2012) merupakan langkah yang sepatutnya diambil oleh para penghafaz al-Qur'an bagi membantu proses menghafaz berjalan lancar. Kenyataan ini selari dengan Abu Mazaya (2010) yang menyenaraikan dua sikap yang mesti ditanamkan dalam jiwa seseorang *hāfiẓ* ialah i) takjub merasakan keagungan al-Qur'an dan ii) Fokus (*iḥtimām*) terhadap al-Qur'an (Badrul, 2008).

Selain itu, para penghafaz al-Qur'an sewajarnya bersikap cenderung kepada kebaikan terutamanya dalam mengerjakan amalan fardu dan amalan sunat. Badrul (2008) menjelaskan bahawa memenuhi tuntutan fardu dan mengamalkan ibadah sunnah Rasulullah s.a.w. merupakan ciri-ciri *hāfiẓ* yang cemerlang. Bahkan kandungan al-Qur'an yang dihafaz juga merupakan ibadat yang mendorong pelajar untuk berasa tenteram jiwa sekaligus mendidik perasaan agar suka kepada kebaikan. Firman Allah s.w.t. dalam Surah al-Ra'du, pada ayat ke-28:

الَّذِينَ ءَامَنُوا وَتَطْمَئِنُّ قُلُوبُهُمْ بِذِكْرِ اللَّهِ أَلَا بِذِكْرِ اللَّهِ تَطْمَئِنُّ الْقُلُوبُ

Maksudnya; "(Iaitu) orang-orang yang beriman dan tenang tenteram hati mereka dengan "zikrullāh". ketahuilah dengan "zikrullāh" itu, tenang tenteramlah hati manusia.

(Surah al-Ra'du, 13; 28)


Ayat ini menjelaskan bahawa mereka yang mengingati Allah s.w.t. akan dikurniakan ketenangan berupa *sakīnat* dalam jiwa mereka. Antara salah satu bentuk mengingati Allah ialah menghafaz al-Qur'an. Antara lain tentang proses menghafaz al-Qur'an ialah berkenaan dengan pembahagian masa. Pembahagian masa merupakan langkah paling mustahak yang harus dikendalikan dengan bijak oleh para *huffaz* agar terus istiqamah dalam penghafazan al-Qur'an (Badrul, 2008). Kebijakan dalam mengurus masa, akan sentiasa ada ruang untuk diluangkan bersama al-Qur'an walaupun seketika (Abu Mazaya, 2010). Usaha menjaga masa ini haruslah disertai dengan perancangan rapi selaras dengan kemampuan usaha optimum seseorang *huffaz*. Selain mampu berusaha dengan optimum dan menjaga masa, Mohd Nazri (2010) menyenaraikan ciri-ciri penghafaz cemerlang turut merangkumi kuat tubuh badan, akhlak yang mantap (Badrul, 2008), fikiran yang berpengetahuan (Muhammad al-Ghazālī, 1994), aqidah yang sejahtera, ibadah yang betul (Badrul, 2008), mampu melawan nafsu (Abdul Hafiz & Hasimah, 2004), tersusun dalam urusan dan berguna untuk orang lain. Al-Qarḍāwī (1999) mengulas keadaan ini dengan mengungkapkan beberapa kewajipan intelektual para penghafaz al-Qur'an ialah dapat melaraskan serta mengimbangi ciri-ciri *ḥāfiẓ/ḥāfiẓat* ke atas peribadi.

Antara ciri-ciri lain *ḥāfiẓ/ḥāfiẓat* ialah tingkat kesabaran. Menurut kajian yang dijalankan oleh Abdul Hafiz dan Hasimah (2004), sikap tidak sabar merupakan masalah dalaman yang sering melanda pelajar tahfiz. Kajian Umi Nasirul (2010) menyatakan, pengawalan emosi merupakan faktor penting dalam mengendalikan sesuatu masalah. Kajian beliau melibatkan temu bual dan pemerhatian ke atas pelajar tahfiz menyimpulkan bahawa hafazan yang telah meresap ke dalam jiwa menjadikan emosi mereka berada dalam kawalan. Mereka juga mampu untuk melawan hawa

nafsu yang mendorong kepada perkara-perkara yang tidak rasional (Umi Nasirul, 2010). Hal ini kerana, hafazan yang mereka praktikkan sepanjang hari memberikan impak kepada mereka untuk berasa malu melakukan perkara-perkara yang tidak berfaedah terhadap diri mereka (Umi Nasirul, 2010). Keadaan ini juga mempunyai kaitan dengan psikologi mengawal perasaan. Kajian Mardzelah, et al. (2012) menjelaskan keadaan mengawal ini sebagai suatu proses pengawasan dalaman yang melibatkan konsep '*Amar Makruf wa Nahi Munkar*'. Penumpuan kepada proses menghafaz al-Qur'an seharusnya tidak disertai dengan amalan-amalan yang tidak wajar (Muhammad Sofyan, 2015).

Secara keseluruhannya, kajian-kajian lepas menumpukan panduan menghafaz al-Qur'an kepada aplikasi-aplikasi yang wajar dilakukan oleh seseorang penghafaz al-Qur'an seperti berdamping dengan para penghafaz al-Qur'an, nampak kedudukan ayat dan sebagainya. Manakala perbincangan mengenai ciri-ciri *ḥāfiẓ/ḥāfiẓat* menekankan kepada pengaplikasian seseorang pelajar tahfiz dalam menjalani kehidupan sehari-hari seperti mempunyai matlamat, sabar, mampu melawan nafsu dan lain-lain.

Empat peringkat strategi menghafaz al-Qur'an diilustrasikan dalam Rajah 2.1 yang berikut:



Rajah 2.1. Ilustrasi strategi menghafaz al-Qur'an


Berdasarkan Rajah 2.1, dapat dirumuskan bahawa peringkat sebelum menghafaz al-Qur'an diterangkan sebagai elemen adab menghafaz al-Qur'an dan *proses talaqqī*. Manakala bagi peringkat semasa menghafaz al-Qur'an, dijelaskan sebagai teknik-teknik menghafaz al-Qur'an dan proses *tasmi'*. Sementara bagi peringkat selepas menghafaz al-Qur'an, iaitu proses *murāja'at*, dan peringkat amalan para penghafaz al-Qur'an dicatatkan sebagai panduan menghafaz al-Qur'an dan ciri-ciri *ḥāfiẓ/ḥāfiẓat*.

2.8 Rumusan

Ulasan karya membincangkan karakteristik pelajar tahfiz yang merangkumi faktor dalaman; kesediaan dalaman dan strategi pembangunan dalaman serta faktor luaran; strategi latihan dan strategi menghafaz al-Qur'an. Hasil tinjauan kajian-kajian lepas dalam kajian ini mengimplikasikan empat projeksi peringkat menghafaz. Bagi kesediaan dalaman, atribut nilai dan jangkaan digambarkan dalam peringkat amalan para penghafaz al-Qur'an, manakala atribut afektif diaplikasi dalam peringkat selepas menghafaz al-Qur'an. Bagi strategi pembangunan dalaman pula, tinjauan

kajian-kajian lepas menggambarkan atribut nilai, jangkaan dan afektif berada dalam peringkat amalan para penghafaz al-Qur'an.

Strategi latihan pula menggambarkan atribut kognitif, metakognitif dan pengurusan sumber dipraktikkan dalam peringkat semasa menghafaz al-Qur'an. Manakala bagi strategi menghafaz al-Qur'an, adab dan proses *talaqqī* digambarkan dalam peringkat sebelum menghafaz al-Qur'an serta teknik-teknik menghafaz al-Qur'an dan proses *tasmi'* digambarkan dalam peringkat semasa menghafaz al-Qur'an. Bagi proses *murāja'at* pula digambarkan dalam peringkat selepas menghafaz al-Qur'an, sementara panduan menghafaz al-Qur'an dan ciri-ciri *Hāfiẓ/Hāfiẓat* digambarkan dalam peringkat amalan para penghafaz al-Qur'an. Faktor-faktor ini dilihat sebagai faktor penting yang menyumbang kepada pencapaian subjek *Hifẓ al-Qur'an* (lisan (*syafawī*) dan ujian peperiksaan bertulis (*tahrīrī*)).



UUM
Universiti Utara Malaysia

BAB TIGA

METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pendahuluan

Bab ini membincangkan berkenaan metodologi yang digunakan dalam kajian. Beberapa aspek penting dalam bahagian ini diperincikan mengikut sub metodologi.

3.2 Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menumpukan kepada karakteristik pelajar yang mempengaruhi subjek *Hifẓ al-Qurān*, iaitu beberapa komponen; aspek demografi, kesediaan dalaman, strategi pembangunan dalaman, strategi latihan dan strategi menghafaz al-Qur'an pelajar tahfiz. Bagi tujuan tersebut, kajian ini menggunakan reka bentuk tinjauan yang akan dilaksanakan secara keratan rentas (*cross sectional*) dengan kaedah analisis data kuantitatif dan disokong data kualitatif. Menurut Patton (1990), kekuatan pendekatan kuantitatif yang dimisalkan dengan instrumen soal selidik adalah bertujuan untuk mendapatkan keputusan yang akurat. Manakala pendekatan kualitatif dikaitkan dengan pernyataan insiden ataupun peristiwa (Mohamad Najib, 1999). Berdasarkan kajian ini, kesemua proses pengumpulan data, iaitu pendekatan kuantitatif dan kualitatif dijalankan pada satu masa yang telah ditentukan oleh penyelidik. Proses pengumpulan data yang dimaksudkan ialah berkenaan dengan edaran soal selidik, sesi temu bual pelajar, sesi temu bual pensyarah dan juga sesi pemerhatian yang telah dijalankan secara langsung melalui kelas subjek *Hifẓ al-Qur'an* di Zon Barat. Hal ini juga memaksudkan bahawa hasil analisis data soal selidik pelajar disokong oleh data temu bual pelajar, data temu bual pensyarah dan juga data pemerhatian. Manakala proses pengumpulan data yang melibatkan edaran soal selidik di kawasan zon-zon yang lain dijalankan pada tarikh tertentu yang ditetapkan oleh penyelidik dan para

pembantu penyelidik. Berdasarkan bidang pendidikan tahfiz, pendekatan soal selidik, temu bual dan pemerhatian telah digunakan oleh pengkaji-pengkaji lepas (Zainora & Muhammad Fairuz, 2012; Azmil, et al., 2015). Kesemua pendekatan tersebut bersifat relevan dengan tujuan kajian kerana Sekaran (2000) menyebutkan bahawa kepelbagaian kaedah analisis data sebagai satu pendekatan yang mampu mengelakkan daripada bias kepada satu jenis pendekatan sahaja, malah dilihat sebagai satu pendekatan yang dapat memperjelaskan lagi hasil bacaan pengumpulan data dalam pelbagai dimensi.

Penyelidik membahagikan objektif kajian mengikut keutamaan, iaitu bermula dengan objektif berbentuk deskriptif, kemudian diikuti dengan objektif berbentuk inferensi dan berakhir dengan objektif kualitatif temu bual dan pemerhatian. Kajian kuantitatif deskriptif ditunjukkan melalui objektif pertama dan kedua, manakala kajian kuantitatif berbentuk inferensi melalui objektif ketiga hingga kelima. Objektif keenam pula berbentuk kualitatif. Objektif berbentuk deskriptif akan menerangkan sifat-sifat dan ciri-ciri pembolehubah, manakala objektif berbentuk inferensi berfungsi untuk membuat ramalan dan rumusan daripada ciri-ciri pembolehubah. Objektif berbentuk kualitatif temu bual dan pemerhatian pula berperanan sebagai sokongan kepada data kajian kuantitatif; objektif satu hingga lima.

3.3 Populasi dan Sampel

Umumnya, institusi tahfiz al-Qur'an di Malaysia boleh dikategorikan kepada beberapa seliaan seperti kerajaan pusat, kerajaan negeri, swasta dan persendirian. Bagi kerajaan pusat, institusi tahfiz al-Qur'an kerajaan Malaysia ditadbir oleh Jabatan Agama Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Institusi ini terbahagi kepada

dua bahagian, iaitu bahagian pusat dan cawangan negeri. Bahagian pusat dikenali sebagai Darul Quran manakala cawangan negeri dikenali sebagai MTQN (Maahad Tahfiz al-Qur'an wal-Qiraat Negeri). Kajian ini memfokuskan kepada Institusi Tahfiz al-Qur'an yang ditadbir oleh JAKIM, iaitu Darul Quran dan keseluruhan MTQN di Malaysia.

Sehubungan dengan itu, populasi keseluruhan pelajar tahfiz bahagian pusat dan seliaannya yang menduduki semester akhir di seluruh Malaysia ialah seramai 396 orang. Berikut merupakan Jadual 3.1; bilangan populasi keseluruhan pelajar:

Jadual 3.1

Jumlah pelajar semester akhir program Diploma Tahfiz al-Qur'an seluruh Malaysia

Bil.	Maahad Tahfiz Kelolaan Jakim	Lelaki	Perempuan	Jumlah
1	Darul Quran Kuala Kubu Selangor	95	109	204
2	Maahad Tahfiz Negeri Pahang	10	17	27
3	Maahad Tahfiz al-Qur'an Negeri Perak	7	0	7
4	Maahad Tahfiz al-Qur'an Wal- Qiraat Negeri Kedah	26	17	43
5	INSPI Terengganu	3	11	14
6	Institut Quran Terengganu (IQT)	7	10	17
7	Maahad Tahfiz al-Qur'an MAIK Negeri Kelantan	21	0	21
8	Maahad Tahfiz al-Qur'an Wal- Qiraat Negeri Johor	6	1	7
9	Maahad Tahfiz al-Qur'an Wal- Qiraat Negeri Sembilan (ITQAN)	4	0	4
10	Maahad Tahfiz Saidina Ali Negeri Melaka	10	4	14
11	Maahad Tahfiz al-Qur'an Wal- Qiraat Negeri Perlis	10	0	10
12	Maahad Tahfiz al-Qur'an Wal- Qiraat Negeri Pulau Pinang (KITAB)	1	2	3

	Sambungan...			
13	Maahad Tahfiz al-Qur'an Wal-Qiraat Negeri Sabah	20	0	20
14	IKMAS Sarawak	2	2	5
Jumlah:		223	173	396

(Sumber: Darul Quran, 2015)

Jadual 3.1 menunjukkan jumlah pelajar semester lima program Diploma Tahfiz al-Qur'andi seluruh Malaysia sebagai populasi kajian, iaitu seramai 396. Jadual menjelaskan bahawa bilangan pelajar lelaki dilihat lebih dominan daripada pelajar perempuan kecuali beberapa negeri seperti Selangor, Pahang, Terengganu dan Pulau-Pinang. Terdapat juga negeri-negeri yang tidak mempunyai pelajar perempuan seperti Perak, Kelantan, Perlis dan Sabah. Bilangan tertinggi bagi jumlah pelajar tahfiz negeri mencatatkan seramai 43 orang pelajar manakala bilangan pelajar tahfiz negeri terendah adalah seramai tiga orang. Terdapat MTQN yang tidak mempunyai pelajar semester lima, oleh kerana penglibatannya yang masih baru di bawah kelolaan JAKIM, iaitu Maahad Tahfiz al-Qur'an Addin, Perak. Maahad tahfiz tersebut tidak disenaraikan dalam Jadual 3.1. Secara keseluruhannya, terdapat perwakilan pelajar tahfiz semester akhir dalam setiap negeri sekurang-kurangnya tiga orang.

3.4 Saiz Sampel Kajian

Kajian merujuk kepada perkiraan dalam jadual penentuan saiz sampel yang dicadangkan oleh Cochran (1963), Krejcie dan Morgan (1970) serta Bartlett, Kotrlik dan Higgins (2001) dalam menentukan jumlah sampel. Berdasarkan penentuan sampel Cochran (1963) mencadangkan sampel seramai 201 responden bagi 400

populasi. Keadaan ini bermaksud jumlah sampel yang dicadangkan bagi Cochran (1963) bagi populasi 396 ialah 199 responden. Sementara berdasarkan cadangan Krejcie dan Morgan (1970), populasi seramai 396 pelajar memerlukan bilangan saiz sampel seramai 117 responden. Manakala Bartlett, Kotrlik dan Higgins (2001) mencadangkan bilangan sampel yang diperlukan bagi populasi 400 ialah sebanyak 92 responden dengan nilai alpha 0.05. Hal ini bermaksud populasi 396 memerlukan seramai 91 sampel responden. Justeru, penyelidik mengambil cadangan bilangan sampel tertinggi, iaitu 199 sebagaimana Cochran (1963). Oleh kerana Mohd Majid (2004) menjelaskan bahawa bilangan sampel yang menghampiri bilangan populasi adalah lebih baik, justeru penyelidik turut mengambil cadangan Salkind (2009) yang meningkatkan bilangan responden kepada 40% sehingga 50%. Jumlah bilangan sampel selepas ditingkatkan kepada 50% daripada 199 sampel ialah 99 responden. Oleh itu, keseluruhan bilangan sampel dicadangkan selepas ditingkatkan ialah berjumlah 298 responden.

Kriteria pemilihan ialah pelajar semester lima diploma tahfiz al-Qur'an di seluruh Malaysia. Seterusnya, penyelidik mendapatkan bilangan pelajar semester lima dari 14 buah tahfiz seliaan Darul Quran di Malaysia. Untuk penentuan jumlah pelajar semester lima secara keseluruhan, penyelidik bekerjasama dengan pihak pusat, iaitu Darul Quran bagi mendapatkan maklumat. Penyelidik turut berhubung dengan cawangan-cawangan MTQN di seluruh Malaysia (setiap negeri) bagi memastikan sendiri ketepatan informasi yang diperolehi dari pihak pusat.

Bagi pemilihan sampel pelajar sebagai responden, kajian telah menggunakan teknik *stratified random sampling*. Menurut Ary Jacobs dan Razaveih (2002), teknik ini

seharusnya bersifat tipikal dan representatif akan populasi sebenar. Berikut merupakan aturan langkah-langkah persampelan yang dibuat secara rawak:

- i) Pemilihan pelajar secara spesifik ke atas pelajar semester akhir di bawah kelolaan Darul Quran. Keutamaan diberikan kepada mereka yang tidak mempunyai pengalaman menghafaz al-Qur'an secara formal sebelum memasuki program diploma tahfiz al-Qur'an;
- ii) Memastikan bilangan pelajar semester akhir dari 14 buah tahfiz seliaan Darul Quran di Malaysia sebagai populasi keseluruhan pelajar tahfiz;
- iii) Pembahagian lima zon, iaitu empat zon di bahagian Malaysia Barat serta satu zon di bahagian Malaysia Timur;
- iv) Menentukan dua bilangan zon yang tertinggi pada setiap lima zon terlibat (Malaysia Barat: Zon Selatan, Utara, Timur dan Barat serta Malaysia Timur: Zon Sabah);
- v) Penentuan pelajar secara rawak berdasarkan kepelbagaian gred pencapaian secara keseluruhan dalam ujian lisan dan bertulis.

Berdasarkan aturan langkah-langkah persampelan tersebut, penyelidik telah membahagikan kumpulan pelajar tahfiz kepada lima zon bagi mewakili populasi seluruh Malaysia, iaitu Malaysia Barat: Zon Utara, Zon Selatan, Zon Barat dan Zon Timur. Teknik pembahagian zon yang mewakili Timur, Barat, Selatan dan Utara diambil berdasarkan teknik pembahagian zon yang diketengahkan oleh Mohd Aderi dan Rohani (2009). Bagi mendapatkan representasi yang adil dan bersifat menyeluruh mewakili para pelajar tahfiz di seluruh Malaysia, penyelidik turut mengambil Negeri Sabah sebagai mewakili kawasan Malaysia Timur. Jadual 3.2 merupakan zon-zon yang diklasifikasikan kepada lima bahagian.

Jadual 3.2

Pembahagian zon mengikut negeri

Kawasan	Zon	Negeri
Malaysia Barat	Zon Utara	Kedah, Pulau Pinang dan Perlis
Malaysia Barat	Zon Selatan	Negeri Sembilan, Melaka dan Johor
Malaysia Barat	Zon Timur	Negeri Terengganu, Pahang dan Kelantan
Malaysia Barat	Zon Barat	Negeri Selangor dan Negeri Perak
Malaysia Timur	Zon Malaysia Timur	Negeri Sabah dan Sarawak

Bagi mencapai tujuan pemilihan sampel yang selaras mewakili setiap zon, penyelidik memilih dua negeri daripada Zon Utara berdasarkan bilangan pelajar tertinggi, iaitu negeri Perlis dan Kedah. Manakala bagi Zon Timur, penyelidik memilih negeri Pahang dan Kelantan sebagai bilangan tertinggi dalam Zon Timur. Bagi Zon Selatan, oleh kerana penyelidik telah melakukan kajian rintis ke atas pelajar tahfiz Johor, maka penyelidik memilih Negeri Sembilan dan menambah Negeri Melaka sebagai responden kajian sebenar. Sementara bagi Zon Barat, penyelidik memilih Darul Quran Kuala Kubu Selangor dan Negeri Perak sebagai perwakilan Zon Barat. Negeri Sabah yang menunjukkan bilangan tertinggi dalam Malaysia Timur juga turut dipilih sebagai responden. Secara ringkasnya, penyelidik akan memilih sampel dari negeri Kedah dan Perlis sebagai Zon Utara, Negeri Pahang dan Kelantan sebagai Zon Timur, negeri Sembilan dan Melaka sebagai Zon Selatan, Kuala Kubu Baru Selangor dan Negeri Perak sebagai Zon Barat serta Negeri Sabah sebagai Zon Sabah.

Bagi sampel temu bual pula, saiz sampel kajian yang ditentukan ialah seramai lapan orang, iaitu empat pelajar lelaki dan empat pelajar perempuan. Di samping itu,


penyelidik turut mengambil seorang pensyarah subjek *Hifz al-Qur'an* dalam kalangan lelaki dan perempuan untuk ditemu bual. Manakala bagi sesi pemerhatian membabitkan dua kelas subjek *Hifz al-Qur'an* dalam kalangan lelaki dan perempuan. Secara keseluruhannya, sampel kualitatif dipilih berdasarkan representasi adil dalam kalangan dua golongan, iaitu lelaki dan juga perempuan.

3.5 Prosedur Persampelan Kajian

Oleh kerana populasi pelajar tahfiz mempunyai tahap pencapaian yang tidak seragam, penyelidik menggunakan persampelan rawak berstrata (*stratified random sampling*). Menurut Fraenkel dan Wallen (2006; 2009) pembahagian secara berstrata dinyatakan sebagai rawak berlapis. Justeru, penyelidik menyusun strata kepada dua bahagian yang merangkumi kelompok-kelompok; i) Zon ii) Gred Pencapaian. Pecahan sampel mengikut kelompok diilustrasikan dalam Rajah 3.1.

Berdasarkan pecahan sampel dalam Rajah 3.1, responden-responden adalah terdiri daripada pelajar-pelajar semester lima yang mengambil subjek *Hifz al-Qur'an* sebagai subjek teras.

Setelah penyelidik mengklasifikasikan zon ke atas semua sampel yang dipilih, pembahagian setiap bilangan dalam zon dipilih berdasarkan kumpulan gred pencapaian masing-masing, iaitu pencapaian cemerlang (*mumtaz*), sangat baik (*jayyid jiddan*), baik (*jayyid*), lulus (*maqbul*) dan gagal (*rāsib*). Penyelidik mencatat nombor matrik bagi proses undian secara rawak mudah. Hasil Jumlah responden dipilih berdasarkan gred pencapaian dalam setiap zon dirujuk pada jadual *sampling* Cochran (1963), Krejcie dan Morgan (1970) serta Bartlett, Kotrlik dan Higgins (2001).



Rajah 3.1. Pecahan sampel pelajar semester lima Darul Quran dan seliaannya mengikut kelompok

Selain itu, penyelidik turut mengambil beberapa sampel terpilih bagi menjalankan proses temu bual pelajar. Oleh kerana temu bual bersifat menyokong data kuantitatif dan pernyataan item lebih kepada perkongsian kejayaan dalam pencapaian subjek *Ḥifẓ al-Qurʿan*, antara contohnya ialah “Adakah anda rasa andalah faktor yang menentukan kejayaan anda dalam kursus ini dan bukannya perkara lain? (Huraikan sebab)”, justeru, sampel yang dipilih adalah berdasarkan kepelbagaian gred lulus dalam pencapaian subjek *Ḥifẓ al-Qurʿan*, iaitu cemerlang (*mumtaz*), sangat baik (*jayyid jiddan*), baik (*jayyid*) dan lulus (*maqbul*). Sampel-sampel tersebut ditandakan sebagai M1, JJ1, J1, MQ1 bagi pelajar lelaki, dan M2, JJ2, J2 dan MQ2 bagi pelajar perempuan. Penyelidik turut mendapatkan temu bual dari seorang pensyarah subjek *Ḥifẓ al-Qurʿan* dalam kalangan lelaki (P1) dan seorang pensyarah subjek *Ḥifẓ al-Qurʿan* dalam kalangan perempuan (P2) bagi menjelaskan lagi objektif yang ingin dicapai. Manakala bagi sesi pemerhatian pula, sampel yang diperhatikan ialah

responden-responden dari kelas subjek *Hifz al-Qur'an* lelaki dan kelas subjek *Hifz al-Qur'an* perempuan.

3.6 Instrumen Kajian: Soal Selidik

Instrumen kajian yang digunakan adalah berbentuk tinjauan dengan menggunakan borang soal selidik yang diadaptasi daripada Pintrich, et al. (1991), Ghazali (2012), al-Masyā'ilah (2010) dan rujukan daripada kajian-kajian lepas seperti Abdul Hafiz dan Hasimah (2004), Azmil Hashim, et al. (2013), Abdul Halim, et al. (2014) dan buku-buku berkaitan hafazan al-Qur'an. Jadual rekabentuk kajian diilustrasikan dalam Jadual 3.3.

Jadual 3.3

Ilustrasi jadual rekabentuk kajian

Rekabentuk Kajian	Kaedah Pengumpulan	Responden	Jenis data
Kuantitatif	Borang soalselidik	Pelajar tahfiz Darul Quran dan MTQN tahun akhir	Kuantitatif (Bahagian B-E)

Berdasarkan Jadual 3.3 tersebut, borang soal selidik diserahkan kepada responden yang menduduki semester lima. Berikut disenaraikan format item mengikut bahagian dalam soal selidik:

- i) Bahagian A: Latar belakang Pelajar dan aspek demografi
- ii) Bahagian B: Kesediaan dalaman (nilai, jangkaan, afektif)
- iii) Bahagian C: Strategi pembangunan dalaman pelajar tahfiz
- iv) Bahagian D: Strategi latihan (Strategi kognitif, metakognitif, pengurusan Sumber)

- v) Bahagian E: Strategi menghafaz al-Qur'an (Peringkat sebelum menghafaz al-Qur'an, peringkat semasa menghafaz al-Qur'an, peringkat selepas menghafaz al-Qur'an dan peringkat amalan para penghafaz al-Qur'an)

3.6.1 Bahagian A: Latar Belakang Pelajar

Item-item dalam bahagian ini bertujuan mendapatkan maklumat berkenaan latar belakang pelajar. Butir-butir maklumat tersebut ialah nama, no. matrik, fakulti, nama Maahad Tahfiz dan negeri, jantina, lokasi tempat tinggal, tahap penghafazan terkini, gred pencapaian subjek *Hifẓ al-Qur'an* lisan (*syafawī*) terkini, gred pencapaian subjek *Hifẓ al-Qur'an* bertulis (*tahrīrī*) dan gred pencapaian subjek *Hifẓ al-Qur'an* keseluruhan. Penyelidik turut mendapatkan keputusan gred pencapaian subjek *Hifẓ al-Qur'an* secara rasmi daripada pihak admin bagi tujuan suai silang (*cross-match*) dengan data mentah soal selidik yang diperolehi.

3.6.2 Bahagian B: Kesiediaan Dalam

Terdapat 33 item dikemukakan dalam bahagian ini. Kesemua item menggunakan skala lima likert dengan pernyataan item berbentuk persetujuan, iaitu (1) amat tidak benar sama sekali tentang saya, (2) tidak benar tentang saya, (3) tidak pasti benar atau tidak benar tentang saya, (4) benar tentang saya dan (5) sangat benar tentang saya. Bilangan item bagi setiap elemen ditunjukkan dalam Jadual 3.4.

Jadual 3.4

Jumlah Taburan Item Kesediaan Dalam

Bahagian	Elemen	Bil. Item
B	Sikap	4
	Intrinsik	3
	Ekstrinsik	5
	Nilai Tugas	6
	Kebimbangan	4
	Kawalan Kepercayaan	3
	Efikasi Kendiri	8
Jumlah Besar		33

Bahagian ini merupakan hasil adaptasi instrumen daripada penulis asal soal selidik MSLQ (motivated strategies learning questions), iaitu Pintrich, et al. (1991). Penyelidik juga turut membuat rujukan dengan item-item yang dibina oleh Ghazali (2012) yang menggunakan instrumen MSLQ dalam pengajian bahasa Arab. Item-item telah disesuaikan dengan pernyataan-pernyataan yang selari berkenaan pengajian tahfiz semasa.

Bahagian ini mengandungi atribut nilai (*value*), jangkaan (*expectancy*) dan afektif (*affective*). Bagi pemboleh ubah kesediaan dalaman, komponen atribut (1) nilai (*value*) mengandungi elemen sikap, intrinsik, ekstrinsik dan nilai tugas. Contoh pernyataan item bagi elemen sikap ialah “Saya rasa bersyukur mempelajari bidang hafazan al-Qur’an,”. Contoh bagi pernyataan item intrinsik ialah “Saya mahu menguasai keseluruhan kandungan hafazan al-Qur’an”. Contoh bagi pernyataan item ekstrinsik pula ialah “Saya hafaz al-Qur’an kerana tuntutan agama”. Contoh bagi pernyataan item elemen nilai tugas ialah “Saya rasa penghafazan al-Qur’an yang saya lakukan setakat ini sangat berguna buat diri saya”. Bagi komponen atribut (2) jangkaan pula diterangkan sebagai elemen kawalan kepercayaan pembelajaran dan

keupayaan sendiri (efikasi sendiri). Contoh pernyataan item bagi elemen kawalan kepercayaan ialah “Saya akan menguasai subjek *Hifẓ al-Qur’an* jika berusaha bersungguh-sungguh” dan contoh bagi pernyataan item bagi elemen efikasi sendiri pula ialah “Saya pasti dapat menguasai ujian subjek *Hifẓ al-Qur’an* dalam semester ini”. Bagi atribut (3) afektif terdiri daripada elemen kebimbangan ujian contoh pernyataan item bagi elemen ini ialah “Saya berdebar ketika mengambil ujian dalam subjek *Hifẓ al-Qurān*”.

3.6.3 Bahagian C: Strategi pembangunan dalaman

Kandungan item dalam bahagian ini merupakan proses adaptasi daripada instrumen pengkaji bidang tahfiz al-Qur’an, iaitu Al-Masyā’īlah (2010). Al-Masyā’īlah (2010) mengelaskan item-item ini sebagai satu strategi pembangunan dalaman yang perlu dikawal selia oleh setiap para pelajar tahfiz. Sebanyak 12 item pada bahagian ini menjalani proses *back to back translation* dari bahasa Arab (al-Masyā’īlah, 2010) ke versi bahasa Melayu. Berdasarkan pembacaan literatur dan kesesuaian kajian, penyelidik telah melakukan penambahan item dalam skala pemboleh ubah strategi pembangunan dalaman pelajar tahfiz sebanyak dua item sehingga keseluruhan item berjumlah 14. Kesemua item memerlukan persetujuan responden bagi menyatakan pendapat, iaitu (1) amat tidak benar sama sekali tentang saya, (2) tidak benar tentang saya, (3) tidak pasti benar atau tidak benar tentang saya, (4) benar tentang saya dan (5) sangat benar tentang saya. Jadual 3.5 menunjukkan bilangan taburan item bagi setiap elemen.

Jadual 3.5

Jumlah Taburan Item Strategi Pembangunan Dalaman

Bahagian	Konotasi	Bil. Item
C	Sikap	4
	Intrinsik	1
	Ekstrinsik	2
	Nilai Tugasan	2
	Kebimbangan	2
	Kawalan Kepercayaan	1
	Efikasi Kendiri	2
Jumlah Besar		14

Secara teoretikal, bahagian ini turut memfokuskan kepada atribut nilai, jangkaan dan afektif yang dipaparkan sebagai konotasi (Jadual 3.5) oleh pen penyelidik. Konotasi tersebut menyamai kandungan atribut pemboleh ubah kesediaan dalaman. Walau bagaimanapun perbandingan antara dua pemboleh ubah ini dapat dilihat berdasarkan beberapa pernyataan item yang tidak dikemukakan dalam pemboleh ubah kesediaan dalaman. Sebagai contoh dalam elemen ekstrinsik “Menganugerahkan hadiah kepada diri sendiri atas apa yang dilakukan secara berterusan, untuk menjaga diri saya dalam bulatan fokus. Contoh: “Apabila menghafaz ayat-ayat yang telah ditetapkan pada waktunya saya akan membenarkan diri saya berehat” serta elemen kawalan kepercayaan, iaitu “Apabila perkara-perkara baru yang tidak dijangka mengancam matlamat yang ditetapkan oleh diri saya dalam menghafaz al-Qur’an, saya cuba untuk meletakkan sasaran baru dan bergerak dalam perancangan baru”. Selain itu, item-item ini juga telah dibangunkan oleh pengkaji yang mendalami bidang tahfiz secara spesifik (al-Masyā’ilah, 2010).

3.6.4 Bahagian D: Strategi latihan

Terdapat tiga atribut strategi dalam bahagian ini, iaitu strategi kognitif, strategi metakognitif dan strategi pengurusan sumber. Kandungan bahagian ini merupakan adaptasi daripada pengkaji Pintrich, et al. (1991). Bagi menunjukkan persetujuan responden ke atas item-item yang diketengahkan, skala likert lima mata telah dibina berdasarkan petunjuk (1) amat tidak benar sama sekali tentang saya, (2) tidak benar tentang saya, (3) tidak pasti benar atau tidak benar tentang saya, (4) benar tentang saya dan (5) sangat benar tentang saya.

Komponen (1) dalam strategi latihan, iaitu strategi kognitif merangkumi elemen latihan, penghuraian, penyusunan, dan pemikiran kritis. Contoh bagi pernyataan item elemen latihan ialah “Saya mengulang hafazan yang dihafal secara berulang kali”. Bagi elemen penghuraian, contoh pernyataan item ialah “Saya menggabungkan maklumat daripada sumber-sumber berlainan ketika murāja‘at subjek *Hifẓ al-Qurān*” dan contoh pernyataan item bagi elemen penyusunan ialah “Saya membuat carta ringkas atau jadual bagi membantu menyusun matlamat dalam subjek *Hifẓ al-Qurān*”. Bagi contoh pernyataan item elemen pemikiran kritis pula ialah “Saya menggunakan teknik menghafaz sendiri”. Komponen (2) dalam strategi metakognitif mempunyai satu elemen, iaitu regulasi sendiri. Contoh pernyataan item dalam elemen ini ialah “Saya cuba mengenal pasti hafazan yang tidak dikuasai”. Manakala komponen (3) strategi pengurusan sumber mengandungi elemen pengurusan masa dan persekitaran, pengurusan usaha, belajar bersama-sama rakan, dan mencari bantuan. Contoh bagi pernyataan item bagi elemen pengurusan masa dan persekitaran ialah “Saya sentiasa menghadiri kelas *tasmi*’”. Sementara contoh pernyataan item bagi elemen pengurusan usaha ialah “Saya boleh meneruskan hafazan sehingga

selesai walaupun rasa tidak bersemangat” Contoh pernyataan item bagi elemen belajar bersama-sama rakan ialah “Saya berkongsi panduan-panduan menghafaz kepada rakan sekelas/rakan lain” dan contoh pernyataan item bagi elemen mencari bantuan pula ialah “Saya bertanya pensyarah tentang ayat-ayat hafazan yang tidak berjaya dikuasai”. Kesemua item berjumlah 37 pernyataan. Jadual 3.6 menunjukkan bilangan item bahagian ini.

Jadual 3.6

Jumlah Taburan Item Strategi Latihan

Bahagian	Elemen	Bil. Item
D	Latihan	3
	Penyusunan	3
	Penghuraian	6
	Pemikiran kritis	3
	Regulasi Kendiri	9
	Masa dan persekitaran	5
	Usaha	3
	Belajar dengan rakan	2
	Mencari bantuan	3
Jumlah Besar		37

3.6.5 Bahagian E: Strategi menghafaz al-Qur'an

Bahagian ini merupakan instrumen yang dibina oleh penyelidik berdasarkan kajian-kajian lepas (Abdul Hafiz dan Hasimah, 2003; al-Masyā'ilah, 2010; Azmil, et al., 2013; Azmil, et al., 2014) serta pembacaan buku-buku dan maklumat berkaitan hafazan (al-Qābisī, 1951; Abu Mazaya, 2010; Mohd Nazri, 2010). Item-item ditunjukkan dengan skala kekerapan dengan petunjuk (1) amat jarang digunakan, petunjuk (2) jarang digunakan, petunjuk (3) kadang-kadang digunakan, petunjuk (4) biasa digunakan dan petunjuk (5) amat biasa digunakan. Petunjuk (1) memaksudkan sekali dalam sebulan, petunjuk (2) memaksudkan sekali dalam dua minggu, petunjuk

(3) sekali dalam satu minggu, petunjuk (4) sekali dalam tiga hari dan petunjuk (5) memaksudkan setiap hari.

Bagi pemboleh ubah strategi menghafaz al-Qur'an, elemen-elemen yang terkandung dalam empat peringkat atribut ialah adab menghafaz dan proses *talaqqī* bagi peringkat sebelum menghafaz al-Qur'an, teknik menghafaz dan proses *tasmi'* bagi peringkat semasa menghafaz al-Qur'an, proses *murāja'at* bagi peringkat selepas menghafaz al-Qur'an, panduan menghafaz al-Qur'an dan ciri-ciri penghafaz al-Qur'an bagi peringkat amalan para penghafaz al-Qur'an. Empat-empat peringkat ini diterangkan secara kronologis berdasarkan aplikasi sebelum, semasa, selepas dan amalan para pelajar tahfiz.

Berdasarkan Jadual 3.4 menunjukkan bilangan item bagi setiap elemen dalam strategi menghafaz al-Qur'an. Contoh bagi pernyataan item dalam elemen adab menghafaz al-Qur'an ialah adab umum, membaca al-Qur'an secara tartil dan tidak menghafaz ketika mengantuk. Contoh pernyataan item bagi elemen proses *talaqqī* ialah melancarkan bacaan sebelum *tasmi'* dan *talaqqī* dengan guru. Manakala contoh pernyataan item dalam elemen teknik menghafaz al-Qur'an ialah memahami maksud, pengulangan 10 kali atau lebih dan tidak menukar *muṣḥaf* lain. Bagi contoh pernyataan item dalam elemen proses *tasmi'* ialah *tasmi'* hafazan dengan guru. Bagi elemen proses *murāja'at* pula, contoh pernyataan item, iaitu menjaga hafalan baru dan lama, *murāja'at* bersama rakan dan *murāja'at* luar kelas. Bilangan item Strategi Menghafaz al-Qur'an ditunjukkan dalam Jadual 3.7.

Jadual 3.7

Jadual bilangan item strategi menghafaz al-Qur'an

Bahagian	Elemen	Item	Bilangan item
E	Peringkat Sebelum Menghafaz al-Qur'an	Adab menghafaz al-Qur'an	9
		Proses <i>talaqqī</i>	2
	Peringkat Semasa Menghafaz al-Qur'an	Teknik menghafaz	16
		Proses <i>tasmi</i> ‘	1
	Peringkat Selepas Menghafaz al-Qur'an	Proses <i>murāja</i> ‘ <i>at</i>	9
		Peringkat Amalan Para Penghafaz al-Qur'an	Panduan menghafaz al-Qur'an
		Ciri-ciri seorang ḥāfiẓ/ ḥāfiẓat	6
Jumlah			54

Secara keseluruhannya, keempat-empat pemboleh ubah yang ditunjukkan melalui bahagian B hingga bahagian E ini bertujuan mengukur faktor dalaman dan faktor luaran para pelajar tahfiz dalam pencapaian subjek *Ḥifẓ al-Qur'an*, di samping itu menentukan hubungan faktor-faktor tersebut dengan pencapaian pelajar tahfiz. Hal ini selaras dengan tujuan kajian ini untuk mengenal pasti pencapaian pelajar serta mengenal pasti hubungannya dengan pencapaian pelajar. Kajian turut menganalisis peramal paling utama dalam pencapaian subjek *Ḥifẓ-al-Qur'ān* berdasarkan kesemua pemboleh ubah. Jadual 3.8 menunjukkan jumlah taburan item soal selidik mengikut aspek kajian.

Jadual 3.8

Jumlah taburan item soal selidik mengikut aspek kajian

Bahagian	Set Item / Bahagian	No Item	Bil Item
A	Latar belakang pelajar	1-10	10
B	Kesediaan dalaman	1-33	33
C	Strategi Pembangunan Dalaman	1-14	14
D	Strategi latihan	1-38	38
E	Strategi menghafaz al-Qur'an	1-54	54
Jumlah Besar		1-149	149

Berdasarkan Jadual 3.8 tersebut, terdapat 10 soalan dalam bahagian latar belakang, manakala bagi soalan-soalan yang berpandukan skala likert mengandungi 85 soalan. Bagi soalan penandaan kekerapan pula adalah sebanyak 54 item. Jumlah keseluruhan item adalah sebanyak 149. Jumlah bagi setiap pembolehubah didapati tidak sekata namun jumlah setiap satunya merupakan satu bilangan yang memadai bagi memenuhi tujuan pengukuran sesuatu subjek (Pintrich, et al., 1991; al-Masyā'īlah, 2010). Selain itu, jumlah item bagi soalan-soalan bagi instrumen MSLQ (Bahagian B dan D) serta soalan-soalan bagi instrumen yang diambil dari rujukan Islamiah (Bahagian C dan E) didapati seimbang apabila jumlah keseluruhan item mencatat sebanyak 71 item dan 68 item. Soalan-soalan dalam instrumen dilontarkan secara langsung (*direct*) dan dibina agar setiap item dapat difahami dengan jelas dan cepat.

Kajian ini menggunakan skala Likert lima tahap untuk pernyataan persetujuan item serta skala Likert lima tahap untuk pernyataan kekerapan. Soal selidik pada bahagian A-D menggunakan Skala Likert lima tahap untuk pernyataan persetujuan manakala bahagian E menggunakan Skala Likert lima tahap untuk pernyataan kekerapan. Menurut Mohd Majid (1994), kelemahan mungkin berlaku dalam pengukuran skala apabila bilangan butir yang digunakan terlalu banyak. Justeru, penyelidik menyelaraskan kesemua skala dalam soal selidik kepada lima tahap kerana ia dapat memudahkan pembacaan dapatan kajian. Untuk mengukur tahap skor min bagi lima markah skala Likert, kajian ini membahagikan min kepada empat tahap (Mohamad Khairi, 2013), iaitu seperti Jadual 3.9.

Jadual 3.9

Jumlah skor min

Skor min	Tahap
4.01 hingga 5.00	Tinggi
3.01 hingga 4.00	Sederhana tinggi
2.01 hingga 3.00	Sederhana rendah
1.01 hingga 2.00	Rendah

Jadual 3.6 menjelaskan nilai min secara bertahap yang dibahagikan kepada empat, iaitu tinggi, sederhana tinggi, sederhana rendah dan rendah. Bagi skor min 4.01 hingga 5.00 dinilai sebagai tinggi, skor min 3.01 hingga 4.00 dinilai sederhana tinggi, skor min 2.01 hingga 3.00 dinilai sebagai sederhana rendah dan skor min 1.01 hingga 2.00 dinilai sebagai rendah.

Hasil analisis soal selidik disokong dengan hasil analisis instrumen temu bual pelajar dan temu bual pensyarah. Oleh itu, penyelidik turut menggunakan data kualitatif dalam menyokong data kuantitatif yang diperolehi. Penyelidik meletakkan sasaran sebanyak 20% dalam instrumen temu bual, manakala sesi pemerhatian yang dilakukan dalam kelas subjek *Hifz al-Qur'ān* sekira-kira 10% daripada keseluruhan instrumen. Menurut Merriem (1998), bentuk temu bual diklasifikasikan kepada tiga bentuk, iaitu temu bual berstruktur, temu bual semi stuktur dan temu bual tidak berstruktur.

3.7 Instrumen Kajian: Temu bual

Dalam kajian ini, penyelidik menggunakan temu bual bentuk semi stuktur kerana soalan-soalan yang dikemukakan dibina berdasarkan tema-tema yang telah ditentukan. Manakala jawapan pelajar dirakam melalui rekod catatan yang dihasilkan sendiri oleh responden. Temu bual pelajar mempunyai 21 soalan semi stuktur (lihat

lampiran B) dan temu bual pensyarah (lihat lampiran C) mempunyai 17 soalan semi struktur. Soalan temu bual pelajar dan pensyarah dibina berdasarkan elemen-elemen yang dinyatakan dalam pemboleh ubah-pemboleh ubah tidak bersandar dalam kajian ini. Item soalan yang ditanya melalui temu bual merupakan salah satu item yang terdapat dalam soal selidik. Kenyataan sebab-musabab item tersebut dapat diperjelaskan lagi dalam bentuk temu bual. Hal ini selaras dengan Patton (1980), temu bual dilakukan dengan tujuan dapat memahami lebih lanjut pendapat-pendapat yang dikemukakan. Justeru, temu bual dilaksanakan bagi menguatkan lagi aspirasi serta objektif kajian yang ingin dicapai. Soalan temu bual pensyarah menspesifikasikan kepada beberapa atribut utama sebagaimana soalan temu bual pelajar, namun beberapa elemen dan atribut tidak dimuatkan dalam temu bual pensyarah. Hal ini kerana terdapat atribut dan elemen yang tidak besesuaian untuk ditanyakan kepada pensyarah. Contohnya perkara-perkara yang berkaitan dengan intuisi dalaman pelajar itu sendiri. Antara atribut yang dimaksudkan ialah atribut jangkaan yang dimiliki pelajar.

3.8 Instrumen Kajian: Pemerhatian

Bagi pemerhatian dalam kelas subjek *Ḥifẓ al-Qur'ān*, penyelidik menggunakan kaedah pemerhatian berstruktur. Hal ini kerana, penyelidik telah mengelaskan pemerhatian berdasarkan tema-tema tertentu, iaitu dengan menspesifikasikan kepada tujuh elemen dalam atribut strategi menghafaz al-Qur'an. Elemen-elemen tersebut ialah adab menghafaz al-Qur'an, proses *talaqqī*, teknik-teknik menghafaz al-Qur'an, proses *tasmi'*, proses *murāja'at*, panduan menghafaz al-Qur'an dan ciri-ciri *ḥāfiẓ/ḥāfiẓat*. Penyelidik hanya mengambil atribut strategi menghafaz al-Qur'an dalam melakukan pemerhatian kerana atribut ini menerangkan kronologi menghafaz

al-Qur'an yang merangkumi empat peringkat, iaitu peringkat sebelum menghafaz al-Qur'an, peringkat semasa menghafaz al-Qur'an, peringkat selepas menghafaz al-Qur'an dan peringkat amalan para menghafaz al-Qur'an. Peringkat-peringkat ini dapat diperhatikan secara visual melalui instrumen pemerhatian yang dilaksanakan oleh penyelidik berdasarkan hari dan tarikh tertentu (Lihat lampiran D). Tujuan pemerhatian dilakukan ialah agar strategi menghafaz al-Qur'an para pelajar tahfiz dapat direkodkan dalam bentuk data yang diperolehi daripada aktiviti-aktiviti yang ditunjukkan semasa kelas subjek *Hifz al-Qur'an* berjalan. Keadaan ini selaras dengan Mohamad Najib (1999) yang menjelaskan tugas penyelidik paling penting sebagai membuat catatan dari pemerhatian yang dibuat. Selain itu, Mohd. Majid (2005) turut meletakkan nilai instrumen pemerhatian sebagai satu pendekatan yang sesuai untuk mengkaji perkembangan sesuatu unit.

3.9 Kesahan Instrumen

Kesahan merujuk kepada ketepatan instrumen mengukur sesuatu yang ingin diukur (Fauzi, Jamal & Mohd Saifoul, 2014). Antara kesahan yang dimaksudkan ialah kesahan kandungan. Kesahan kandungan dalam kajian ini ialah soal selidik pemboleh ubah kesediaan dalaman (faktor dalaman) yang merujuk kepada MSLQ oleh Pintrich, et al. (1991), pemboleh ubah strategi pembangunan dalaman (faktor dalaman) yang merujuk kepada al-Masyā'ilah (2010), pemboleh ubah strategi latihan (faktor luaran) yang merujuk kepada MSLQ oleh Pintrich, et al. (1991) dan pemboleh ubah strategi menghafaz al-Qur'an (faktor luaran) yang merujuk kepada al-Qābisī (1955) serta rujukan berkaitan.

Berhubung dengan soal selidik pemboleh ubah kesediaan dalaman (faktor dalaman) dan strategi latihan (faktor luaran) yang telah diadaptasi dari instrumen MSLQ oleh Pintrich, at al. (1991), terdapat kajian-kajian lepas yang turut menggunakan MSLQ sebagai instrumen sama ada secara keseluruhan konstruk ataupun sebaliknya berdasarkan objektif kajian mereka. Misalnya kajian Ghazali (2012) mencatatkan nilai alpha melebihi .8 bagi instrumen MSLQ versi bahasa Melayu dan telah disahkan oleh beberapa orang pakar. Beliau menumpukan kepada sampel yang mengambil bahasa Arab sebagai subjek teras pengajian.

Sehubungan dengan itu, kebenaran menggunakan instrumen melalui penulis asal, iaitu Teresa Garcia Duncan telah berjaya diperolehi pada 8 Mei 2014 (Lihat lampiran L). Penyelidik turut berhubung dengan Ghazali (2012) yang menggunakan instrumen ini ke atas pembelajaran bahasa Arab. Bagi menguatkan objektif kajian yang ingin dicapai, kajian menambah satu pemboleh ubah dalam faktor dalaman, iaitu pemboleh ubah strategi pembangunan dalaman.

Pemboleh ubah strategi pembangunan dalaman pelajar tahfiz mempunyai kandungan yang serupa sebagaimana konstruk pemboleh ubah kesediaan dalaman yang melibatkan nilai, jangkaan dan afektif, walau bagaimanapun konstruk ini dilihat signifikan kerana menampilkan pernyataan maksud yang lebih bersifat rinci. Tambahan lagi, konstruk ini diperincikan oleh seorang pengkaji yang khusus dalam bidang tahfiz (al-Masyā'ilah, 2010). Instrumen ini telah melalui proses penterjemahan dari bahasa Arab ke bahasa Melayu dan seterusnya dirujuk kepada empat orang pakar penilai. Setiap pernyataan item diiringi dengan sebab dan juga sisipan perancangan baru (al-Masyā'ilah, 2010).

Kajian turut menambah satu pemboleh ubah dalam faktor luaran, iaitu pemboleh ubah strategi menghafaz al-Qur'an. Pemboleh ubah strategi menghafaz al-Qur'an dirujuk melalui kajian-kajian lepas dan buku-buku berkaitan hafazan al-Qur'an (Al-Qābisī, 1951; Abdul Hafiz dan Hasimah, 2003; al-Masyā'īlah, 2010; Azmil, et al., 2013; Abu Mazaya, 2010; Mohd Nazri, 2010; Azmil, et al., 2014). Berdasarkan kronologis proses menghafaz al-Qur'an yang telah dianalisa dari rujukan-rujukan berkaitan, kajian menyimpulkan bahawa kandungan konstruk ini bertunjangkan kepada empat dimensi penting, iaitu peringkat sebelum menghafaz, semasa menghafaz, selepas menghafaz dan amalan para penghafaz al-Qur'an. Secara praktikal, pemboleh ubah strategi menghafaz al-Qur'an mempunyai ciri kognitif, metakognitif dan pengurusan sumber yang ditunjukkan secara teori oleh Pintrich, et al. (1991) melalui pemboleh ubah strategi latihan. Penyelidik telah berhubung dengan beberapa pakar dalam bidang hafazan al-Qur'an berkaitan konstruk ini agar bertepatan dengan sistem pembelajaran semasa pengajian tahfiz terdahulu dan terkini. Satu kajian rintis telah dibuat bagi memastikan instrumen kajian ini boleh digunakan (Lihat 3.2.7). Beberapa item telah digugurkan mengikut kesesuaian kajian dan peningkatan nilai *alpha*.

Selain itu, instrumen temu bual dalam kajian ini mengadaptasi pernyataan-pernyataan dalam instrumen kuantitatif inventori MSLQ dan al-Masyā'īlah (2010). Manakala instrumen pemerhatian pula mengadaptasi pernyataan-pernyataan dalam instrumen kuantitatif inventori strategi menghafaz al-Qur'an di dalam kelas subjek *Hifẓ al-Qur'an*. Hal ini sejajar dengan kajian Ghazali (2012) yang turut mengemukakan instrumen temu bual dan pemerhatian dalam bentuk tema-tema yang berkaitan dengan instrumen kuantitatif (MSLQ). Di samping itu, penyelidik juga telah

menjalankan temu bual dan pemerhatian awal semasa kajian rintis dijalankan. Beberapa penambahbaikan telah dibuat terutamanya dari segi item-item yang perlu diketengahkan bagi menyesuaikan penelitian dengan instrumen soal selidik.

Bagi tujuan pengesahan keseluruhan konstruk dari kandungan soal selidik, temu bual dan pemerhatian, seramai empat orang pakar penilai yang terdiri daripada dua orang pakar dalam bidang hafazan al-Qur'an, seorang pakar dalam bidang metodologi dan pendidikan Islam serta seorang pakar dalam bidang Pendidikan Islam, karakter dan akhlak (Lihat lampiran J) telah dirujuk. Kesemua penilai telah mengesahkan keseluruhan konstruk dari kandungan soal selidik. Beberapa pemurnian dan penambahbaikan stuktur bahasa telah dilakukan berdasarkan saranan penilai-penilai dan penyelia. Kandungan soal selidik juga telah dirujuk kepada seorang pakar bahasa bagi menyemak ketepatan bahasa dan stuktur ayat yang digunakan sebelum dilanjutkan dengan ujian rintis.

3.10 Ujian Rintis

Kajian rintis berperanan sebagai pengujian awal pada tahap percubaan yang dilakukan ke atas responden dengan tujuan mendapatkan ketelusan data sebelum kajian sebenar dilakukan. Ary, Jacobs dan Razavieh (2002) membahagikan kajian kepada dua, iaitu kajian rintis dan kajian sebenar. Sehubungan itu, kajian rintis telah dijalankan ke atas responden di Jabatan Tahfiz al-Qur'an wal-Qiraat, Institusi Pengajian Tinggi Islam Johor (Marsah). Sampel ini merupakan para pelajar yang tidak terlibat dalam kajian sebenar. Kajian rintis dijangka dapat menguji sejauh mana tindak balas pelajar dari sudut kefahaman isi kandungan item-item yang disediakan. Proses pengolahan ayat yang lebih mudah difahami telah diselaraskan mengikut

tujuan sebenar kajian, iaitu sebaik sahaja kajian rintis dijalankan. Hal ini dilakukan sekiranya para pelajar didapati tidak memahami kehendak item semasa kajian rintis dilakukan.

Kajian ini melibatkan sampel yang terdiri daripada 30 pelajar semester akhir dari Jabatan Tahfiz al-Qur'an wal-Qiraat, Kolej Pengajian Islam Johor (Marsah). Pemilihan lokasi Johor dibuat kerana bilangan pelajar tahfiz semester akhir di Kolej Pengajian Islam Johor (Marsah) menunjukkan bilangan tertinggi berbanding Maahad Tahfiz Negeri (MTQN) yang lain pada tahun tersebut. Selain itu, bilangan pelajar tahfiz semester akhir di jabatan ini didapati tidak terlalu sedikit dan tidak terlalu banyak, malah bilangan tersebut bersifat ideal untuk dipilih sebagai responden.

Berdasarkan kenyataan Mohd Majid (1994), sampel berada di tahap yang baik apabila maklumat berkenaan parameter populasi hampir serupa. Justeru, responden yang terlibat dipilih berdasarkan persamaan ciri-ciri dengan responden kajian sebenar, iaitu dikhususkan kepada (i) pelajar tahfiz yang menduduki semester akhir dan (ii) menggunakan sistem serta pungutan Gred Darul Quran. Data yang diambil dalam kajian ini dianalisis dengan menggunakan *perisian Statistical Package for Social Science (SPSS-PC) Versi 21.0 for Windows*.

3.11 Kebolehpercayaan Item

Menurut Fauzi, et al. (2014), kebolehpercayaan merupakan ujian yang digunakan untuk mengukur sesuatu, misalnya ukuran ketekalan dalaman *Alpha Cronbach*. Nilai indeks alpha melebihi .7 dianggap baik sekiranya item melebihi sepuluh, manakala nilai indeks alpha .5 diterjemahkan sebagai baik menerusi Pallant (2001) dan Noraini

(2010) dengan persyaratan skala instrumen adalah kurang daripada 10 item. Sementara Nunnally dan Bernstein (1994) menyatakan bahawa suatu konstruk atau variabel dianggap *reliable* sekiranya nilai alpha cronbach >0.7 (Dawn Iacobucci & Adam Duhachek, 2003). Walau bagaimanapun, Cronbach (1951) menganggarkan bahawa dalam kajian awal, nilai alpha cronbach >0.6 adalah nilai kebolehpercayaan yang dapat diterima (Nunnally, 1978). Analisis data berdasarkan kajian awal yang dijalankan oleh penyelidik pada 17 November 2014 di Institusi Pengajian Tinggi Islam Johor (Marsah) disenaraikan dalam bentuk Jadual 3.10 hingga 3.14. Nilai kebolehpercayaan yang diperolehi bagi setiap konstruk dan subkonstrak bahagian B-D soal selidik mengikut pembahagian kesediaan dalaman dan strategi latihan diperincikan dalam subtajuk data rintis.

3.11.1 Data Rintis

Jadual 3.10 menunjukkan bilangan pemboleh ubah yang disertai nilai *Alpha Cronbach* bagi setiap komponen. Penyelidik membahagikannya kepada 4 bahagian. Bahagian pertama diperincikan tentang data bahagian B: Kesediaan dalaman pelajar tahfiz; Atribut nilai, jangkaan dan afektif. Pada keseluruhannya, atribut nilai, jangkaan dan afektif mencatatkan nilai *alpha* yang baik iaitu *alpha cronbach* 0.74.

3.11.1.1 Bahagian B: Kesediaan Dalaman; Atribut Nilai, Jangkaan dan Afektif

Jadual 3.10

Data rintis pemboleh ubah kesediaan dalaman

Bahagian	Atribut	Elemen	Alpha	Bilangan Item Asal	Bilangan item
B	Nilai, Jangkaan dan afektif	Sikap	0.86	4	4
		Intrinsik	0.65	4	3
		Ekstrinsik	0.70	7	5

Sambungan...	Nilai tugasan	0.79	6	6
	Kawalan Kepercayaan	0.64	3	3
	Efikasi sendiri	0.81	8	8
	Kebimbangan	0.72	5	4
Keseluruhan		0.74	37	33

Manakala bahagian C dalam Jadual 3.11 diperincikan dalam subtajuk bahagian C: Strategi pembangunan dalaman pelajar tahfiz. Bagi pemboleh ubah strategi pembangunan dalaman pelajar tahfiz, nilai alpha mencatatkan nilai yang sangat baik, iaitu *alpha Cronbach* 0.93.

3.11.1.2 Bahagian C: Strategi Pembangunan Dalaman

Jadual 3.11

Data rintis pemboleh ubah strategi pembangunan dalaman pelajar tahfiz

Bahagian	Atribut	Elemen	Alpha	Bilangan Item
C	Pembangunan Dalaman	Nilai, jangkaan dan afektif	0.93	14

Manakala Jadual 3.12 yang mewakili pemboleh ubah strategi latihan pelajar tahfiz diperincikan melalui subtajuk data rintis dalam strategi latihan. Elemen strategi pembelajaran kognitif dalam bahagian D mencatatkan nilai *alpha cronbach* yang baik, iaitu 0.67. Menurut Mohd. Majid (2004), nilai >0.6 merupakan nilai yang diterima dan boleh digunakan. Secara keseluruhannya, data B mencatatkan *alpha cronbach* 0.74, data C; 0.93 dan data D; 0.67. Kesemua data dalam bahagian ini mempunyai tahap kebolehpercayaan yang pada tahap yang baik dan diterima.

Selain itu, penyelidik turut menjalankan kajian rintis berkenaan instrumen strategi menghafaz al-Qur'an dengan penggunaan skala lima tahap kekerapan. Sebelum

diserahkan kepada responden, instrumen strategi menghafaz al-Qur'an telah menjalani proses kesahan daripada empat orang pakar penilai yang fokus dalam bidang masing-masing. Pemerhatian semasa kajian rintis dijalankan serta hasil kajian rintis menunjukkan bahawa majoriti pelajar dapat memahami dengan baik keseluruhan kandungan soal selidik pada bahagian ini. Perincian data strategi latihan ditunjukkan dalam Jadual 3.12.

3.11.1.3 Data Rintis Pemboleh Ubah Strategi latihan

Bahagian D: Strategi latihan: Atribut Strategi Kognitif, Metakognitif dan Pengurusan Sumber

Jadual 3.12

Data rintis pemboleh ubah strategi latihan

Bahagian	Atribut	Elemen	Alpha	Bilangan Item Asal	Bilangan Item
D	Strategi Pembelajaran Kognitif	Latihan (<i>Rehearsal</i>)	0.70	4	3
		Penghuraian (<i>Elaboration</i>)	0.78	6	6
		Penyusunan (<i>Organization</i>)	0.67	4	3
		Pemikiran kritis (<i>Critical thinking</i>)	0.69	5	3
	Strategi Pembelajaran Metakognitif	Regulasi sendiri (<i>Metacognitive self-regulation</i>)	0.74	12	9
	Strategi Pengurusan Sumber	Pengurusan masa (<i>Time and Study</i>)	0.56	7	5
		Pengurusan usaha (<i>Effort regulation</i>)	0.54	4	3
		Bantuan rakan (<i>Peer Learning</i>)	0.69	3	2
		Mencari bantuan (<i>Help Seeking</i>)	0.88	4	3

Paparan jadual-jadual dalam bahagian ini merupakan nilai *alpha* yang diambil untuk kajian yang sebenar. Kesimpulan yang dapat dibuat berdasarkan tahap kebolehpercayaan instrumen yang telah dijalankan ialah setiap kandungan instrumen ini didapati bersesuaian untuk digunakan pada kajian sebenar penyelidik mahupun kajian-kajian pada masa akan datang.

3.12 Prosedur Pengumpulan Data


Beberapa langkah telah diambil oleh penyelidik dalam proses pengumpulan data seperti menghantar surat kebenaran menjalankan kajian ke atas Zon Utara, Zon Selatan, Zon Timur dan Zon Barat. Butiran kajian telah dilampirkan dalam surat kebenaran sebagai informasi kepada pihak pentadbir institusi tahfiz.

Penyelidik seterusnya mendapatkan senarai nombor matrik dan nama pelajar tahfiz diploma semester lima beserta gred pencapaian semester sebelumnya daripada pihak admin. Pemilihan responden berdasarkan zon dan sampel dibuat secara rawak mudah mengikut gred pencapaian pelajar tahfiz telah dilakukan sebelum kajian sebenar dijalankan.

Pada hari dan waktu kajian dijalankan, pihak penyelidik akan mengedarkan borang soal selidik kepada setiap responden pada waktu yang ditetapkan dengan masa yang diperuntukkan sekurang-kurangnya selama sejam. Penyelidik telah menghadiri sesi pengisian soal selidik oleh responden yang dijalankan bagi memastikan program tersebut berjalan lancar. Sebelum kajian dijalankan, penyelidik juga telah membuat

rundingan terlebih dahulu bagi menjalankan sesi pengedaran soal selidik ke atas responden. Penyelidik memberikan taklimat khusus berkenaan soal selidik sebelum sesi pengisian soal selidik dijalankan. Selain itu, bagi melicinkan proses kajian, penyelidik juga telah melantik sembilan orang pembantu penyelidik.

Proses pengedaran soal selidik di peringkat bahagian negeri-negeri di Malaysia Barat dan Malaysia Timur telah dijalankan sebagaimana ilustrasi prosedur pengumpulan data yang dipaparkan dalam Rajah 3.2.



Rajah 3.2. Prosedur Pengumpulan Data

3.13 Analisis Penerokaan Data

Ho: Sampel kajian adalah disebar secara normal

H_a: Sampel kajian adalah tidak disebar secara normal

Sebelum meneruskan penganalisaan data bagi setiap objektif, analisis penerokaan data dilakukan ke atas data mentah. Menurut Pallant (2001), semakan dan pembersihan data dapat dibuat dengan melakukan analisis penerokaan data. Analisis penerokaan data juga bertujuan memenuhi andaian kenormalan dan kesamaan

varians. Contoh penyemakan data ialah seperti pengekodan, nilai data tertinggal, input data, kewujudan data terpicil, dan taburan data. Proses penyemakan ini merangkumi data deskriptif, frekuensi dan inferensi.

Justeru, hasil penerokaan data berhubung pencapaian subjek *Hifz al-Qur'an* diperincikan melalui Jadual 3.13. Jadual 3.13 menunjukkan nilai signifikan bagi ujian *Kolmogorov-Smirnov* dan ujian *Shapiro-Wilk* adalah lebih kecil daripada 0.05 ($p < 0.05$). Dapatan ini menyebabkan hipotesis nul ditolak. Keadaan ini menunjukkan bahawa sampel kajian bagi ujian pencapaian subjek *Hifz al-Qur'an* tidak disebar secara normal. Akan tetapi, menurut Pallant (2013), pada kebiasaannya kajian melibatkan data yang besar tidak dapat mematuhi syarat ujian *Kolmogorov-Smirnov* dan ujian *Shapiro-Wilk*. Justeru, penentuan ujian normaliti ditunjukkan dengan ujian *skewness* dan *kurtosis* beserta grafik.

Jadual 3.13

Ujian Normaliti untuk Pencapaian Subjek Hifz al-Qur'an

Kolmogorov-Smirnov			Shapiro-Wilk		
Statistik	Df	Sig.	Statistik	Df	Sig.
.189	298	.000	.796	298	.00

Jadual 3.14 menunjukkan nilai *Skewness* dan *Kurtosis*. Nilai *Skewness* yang dipaparkan ialah -1.823 dan nilai *kurtosis* 4.004. Berdasarkan Kline (2005), taburan data tersebar secara normal apabila nilai *Skewness* dan *Kurtosis* ($Skewness < \pm 3$; $Kurtosis < \pm 10$). Oleh itu, sampel bagi ujian normaliti pencapaian subjek *Hifz al-Qur'an* ini menunjukkan data yang normal.

Jadual 3.14

Ujian Skewness dan Kurtosis

Skewness	Kurtosis
-1.823	4.004

Penentuan taburan data disebar secara normal dapat dikenal pasti menerusi grafik, iaitu berpanduan kepada histogram, boxplot, normal Q-Q plots dan *Detrended Q-Q Plots* (lampiran P1). Berdasarkan kepada graf histogram, bentuk *bell curves* yang dikenal pasti adalah *symmetrical*. Keadaan ini bermaksud bahawa taburan data bagi ujian normaliti pencapaian subjek *Hifz al-Qur'ān* adalah tertabur secara normal. Dapatan ini disokong oleh garis *Whiskers Boxplot* yang berada hampir dengan garis penengah (median) dan data terpencil yang menunjukkan tidak ekstrem.

Selain itu, penelitian terhadap *normal Q-Q Plots* menunjukkan taburan data berada disekitar garis lurus. Bagi *Detrended Q-Q Plots* pula menunjukkan bahawa tiada pengumpulan data pada satu titik, dan sebahagian besar data berada hampir dengan garis 0. Justeru, merujuk kepada penelitian secara grafik dan pengujian nilai *Skewness* dan *Kurtosis*, kajian ini menerima hipotesis nul H_{01} . Dapatan ini menjelaskan bahawa taburan data bagi ujian normaliti pemboleh ubah bersandar, iaitu pencapaian subjek *Hifz al-Qur'ān* telah tersebar secara normal.

Begitu juga dengan nilai ujian normaliti bagi pemboleh bebas dalam kajian ini, iaitu kediaan dalaman, strategi pembangunan dalaman, strategi latihan dan strategi menghafaz al-Qur'ān. Nilai *Skewness* dan *Kurtosis* yang diperolehi berada dalam lingkungan ($Skewness < \pm 3$; $Kurtosis < \pm 10$). (Jadual 3.14). Graf histogram, normal Q-Q plots dan *Detrended Q-Q plots* turut memaparkan data yang normal (Lampiran P1-P4). Graf histogram memenuhi lengkung normal, normal Q-Q plots menunjukkan

kebanyakan titik jatuh di sekitar garis lurus dan *Detrended Q-Q plots* menunjukkan nilai yang tidak melebihi +3 dan -3 (Lampiran P1-P4). Nilai median juga berada di tengah kotak bagi penelitian *Box Plot*. Selain itu, tidak ada data terpencil yang dipaparkan menerusi *Box Plot* kecuali bagi pemboleh ubah kesediaan dalaman, strategi latihan dan strategi menghafaz al-Qur'an. Walau bagaimanapun, data yang ditunjukkan bukan nilai ekstrem. Justeru, nilai-nilai yang diperolehi menerusi ujian normaliti *Kolmogorov-Smirnov* dan *Shapiro-Wilk*; kesediaan dalaman, strategi pembangunan dalaman, strategi latihan dan strategi menghafaz al-Qur'an diringkaskan dalam Jadual 3.15.

Jadual 3.15

Ujian Normaliti Kolmogorov-mirnov dan Shapiro-Wilk Bagi Pemboleh ubah-Pemboleh ubah Bebas

IV	Analisis Penerokaan Data	Stat	Df	Sig
Kesediaan Dalaman	<i>Kolmogorov-Smirnov</i>	.048	298	.093
	<i>Shapiro-Wilk</i>	.987	298	.011
Strategi Pembangunan Dalaman	<i>Kolmogorov-Smirnov</i>	.060	298	.011
	<i>Shapiro-Wilk</i>	.993	298	.208
Strategi latihan	<i>Kolmogorov-Smirnov</i>	.028	298	.200
	<i>Shapiro-Wilk</i>	.995	298	.525
Strategi Menghafaz al-Qur'an	<i>Kolmogorov-Smirnov</i>	.064	298	.005
	<i>Shapiro-Wilk</i>	.976	298	.00

Jadual 3.16 memaparkan nilai-nilai bagi ujian normaliti *Skewness*, *Kurtosis*, Graf Histogram, *Garis Whiskers Plot* dan Data Terpencil Bagi Pemboleh ubah-Pemboleh ubah Bebas.

Jadual 3.16

Ujian Normaliti Skewness, Kurtosis, Graf Histogram, Garis Whiskers Plot dan Data Terpencil Bagi Pemboleh ubah-Pemboleh ubah Bebas

Pemboleh ubah	Ujian Skewness	Ujian Kurtosis	Graf Histogram	Garis Whiskers Boxplot	Data Terpencil
Kesediaan Dalaman	-0.30	-0.32	<i>Bell-Curves (Symmetrical)</i>	Hampir garis median	Tidak ekstrem
Strategi Pembangunan Dalaman	.008	-.182	<i>Bell-Curves (Symmetrical)</i>	Hampir garis median	Tiada
Strategi latihan	.062	-.182	<i>Bell-Curves (Symmetrical)</i>	Hampir garis median	Tidak ekstrem
Strategi Menghafaz al-Qur'an	.554	.072	<i>Bell-Curves (Symmetrical)</i>	Hampir garis median	Tidak ekstrem

Dapatan ini menjelaskan bahawa taburan data bagi ujian normaliti pemboleh ubah bebas, iaitu kesediaan dalaman, strategi pembangunan dalaman, strategi latihan dan strategi menghafaz al-Qur'an telah tersebar secara normal.

3.14 Ujian Statistik Yang Digunakan

Kesemua objektif dan persoalan kajian dibina berdasarkan instrumen soal selidik. Oleh itu, ujian-ujian statistik yang dijalankan adalah mengikut kesesuaian dalam persoalan dan objektif kajian yang hendak dicapai. Justeru, bagi mencapai objektif-objektif tersebut, penyelidik telah mensasarkan pelajar semester lima sebagai responden kajian. Dengan itu, tahap pencapaian subjek *Hifẓ al-Qur'ān* diambil berdasarkan gred subjek *Hifẓ al-Qur'ān* yang diuji dalam bentuk lisan (*syafawī*) dan penulisan (*tahrīrī*) pada semester sebelumnya. Gred pencapaian pelajar dinilai mengikut pungutan merit (*pointer*) yang dibahagikan kepada lima kategori, iaitu cemerlang (*mumtāz/mumtāzaṭ*), sangat baik (*jayyid jiddan*), baik (*jayyid*), lulus (*maqbul*) dan gagal (*rāsib*). Sedek (2012) menyatakan bahawa tahap pencapaian

pelajar dalam subjek *Hifẓ al-Qur'ān* penting untuk diketahui bagi memastikan penguasaan pelajar terhadap subjek tersebut. Justeru, penyelidik memohon senarai nombor matrik pelajar beserta gred pencapaian yang terbaru dari pihak pensyarah di unit peperiksaan, Darul Quran. Data untuk tahap pencapaian dianalisis secara deskriptif, iaitu berdasarkan skor min, sisihan piawai, peratus dan frekuensi.

Kajian turut menganalisis data secara deskriptif bagi mengenal pasti tahap kesediaan dalaman, strategi pembangunan dalaman, strategi latihan dan strategi menghafaz al-Qur'an pelajar tahfiz terhadap pencapaian subjek *Hifẓ al-Qur'ān*. Riswandi (2013) dan Hanifah (2012) menggariskan bahawa faktor intrinsik dan ekstrinsik merupakan pendorong utama kepada pencapaian pelajar tahfiz. Walau bagaimanapun Pintrich, et. al. (1991) tidak menyatakan faktor nilai intrinsik dan ekstrinsik sahaja dalam menentukan pencapaian pelajar tetapi juga faktor-faktor nilai yang lain seperti nilai tugasan. Ghazali (2012) turut menyatakan faktor nilai; sikap memainkan peranan yang penting dalam pencapaian pelajar.

Selain itu, al-Masyā'ilah (2010) turut menekankan elemen kawalan kepercayaan serta efikasi sendiri dalam membangunkan dalaman seseorang pelajar untuk mencapai sesuatu matlamat. Manakala Hanifah (2012) menekankan kepentingan strategi pembelajaran yang digunakan oleh para pelajar tahfiz. Strategi pembelajaran dalam kajian ini dinilai sebagai strategi latihan para pelajar tahfiz. Analisis data yang merangkumi nilai min, sisihan piawai, peratus dan frekuensi bagi kesediaan dalaman, strategi pembangunan dalaman, strategi latihan dan strategi menghafaz al-Qur'an dijangka akan dapat menentukan tahap persepsi pelajar tahfiz terhadap aspek-aspek tersebut secara spesifik.

Seterusnya bagi menentukan perbezaan pencapaian pelajar tahfiz berdasarkan jantina dan lokasi tempat tinggal, kajian menganalisis data dengan menggunakan ujian t-sampel bebas. Ujian t dilaksanakan bagi menguji perbezaan pencapaian berdasarkan dua kumpulan bebas (Pallant, 1961), misalnya kumpulan jantina lelaki dan perempuan. Abdul Hafiz, Siti Norlina dan Hasimah (2008) menyatakan bahawa terdapat beberapa perkara yang sering mengganggu prestasi pelajar tahfiz perempuan. Kenyataan ini menggambarkan terdapat kemungkinan perbezaan pencapaian di antara pelajar tahfiz lelaki dan pelajar tahfiz perempuan.

Hal ini serupa dengan latar belakang pelajar tahfiz yang pelbagai misalnya lokasi tempat tinggal. Abdul Hafiz (2007) menjelaskan bahawa lokasi bandar yang bersifat kontra dengan ketenangan semulajadi di kawasan luar bandar merupakan satu bentuk cabaran kepada para pelajar tahfiz yang memerlukan ketenangan hati semasa proses menghafaz al-Qur'an. Kajian ini menetengahkan lokasi tempat tinggal pelajar tahfiz yang didapati mempunyai perbezaan, iaitu sama ada di kawasan bandar atau luar bandar. Kajian ini akan menguji perbezaan pencapaian pelajar tahfiz yang datang dari lokasi luar bandar dan juga kawasan bandar. Penyelidik turut menguji perbezaan pencapaian lokasi penempatan tahfiz di kawasan bandar dan luar bandar.

Bagi objektif yang ke-tujuh, hubungan di antara kesediaan dalaman, strategi pembangunan dalaman, strategi latihan dan strategi menghafaz al-Qur'andengan pencapaian akan ditentukan. Penentuan hubungan setiap konstruk dengan pencapaian akan dianalisis menggunakan teknik *Korelasi Pearson*. *Korelasi Pearson* berfungsi untuk menunjukkan darjah kedekatan hubungan antara dua variabel dan arah hubungan sama ada positif atau negatif (Pallant, 1961).

Seterusnya, penentuan peramal paling utama dalam pencapaian subjek *Hifz al-Qur'an* ditunjukkan dengan analisis data regresi (*multiple regression*). Oleh kerana hubungan di antara pemboleh ubah bersandar (*dependant variable*) dan (pemboleh uba bebas) *independant variable* yang mempunyai lebih daripada satu akan diuji, maka teknik regresi berganda dipilih untuk memproses data. Jadual 3.12 berikut menunjukkan teknik analisis data yang digunakan bagi setiap objektif dan persoalan kajian yang diketengahkan.

Bagi objektif yang keenam, penjelasan berkenaan temu bual pelajar dan pensyarah dibentangkan berdasarkan beberapa item yang dilihat penting dalam item soal selidik. Kandungan instrumen temu bual diambil menerusi beberapa item terpilih dari empat konstruk (kesediaan dalaman, strategi pembangunan dalaman, strategi latihan dan strategi menghafaz al-Qur'an), manakala kandungan instrumen pemerhatian diambil dari konstruk keempat (strategi menghafaz al-Qur'an). Data temu bual ditranskripsi dalam bentuk petikan jawapan temu bual yang ditandai dengan kurungan kod huruf dan nombor pada setiap hujung petikan. Kod huruf dan nombor tersebut adalah bertujuan membandingkan petikan jawapan temu bual yang direkodkan sebagai pelajar yang berlainan dan begitu juga pensyarah subjek *Hifz al-Qur'an*. Bagi data temu bual pelajar tahfiz, petikan jawapan temu bual dipersembahkan mengikut tema dan ciri yang dapat diketengahkan sebagai hasilan data. Manakala temu bual pensyarah subjek *Hifz al-Qur'an*, petikan jawapan temu bual dibentangkan mengikut tema, ciri dan jantina.

Pemerhatian dilakukan adalah bertujuan untuk menilai terus secara visual kepada aktiviti kelas subjek *Hifz al-Qur'an* yang berlangsung pada setiap hari. Keadaan ini bersesuaian dengan kenyataan Flanders (1976) yang meletakkan senarai semak sebagai tatacara analisis penting bagi aktiviti pemerhatian. Bertepatan dengan

Mohamad Najib (1999) berkenaan aktiviti pemerhatian juga, seyugialah agar catatan khusus dapat dibuat sendiri oleh penyelidik. Seterusnya, dapatan yang diperolehi disilang suaikan (*cross-match*) dengan dapatan kuantitatif. Dengan kata lain, hasil silang suoi dapatan pemerhatian bersifat menyokong kandungan dapatan kuantitatif.

Jadual 3.17 memaparkan enam objektif berserta perincian objektif dan tatacara analisis data yang telah dijalankan. Terdapat empat teknik analisis data yang dibuat, iaitu pertama; deskriptif, kedua; inferensi yang melibatkan ujian t-sampel bebas, korelasi *Pearson* dan regresi berganda, ketiga; transkripsi temu bual dan keempat; senarai semak. Dalam kajian lepas seperti kajian Mardzelah (2012) ada mengetengahkan teknik analisis data yang serupa, iaitu deskriptif dan juga inferensi (ujian t, hubungan dan regresi). Selain itu, bagi analisis data secara temu bual dan pemerhatian juga telah dilakukan dalam kajian Ghazali (2012).

Jadual 3.17


Teknik Analisis Data

Bil	Objektif	Perincian	Teknik Analisis Data
1	Menjelaskan tahap pencapaian subjek <i>Hifz al-Qur'an</i> dalam kalangan pelajar tahfiz;	Tahap pencapaian keseluruhan	Deskriptif - peratus dan bilangan
2	Menjelaskan tahap kesediaan dalaman, strategi pembangunan dalaman, strategi latihan dan strategi menghafaz al-Qur'an dalam kalangan pelajar tahfiz;	Tahap kesediaan dalaman dalam kalangan pelajar tahfiz;	Deskriptif -Skor min, sisihan piawai,
3	Mengenal pasti perbezaan pencapaian subjek <i>Hifz al-Qur'an</i> dalam kalangan pelajar tahfiz	i)Mengenal pasti perbezaan yang signifikan pencapaian subjek <i>Hifz al-Qur'an</i> dalam kalangan pelajar tahfiz berdasarkan aspek jantina; ii)Mengenal pasti perbezaan yang signifikan pencapaian subjek <i>Hifz al-Qur'an</i> dalam kalangan pelajar tahfiz ; aspek lokasi tempat tinggal	Ujian-t Sampel Bebas

4	Mengenal pasti hubungan antara faktor dalaman dan luaran pelajar tahfiz dengan pencapaian subjek <i>Hifz al-Qur'an</i>.	i)Mengenal pasti hubungan yang signifikan antara kesediaan dalaman dengan pencapaian subjek <i>Hifz al-Qur'an</i> dalam kalangan pelajar tahfiz; ii)Mengenal pasti hubungan yang signifikan antara strategi pembangunan dalaman dengan pencapaian subjek <i>Hifz al-Qur'an</i> dalam kalangan pelajar tahfiz; iii))Mengenal pasti hubungan yang signifikan antara strategi latihan dengan pencapaian subjek <i>Hifz al-Qur'an</i> dalam kalangan pelajar tahfiz. iv)Mengenal pasti hubungan yang signifikan antara strategi menghafaz al-Qur'an dengan pencapaian subjek <i>Hifz al-Qur'an</i> dalam kalangan pelajar tahfiz;	Korelasi Pearson
5	Mengenal pasti pengaruh yang signifikan kesediaan dalaman, strategi pembangunan dalaman pelajar tahfiz, strategi latihan dan strategi menghafaz al-Qur'an terhadap pencapaian subjek <i>Hifz al-Qur'an</i>.	pengaruh signifikan karakteristik pelajar tahfiz terhadap pencapaian subjek <i>Hifz al-Qur'an</i>	Regresi berganda
6	Meneliti faktor dalaman pelajar tahfiz dan faktor luaran pelajar tahfiz dalam menguruskan pembelajaran tahfiz.	i)Meneroka kesediaan dalaman dan strategi pembangunan dalaman pelajar tahfiz dalam menguruskan pembelajaran tahfiz. ii)Meneroka strategi latihan dan strategi menghafaz al-Qur'an pelajar tahfiz dalam menguruskan pembelajaran tahfiz. iii) Meninjau strategi menghafaz al-Qur'an dalam kalangan pelajar tahfiz semasa subjek <i>Hifz al-Qur'an</i> dijalankan dalam kelas.	Transkripsi temu bual dan senarai semak

3.15 Rumusan

Secara keseluruhannya, seramai 298 responden dari pelajar tahfiz peringkat diploma terlibat dalam kajian. Kajian merangkumi dua jenis statistik, iaitu deskriptif dan inferensi. Pengujian inferensi melibatkan Ujian t-sampel bebas, Ujian *Korelasi Pearson* dan analisis regresi berganda. Bagi ujian kualitatif melibatkan temu bual dan juga pemerhatian. Perbincangan mengenai metodologi kajian menghuraikan secara terperinci berkenaan dengan cara permasalahan kajian ini dikaji berdasarkan instrumen yang sah dan pengujian saintifik. Bab ini juga memperincikan tatacara analisis kajian yang melibatkan tahap pencapaian, tahap kesediaan dalaman, tahap strategi pembangunan dalaman, tahap strategi latihan, tahap strategi menghafaz al-Qur'an terhadap pencapaian subjek *Hifz al-Qur'an*, hubungan keempat-empat pemboleh ubah terhadap pencapaian serta peramal paling utama yang mempunyai dominasi terhadap pencapaian subjek *Hifz al-Qur'an*.



BAB EMPAT

ANALISIS KAJIAN

4.1 Pendahuluan

Bab ini membentangkan analisis kajian berdasarkan persoalan deskriptif, persoalan-persoalan inferensi, persoalan temu bual dan pemerhatian. Dapatan dimulakan dengan profil sampel kajian, beberapa aspek demografi dan latar belakang para pelajar tahfiz. Setiap dapatan kajian didahului objektif bernombor bagi memudahkan data dapat difahami dengan jelas.

4.1.1 Kadar Maklum Balas Soal Selidik

Kadar maklum balas soal selidik daripada seluruh zon mendapati sebanyak 298 soal selidik berjaya dikumpulkan. Jumlah ini merupakan satu nilai yang baik kerana melebihi jumlah sampel yang dicadangkan oleh Cochran (1963), Krejcie dan Morgan (1970), Bartlett, Kirtlett dan Higgins (2001) serta bertepatan dengan cadangan peningkatan nilai oleh Salkind (2009). Setelah analisis penerokaan data dibuat, tidak ada data terpinggir bagi pemboleh ubah strategi pembangunan dalaman, manakala bagi pemboleh ubah-pemboleh ubah yang lain, data terpinggir yang ditunjukkan adalah nilai yang bukan ekstrem. Menurut Pallant (2013), Tabachnick dan Fidell (2013) nilai yang bukan ekstrem boleh dikekalkan.

4.1.2 Profil Sampel Kajian

Kajian ini menumpukan kepada pelajar tahfiz yang menduduki semester lima dalam pengajian tahfiz. Data melibatkan sampel daripada para pelajar tahfiz di seluruh Malaysia yang mengambil jurusan Tahfiz al-Qur'an kelolaan JAKIM di peringkat Diploma. Kesemua sampel terdiri daripada para pelajar tahfiz yang menduduki

semester lima. Pada tahap ini kebanyakan pelajar telah berjaya mengkhatamkan hafazan sebanyak 30 juz.

Jadual 4.1 menunjukkan perincian latar belakang pelajar tahfiz yang terlibat di dalam kajian ini. Keseluruhannya, kajian melibatkan Darul Quran serta lapan buah MTQN yang terdiri daripada sembilan buah institusi tahfiz di Malaysia. Darul Quran Kuala Kubu merupakan institusi hafazan utama di negara ini, oleh itu pelajar Darul Quran merupakan pelajar teramai yang terlibat di dalam kajian ini, iaitu seramai 164 orang (55%). Pelajar MTQN Kedah membentuk pecahan kedua tertinggi, iaitu seramai 39 orang (13.1%). Selebihnya merupakan pelajar-pelajar daripada tujuh buah negeri yang lain dan hanya melibatkan peratusan pelajar yang kecil, iaitu dalam lingkungan 1% hingga 9% daripada keseluruhan responden.

Jadual 4.1

Latar Belakang Diri Pelajar (N=298)

Maklumat Demografi	Bilangan	%
Perlis	10	3.4
Kedah	39	13.1
Kelantan	19	6.4
Pahang	27	9.1
Perak	6	2.0
Selangor (Darul Quran)	164	55.0
Negeri Sembilan	3	1.0
Melaka	12	4.0
Sabah	18	6.0
Jantina		
Lelaki	154	51.7
Perempuan	144	48.3
Lokasi		
Bandar	142	47.7
Luar Bandar	156	52.3

Selain itu, data yang melibatkan seramai 154 pelajar tahfiz lelaki dan 144 pelajar tahfiz perempuan di seluruh Malaysia berjaya dikumpulkan. 52.3% daripada kesemua pelajar tahfiz tersebut merupakan pelajar tahfiz yang datang daripada kawasan luar bandar, manakala selebihnya datang daripada kawasan bandar.

4.2 Objektif Pertama

Bahagian ini menerangkan dapatan kajian objektif pertama berkenaan tahap pencapaian subjek *Hifz al-Qur'an* dalam kalangan pelajar tahfiz. Tahap pencapaian ditunjukkan melalui bilangan dan peratus serta dikelaskan kepada beberapa jenis pencapaian, iaitu juz, nilai kumulatif lisan (*syafawī*), nilai kumulatif bertulis (*tahrīrī*) dan nilai kumulatif keseluruhan.

4.2.1 Tahap pencapaian subjek *Hifz al-Qur'an* dalam kalangan pelajar tahfiz

Jadual 4.2 menunjukkan pencapaian terkini responden berdasarkan pencapaian juz, nilai kumulatif lisan (*syafawī*), nilai kumulatif bertulis (*tahrīrī*) dan nilai kumulatif keseluruhan. Lebih daripada separuh responden (53%) telah mengkhatamkan hafazan mereka, iaitu 30 juz. Seramai dua orang (0.7%) menghafaz sebanyak 25 juz, manakala selebihnya masing-masing ialah 29 juz (18.1%), 28 juz (22.8%), 28.5 juz (0.3%), 27 juz (4.4%) dan 26 juz (0.7%). Keseluruhan daripada responden sekurang-kurangnya telah menghafaz sebanyak 25 juz.

Bagi pencapaian nilai kumulatif lisan (*syafawī*), sebanyak 39.6% responden mencapai gred cemerlang, 23.8% mendapat gred sangat baik dan 14.8% mendapat gred baik. Sementara sejumlah 17.1% responden mendapat gred lulus, manakala bakinya, hanya 4.4% yang mendapat gagal.

Bagi pencapaian nilai kumulatif bertulis (*tahrīrī*) pula, sejumlah 34.6% responden mencapai gred cemerlang, 22.1% mendapat gred sangat baik dan 21.5% mendapat gred baik. Responden yang memperoleh gred lulus pula sejumlah 17.8%, manakala responden yang gagal sejumlah 4%.

Data juga mendapati, seramai 127 pelajar mempunyai pencapaian keseluruhan pada tahap cemerlang (*mumtāz/mumtāzaṭ*) (42.6%). Bagi tahap pencapaian sangat baik, kajian ini mendapati seramai 69 pelajar (22.1%) berjaya memperolehi pencapaian pada tahap yang sangat baik, manakala bagi tahap pencapaian baik mencatatkan seramai 58 pelajar (19.5%). Jumlah pelajar yang mencatatkan keputusan lulus (*maqbul*) pula direkodkan seramai 29 pelajar (9.7%). Bagi jumlah pelajar yang gagal (*rāsib*) dicatatkan seramai 18 pelajar (6.0%). Kajian ini menumpukan kepada pencapaian keseluruhan responden yang merangkumi ujian lisan (*syafawī*) dan bertulis (*tahrīrī*).

Jadual 4.2

Tahap pencapaian responden

Juz yang dihafaz	Bilangan	%
26	2	.7
27	13	4.4
28	68	22.8
28	1	.3
29	54	18.1
30	158	53
Nilai Kumulatif ujian lisan (<i>syafawī</i>)		
Gagal (< 2.00)	13	4.4
Lulus (2.00 - 2.50)	51	17.1
Baik (2.51 - 3.00)	45	15.1
Sangat baik (3.01 - 3.74)	71	23.8
Cemerlang (3.75 - 4.00)	118	39.6

Sambungan...

Nilai Kumulatif ujian bertulis (*tahrīrī*)

Gagal (< 2.00)	12	4.0
Lulus (2.00 - 2.50)	53	17.8
Baik (2.51 - 3.00)	64	21.5
Sangat baik (3.01 - 3.74)	66	22.1
Cemerlang (3.75 - 4.00)	103	34.6

Nilai Kumulatif Keseluruhan

Gagal (< 2.00)	18	6.0
Lulus (2.00 - 2.50)	29	9.7
Baik (2.51 - 3.00)	58	19.5
Sangat Baik (3.01 - 3.74)	66	22.1
Cemerlang (3.75 - 4.00)	127	42.6

Jumlah	298	100
---------------	------------	------------

Kajian mendapati lebih ramai responden yang mendapat pangkat cemerlang sama ada berpandukan tahap pencapaian nilai kumulatif ujian lisan (*syafawī*), nilai kumulatif ujian bertulis (*tahrīrī*) dan nilai kumulatif keseluruhan. Bilangan responden yang khatam al-Qur'an 30 juz juga mencatatkan peratus tertinggi berbanding juz-juz yang lain.

4.3 Objektif Kedua

4.3.1 Tahap Kesediaan Dalam Terhadap Pencapaian Subjek *Hifz al-Qur'an*

Bahagian ini menerangkan dapatan kajian objektif kedua berkenaan tahap kesediaan dalaman. Interpretasi deskriptif ditunjukkan dengan laporan skor min dan sisihan piawai. Interpretasi deskriptif kesediaan dalaman melibatkan hasil dapatan 33 item dan dibentangkan mengikut atribut-atribut bagi pemboleh ubah kesediaan dalaman. Analisis tahap kesediaan dalaman diukur dengan empat tahap nilai min, iaitu rendah (1.00-2.00), sederhana rendah (2.01-3.00), sederhana tinggi (3.01-4.00) dan tinggi (4.01-5.00).

Komponen kesediaan dalaman yang mewakili atribut nilai, iaitu sikap dianalisis secara deskriptif berdasarkan Jadual 4.3.

Keseluruhan komponen bahagian ini menunjukkan interpretasi pada tahap yang tinggi (min= 4.74, sp= .48). Item ketiga; “terdapat dua subjek utama dalam *Hifz al-Qur'an*, iaitu al-Qur'an *syafawi* dan al-Qur'an “*tahriri*” mencatatkan min tertinggi (min=4.83, sp = .39), manakala item kedua yang menunjukkan min terendah ialah “saya rasa seronok menghafaz al-Qur'an” (min= 4.66, sp= .56).

Jadual 4.3

Kesediaan dalaman (Nilai; Sikap)

Bil.	Item	Min	Sp
1	Saya rasa bersyukur mempelajari bidang hafazan al-Qur'an	4.79	.44
2	Saya rasa seronok menghafaz al-Qur'an	4.66	.56
3	Terdapat dua subjek utama dalam <i>Hifz al-Qur'an</i> iaitu al-Qur'an <i>syafawi</i> dan al-Qur'an <i>tahriri</i>	4.83	.39
4	Saya merancang untuk meneruskan usaha memelihara al-Qur'an	4.68	.54
Jumlah		4.74	0.48

Kajian ini mendapati responden memberikan maklum balas tahap tinggi bagi kesemua item yang mengukur elemen intrinsik. Hal ini boleh dikenal pasti pada min keseluruhan pada Jadual 4.4, iaitu min= 4.25, sp= 0.77. Item yang mencatatkan nilai min paling tinggi ialah item “saya mahu menguasai keseluruhan kandungan hafazan al-Qur'an” (min= 4.48, sp= .65), manakala min terendah ialah item “saya suka mempelbagaikan strategi menghafaz” (min= 4.10, sp= .85).

Jadual 4.4

Kesediaan dalaman (Nilai; Intrinsik)

Bil.	Item	Min	Sp
1	Saya suka mempelbagaikan strategi menghafaz	4.10	.85
2	Saya mahu menguasai keseluruhan kandungan hafazan al-Qur'an	4.48	.65
3	Saya mahu tugas yang membolehkan saya menguasai subjek <i>Hifz al-Qur'an</i>	4.18	.80
Jumlah		4.25	0.77

Bacaan keseluruhan bagi item-item dalam elemen ekstrinsik menunjukkan nilai min yang sederhana tinggi (min= 3.43, sp=1.06). Item yang memperoleh nilai min paling tinggi ialah item pertama, iaitu “saya mahu memperolehi gred yang lebih baik daripada rakan-rakan lain dalam subjek *Hifz al-Qur'an*” (min= 4.33, sp= .82), manakala nilai min paling rendah ialah item kelima, iaitu “saya hafaz al-Qur'an kerana jaminan kerja masa depan” (min= 2.37, sp= 1.19) Nilai min ini menunjukkan tahap interpretasi sederhana rendah.

Jadual 4.5

Kesediaan dalaman (Nilai; Ekstrinsik)

Bil.	Item	Min	Sp
1	Saya mahu memperolehi gred yang lebih baik daripada rakan-rakan lain dalam subjek <i>Hifz al-Qur'an</i>	4.33	.82
2	Saya mahu berjaya dalam subjek <i>Hifz al-Qur'an</i> kerana mahu menonjolkan keupayaan saya kepada keluarga, rakan, institusi dan orang lain	3.75	1.13
3	Saya menghafaz al-Qur'an kerana masyarakat sekeliling menyanjung mereka yang hafaz al-Qur'an	2.46	1.27
4	Saya hafaz al-Qur'an kerana tuntutan agama	4.22	.89
5	Saya hafaz al-Qur'an kerana jaminan kerja masa depan	2.37	1.19
Jumlah		3.43	1.06

Analisis secara deskriptif bagi komponen kesediaan dalaman bagi atribut nilai, iaitu elemen nilai tugas Jadual 4.6 menunjukkan bacaan nilai min interpretasi tahap tinggi (min= 4.36 dan sp= 0.72). Item yang mencatatkan nilai min paling tinggi ialah

item keenam, iaitu “saya rasa penting untuk menghafaz al-Qur’an” (min= 4.54, sp= .61), manakala item yang merekodkan nilai min terendah ialah item pertama, iaitu “saya boleh mengaplikasikan hafazan secara lisan (*syafawī*) kepada penulisan (*tahrīrī*)” (min= 4.06, sp= 0.82).

Jadual 4.6

<i>Kesediaan dalaman (Nilai; Nilai tugasan)</i>			
Bil.	Item	Min	Sp
1	Saya boleh mengaplikasikan hafazan secara lisan (<i>syafawī</i>) kepada penulisan (<i>tahrīrī</i>)	4.06	.82
2	Penting bagi saya untuk menguasai subjek <i>Hifẓ al-Qur’an</i> secara lisan dan bertulis (<i>syafawī/tahrīrī</i>)	4.54	.68
3	Saya berminat dengan bidang hafazan al-Qur’an	4.50	.67
4	Saya rasa menghafazan al-Qur’an yang saya lakukan setakat ini sangat berguna buat diri saya	4.29	.77
5	Saya suka membaca juz-juz dalam al-Qur’an	4.20	.77
6	Saya rasa penting untuk menghafaz al-Qur’an	4.54	.61
Jumlah		4.36	0.72

Bacaan keseluruhan bagi komponen kawalan kepercayaan mencatatkan nilai min= 4.45 dan sp= 0.66 (Jadual 4.7). Bacaan nilai min paling tinggi ialah item ketiga, iaitu “saya akan menguasai subjek *Hifẓ al-Qur’an* jika berusaha bersungguh-sungguh” (min= 4.60, sp= .56) manakala bacaan nilai min terendah ialah item kedua, iaitu “saya yang bersalah sekiranya tidak dapat menghafaz (min= 4.31, sp= .77).

Jadual 4.7

<i>Kesediaan dalaman (Jangkaan: Kawalan kepercayaan)</i>			
Bil.	Item	Min	Sp
1	Saya boleh menguasai subjek <i>Hifẓ al-Qur’an</i> jika saya hafal dengan betul	4.43	.65
2	Saya yang bersalah sekiranya tidak dapat menghafaz	4.31	.77
3	Saya akan menguasai subjek <i>Hifẓ al-Qur’an</i> jika berusaha bersungguh-sungguh	4.60	.56
Jumlah		4.45	0.66

Hasil keseluruhan analisis deskriptif bagi komponen kesediaan dalaman yang mewakili atribut jangkaan, iaitu elemen efikasi sendiri dalam Jadual 4.8 diinterpretasikan sebagai tahap yang tinggi (min= 4.02, sp= 0.8). Bacaan min tertinggi ialah item ketiga, iaitu “saya yakin dapat menguasai silibus (*muqarrar*) subjek *Hifz al-Qur'an* setiap semester” (min= 4.23, sp= .79), manakala bacaan min terendah ialah item keenam, iaitu “saya jangka boleh berjaya dalam ujian–ujian subjek *Hifz al-Qur'an*” dengan interpretasi min pada tahap sederhana tinggi (min= 3.87, sp= .78).

Jadual 4.8

Kesediaan dalaman (Jangkaan: Efikasi sendiri)

Bil.	Item	Min	Sp
1	Saya percaya akan memperolehi gred cemerlang dalam subjek <i>Hifz al-Qur'an</i>	4.04	.81
2	Saya pasti dapat melalui proses menghafaz paling sukar dalam penghafazan al-Qur'an	3.98	.84
3	Saya yakin dapat menguasai silibus (<i>muqarrar</i>) subjek <i>Hifz al-Qur'an</i> setiap semester	4.23	.79
4	Saya yakin dapat menghafaz al Quran sekalipun pada ayat-ayat yang paling rumit diingati	4.14	.78
5	Saya yakin boleh melaksanakan setiap ujian subjek <i>Hifz al-Qur'an</i> dengan cemerlang	3.73	.78
6	Saya jangka boleh berjaya dalam ujian–ujian subjek <i>Hifz al-Qur'an</i>	3.87	.78
7	Saya pasti dapat menguasai ujian subjek <i>Hifz al-Qur'an</i> dalam semester ini	4.03	.84
8	Saya rasa boleh, untuk menguasai subjek <i>Hifz al-Qur'an</i>	4.17	.74
Jumlah		4.02	0.8

Jadual 4.9 mendapati jumlah min keseluruhan item dicatatkan sebagai nilai min= 3.97 dan sp= 0.89. Bacaan min item paling tinggi ialah item kedua, iaitu “saya memikirkan kesan buruk yang saya perlu hadapi sekiranya saya gagal dalam ujian subjek *Hifz al-Qur'an*”, (min= 4.49, sp= .69), manakala bacaan min item terendah

pula ialah item ketiga, iaitu “saya rasa kurang selesa ketika mengambil ujian subjek *Hifz al-Qur'an* lisan (*syafawī*) atau bertulis (*tahrīrī*)” yang merekodkan interpretasi min tahap sederhana rendah (min= 2.89, sp= 1.18).

Jadual 4.9

<i>Kesediaan dalaman (Afektif: Kebimbangan)</i>			
Bil.	Item	Min	Sp
1	Saya teringat-ingat soalan ujian yang tidak dapat dijawab sebaik sahaja selesai ujian subjek <i>Hifz al-Qur'an</i>	4.01	.92
2	Saya memikirkan kesan buruk yang saya perlu hadapi sekiranya saya gagal dalam ujian subjek <i>Hifz al-Qur'an</i>	4.49	.69
3	Saya rasa kurang selesa ketika mengambil ujian subjek <i>Hifz al-Qur'an</i> lisan (<i>syafawī</i>) atau bertulis (<i>tahrīrī</i>)	2.89	1.18
4	Saya berdebar ketika mengambil ujian dalam subjek <i>Hifz al-Qur'an</i>	4.47	.77
Jumlah		3.97	0.89

4.3.2 Tahap Strategi Pembangunan Dalaman Terhadap Pencapaian Subjek *Hifz al-Qur'an*

Bahagian ini menerangkan dapatan berkenaan tahap strategi pembangunan dalaman. Jumlah kesemua item yang dibentangkan ialah 14. Interpretasi deskriptif ditunjukkan melalui skor min dan sisihan piawai. Analisis tahap strategi pembangunan dalaman diukur dengan empat tahap nilai min, iaitu rendah (1.00-2.00), sederhana rendah (2.01-3.00), sederhana tinggi (3.01-4.00) dan tinggi (4.01-5.00).

Strategi pembangunan dalaman pelajar tahfiz adalah salah satu komponen kesediaan dalaman yang dianalisis secara deskriptif sebagaimana yang ditunjukkan dalam Jadual 4.10. Taburan keseluruhan bagi item-item dalam strategi pembangunan dalaman pelajar tahfiz berada pada tahap sederhana tinggi (min= 3.99, sp= 0.81). Bacaan min tertinggi ialah item keempat, iaitu “saya percaya bahawa al-Qur'an adalah nilai-nilai positif dalam hidup saya” (min= 4.66, sp=0.53), manakala bacaan min

terendah ialah item ketujuh, iaitu “saya risau proses *tasmi*’ dengan pensyarah yang telah ditetapkan setiap hari” dengan interpretasi min pada tahap sederhana tinggi (min= 3.05, sp=1.19).

Jadual 4.10

Strategi pembangunan dalaman

Bil.	Item	Min	Sp
1	Saya tidak pasti keupayaan saya untuk mencapai apa yang dirancang dalam menghafaz al-Qur’an	3.06	1.03
2	Apabila saya melakukan sesuatu, saya meletakkan dalam fikiran bahawa saya perlu melakukan usaha sedaya upaya yang mungkin untuk menahan kesukaran sehingga mencapai matlamat	4.23	0.67
3	Hafaz al-Qur’an adalah apa yang saya mahu dalam hidup saya	4.30	0.76
4	Saya percaya bahawa al-Qur’an adalah nilai-nilai yang positif dalam hidup saya	4.66	0.53
5	Menganugerahkan hadiah kepada diri sendiri atas apa yang dilakukan secara berterusan, untuk menjaga diri saya dalam bulatan fokus. Contoh: Apabila menghafaz ayat-ayat yang telah ditetapkan pada waktunya saya akan membenarkan diri saya berehat	4.09	0.83
6	Saya yakin dan percaya, bahawa saya harus bekerja keras menggunakan segala tenaga, bakat dan kebolehan supaya berjaya dalam mengekalkan apa yang dirancang	4.32	0.69
7	Saya risau proses <i>tasmi</i> ’ dengan pensyarah yang telah ditetapkan setiap hari.	3.05	1.19
8	Apabila perkara-perkara baru yang tidak dijangka mengancam matlamat yang ditetapkan oleh diri saya dalam menghafaz al-Qur’an, saya cuba untuk meletakkan sasaran baru dan bergerak dalam perancangan baru	3.83	0.85
9	Hadiah yang besar ke atas diri bilamana dapat melaksanakan apa yang telah dirancang melambangkan satu kepuasan	4.36	0.76
10	Saya cenderung untuk melakukan secara sederhana daripada usaha dalam menghafaz al-Qur’an manakala selebihnya adalah reda guru dan reda ibu-bapa	3.64	1.01

Sambungan...			
11	Saya sering memberi tumpuan kepada apa yang sukar dicapai kerana bimbang tidak dapat mencapai matlamat dalam menghafaz al-Qur'an	3.88	0.82
12	Saya meletakkan pandangan/wawasan yang jelas dan kuat untuk kejayaan saya pada masa yang akan datang sebelum bermula dengan objektif yang baru	3.90	0.76
13	Saya mendapat dorongan-dorongan dari pihak tertentu dalam menghafaz al-Qur'an	4.16	0.71
14	Saya mempunyai minat yang tinggi dalam menghafaz al-Qur'an	4.35	0.73
Jumlah		3.99	0.81

4.3.3 Tahap Strategi Latihan Terhadap Pencapaian Subjek *Hifz al-Qur'an*

Bahagian ini menerangkan dapatan kajian objektif keempat berkenaan tahap strategi latihan. Interpretasi deskriptif ditunjukkan dengan laporan skor min dan sisihan piawai. Interpretasi deskriptif strategi latihan melibatkan hasil dapatan 37 item dan dilaporkan mengikut atribut-atribut bagi pemboleh ubah strategi latihan. Analisis tahap strategi latihan diukur dengan empat tahap nilai min, iaitu rendah (1.00-2.00), sederhana rendah (2.01-3.00), sederhana tinggi (3.01-4.00) dan tinggi (4.01-5.00).

Analisis secara deskriptif bagi komponen strategi latihan (atribut strategi kognitif: elemen latihan) dijelaskan dalam Jadual 4.11. Data keseluruhan bahagian ini menunjukkan skor min pada tahap sederhana tinggi (min= 3.84, sp= 0.87). Jumlah min tertinggi ialah item pertama, iaitu “saya mengulang hafazan yang dihafal secara berulang kali” (min= 4.24, sp= .72) dan item yang menunjukkan jumlah min terendah ialah item ke-tiga, iaitu “saya menyenaraikan perkara penting yang perlu dilakukan dalam menghafaz al-Qur'an” (min= 3.39, sp= .95).

Jadual 4.11

<i>Strategi latihan (Strategi Kognitif: Latihan)</i>			
Bil.	Item	Min	Sp
1	Saya mengulang hafazan yang dihafal secara berulang kali	4.24	.72
2	Saya menghafal kata kunci untuk mengingatkan ayat-ayat al-Qur'an	3.88	.93
3	Saya menyenaraikan perkara penting yang perlu dilakukan dalam menghafaz al-Qur'an	3.39	.95
Jumlah		3.84	0.87

Analisis keseluruhan data bagi strategi latihan yang mewakili atribut strategi kognitif: elemen penghuraian (Jadual 4.12) mempunyai tahap interpretasi yang sederhana tinggi (min= 3.40, sp= 1.01). Data min tertinggi ialah item ke-dua, iaitu “saya mengaitkan subjek *Hifz al-Qur'an* dengan ilmu-ilmu lain” (min= 3.70, sp= 0.98) serta data min terendah ialah item ke-empat, iaitu “saya mencatat secara ringkas tentang teknik-teknik menghafaz daripada pembacaan dan nota kelas” (min= 3.14, sp= 1.04).

Jadual 4.12

<i>Strategi latihan (Strategi kognitif: Penghuraian)</i>			
Bil.	Item	Min	Sp
1	Saya menggabungkan maklumat daripada sumber-sumber berlainan ketika <i>muraja'at</i> subjek <i>Hifz al-Qur'an</i>	3.25	.99
2	Saya mengaitkan teknik menghafaz dalam subjek <i>Hifz al-Qur'an</i> dengan subjek lain	3.47	1.05
3	Saya mengaitkan subjek <i>Hifz al-Qur'an</i> dengan ilmu-ilmu lain	3.70	0.98
4	Saya mencatat secara ringkas tentang teknik-teknik menghafaz daripada pembacaan dan nota kelas	3.14	1.04
5	Saya mengaitkan subjek <i>Hifz al-Qur'an</i> dengan bahan bacaan tambahan saya	3.36	0.95
6	Saya menggunakan strategi menghafaz al-Qur'an ketika mempelajari subjek lain	3.46	1.02
Jumlah		3.40	1.01

Strategi kognitif: penyusunan adalah salah satu komponen dalam strategi latihan dianalisis secara deskriptif sebagaimana yang ditunjukkan dalam Jadual 4.13. Dalam

Jadual 4.13, taburan atribut strategi kognitif: elemen penyusunan berada pada tahap yang sederhana tinggi (min= 3.66, sp= 0.91). Hasil dapatan min tertinggi ialah item ke-dua, iaitu “saya mencari teknik-teknik penting dikuasai ketika *murāja‘at* subjek *Ḥifẓ al-Qur‘an*” (min= 3.93, sp= 0.77) dan hasil min terendah ialah item ke-tiga, iaitu “saya membuat carta ringkas atau jadual bagi membantu menyusun matlamat dalam subjek *Ḥifẓ al-Qur‘an*” (min= 3.44, sp= 1.00).

Jadual 4.13

<i>Strategi latihan (Strategi kognitif: Penyusunan)</i>			
Bil.	Item	Min	Sp
1	Saya merangka (<i>mapping</i>) subjek hafazan untuk membantu menyusun matlamat saya	3.60	.97
2	Saya mencari teknik-teknik penting dikuasai ketika <i>murāja‘at</i> subjek <i>Ḥifẓ al-Qur‘an</i>	3.93	.77
3	Saya membuat carta ringkas atau jadual bagi membantu menyusun matlamat dalam subjek <i>Ḥifẓ al-Qur‘an</i>	3.44	1.00
Jumlah		3.66	0.91

Analisis mendapati atribut strategi kognitif: elemen pemikiran kritis yang ditunjukkan dalam Jadual 4.14 mempunyai tahap interpretasi sederhana tinggi (min= 3.81, sp= 0.86). Nilai min tertinggi ialah item ketiga, iaitu “saya menggunakan teknik menghafaz sendiri” (min= 4.05, sp= 0.93) dan nilai min terendah ialah item pertama, iaitu “saya bertanyakan diri sendiri tentang subjek yang dihafaz bagi menguji kemantapan hafazan” (min= 3.65, sp= 0.81).

Jadual 4.14

<i>Strategi latihan (Strategi kognitif: Pemikiran kritis)</i>			
Bil.	Item	Min	Sp
1	Saya bertanyakan diri sendiri tentang subjek yang dihafaz bagi menguji kemantapan hafazan	3.65	.81
2	Saya mencari bahan sokongan yang baik terhadap <i>Ḥifẓ al-Qur‘an</i>	3.72	.85
3	Saya menggunakan teknik menghafaz sendiri	4.05	.93

Atribut strategi metakognitif dalam elemen regulasi sendiri merupakan salah satu komponen yang dibincangkan dalam strategi latihan (Jadual 4.15). Data keseluruhan menunjukkan tahap interpretasi sederhana tinggi (min= 3.87, sp= 0.85). Nilai min tertinggi ialah item ke-dua, iaitu “saya cuba menyelesaikan masalah dengan mengulang semula ayat hafazan jika ayat hafazan masih belum diingati” (min= 4.26, sp= 0.66) dan nilai min terendah ialah item ke-sembilan, iaitu “saya akan menyelesaikan kekeliruan tentang ayat-ayat yang dihafaz sebaik sahaja kelas tamat” (min= 3.30, sp= 0.95).

Jadual 4.15

Strategi latihan (Strategi metakognitif: Regulasi sendiri)

Bil.	Item	Min	Sp
1	Pertanyaan kepada pensyarah berkenaan subjek <i>Hifz al-Qur'an</i> dapat meningkatkan perhatian saya kepada tugas yang dibawa	3.86	.87
2	Saya cuba menyelesaikan masalah dengan mengulang semula ayat hafazan jika ayat hafazan masih belum diingati	4.26	.66
3	Saya menukar cara menghafaz jika sukar menghafaz sesuatu ayat	3.96	.86
4	Saya membaca seimbis lalu (<i>scanning</i>) untuk melihat corak penyusunan hafazan sebelum <i>muraja'at</i> keseluruhan	3.91	.90
5	Saya menguji diri saya pada ayat-ayat tertentu bagi memastikan saya menguasai subjek <i>Hifz al-Qur'an</i>	3.86	.89
6	Saya menukar cara menghafaz bagi menyesuaikan diri dengan subjek <i>Hifz al-Qur'an</i>	3.65	.94
7	Saya cuba mengenal pasti hafazan yang tidak dikuasai	3.97	.80
8	Saya menetapkan matlamat bagi memastikan halatuju saya dalam menghafaz al-Qur'an	4.06	.74
9	Saya akan menyelesaikan kekeliruan tentang ayat-ayat yang dihafaz sebaik sahaja kelas tamat	3.30	.95
Jumlah		3.87	0.85

Hasil analisis keseluruhan data bagi strategi latihan yang mewakili atribut strategi pengurusan sumber, iaitu elemen masa dan persekitaran (Jadual 4.16) mempunyai tahap interpretasi yang sederhana tinggi (min= 3.53, sp= 0.95). Nilai min paling tinggi ialah item ke-tiga, iaitu “saya sentiasa menghadiri kelas *tasmi*” (min= 4.31, sp= .86) dan nilai min paling rendah ialah item ke-lima “saya tidak mempunyai masa untuk *murāja‘at* hafazan sebelum peperiksaan” (min= 2.41, sp= 1.09) dengan tahap interpretasi sederhana rendah.

Jadual 4.16

<i>Strategi latihan (Strategi pengurusan sumber: Masa dan persekitaran)</i>			
Bil.	Item	Min	Sp
1	Saya menghafaz al-Qur'an di satu tempat yang boleh menumpukan perhatian sepenuhnya	4.09	.90
2	Saya memanfaatkan masa subjek <i>Hifz al-Qur'an</i> dengan sebaik-baiknya	3.82	.80
3	Saya sentiasa menghadiri kelas <i>tasmi</i>	4.31	.86
4	Saya tidak dapat meluangkan masa yang banyak untuk subjek <i>Hifz al-Qur'an</i> disebabkan aktiviti-aktiviti luar	3.04	1.11
5	Saya tidak mempunyai masa untuk <i>murāja‘at</i> hafazan sebelum peperiksaan	2.41	1.09
Jumlah		3.53	0.95

Hasil analisis bagi atribut strategi pengurusan sumber, iaitu elemen usaha merupakan salah satu komponen dalam strategi latihan (Jadual 4.17). Data keseluruhan menunjukkan tahap interpretasi yang sederhana rendah (min= 2.96, sp= 1.13). Item yang mencatat nilai min paling tinggi ialah item ke-tiga, iaitu “saya boleh meneruskan hafazan sehingga selesai walaupun rasa tidak bersemangat” (min= 3.64, sp= 1.01) dan item yang mencatat nilai min paling rendah ialah item ke-dua, iaitu “jika ayat yang dihafaz sukar, saya sama ada berputus asa atau membaca bahagian mudah sahaja” (min= 2.52, sp= 1.17).

Jadual 4.17

<i>Strategi latihan (Strategi pengurusan sumber: Usaha)</i>			
Bil.	Item	Min	Sp
1	Saya rasa malas sehinggakan saya berhenti sebelum habis menghafaz al-Qur'an seperti yang dirancang	2.71	1.22
2	Jika ayat yang dihafaz sukar, saya sama ada berputus asa atau membaca bahagian mudah sahaja	2.52	1.17
3	Saya boleh meneruskan hafazan sehingga selesai walaupun rasa tidak bersemangat	3.64	1.01
Jumlah		2.96	1.13

Analisis deskriptif dalam komponen strategi latihan, iaitu atribut strategi pengurusan sumber: elemen usaha ditunjukkan dalam Jadual 4.18. Data keseluruhan menunjukkan interpretasi tahap yang sederhana tinggi (min= 3.58, sp= 0.94). Nilai min tertinggi ialah item pertama, iaitu “saya berkongsi panduan-panduan menghafaz kepada rakan sekelas/rakan lain” (min= 3.77, sp= .89) dan nilai min terendah ialah item ke-dua, iaitu “saya meluangkan masa untuk berbincang berkenaan subjek *Hifz al-Qur'an* dengan kawan (min= 3.39, sp= 0.98).

Jadual 4.18

<i>Strategi latihan (Strategi pengurusan sumber: Rakan)</i>			
Bil.	Item	Min	Sp
1	Saya berkongsi panduan-panduan menghafaz kepada rakan sekelas/rakan lain	3.77	.89
2	Saya meluangkan masa untuk berbincang berkenaan subjek <i>Hifz al-Qur'an</i> dengan kawan	3.39	0.98
Jumlah		3.58	0.94

Analisis keseluruhan data dalam komponen strategi latihan, iaitu atribut strategi pengurusan sumber: elemen bantuan mempunyai interpretasi tahap yang sederhana tinggi (min= 3.47, sp= 0.97) (Jadual 4.19). Nilai min tertinggi ialah item ke-tiga, iaitu “saya mengenal pasti pelajar lain yang boleh membantu saya dalam subjek *Hifz al-Qur'an*” (min= 3.81, sp= 0.92) dan nilai min terendah ialah item pertama, iaitu

“saya bertanya pensyarah tentang ayat-ayat hafazan yang tidak berjaya dikuasai (min= 3.10, sp= .97).

Jadual 4.19

Strategi latihan (Strategi pengurusan sumber: Bantuan)

Bil.	Item	Min	Sp
1	Saya bertanya pensyarah tentang ayat-ayat hafazan yang tidak berjaya dikuasai	3.10	.97
2	Saya minta pertolongan rakan tentang ayat-ayat hafazan yang tidak dapat dikuasai	3.50	1.03
3	Saya mengenal pasti pelajar lain yang boleh membantu saya dalam subjek <i>Hifz al-Qur'an</i>	3.81	.92
Jumlah		3.47	0.97

4.3.4 Tahap Strategi Menghafaz al-Qur'an Terhadap Pencapaian Subjek *Hifz al-Qur'an*

Bahagian ini menerangkan dapatan kajian objektif kelima berkenaan tahap strategi menghafaz al-Qur'an. Interpretasi deskriptif dilaporkan dalam bentuk skor min dan sisihan piawai. Interpretasi deskriptif tahap strategi menghafaz al-Qur'an melibatkan hasil dapatan 54 item dan dibentangkan mengikut atribut-atribut bagi pemboleh ubah strategi menghafaz al-Qur'an. Analisis tahap kesediaan dalaman diukur dengan empat tahap nilai min, iaitu rendah (1.00-2.00), sederhana rendah (2.01-3.00), sederhana tinggi (3.01-4.00) dan tinggi (4.01-5.00).

Tahap strategi menghafaz al-Qur'an dalam kalangan pelajar tahfiz dibahagikan kepada beberapa elemen, iaitu adab menghafaz, proses *talaqqī*, teknik menghafaz, proses *murāja'at*, panduan menghafaz al-Qur'an dan ciri-ciri seorang *hāfiẓ/hāfiẓat*.

Analisis keseluruhan bagi komponen strategi menghafaz al-Qur'an berkaitan dengan adab menghafaz al-Qur'an diinterpretasikan sebagai tahap tinggi (Jadual 4.20) (min=

3.91, $sp = 1.01$). Nilai min tertinggi ialah item ke-lapan, iaitu “menghormati guru” (min= 4.65, $sp = .64$) dan nilai min terendah ialah item ke-enam, iaitu “melaksanakan solat *taqwiyyatul hifz*” (min= 1.80, $sp = 1.35$) dengan interpretasi tahap rendah.

Jadual 4.20

Strategi menghafaz al-Qur'an: Adab menghafaz al-Qur'an

Bil.	Item	Min	Sp
1	Adab Umum (Cth: Niat, ikhlas, suci bersih, berwuduk, mengadap kiblat, membaca <i>ta'awwudh</i> /doa khusus sebelum menghafaz)	4.29	1.00
2	Membaca al-Qur'an secara tartil	4.50	0.76
3	<i>Tadabbur</i> al-Qur'an dengan makna	3.79	1.14
4	Menghafaz al-Qur'an dengan suara indah	4.05	1.08
5	Tidak menghafaz ketika mengantuk	3.63	1.23
6	Melakukan solat <i>taqwiyyatul hifz</i>	1.80	1.35
7	Taat (Cth: Berdoa dan mengelak segala jenis perkara <i>laghā</i> , maksiat, <i>makruhāt</i> dan <i>syubhat</i>)	3.93	1.08
8	Menghormati guru	4.65	0.64
9	Pemakanan halal	4.54	.77
Jumlah		3.91	1.01

Elemen proses *talaqqī* merupakan salah satu komponen dalam atribut strategi menghafaz al-Qur'an(Jadual 4.21). Data keseluruhan menunjukkan interpretasi tahap yang tinggi (min= 3.96, $sp = 1.18$). Nilai min tertinggi ialah item pertama, iaitu “melancarkan bacaan sebelum *tasmi*” (min= 4.64, $sp = .71$) dan item ke-dua, iaitu “*talaqqī* dengan guru” mencatatkan nilai min yang lebih rendah (min= 3.27, $sp = 1.64$).

Jadual 4.21

Strategi menghafaz al-Qur'an: Proses talaqqī

Bil.	Item	Min	Sp
1	Melancarkan bacaan sebelum <i>tasmi'</i>	4.64	.71
2	<i>Talaqqī</i> dengan guru	3.27	1.64
Jumlah		3.96	1.18

Analisis Jadual 4.22 mendapati min keseluruhan bagi elemen teknik menghafaz al-Qur'an sebagai komponen dalam pemboleh ubah strategi menghafaz al-Qur'an menjelaskan interpretasi tahap yang tinggi (min= 3.41=9, sp= 1.29). Nilai min tertinggi ialah item ke-tiga, iaitu “tidak menukar muṣḥaf lain” (min= 4.08, sp= 1.28) dan nilai min terendah ialah item ke-empat belas “peta minda (*mindmapping*)” (min= 1.59, sp= 1.37) dengan tahap interpretasi rendah

Jadual 4.22

Strategi menghafaz al-Qur'an: Teknik menghafaz al-Qur'an

Bil.	Item	Min	Sp
1	Matlamat Harian	4.01	1.10
2	Istiqamat menghafaz setiap hari	4.37	0.82
3	Tidak menukar muṣḥaf lain	4.08	1.28
4	Teknik <i>chunking</i>	4.02	1.31
5	Memahami maksud	3.98	1.03
6	gambaran imej (<i>Visual imagery</i>)	3.69	1.39
7	Pengulangan 10 kali atau lebih	3.33	1.34
8	Teknik mendengar	3.47	1.29
9	Rakaman suara	2.40	1.51
10	Berpasangan dengan kawan	3.31	1.40
11	<i>Halaqat</i>	3.10	1.55
12	Menulis sebelum/selepas menghafaz	2.93	1.45
13	Menghafaz sebelum tidur	3.58	1.31
14	Peta minda (<i>Mindmapping</i>)	1.59	1.37
15	Gundalan	4.02	1.29
16	Imbasan yakni mengimbas sekali lalu mukasurat tertentu (<i>scanning</i>)	4.01	1.14
Jumlah		3.49	1.29

Kajian ini mendapati responden memberikan maklum balas tahap tinggi bagi item yang mengukur elemen proses *tasmi'* yang merupakan salah satu komponen dalam atribut strategi menghafaz al-Qur'an (Jadual 4.23). Nilai min diperolehi mencatatkan interpretasi tahap yang tinggi (min= 4.70, sp= .64) pada item "*tasmi'* hafazan dengan guru".

Jadual 4.23

<i>Strategi menghafaz al-Qur'an (Proses tasmi')</i>			
Bil.	Item	Min	Sp
1	<i>Tasmi'</i> hafazan dengan guru	4.70	.64
2	Jumlah	4.70	.64

Jadual 4.24 menunjukkan bahawa nilai min bagi keseluruhan bagi elemen proses *murāja'at* diinterpretasikan sebagai tahap sederhana tinggi (min= 3.61, sp= 1.81). Nilai min tertinggi ialah item ke-enam, iaitu "pemantauan guru" (min= 4.01, sp= 1.12) dengan interpretasi tahap tinggi serta nilai min terendah ialah item ke-empat, iaitu "berlatih jadi Imam" (min= 3.04, sp= 1.42) dengan interpretasi tahap sederhana rendah.

Jadual 4.24

<i>Strategi menghafaz al-Qur'an (proses murāja'at)</i>			
	Item	Min	Sp
1	Pengulangan 10 kali atau lebih	3.42	1.26
2	Menjaga hafalan baru dan lama	3.50	1.06
3	Panduan mengekalkan hafalan	3.52	1.13
4	Berlatih jadi Imam	3.04	1.42
5	<i>Murāja'at</i> dalam kelas	3.92	1.07
6	Pemantauan guru	4.01	1.12
7	Motivasi	3.71	1.20
8	<i>Murāja'at</i> bersama rakan	3.68	1.21
9	<i>Murāja'at</i> luar kelas	3.66	1.16

Sambungan...

Jumlah	3.61	1.81
---------------	-------------	-------------

Analisis keseluruhan elemen panduan menghafaz al-Qur'an bagi komponen pemboleh ubah strategi menghafaz al-Qur'an dicatatkan sebagai interpretasi tahap yang sederhana tinggi (min= 3.65, sp= 1.13) (Jadual 4.25). Nilai min paling tinggi ialah item ke-dua “berdamping dengan para penghafaz al-Qur'an” (min= 4.26, sp= 0.98) dan nilai min terendah ialah item ke-sebelas, iaitu “mampu menyemak al-Qur'an secara terbalik” (min= 1.98, sp= 1.46) dengan interpretasi tahap rendah.

Jadual 4.25

Strategi menghafaz al-Qur'an (panduan menghafaz al-Qur'an)

Bil.	Item	Min	Sp
1	<i>Mujahada</i> serta sabar dalam mencapai matlamat	4.09	0.96
2	Berdamping dengan para penghafaz al-Qur'an	4.26	0.98
3	Buku rekod	3.52	1.42
4	Mengulang dengan pasangan	3.50	1.39
5	Membaca dalam solat	3.66	1.11
6	Menjaga makanan dari yang haram dan <i>syubhat</i>	4.17	1.04
7	Menjaga pancaindera daripada maksiat	3.87	0.98
8	Menjaga pergaulan	4.06	0.96
9	Nampak kedudukan ayat	3.93	0.98
10	Hafazan yang dihafaz mampu dibaca dalam semua situasi secara spontan	3.12	1.17
11	Mampu menyemak al-Qur'an secara terbalik	1.98	1.46
Jumlah		3.65	1.13

Analisis keseluruhan dalam komponen elemen ciri-ciri *ḥāfīz/ḥāfīzat* (Jadual 4.26) mempunyai interpretasi tahap yang tinggi (min= 3.98, sp= 0.91). Nilai min tertinggi ialah item pertama, iaitu mempunyai matlamat untuk menamatkan hafazan” (min= 4.48, sp= .83) dan nilai min terendah ialah item ke-enam, iaitu “pengurusan masa yang sistematik” (min= 3.57, sp= 1.02).

Jadual 4.26

Strategi Menghafaz al-Qur'an (Ciri-ciri Hāfīz/Hāfīzat)

Bil.	Item	Min	Sp
1	Mempunyai matlamat untuk menamatkan hafazan	4.48	.83
2	Fokus yang tinggi	4.01	.88
3	Mempraktikkan amalan fardu dan sunah	3.97	0.95
4	Sabar	4.17	.86
5	Mampu melawan hawa nafsu	3.68	.92
6	Pengurusan masa yang sistematik	3.57	1.02
Jumlah		3.98	0.91

Kesediaan dalaman menonjolkan purata nilai min tertinggi (min= 4.74, sp= 0.48), iaitu elemen sikap, strategi pembangunan dalaman menunjukkan nilai min tertinggi (min= 4.66, sp= 0.53), iaitu konotasi nilai, strategi latihan menunjukkan purata nilai min tertinggi (min= 3.87, sp= 0.85), iaitu elemen regulasi sendiri dan purata nilai min tertinggi strategi menghafaz al-Qur'an (min= 3.98, sp= 0.91), iaitu elemen ciri-ciri *hāfīz/hāfīzat*.

4.4 Objektif Ketiga

Bahagian ini menerangkan dapatan kajian objektif ketiga berkenaan perbezaan pencapaian subjek *Hifz al-Qur'an*. Ujian t-sampel bebas digunakan bagi membandingkan min bagi kategori jantina dan juga lokasi tempat tinggal.

4.4.1 Perbezaan Pencapaian Subjek *Hifz al-Qur'an* Berdasarkan Aspek Demografi

H₀₁: Tidak terdapat perbezaan pencapaian subjek *Hifz al-Qur'an* signifikan berdasarkan aspek jantina.

H₀₂: Tidak terdapat perbezaan pencapaian subjek *Hifz al-Qur'an* signifikan berdasarkan aspek lokasi tempat tinggal.

Jadual 4.27 menunjukkan hasil analisis ujian t-sampel bebas bagi pencapaian berpandukan kepada jantina. Keputusan ini telah memenuhi andaian kehomogenan varians antara responden yang melibatkan pelajar lelaki dan pelajar perempuan dalam pencapaian subjek *Hifz al-Qur'an*.

i) Perbezaan Pencapaian Subjek *Hifz al-Qur'an* Dalam Kalangan Pelajar Tahfiz Berdasarkan Aspek Jantina

Ujian Levene adalah tidak signifikan ($p > .05$). Keputusan ini telah memenuhi andaian kehomogenan varians antara pelajar tahfiz lelaki dan perempuan dalam pencapaian subjek *Hifz al-Qur'an*. Kajian mendapati perbezaan min pencapaian antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan adalah signifikan ($t(296) = -4.08, p = 0.00$) secara statistik. Dapatan ini menyebabkan hipotesis H_{01} ditolak, iaitu terdapat perbezaan yang signifikan dalam pencapaian subjek *Hifz al-Qur'an* antara pelajar perempuan (min = 3.46, $sp = 0.66$) dengan pelajar lelaki (min = 3.07, $sp = 0.95$). Dapatan ini bermaksud pelajar perempuan menunjukkan pencapaian yang lebih baik daripada pelajar lelaki.

Jadual 4.27

Ujian-t Sampel Bebas Bagi Jantina							
	Pemboleh ubah	N	Min	Sp	Perbezaan Min	Nilai t	P
Jantina	Lelaki	154	3.06	0.95	0.4	-4.076	0.00*
	Perempuan	144	3.46	0.66			

* signifikan pada $p < 0.05, dk = 296$

ii) Perbezaan Pencapaian Subjek *Hifz al-Qur'an* Dalam Kalangan Pelajar Tahfiz Berdasarkan Aspek Lokasi Tempat Tinggal

Ujian Levene adalah tidak signifikan ($p > .05$). Keputusan ini telah memenuhi andaian kehomogenan varians antara pelajar tahfiz luar bandar dan bandar dalam pencapaian subjek *Hifz al-Qur'an*. Ujian-t Sampel Bebas adalah signifikan ($t(296) = 2.03, p = 0.02$). Dapatan ini membolehkan hipotesis H_{02} ditolak, iaitu terdapat perbezaan yang signifikan dalam pencapaian subjek *Hifz al-Qur'an* antara pelajar bandar (min = 3.36, sp = 0.76) dengan pelajar luar bandar (min = 3.16, sp = 0.91). Dapatan ini menunjukkan bahawa pencapaian pelajar tahfiz yang datang daripada kawasan bandar lebih baik daripada pencapaian pelajar tahfiz yang datang daripada kawasan luar bandar.

Jadual 4.28

Ujian-t Sampel Bebas Bagi Lokasi Tempat Tinggal

Pemboleh ubah		N	Min	Sp	Perbezaan Min	Nilai t	P
Lokasi tempat tinggal	Bandar	142	3.36	0.76	0.2	2.03	0.02*
	Luar Bandar	156	3.16	0.91			

* signifikan pada $p < 0.05, dk = 296$

Terdapat perbezaan signifikan bagi skor min pencapaian subjek *Hifz al-Qur'an* dengan pemboleh ubah jantina dan lokasi tempat tinggal.

4.5 Objektif Keempat

Bahagian ini menerangkan dapatan kajian objektif keempat berkenaan hubungan antara kesediaan dalaman, strategi pembangunan dalaman pelajar tahfiz, strategi latihan dan strategi menghafaz al-Qur'an dengan pencapaian subjek *Hifz al-Qur'an*. Ujian Korelasi Pearson digunakan bagi memenuhi tujuan tersebut.

4.5.1 Hubungan Antara Kesediaan Dalam, Strategi Pembangunan Dalam Pelajar Tahfiz, Strategi Latihan dan Strategi Menghafaz al-Qur'an dengan Pencapaian Subjek *Hifz al-Qur'an* Dalam Kalangan Pelajar Tahfiz

H₀₃: Tidak terdapat hubungan signifikan antara kesediaan dalaman dengan pencapaian subjek *Hifz al-Qur'an*.

H₀₄: Tidak terdapat hubungan signifikan antara strategi pembangunan dalaman pelajar tahfiz dengan pencapaian subjek *Hifz al-Qur'an*.

H₀₅: Tidak terdapat hubungan signifikan antara strategi latihan dengan pencapaian subjek *Hifz al-Qur'an*.

H₀₆: Tidak terdapat hubungan signifikan antara strategi menghafaz al-Qur'an dengan pencapaian subjek *Hifz al-Qur'an*.

Bagi tujuan menentukan kekuatan hubungan, kajian ini merujuk kepada Cohen (1988) yang mencadangkan garis panduan yang ditunjukkan dalam Jadual 4.29 berikut.

Jadual 4.29

Tafsiran Pekali Korelasi

Saiz	Penerangan
$r = .10$ hingga $.29$ atau $r = -.10$ hingga $-.29$	Lemah
$r = .30$ hingga $.49$ atau $r = -.30$ hingga $-.49$	Sederhana
$r = .50$ hingga 1.0 atau $r = -.50$ hingga -1.0	Kuat

(Sumber: Cohen, 1988)

Kajian ini mendapati (Jadual 4.30), nilai pekali korelasi r bagi hubungan kesediaan dalaman dengan pencapaian subjek *Hifz al-Qur'an* adalah bersamaan dengan 0.167 ($p = 0.00$). Disebabkan nilai $p = 0.001$ adalah lebih kecil dari 0.05, maka H₀₃ ini ditolak. Hal ini bermakna terdapat hubungan positif yang signifikan antara kesediaan

dalam dengan pencapaian subjek *Hifz al-Qur'an*. Merujuk kepada tafsiran pekali korelasi (Jadual 4.29), kekuatan hubungan yang dikenal pasti adalah lemah.

Ujian korelasi juga menunjukkan antara strategi pembangunan dalam pelajar tahfiz dengan pencapaian subjek *Hifz al-Qur'an* tidak mempunyai hubungan yang signifikan dengan nilai pencapaian keseluruhan -0.006 ($p = 0.91$). Disebabkan nilai $p = 0.91$ adalah lebih besar dari 0.05 , maka H_{04} (hipotesis nul) diterima. Hal ini bermakna tidak terdapat hubungan yang signifikan antara strategi pembangunan dalam pelajar tahfiz dengan pencapaian subjek *Hifz al-Qur'an*.

Selain itu, analisis turut menjelaskan antara strategi latihan dengan pencapaian subjek *Hifz al-Qur'an* tidak mempunyai hubungan yang signifikan dengan pencapaian keseluruhan 0.105 ($p = 0.071$). Disebabkan nilai $p = 0.071$ adalah lebih besar dari 0.05 , maka H_{05} (hipotesis nul) diterima. Analisis menunjukkan tidak terdapat hubungan signifikan antara strategi latihan dengan pencapaian subjek *Hifz al-Qur'an*.

Ujian korelasi merekodkan antara strategi menghafaz al-Qur'an dengan pencapaian *Hifz al-Qur'an* mempunyai hubungan signifikan dengan pencapaian keseluruhan 0.139 ($P = 0.002$). Disebabkan nilai $p = 0.002$, maka H_{06} (hipotesis nul) ditolak. Data juga menjelaskan bahawa terdapat hubungan positif yang signifikan antara strategi menghafaz al-Qur'an dengan pencapaian subjek *Hifz al-Qur'an*. Berdasarkan tafsiran pekali korelasi (Jadual 4.29), kekuatan hubungan yang dikenal pasti adalah lemah.

Jadual 4.30

Hubungan antara Pemboleh Ubah Kesediaan Dalam, Strategi Pembangunan Dalam, Strategi latihan dan Strategi Menghafaz al-Qur'an

Pemboleh ubah bebas	Pencapaian Keseluruhan	P
Kesediaan Dalam	0.167	0.001*
Strategi Pembangunan Dalam Pelajar Tahfiz	0.006	0.91
Strategi latihan	0.105	0.07
Strategi Menghafaz al-Qur'an	0.139	0.002*

* signifikan pada $p < 0.05$

Dapatan kajian analisis hubungan antara kesediaan dalam, strategi pembangunan dalam pelajar tahfiz, strategi latihan dan strategi menghafaz al-Qur'an dengan pencapaian subjek *Hifz al-Qur'an* ditunjukkan dalam Jadual 4.30. Rumusan kajian menunjukkan bahawa kesediaan dalam dan strategi menghafaz al-Qur'an mempunyai korelasi dengan pencapaian subjek *Hifz al-Qur'an*. Hal ini kerana dapatan menolak hipotesis kajian berkaitan dengan kesediaan dalam dan strategi menghafaz al-Qur'an dengan pencapaian subjek *Hifz al-Qur'an*. Manakala dapatan strategi latihan dan strategi pembangunan dalam pelajar tahfiz telah menerima hipotesis, maka dapat disimpulkan bahawa pemboleh ubah tersebut tidak mempunyai korelasi dengan pencapaian subjek *Hifz al-Qur'an*.

4.6 Objektif Kelima

Bahagian ini menerangkan dapatan kajian objektif kelima berkenaan peramal utama pencapaian subjek *Hifz al-Qur'an* yang signifikan antara kesediaan dalam, strategi pembangunan dalam, strategi latihan dan strategi menghafaz al-Qur'an. Bagi memenuhi tujuan ini, hasil ujian regresi ditunjukkan dengan kesesuaian semua pemboleh ubah untuk digabungkan sebagai satu model bagi meramal pencapaian.

Selain itu, hasil dapatan turut melaporkan peramal utama pemboleh ubah dan elemen paling dominan dalam pencapaian subjek *Hifz al-Qur'an*.

4.6.1 Peramal yang signifikan antara kesediaan dalaman, strategi pembangunan dalaman, strategi latihan dan strategi menghafaz al-Qur'an terhadap pencapaian subjek *Hifz al-Qur'an*.

H₀₇: Tidak terdapat peramal yang signifikan antara kesediaan dalaman, strategi pembangunan dalaman, strategi latihan dan strategi menghafaz al-Qur'an terhadap pencapaian subjek *Hifz al-Qur'an*.

Kajian ini menggunakan analisis regresi pelbagai untuk menentukan faktor peramal terbaik yang menyumbang terhadap pencapaian subjek *Hifz al-Qur'an*. Jadual 4.31a menunjukkan min, sisihan piawai dan korelasi antara pemboleh ubah. Dapatan menunjukkan empat pemboleh ubah bebas mempunyai hubungan positif dan signifikan dengan pencapaian subjek *Hifz al-Qur'an* dan juga sesama pemboleh ubah bebas. Walau bagaimanapun, pemboleh ubah strategi latihan dan strategi pembangunan dalaman pelajar tahfiz dikenal pasti tidak mempunyai hubungan signifikan dengan pencapaian subjek *Hifz al-Qur'an*. Namun begitu, pemboleh ubah strategi pembangunan dalaman pelajar tahfiz menunjukkan hubungan positif dengan tiga pemboleh ubah bebas yang lain. Begitu juga dengan pemboleh ubah strategi latihan yang mempunyai hubungan positif dengan tiga pemboleh ubah bebas lain. Hal ini menunjukkan kesemua pemboleh ubah bebas adalah sesuai untuk digabungkan di dalam satu model bagi meramalkan pencapaian subjek *Hifz al-Qur'an* keseluruhan.

Seterusnya hasil analisis regresi pelbagai (Jadual 4.31b) menunjukkan regresi R berbeza daripada sifar adalah signifikan $F(4,293) = 4.128, p = .00$. Hal ini bermakna kombinasi pemboleh ubah kesediaan dalaman, strategi pembangunan dalaman pelajar tahfiz, strategi latihan dan strategi menghafaz al-Qur'an merupakan peramal kepada pencapaian subjek *Hifz al-Qur'an*. Kombinasi empat pemboleh ubah bebas ini menyumbang sebanyak 5.3% daripada varians pemboleh ubah bersandar, iaitu pencapaian subjek *Hifz al-Qur'an*. Dapatan ini juga menunjukkan, regresi R berbeza daripada sifar adalah signifikan yang mengesahkan bahawa wujudnya hubungan linear antara pencapaian dengan pemboleh ubah peramal.

Jadual 4.31a

Min, sisihan piawai dan korelasi antara pembolehubah peramal

Bil.		<i>M</i>	<i>SP</i>	1.	2.	3.	4
	Pencapaian Keseluruhan	3.25	0.85	.17*	.006	.105*	.139*
	Pemboleh ubah Peramal						
1	Kesediaan Dalaman			-	.648*	.514*	.407*
2	Strategi Dalaman				-	.528*	.262*
3	Strategi latihan					-	.500*
4	Strategi Menghafaz al-Qur'an						-

* $p < .05$

Selanjutnya, perincian koefisien efikasi sendiri (Jadual 4.31b) menunjukkan hanya pemboleh ubah kesediaan dalaman ($Beta = 0.239, p < .05$) dan pemboleh ubah strategi pembangunan dalaman ($Beta = -0.192, p < .05$) merupakan peramal utama kepada pencapaian hafazan semasa varians yang diterangkan oleh pemboleh ubah peramal lain di dalam model ini dikawal. Merujuk kepada nilai $Beta$ terbesar, pemboleh ubah kesediaan dalaman merupakan peramal terbaik pencapaian subjek *Hifz al-Qur'an*. Hal ini bermaksud, peningkatan satu nilai sisihan piawai pemboleh

ubah kesediaan dalaman akan meningkatkan nilai sisihan piawai pencapaian sebanyak 24%.

Jadual 4.31b

Analisis regresi pelbagai untuk peramal pencapaian keseluruhan

Bil.	Peramal Pencapaian Keseluruhan	B	Beta	Nilai t	P
1	Kesediaan Dalaman	0.57	0.239	3.00	0.03*
2	Strategi Pembangunan Dalaman	-0.44	-0.192	-2.44	0.02*
3	Strategi latihan	0.10	0.050	0.66	0.51
4	Strategi Menghafaz al-Qur'an	0.12	0.067	1.00	0.32
	Pemalar	1.80		2.87	0.04

*Nota: $R^2 = 0.53$; $F(4,293) = 4.128$; $p < .001$; * $p < .05$; ** $p < .01$*

Memandangkan pemboleh ubah kesediaan dalaman mempunyai beberapa atribut, iaitu sikap, nilai, jangkaan, afektif dan strategi pembangunan dalaman pelajar tahfiz, justeru analisis regresi lanjutan telah dilaksanakan bagi mengenal pasti elemen bagi pemboleh ubah kesediaan dalaman yang paling dominan meramal pencapaian.

Jadual 4.32a menunjukkan korelasi antara pemboleh ubah kesediaan dalaman, nilai min serta sisihan piawai. Adalah didapati, terdapat hubungan positif dan signifikan antara kesemua elemen kesediaan dalaman. Hal ini menjelaskan bahawa pemboleh ubah kesediaan dalaman boleh digabungkan sebagai satu model peramal pencapaian subjek *Hifz al-Qur'an*.

Jadual 4.32a

Min, sisihan piawai dan korelasi antara elemen efikasi sendiri dengan pemboleh ubah peramal

Bil.		M	SP	1.	2.	3.	4.	5.	6.	7.
	Pencapaian Keseluruhan Pemboleh ubah Peramal	3.26	0.85	0.16*	0.12*	0.03	0.13*	0.17*	0.27*	-0.72
1	Sikap			-	0.48*	0.17*	0.52*	0.60*	0.49*	0.13*

Sambungan...						
2	Intrinsik	-	0.22*	0.51*	0.64*	0.54* 0.16*
3	Ekstrinsik		-	0.17*	0.27*	0.35* 0.18*
4	Kawalan Kepercayaan			-	0.65*	0.55* 0.20*
5	Nilai Tugas				-	0.69* 0.22*
6	Efikasi Kendiri					- 0.11*
7	Kebimbangan					-

Selanjutnya, dapatan analisis regresi pelbagai seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4.32b menunjukkan regresi R berbeza daripada sifar adalah signifikan $F(7,290) = 4.054, p = .00$. Hal ini bermakna kombinasi elemen sikap, intrinsik, ekstrinsik, nilai tugas, kawalan kepercayaan, efikasi sendiri dan keseimbangan merupakan peramal kepada pencapaian. Kombinasi tujuh pemboleh ubah bebas ini menyumbang sebanyak 8.9% daripada varians pemboleh ubah bersandar, iaitu pencapaian subjek *Hifz al-Qur'an*. Dapatan ini juga menunjukkan, regresi R berbeza daripada sifar adalah signifikan yang mengesahkan bahawa wujudnya hubungan linear antara pencapaian dengan pemboleh ubah peramal.

4.32b

Jadual analisis regresi pelbagai untuk peramal pencapaian keseluruhan

Bil.	Peramal Pencapaian Keseluruhan	B	Beta	Nilai t	P
1	Sikap	0.149	0.064	0.884	0.377
2	Intrinsik	-0.045	-0.030	-.395	0.693
3	Ekstrinsik	-0.076	-0.059	-.966	0.335
4	Kawalan Kepercayaan	-0.046	-0.027	-0.347	0.729
5	Nilai Tugas	0.002	0.001	0.012	0.990
6	Efikasi Kendiri	0.431	0.299	3.608	0.000
7	Kebimbangan	-0.149	-0.095	-1.630	0.104

Sambungan...			
Pemalar	2.059	2.990	0.00

Nota: $R^2 = .089$; $F(7,290) = 4.054$; $p < .001$; $*p < .05$; $**p < .01$

Akhir sekali, perincian koefisien elemen efikasi sendiri (Jadual 4.36b) menunjukkan hanya elemen efikasi sendiri (Beta= 0.299, $p < .05$) merupakan penyumbang utama kepada pencapaian pencapaian subjek *Hifz al-Qur'an* semasa varians yang diterangkan oleh pemboleh ubah peramal lain di dalam model ini dikawal. Dapatan ini menunjukkan bahawa elemen efikasi sendiri dalam atribut jangkaan merupakan peramal terbaik pencapaian subjek *Hifz al-Qur'an*. Hal ini bermaksud, peningkatan satu nilai sisihan piawai elemen efikasi sendiri akan meningkatkan nilai sisihan piawai pencapaian sebanyak 29.9%.

4.7 Objektif Keenam

Objektif keenam dibahagikan kepada tiga bahagian, iaitu menjelaskan data kualitatif bagi instrumen temu bual pelajar dan temu bual pensyarah bagi faktor dalaman pelajar (kesediaan dalaman dan strategi pembangunan dalaman), menjelaskan data kualitatif bagi instrumen temu bual pelajar dan temu bual pensyarah bagi faktor luaran (strategi latihan dan strategi menghafaz al-Qur'an) dan menjelaskan data kualitatif bagi instrumen pemerhatian ke atas kelas subjek *Hifz al-Qur'an*.

Sampel pelajar bagi operasi temu bual ialah seramai lapan orang, iaitu empat pelajar lelaki dan empat pelajar perempuan. Menurut Chua (2011) bilangan minimum bagi responden data kualitatif temu bual ialah lima orang. Manakala operasi temu bual pensyarah diperolehi daripada seorang pensyarah subjek *Hifz al-Qur'an* dalam kalangan lelaki dan seorang pensyarah subjek *Hifz al-Qur'an* dalam kalangan perempuan. Bilangan ini dikira memadai kerana dicadangkan sendiri oleh pihak

Darul Quran atas kriteria pengalaman dalam bidang tahfiz dan sekaligus mempunyai reputasi yang cemerlang.

4.7.1 Data Temu Bual Pelajar Berkenaan Kesediaan Dalam dan Strategi Pembangunan Dalam Menguruskan Pembelajaran Tahfiz.

Beberapa tema yang diketengahkan ialah berkenaan dengan kesediaan dalam pelajar yang merangkumi beberapa elemen seperti sikap, intrinsik dan ekstrinsik, nilai tugas, kawalan kepercayaan, efikasi sendiri, afektif dan pembangunan dalam.

i) Data Temu bual Pelajar

Dapatan mengenai temu bual pelajar diterangkan mengikut tema beserta ciri-ciri tertentu yang dapat diketengahkan berdasarkan petikan-petikan temu bual berkaitan. Data temu bual merupakan sokongan kepada semua persoalan kajian kuantitatif. Justeru, analisis kualitatif berkenaan kesediaan dalam dan strategi pembangunan dalam pelajar tahfiz diperincikan mengikut atribut.

4.7.1.1 Data Temu Bual Pelajar Tahfiz Berkenaan Kesediaan Dalam

Data temu bual kesediaan dalam pelajar tahfiz dibahagikan kepada tiga atribut, iaitu nilai, jangkaan dan afektif pelajar tahfiz. Atribut nilai diperincikan kepada empat elemen, iaitu sikap, intrinsik dan ekstrinsik, serta nilai tugas.

4.7.1.1.1 Nilai

Atribut nilai dalam sesi temu bual diterangkan kepada tiga bahagian, iaitu elemen sikap, intrinsik dan ekstrinsik serta nilai tugas.

Berdasarkan temu bual pelajar yang telah dibuat, ciri sikap yang ditunjukkan ialah suka menghafaz secara lisan berbanding bertulis (M1), bersemangat (JJ1, MQ1, JJ2, J2, MQ2) dan rajin (M2). Data temu bual menunjukkan sikap yang positif terhadap kelas subjek *Hifz al-Qur'an*. Kelas subjek *Hifz al-Qur'an* dapat menggalakkan pelajar untuk lebih bersemangat serta menjiwai ayat-ayat al-Qur'anyang dihafaz. Namun begitu terdapat pelajar yang mempunyai kecenderungan menghafaz secara lisan melebihi kecenderungan menghafaz dengan teknik menulis semula (M1). Perkara ini jelas dikemukakan dalam perincian temu bual berkenaan sikap.

i) Sikap

“Saya suka mengikuti kelas hafazan lisan tetapi tidak untuk kelas bertulis...” (M1)

“Suka...sebab di kelas itulah, saya dapat banyak meluangkan masa dengan al-Qur'an berbanding masa lain...” (JJ1)

“Ya, kerana kelas memberi motivasi dan peluang untuk saya meneruskan hafazan al-Qur'an walaupun saya sememangnya lemah dalam menghafaz al-Qur'an,” (MQ1)

“Ya, kerana ia dapat meningkatkan hafazan dan mengulang secara tidak langsung” (M2)

“Ya, sedikit sebanyak ayat al-Qur'an yang dihafaz dapat diingat dengan mudah,” (JJ2)

“Ya, saya suka...subjek kegemaran,” (J2)

“Ya, kerana ia membantu saya menghayati Islam,” (MQ2)

Keadaan ini dibuktikan dengan pencapaian keseluruhan bagi kumulatif ujian lisan (*syafawī*) yang menunjukkan hasil lebih baik daripada kumulatif ujian bertulis (*tahrīrī*). Sebanyak 39.6% responden mencapai keputusan cemerlang dalam

pencapaian ujian lisan (*syafawī*) dan sebanyak 34.6% responden yang mencapai gred cemerlang dalam ujian bertulis (*tahrīrī*).

ii) Intrinsik dan Ekstrinsik

Ciri-ciri yang dapat diketengahkan melalui temu bual pelajar bagi elemen intrinsik ialah kemahuan (M1) dan azam (JJ1). Bagi elemen ekstrinsik pula ialah faktor diri (M1, JJ1) dan juga faktor keluarga (J1, M2, JJ2). Secara keseluruhannya, salah satu elemen intrinsik pelajar tahfiz yang belajar dalam bidang ini ialah kerana adanya kemahuan yang tinggi untuk belajar dalam tahfiz secara serius. Perincian temu bual sebagaimana berikut.

“Untuk menjadi penghafaz al-Qur’an,” (M1)

“Untuk menghafal al-Qur’an dan memahaminya,” (JJ1)

“Salah satu sebab adalah faktor masa depan keluarga,”
(J1)

“Mengetahui akan kelebihan mempelajari bidang al-
Qur’an di samping memenuhi permintaan ibu-bapa,”
(M2)

“Dorongan ayah dan ibu,” (JJ2)

Dapatan ini menyokong hasil analisis deskriptif melalui elemen intrinsik yang merekodkan skor min tahap tinggi bagi keseluruhan item (min= 4.25, sp= 0.55).

Manakala elemen ekstrinsik pelajar tahfiz yang belajar dalam bidang ini antaranya ialah melalui dorongan ibu bapa, matlamat untuk menjadi seorang penghafaz al-Qur’andan mempunyai azam untuk membela masa depan keluarga (J1). Namun begitu, terdapat juga pelajar tahfiz yang belajar kerana menjalankan ketaatan terhadap ibu-bapa mereka (JJ2). Dapatan ini menyokong analisis deskriptif berkenaan elemen ekstrinsik yang mencatatkan skor min tahap sederhana tinggi bagi keseluruhan item (min= 3.42, sp= 0.65).

iii) Nilai Tugas

Ciri-ciri nilai tugas yang dapat dipastikan berdasarkan temu bual pelajar ialah kepentingan diri (J1, JJ2, MQ2) dan juga kepentingan masyarakat (M1, M2, JJ2). Analisis dapatan temu bual berkenaan elemen nilai tugas menunjukkan bahawa pelajar tahfiz mempunyai kesedaran yang tinggi dalam menilai tugas menghafaz al-Qur'anyang dibawa. Dapatan boleh dibahagikan kepada dua ciri, iaitu nilai tugas yang menjelaskan kepentingan kepada diri dan kepentingan kepada masyarakat. Contoh kepentingan kepada diri ialah doa-doa sebelum melakukan sesuatu pekerjaan (MQ2), manakala kepentingan kepada masyarakat misalnya menyampaikan ilmu kepada yang memerlukan (JJ2). Kesedaran pelajar tahfiz dalam menilai sesuatu tugas yang dibawa tersebut mempunyai kaitan dengan minat. Al-Masyā'ilah (2010) menjelaskan minat sebagai satu unsur penting dalam meneruskan hafazan. Perincian temu bual sebagaimana berikut.

“Sangat penting dan boleh digunakan di tempat lain sebagai rujukan ayat-ayat al-Qur'an untuk masyarakat,” (M1)

“Ya, sangat berguna untuk masa depan,”(J1)

“Ia merupakan ilmu untuk kegunaan dunia dan akhirat dan ia boleh digunakan tempat lain kerana dapat menyampaikan ilmu tersebut kepada mereka yang tidak tahu,” (M2)

“Ya, penting. Apabila ada sebarang kekeliruan, al-Qur'an lah menjadi sumber rujukan yang utama,” (JJ2)

“Ya, penting kerana al-Qur'an telah merangkumi seluruh aspek kehidupan. Contoh: ada doa-doa sebelum melakukan sesuatu,”(MQ2)

Dapatan ini menyokong hasil dapatan deskriptif berkenaan elemen nilai tugas yang mencatatkan skor min pada tahap tinggi bagi keseluruhan item (min= 4.34, sp= 0.49). Antara yang spesifik ialah tentang minat (min= 4.50, sp= 0.67).

4.7.1.1.2 Jangkaan

Atribut jangkaan dalam sesi temu bual pelajar tahfiz diterangkan kepada dua bahagian, iaitu kawalan kepercayaan dan efikasi sendiri.

i) Kawalan Kepercayaan

Ciri-ciri kawalan kepercayaan dalam temu bual ini ialah kejayaan ditentukan oleh diri sendiri (M1), kejayaan didorong oleh orang lain (JJ2), kejayaan ditentukan oleh diri sendiri dan dorongan orang lain (JJ1) serta kejayaan ditentukan oleh diri, orang lain dan tawakal kepada Allah s.w.t..(MQ1, M2, J2, MQ2). Dapatan temu bual berkenaan elemen kawalan kepercayaan menunjukkan empat ciri penting. Ciri yang pertama ialah kejayaan ditentukan oleh diri sendiri (M1), yang kedua kejayaan juga ditentukan oleh penglibatan orang lain seperti guru, institusi dan sebagainya (JJ2). . Dapatan (JJ2) mempunyai perkaitan dengan faktor luaran (pengurusan sumber).Ciri yang ketiga ialah kejayaan ditentukan oleh gabungan dua unsur, iaitu diri dan juga orang lain (JJ1). Manakala ciri yang keempat ditunjukkan sebagai kesimpulan daripada kesemua ciri, iaitu meletakkan pergantungan kepada Allah s.w.t. setelah berusaha serta meletakkan keredaan ibu-bapa sebagai faktor asas penentu kejayaan..(MQ1, M2, J2, MQ2). Perincian temu bual sebagaimana berikut.

“Ya, kerana diri sendiri yang memainkan peranan untuk menghafaz dan menjaga hafazan,”(M1)

“Ya, dan juga orang lain,”(JJ1)

“Benar, kita boleh membuat pilihan, tetapi al-Qur’an ini diberikan dalam pelbagai keadaan kepada hamba-hamba Allah. Walaupun seseorang berusaha gigih tetapi boleh jadi dia tidak berjaya pada sijil tetapi berjaya pada sudut hakikat,”(MQ1)

“Saya merasakan bahawa berkat al-Qur’an dan ibu bapa faktor kejayaan saya kerana secara tidak langsung mendapat keredaan Allah sepanjang pembelajaran,” (M2)

“Tidak, pada saya, faktor kejayaan yang utama adalah daripada guru tasmi’. Andai guru tasmi’ mengambil ringan akan hafazan kami, maka tak terjalalah ayat yang dihafaz,”(JJ2)

“Tidak, kejayaan adalah berwasilah usaha + doa + tawakal tapi Allah yang beri kejayaan itu. Saya ambil bidang ni sebab saya dan nak dan nak,”(J2)

“Ya, kerana menghafal al-Qur’an adalah atas hasil usaha diri sendiri. Doa guru dan ibu bapa adalah sebagai pendorong,”(MQ2)

Dapatan ini menyokong hasil dapatan deskriptif berkenaan elemen kawalan kepercayaan yang merekodkan nilai min pada tahap tinggi (min= 4.45, sp= 0.66). Antara item-item yang dibincangkan ialah yakin boleh menguasai dan akan menguasai penghafazan sekiranya menghafaz dengan betul dan merasa bersalah sekiranya tidak dapat menghafaz dengan betul.

ii) Efikasi Kendiri

Ciri yang dapat dipastikan berdasarkan temu bual efikasi kendiri ialah usaha (M1, JJ2), pengorbanan (JJ1), persekitaran (J1) dan doa (M2). Dapatan kajian temu bual berkenaan elemen efikasi kendiri menjelaskan bahawa elemen ini merupakan komponen yang penting dalam mencapai kejayaan. Terdapat persamaan ciri antara kesemua data yang ditunjukkan, iaitu faktor usaha yang dapat mencetuskan

keyakinan mereka dalam menghafaz al-Qur'an (M1, JJ2). Sebahagian yang lain menggabungkan faktor usaha dengan pengorbanan (JJ1), persekitaran dan juga doa (J1, M2). Hasil temu bual sebagaimana berikut.

“Ya, dengan usaha yang berterusan, In Sya Allah,”(M1)

“Tak yakin sebab ia betul-betul memerlukan kesungguhan dan banyak pengorbanan,”(JJ1)

“In Shaa Allah dengan usaha dan persekitaran,”(J1)

“Yakin kerana dengan adanya usaha dan berkat doa dari orang terdekat dapat membantu saya menguasai subjek al-Qur'an,” (M2)

“Ya, saya yakin. Al-Qur'an yang dihafaz, wajib diulang nak atau tak, memang kena kuasai,”(JJ2)

Berhubung dengan analisis regresi lanjutan yang dipaparkan dalam Jadual 4.32b juga menunjukkan elemen efikasi sendiri merupakan peramal terbaik dalam pencapaian subjek *Hifz al-Qur'an* berbanding dengan peramal-peramal yang lain seperti elemen sikap, intrinsik, ekstrinsik, nilai tugasan, kawalan kepercayaan dan kebimbangan.

4.7.1.1.3 Afektif

Atribut Afektif diterangkan kepada satu elemen, iaitu kebimbangan.

i) Kebimbangan

Ciri yang dapat dipastikan menerusi temu bual berkenaan kebimbangan ialah kebimbangan yang positif (JJ1, MQ1, MQ2) dan yang kedua ialah kebimbangan yang negatif (M2, JJ2). Hasil analisa dapatan keseluruhan temu bual berkenaan elemen kebimbangan menunjukkan bahawa para pelajar perempuan lebih menunjukkan tahap kebimbangan berbanding pelajar lelaki. Misalnya dalam kajian lepas seperti Abdul hafiz, et al. (2008), pelajar perempuan dilihat lebih bimbang

dalam hafazan terutamanya sewaktu sesi ujian dan sesi *tasmi* dengan guru. Keadaan ini menimbulkan pengaruh yang kurang baik terhadap prestasi hafazan mereka, contohnya terlupa akan kepala ayat dan sebagainya seperti mana yang turut dijelaskan dalam sesi temu bual bersama salah seorang pelajar tahfiz perempuan (JJ2). Perincian temu bual sebagaimana berikut.

“Kadang-kadang. Sebab ia juga penentu sama ada saya dapat menghabiskan hafazan saya 30 juz atau tidak,”(JJ1)

“Tidak bimbang kerana bukanlah itu matlamatnya. Ada sedikit bimbang atas bisikan syaitan dan nafsu yang mengganggu niat asal hafaz al-Qur’an kerana Allah s.w.t.,”(MQ1)

“Ya, kerana itu perkara yang normal dan boleh jadi apa sahaja ayat yang saya sudah ulang, lupa serta-merta ketika ujian. Alhamdulillah setakat ini tidak pernah terjadi lagi,”(M2)

“Ya, takut tak lancar, berdebar sehingga tak boleh nampak kepala ayat,”(JJ2)

“Tidak, kerana ujian atau peperiksaan adalah wasilah untuk meningkatkan kualiti hafazan,”(MQ2)

Dapatan ini menyokong hasil kajian deskriptif dalam atribut afektif; kebimbangan yang merekodkan nilai keseluruhan pada tahap yang sederhana tinggi (min= 3.97, sp= 0.89) pada Jadual 4.11.

4.7.1.2 Data Temu bual Pelajar Tahfiz Berkenaan Strategi Pembangunan Dalaman Pelajar Tahfiz

Pemboleh ubah Strategi Pembangunan dalaman pelajar tahfiz diterangkan dalam satu atribut, iaitu pembangunan dalaman.

4.7.1.2.1 Pembangunan Dalaman

Ciri-ciri yang dapat dipastikan daripada temu bual berkenaan pembangunan dalaman ialah teknik menghafaz (M1, J2), suasana (J1, JJ2), penglibatan orang lain (MQ1, MQ2), kemampuan (M2) dan pengalaman menghafaz (JJ1, JJ2). Hasil dapatan temu bual berkenaan elemen strategi pembangunan dalaman pelajar tahfiz diterangkan secara umum melalui bentuk pembelajaran yang dipraktikkan dalam kelas. Analisis mendapati bahawa bentuk pembelajaran seperti juz permulaan menghafaz, suasana, penglibatan orang lain kepada diri, teknik menghafaz, kemampuan serta pengalaman bekas pelajar tahfiz merupakan komponen yang bersangkutan dengan pembangunan dalaman mereka. Dapat disimpulkan bahawa kesemua bentuk pembelajaran tersebut merupakan sumbangan kepada pembangunan dalaman seseorang pelajar tahfiz. Perincian temu bual tersebut sebagaimana berikut.

“Mula dengan menghafaz juz 30 dan 29,”(M1)

“Saya mula belajar menghafaz al-Qur’an di sekolah menengah kerana banyak madah yang perlu dihafal,”(JJ1)

“Suasana,”(J1)

“Saya belajar daripada ustaz, senior, rakan-rakan, kenalan, pelajar tahfiz, madrasah,”(MQ1)

“Menggunakan teknik sendiri berdasarkan pemerhatian dan kemampuan diri sendiri,” (M2)

“Hafaz mengikut suasana dan tanya orang-orang yang pernah hafaz,”(JJ2)

“Berbagai-bagai-bagai teknik saya guna,”(J2)

“Merujuk guru tasmi’/sahabat-sahabat yang telah menghafaz,”(MQ2)

Dapatan ini menyokong hasil analisis deskriptif berkenaan atribut strategi pembangunan dalaman pelajar tahfiz yang merekodkan nilai min keseluruhan pada tahap sederhana tinggi ($\text{min} = 3.99$, $\text{sp} = 0.81$).

i) Ringkasan Dapatan Temu bual Pelajar Tahfiz Berkenaan Kesediaan Dalaman dan Strategi Pembangunan Dalaman

Dapatan kajian temu bual berkenaan kesediaan dalaman merangkumi beberapa atribut seperti nilai yang menerangkan elemen sikap, intrinsik dan ekstrinsik serta nilai tugasan. Selain itu atribut jangkaan seperti elemen kawalan kepercayaan dan efikasi sendiri serta atribut afektif turut dianalisis. Atribut strategi pembangunan dalaman pelajar tahfiz juga menjadi topik bahasan temu bual.

Hasil dapatan merumuskan bahawa terdapat penjelasan dan sebab yang lebih terperinci daripada pelajar tahfiz mengenai setiap komponen dalam karakteristik pelajar tahfiz; pemboleh ubah kesediaan dalaman sebagai contoh sikap positif dengan al-Qur'an, kemahuan yang tinggi untuk belajar sebagai elemen intrinsik, disebabkan dorongan ibu-bapa dan matlamat menjadi seorang penghafaz al-Qur'an sebagai elemen ekstrinsik dan kesedaran yang tinggi sebagai elemen nilai tugasan. Analisis juga menjelaskan bahawa sebahagian mempunyai tahap elemen kawalan kepercayaan yang lebih tinggi. Selain itu, para pelajar lelaki dilihat mempunyai tahap elemen kebimbangan yang lebih rendah daripada pelajar perempuan. Kesemua responden temu bual turut menunjukkan tahap elemen efikasi sendiri yang positif. Bagi pemboleh ubah strategi pembangunan dalaman pula diterangkan sebagai bentuk pembelajaran yang dijalankan dalam kelas. Secara keseluruhannya, dapatan temu bual bersama pelajar berkenaan kesediaan dalaman menyokong hasil dapatan

kuantitatif yang membincangkan pemboleh ubah kesediaan dalaman dan pemboleh ubah strategi pembangunan dalaman pelajar tahfiz.

4.7.2 Data Temu bual Pensyarah Berkenaan Kesediaan Dalaman dan Strategi Pembangunan Dalaman

Analisis data temu bual pensyarah bertujuan memberi sokongan kepada keputusan analisis kuantitatif. Temu bual ini melibatkan beberapa elemen utama dalam kandungan instrumen kajian soal selidik, iaitu pemboleh ubah kesediaan dalaman dan strategi pembangunan dalaman pelajar tahfiz. Tema-tema yang dibincangkan dalam bahagian ini ialah nilai; elemen sikap, ekstrasik, intrinsik, nilai tugas dan afektif.

4.7.2.1 Data Temu bual Pensyarah Berkenaan Kesediaan Dalaman

Temu bual pensyarah berkenaan atribut nilai diterangkan kepada elemen sikap, intrinsik, ekstrasik dan nilai tugas.

4.7.2.1.1 Nilai

Temu bual berkenaan sikap menunjukkan beberapa ciri yang positif seperti berusaha (P2) dan bertanggungjawab terhadap hafazan yang dibawa (P1). Secara keseluruhannya, hasil dapatan menunjukkan bahawa para pelajar tahfiz mempunyai sikap positif; tanggungjawab serta usaha untuk menjayakan matlamat menghafaz al-Qur'an. Perincian temu bual sebagaimana berikut.

“Alhamdulillah, sikap dan tanggungjawab yang cemerlang ditunjukkan oleh pelajar-pelajar kelas saya bagi khusus Hifz al-Qur'an,”(P1)

“Berusaha mencapai target yang ditetapkan,” (P2)

Hasil dapatan ini menyokong tahap persepsi pelajar tahfiz berkenaan elemen sikap ($\text{min} = 4.74, \text{sp} = 0.48$).

i) Ekstrinsik

Ciri ekstrinsik yang dapat dipastikan dalam temu bual ini ialah pemberian hadiah oleh guru kepada pelajar (P1, P2). Secara keseluruhannya, pensyarah (P1) dan (P2) bersetuju bahawa pemberian berupa hadiah dan sagu hati kepada para pelajar tahfiz dapat meningkatkan semangat intrinsik mereka. Perincian temu bual adalah sebagaimana berikut.

“Ya, sebagai contoh jika pelajar mendapat cemerlang dalam hafaz al-Qur’an, saya akan belanja makan. Jika cemerlang dalam subjek keseluruhan, saya bagi wang sagu hati,”(P1)

“Mengadakan jamuan untuk meraikan pelajar-pelajar yang berjaya mengkhataamkan al-Qur’an,”(P2)

Data ini menyokong tahap persepsi pelajar tahfiz berkenaan elemen ekstrinsik ($\text{min} = 3.43, \text{sp} = 1.06$) yang berada pada tahap sederhana tinggi.

ii) Intrinsik

Ciri intrinsik yang dapat dipastikan melalui temu bual ini ialah minat (P1) dan semangat (P1). Hasil dapatan temu bual pensyarah berkenaan intrinsik menjelaskan bahawa minat serta semangat yang ditunjukkan oleh para pelajar wujud, tetapi pensyarah (P1) menjelaskan bahawa ia ditunjukkan dalam keadaan yang bermusim. Perincian temu bual sebagaimana berikut.

“Ada kalanya tinggi, ada kalanya sederhana, ada kalanya amat kurang. Tetapi setelah diberi motivasi, semangat mereka bertambah,”(P1)

Data ini menyokong tahap persepsi pelajar berkenaan elemen intrinsik (min= 4.25, sp= 0.77).

iii) Nilai Tugas

Ciri nilai tugas dalam temu bual ini ialah peringkat kesungguhan (P1). Data temu bual ke atas pensyarah (P1) berkenaan elemen nilai tugas pelajar tahfiz telah membahagikan pelajar di dalam kelas subjek *Hifz al-Qur'an* kepada dua bahagian, iaitu pelajar yang berada dalam kumpulan yang menunjukkan kesungguhan semasa menghafaz dan pelajar yang berada pada tahap sederhana semasa menghafaz. Sementara pensyarah (P2) bersetuju kesemua pelajar di dalam kelas menunjukkan kesungguhan semasa menghafaz. Perincian temu bual sebagaimana berikut.

“Lapan dari 12 orang amat bersungguh. Empat orang sederhana,”(P1)

“Ya,” (P2)

Data ini menyokong tahap nilai tugas bagi pelajar tahfiz (min= 4.36, sp= 0.72) yang berada pada tahap tinggi.

4.7.2.1.2 Afektif

Temu bual pensyarah berkenaan atribut afektif diterangkan sebagai elemen kebimbangan.

Ciri kebimbangan yang dapat dipastikan menerusi temu bual ialah bentuk kebimbangan sebelum menjelang peperiksaan (P2). Hasil dapatan temu bual ke atas pensyarah berkenaan konteks kebimbangan menjelaskan bahawa aspek muhasabah (P1), gementar dan kurang yakin sebelum waktu peperiksaan menjelang merupakan

bentuk elemen kebimbangan yang sering ditunjukkan oleh para pelajar tahfiz (P2).
Perincian temu bual sebagaimana berikut.

i) Kebimbangan

“Muhasabah diri mereka jika prestasi mereka berkurang dalam kelas,” (P1)

“Pelajar akan merasa gementar dan kurang keyakinan dan takut apabila waktu peperiksaan hampir tiba,” (P2)

Data ini menyokong tahap persepsi pelajar tahfiz berkenaan elemen kebimbangan yang menunjukkan nilai min sederhana tinggi ($\text{min} = 3.97$, $\text{sp} = 0.89$).

ii) Ringkasan Temubual Pensyarah Berkenaan Kesiediaan Dalaman dan Strategi Pembangunan Dalaman Pelajar Tahfiz

Dapatan kajian temu bual pensyarah berkenaan kesiediaan dalaman pelajar tahfiz menunjukkan bahawa sikap pelajar sentiasa bergerak positif, semangat ekstrinsik telah dipupuk dalam diri setiap pelajar, semangat intrinsik yang pelbagai tahap, elemen nilai tugas yang tidak sama antara satu sama lain serta kebimbangan yang dialami pelajar sebelum menghadapi peperiksaan. Dapatan ini turut mewakili pemboleh ubah strategi pembangunan dalaman pelajar tahfiz yang menggabungkan ketiga-tiga atribut sebagai kandungan item. Hasil dapatan menyokong elemen-elemen yang telah dibincangkan dalam dapatan kuantitatif.

4.7.3 Data Temu bual Pelajar Tahfiz Berkenaan Strategi Latihan dan Strategi Menghafaz al-Qur'an

Objektif keenam (b) menjelaskan data kualitatif bagi instrumen temu bual pelajar dan temu bual pensyarah bagi faktor luaran pelajar tahfiz (strategi latihan dan strategi

menghafaz al-Qur'an). Sampel pelajar bagi operasi temu bual ialah seramai lapan orang, iaitu empat pelajar lelaki dan empat pelajar perempuan. Manakala operasi temu bual pensyarah diperolehi daripada seorang pensyarah subjek *Hifz al-Qur'an* dalam kalangan lelaki dan seorang pensyarah subjek *Hifz al-Qur'an* dalam kalangan perempuan.

Data temu bual strategi latihan pelajar tahfiz dibahagikan kepada empat atribut, iaitu strategi kognitif, strategi metakognitif, strategi pengurusan sumber dan empat peringkat menghafaz dalam strategi menghafaz al-Qur'an. Tema-tema yang diketengahkan ialah strategi kognitif; elemen latihan dan penghuraian, penyusunan dan pemikiran kritis, strategi metakognitif; regulasi sendiri, masa dan persekitaran, usaha, bantuan rakan, mencari bantuan dan tujuh elemen dari empat peringkat menghafaz dalam strategi menghafaz al-Qur'an.

4.7.3.1 Data Temu bual Pelajar Tahfiz Berkenaan Strategi Latihan

Dapatan berkenaan temu bual pelajar ditunjukkan mengikut tema beserta ciri-ciri tertentu. Data diperolehi berdasarkan petikan-petikan temu bual yang telah ditandakan pada bahagian hujung petikan. Data temu bual merupakan sokongan kepada persoalan-persoalan kajian kuantitatif. Justeru, analisis kualitatif yangdimulai dengan strategi latihan dan seterusnya strategi menghafaz al-Qur'an diperincikan mengikut atribut.

4.7.3.1.1 Kognitif: Latihan dan Penghuraian

Atribut strategi kognitif dalam temu bual pelajar tahfiz dibahagikan kepada dua elemen, yang pertama latihan dan penghuraian serta yang kedua berkenaan penyusunan dan pemikiran kritis. Data ditunjukkan dengan dapatan yang pertama.

Ciri-ciri yang dapat dipastikan menerusi elemen latihan ialah latihan menghafaz secara formal (JJ1, J1) pada setiap hari. Berdasarkan temu bual ini juga, terdapat ciri-ciri bagi elemen penghuraian, iaitu dengan tujuan manfaat duniawi (M1, JJ1, MQ1, J1, M2, MQ2) serta manfaat ukhrawi (J1, M2, JJ2, MQ2). Perincian temu bual sebagaimana berikut.

“Ya, misalnya kepada masyarakat,” (M1)

“Setiap hari dan ilmu al-Qur’an sangat penting untuk disampaikan kepada masyarakat,” (JJ1)

“” Kalau tiada gangguan lain, saya akan datang setiap hari ke kelas. Sangat bermanfaat untuk masa hadapan,” (J1)

“Ya...boleh digunakan dalam pelbagai bidang,”(MQ1)

“ Ya, in sya Allah dan al-Qur’an merupakan ilmu dunia dan akhirat, perlu menyampaikan antara satu sama lain,” (M2)

“Ya, dan apabila ada sebarang kekeliruan, al-Qur’an sumber utama rujukan,” (JJ2)

“Ya dan al-Qur’an merangkumi seluruh aspek kehidupan,” (MQ2)

Hasil temu bual berkenaan elemen latihan (*rehearsal*) pelajar tahfiz menunjukkan kesemua pelajar melakukan aktiviti menghafaz al-Qur’an secara formal pada setiap hari. Salah seorang pelajar menjelaskan bahawa beliau menghadiri kelas subjek *Hifẓ al-Qur’an* pada setiap hari sekiranya tidak mempunyai sebarang masalah. Dapatan ini menyokong kenyataan-kenyataan dalam kajian lepas berkenaan proses menghafaz yang melibatkan pembacaan secara berulang (Abdul Hafiz & Hasimah, 2004; Tengku Radzitan, 2013; Sedek, et al., 2015). Dapatan ini menyokong analisis deskriptif berkenaan elemen latihan yang mencatatkan skor min tahap tinggi bagi kesemua item (min= 3.84, sp= 0.87).

Bagi elemen penghuraian, data temu bual menunjukkan dua ciri, iaitu manfaat duniawi dan manfaat ukhrawi. Manfaat duniawi seperti penyampaian ilmu yang pelbagai bidang kepada masyarakat dan manfaat ukhrawi ialah pahala serta panduan utama dalam Islam yang mencakupi seluruh kehidupan. Dapatan ini menyokong hasil analisis deskriptif berkenaan elemen penghuraian yang merekodkan skor min tahap sederhana tinggi bagi keseluruhan item (min= 3.40, sp= 1.01).

4.7.3.1.2 Kognitif: Penyusunan dan Pemikiran Kritis

Ciri penyusunan dalam temu bual ini ialah kepelbagaian teknik menghafaz yang digunakan para pelajar tahfiz (M1, JJ1, M1, M2, JJ2, J2, MQ2) dan ciri pemikiran kritis yang terdapat dalam temu bual ini ialah teknik menghafaz tertentu yang digunakan pelajar (M1, JJ1, M1, M2, JJ2, J2, MQ2). Temu bual tersebut sebagaimana berikut.

“Ya, ada. Kaedah Saba’, Sabki dan Jadid,” (M1)

“Ya. Memahami ayat terlebih dahulu,” (JJ1)

“Seminggu tiga hingga empat kali tasmi’. Saya guna teknik yang pelbagai mengikut kesesuaian,” (M1)

“Ya, pasti. Memahami terjemahan terlebih dahulu,” (M2)

“Setiap hari ada matlamat contohnya tiga muka surat. Saya lancarkan dulu bacaan, lepas itu saya hafaz ikut baris demi baris ayat. Kemudian saya kumpul ayat tersebut dan ulang kesemuanya,” (JJ2)

“Minimum satu muka surat...teknik pun berubah-ubah,” (J2)

“Ya, ada matlamat...teknik saya baca banyak kali dengan melihat al-Qur’an dan mula hafal satu demi satu ayat,” (MQ2)

Hasil analisis temu bual bersama pelajar berkenaan elemen penyusunan menunjukkan terdapat kepelbagaian kemampuan pelajar dalam menentukan matlamat hafazan pada setiap hari(M1, JJ1, M1, M2, JJ2, J2, MQ2). Dapatan ini menyokong hasil analisis deskriptif berkenaan elemen penyusunan yang mencatatkan skor min tahap tinggi bagi keseluruhan item (min= 3.66, sp= 0.91).

Bagi elemen pemikiran kritis pula, temu bual memfokuskan kepada perbincangan berkenaan teknik menghafaz yang digunakan secara spesifik(M1, JJ1, M1, M2, JJ2, J2, MQ2). Rata-rata pelajar mempunyai teknik tersendiri dalam menghafaz al-Qur'an. Teknik-teknik tersebut ialah teknik ulangan, teknik gundalan, memahami makna, memahami terjemahan dan terdapat juga pelajar yang menggunakan kaedah tertentu seperti penerapan teknik saba', sabki dan jadid. Dapatan ini menyokong hasil dapatan deskriptif berkenaan elemen teknik-teknik menghafaz al-Qur'an dengan nilai min keseluruhan pada tahap yang sederhana tinggi (min= 3.49, sp= 1.29).

4.7.3.1.3 Strategi Metakognitif: Regulasi Kendiri

Ciri regulasi kendiri yang dapat dipastikan menerusi temu bual ini ialah perancangan (M1, JJ1, MQ1, M2, JJ2, MQ2), kesungguhan (M2, MQ1) dan fokus (J1, J2). Secara keseluruhannya, analisis hasil dapatan metakognitif membincangkan berkenaan corak pembelajaran yang digunakan pelajar tahfiz sekiranya terdapat gangguan dalam perancangan asal mereka. Analisis menjelaskan bahawa para pelajar tahfiz akan mencari ruang untuk menenangkan fikiran di samping merancang strategi, solat, mendapatkan nasihat dan motivasi, fokus, sungguh-sungguh, usaha dan doa serta tidak berputus asa sekiranya ditimpa sesuatu masalah dalam penghafazan mereka. Perincian temu bual sebagaimana berikut.

“Berhenti dan rehat seketika,”(M1)

“Solat dan juga minta nasihat dari orang tua dan rakan-rakan,”(JJ1)

“Setakat ini, penghafazan tidak pernah mengganggu corak pembelajaran saya,”(J1)

“Saya akan tetapkan mesti Maghrib dapat hafal satu muka. Saya akan memanfaatkan waktu kosong dalam kelas mudah untuk baca atau lancar hafalan baru. Saya akan settlekan dahulu sesuatu masalah baru sambung menghafal,”(MQ1)

“Akan menenangkan diri dan cuba menyendiri dari semua orang. Pada masa yang sama akan cuba untuk bermuhasabah diri dan merancang strategi pembelajaran yang baru,”(M2)

“Asingkan pembelajaran mudah dengan penghafazan. Pada saya, waktu hafaz, kita hafaz, waktu belajar mudah, kita belajar,”(JJ2)

“Kembalikan fokus, usaha, banyakkan doa+tawakal,”(J2)

“Dengan merujuk ibu bapa/guru tasmil untuk mendapatkan lebih motivasi agar tidak putus asa,”(MQ2)

Hasil dapatan menyokong analisis deskriptif berkenaan elemen regulasi sendiri yang mencatatkan nilai min tahap sederhana tinggi bagi keseluruhan item (min= 3.87, sp= 0.85). Antara item yang spesifik ialah menetapkan halatuju dan matlamat dalam menghafaz al-Qur'an(min= 4.06, sp= .74).

4.7.3.1.4 Strategi Pengurusan Sumber: Masa dan persekitaran

Ciri pengurusan masa dan persekitaran menerusi temu bual ini ialah tempat tertentu (M1, JJ1, MQ1, dan waktu tertentu (JJ2, MQ2). Secara keseluruhan para pelajar tahfiz mempunyai masa dan tempat yang tertentu dalam menghafaz al-Qur'an seperti di institusi tahfiz, masjid, surau, bilik dan ada yang menyatakannya secara lebih

spesifik seperti depan dinding, tepi tasik dan tempat redup. Hasil dapatan menunjukkan keselesaan, kebebasan memilih tempat menghafaz di samping tempat menghafaz secara formal adalah perkara paling utama dalam menguruskan masa pembelajaran dan persekitaran. Perincian temu bual seperti berikut.

“Kebanyakannya di masjid selain di kelas,”(JJ1)

“Ya, Darul Quran sejak 2013,”(J1)

“Tempat tidak ditetapkan. Ikut keselesaan. Tidak boleh direct kipas. Rasa mengantuk dan tertidur. Tak boleh bahang atau panas juga akan mengantuk. Di masjid, kelas tasmi’, kelas kosong, tepi tasik, tempat redup, boleh beramai-ramai,”(MQ1)

“Masa, kebiasaannya lepas subuh, lepas maghrib dan isyak. Bagi tempat, saya lebih suka memilih depan dinding untuk lebih fokus,”(JJ2)

“Ya, masa; 9.00-9.30 malam. Tempat; bilik/surau/masjid,”(MQ2)

Dapatan ini menyokong hasil deskriptif berkenaan elemen strategi pengurusan masa dan persekitaran yang merekodkan nilai min tahap sederhana tinggi bagi keseluruhan item (min= 3.53, sp= 0.95). Antara yang spesifik ialah item yang memfokuskan kepada tempat tertentu dalam menghafaz al-Qur’an (min= 4.09, sp= .90).

4.7.3.1.5 Strategi Pengurusan Sumber: Usaha

Ciri pengurusan usaha menerusi temu bual ialah perancangan yang bijak dalam menghadapi pembelajaran tahfiz (JJ1, J1, MQ1, JJ2). Secara keseluruhannya, terdapat dua ciri yang dapat dianalisis melalui temu bual bersama pelajar berkenaan pengurusan usaha. Fokus perbincangan ialah apabila pelajar tahfiz ditimpa sesuatu masalah yang mungkin menyebabkan fokus mereka terganggu. Sebahagian responden akan terus berusaha menghafaz al-Qur’an walaupun ada gangguan seperti

masalah dan sebagainya, manakala sebahagian lain menyatakan masalah tersebut dapat menjejaskan hafazan mereka. Hal ini bermaksud sebahagian pelajar masih berfikiran positif sekiranya ditimpa masalah dan sebaliknya bagi sebahagian yang lain. Perincian temu bual sebagaimana berikut.

“Ya, belajar dan masalah, tentunya saya akan asingkan,”(JJ1)

“Tidak, tapi saya akan kawal dan atur dengan baik,”(J1)

“Ya, kerana masalah bukan halangan,”(MQ1)

“Ya, ketika ada masalah, saya cuba menyelesaikan masalah itu dahulu,”(JJ2)

“Tidak, kerana lumrah manusia tidak boleh melakukan lebih dari satu pekerjaan dalam satu masa ataupun fokus kepada dua situasi dalam sesuatu masa,”(J2)

“Hilang semangat,”(MQ2)

Dapatan ini juga menyokong hasil dapatan deskriptif yang merekodkan keseluruhan min pada tahap sederhana rendah bagi elemen regulasi usaha ($\text{min} = 2.96$, $\text{sp} = 1.13$).

4.7.3.1.6 Strategi Pengurusan Sumber: Bantuan Rakan

Ciri bantuan rakan dalam temu bual ini ialah belajar secara bersendirian (M1, M2, JJ2, MQ2) dan belajar sesama rakan (JJ1, M2). Secara keseluruhan, kebanyakan pelajar tahfiz yang mempunyai keputusan yang cemerlang, mereka lebih kuat berusaha secara individual, walau bagaimanapun terdapat pelajar cemerlang yang menggunakan kaedah belajar bersama rakan semasa menghafaz al-Qur'an terutamanya pada peringkat awal. Temu bual tersebut sebagaimana berikut.

“Ya, tetapi saya lebih suka belajar sendirian,”(M1)

“Ya, kebanyakan bersama dengan rakan yang sama syu‘bat,”(JJ1)

“Belajar berkumpul pada peringkat awal dan bersendirian bila mendekati waktu peperiksaan,” (M2)

“Tidak, saya lebih suka belajar bersendirian untuk dapatkan fokus yang lebih,”(JJ2)

“Jarang kerana lebih selesa belajar sendiri,” (MQ2)

Situasi hasil dapatan temu bual ini menyokong hasil dapatan deskriptif yang antaranya berkenaan elemen belajar bersama rakan dengan rekod nilai min tahap sederhana tinggi bagi keseluruhan item (min= 3.58, sp= 0.94).

4.7.3.1.7 Strategi Pengurusan Sumber: Meminta Bantuan

Ciri bantuan dalam temu bual yang dapat dipastikan ialah bantuan dari rakan (M1, JJ1, J1, MQ1, M2, JJ2, J2, dan bantuan dari pensyarah (J1, J2, MQ1, MQ2). Analisis dapatan kajian berkenaan temu bual mendapatkan bantuan menjelaskan bahawa pada kebiasaannya para pelajar tahfiz akan merujuk atau meminta bantuan kepada mereka yang lebih rapat terlebih dahulu seperti rakan-rakan, kemudian barulah merujuk kepada pensyarah. Walau bagaimanapun tidak semua pelajar yang merujuk kepada pensyarah sekiranya menghadapi suatu masalah dalam pembelajaran mereka.

Dapatan menunjukkan dua ciri, iaitu merujuk rakan-rakan dan yang kedua merujuk pensyarah. Sebahagian responden hanya merujuk kepada rakan-rakan, manakala sebahagian responden lain merujuk kepada pensyarah setelah tidak berjaya menyelesaikan masalah bersama rakan. Temu bual berkenaan pertanyaan kepada pensyarah atau rakan sebagaimana berikut.

“Ya, saya akan rujuk,”(M1)

“Jarang, saya cuba selesaikan sendiri. Kalau tak boleh, baru cuba minta pendapat dari kawan,” (JJ1)

“Ya, untuk lebih mudah untuk memahami,”(J1)

“Ya, yang sulit tidak,”(MQ1)

“Ya, pada kawan kerana mereka golongan yang paling rapat di Darul Quran,”(M2)

“Ya, saya lebih suka untuk merujuk kepada rakan supaya masalah itu tidak dipendam,”(JJ2)

“Sesetengah masalah jika berkaitan dengan kawan dan pensyarah,”(J2)

“Ya, pensyarah khususnya pensyarah tasmi’ selalu menjadi tempat rujukan bagi masalah saya,”(MQ2)

Dapatan ini menyokong hasil analisis deskriptif berkenaan elemen mencari bantuan dengan rekod nilai min tahap sederhana tinggi bagi keseluruhan item (min= 3.47, sp= 0.97).

4.7.3.2 Data Temu Bual Pelajar Berkenaan Strategi Menghafaz al-Qur’an

Data temu bual berkenaan strategi menghafaz al-Qur’an ditunjukkan dengan adab menghafaz al-Qur’an, proses *talaqqī*, teknik-teknik menghafaz, proses *tasmi’*, proses *murāja’at*, panduan menghafaz al-Qur’an dan ciri-ciri penghafaz al-Qur’an.

4.7.3.2.1 Strategi Menghafaz al-Qur’an: Adab Menghafaz al-Qur’an

Ciri adab menghafaz al-Qur’an yang dapat dipastikan menerusi temu bual ini ialah mempraktikkan adab sebelum menghafaz (M1, JJ1, J1, MQ1, M2, JJ2, J2, MQ2). Hasil dapatan temu bual berkenaan adab menghafaz al-Qur’an menjelaskan bahawa responden mengamalkan adab-adab menghafaz al-Qur’anterutamanya sebelum

menghafaz seperti wuduk, doa, menghadap kiblat, dan sebagainya. Perincian temu bual sebagaimana berikut.

“Ya, mengambil wuduk, menghadap kiblat dan membaca doa,”(M1)

“Ya, wuduk dan baca doa,”(JJ1)

“Ya, baca doa,”(J1)

“Ya, wuduk, kiblat, minyak wangi, doa istighfar, ayat-ayat pilihan,”(MQ1)

“Ya, contohnya membaca doa dan isti‘ādzaṭ serta basmalat,”(M2)

“Yup, Kebiasaannya saya akan mulakan dengan istighfar sepuluh kali, baca surah al-Insyirāt dan mulakan hafazan,”(JJ2)

“Ya, doa + zikir + wuduk + adab-adab sebelum hafaz,”(J2)

“Ya, wuduk/doa/hadap kiblat,”(MQ2)

Dapatan ini menyokong dapatan deskriptif dalam elemen adab menghafaz al-Qur’an dengan rekod nilai min tahap sederhana tinggi, iaitu min= 3.91 dan sp= 1.01.

4.7.3.2.2 Strategi Menghafaz al-Qur’an: Proses *talaqqī*

Ciri proses *talaqqī* yang dapat dipastikan menerusi temu bual ini ialah *talaqqī* dengan guru sekiranya mempunyai waktu (M1, JJ1, MQ1, JJ2, J2, MQ2). Berdasarkan data, proses *talaqqī* tidak dilakukan secara rasmi dan tetap kerana aktiviti tersebut banyak bergantung kepada faktor masa. Perincian temu bual sebagaimana berikut.

“Ya, sebelum mentasmi‘ hafazan kepada guru,”(M1)

“Jarang, kebanyakannya dalam kelas sahaja,”(JJ1)

“Tidak, sejak kebelakangan ini...sebab ia memerlukan masa yang khas yang mana susah dicari,”(J1)

“Ya”(MQ1)

“Ada, sebelum *tasmi* ‘ dengan ustazah,”(JJ2)

“Tidak selalu,”(J2)

“Ya, sebelum *tasmi* ‘ biasanya di waktu pagi,”(MQ2)

Dapatan ini selari dengan Jadual 4.23 yang menjelaskan item *talaqqī* dengan guru dengan interpretasi nilai min pada tahap yang sederhana tinggi (min= 3.96, sp= 1.18).

4.7.3.2.3 Strategi Menghafaz al-Qur’an: Teknik-teknik menghafaz

Ciri teknik-teknik menghafaz dalam temu bual ini ialah metod tertentu seperti kaedah memahami maksud (JJ1, M2) , gundalan (JJ2) dan sebagainya (M1, MQ1, J2, MQ2). Hasil analisis data temu bual berkenaan teknik-teknik menghafaz al-Qur’an menunjukkan bahawa pelajar mempunyai teknik-teknik yang tertentu dalam menghafaz ayat-ayat al-Qur’an seperti kaedah *saba’*, *sabki* dan *jadid*, memahami maksud, teknik mengulang bacaan, teknik gundalan dan sebagainya. Terdapat pelajar yang menjelaskan akan kesusahan mencari teknik yang bersesuaian semasa menghafaz. Namun, keseluruhan pelajar bersetuju mendapatkan satu teknik yang bersesuaian dengan kemampuan mereka. Perincian temu bual sebagaimana berikut.

“Ya, saya mengikut kaedah *saba’*, *sabki*, *jadid*,”(M1)

“Tak banyak. Seperti saya cuba memahami maksud ayat tersebut dahulu sebelum menghafaz dan mengulanginya,”(JJ1)

“Ya dan ada dipelbagaikan bila tak berjaya,” (MQ1)

“Ya, contohnya memahami terjemahan al-Qur’an dalam bahasa Melayu sebelum menghafaz,”(M2)

“Saya hafaz ikut baris-baris ayat, dapat baris pertama, terus ke baris kedua, dapat baris kedua, saya akan ulang semula yang baris pertama. Sebelum hafaz, saya akan baca dulu ayat-ayat yang perlu dihafaz,”(JJ2)

“Tidak tetap,”(J2)

“Ya, baca berulang kali sambil lihat kemudian baru mula menghafal satu demi satu ayat,”(MQ2)

Dapatan ini menyokong analisis deskriptif yang mencatatkan keputusan min pada tahap sederhana tinggi dalam elemen teknik menghafaz al-Qur’an (min= 3.49, sp= 1.29).

4.7.3.2.4 Strategi Menghafaz al-Qur’an: Proses *Tasmi*’

Ciri proses *tasmi*’ dalam temu bual ialah aktiviti yang dilakukan setiap hari (M1, JJ2) dan juga aktiviti yang kerap dilakukan dalam seminggu (MQ1). Hasil temu bual berkenaan proses *tasmi*’ menjelaskan bahawa proses *tasmi*’ dijalankan pada setiap hari, manakala terdapat pelajar tahfiz yang menyatakan bahawa proses *tasmi*’ hanya dilakukan sebanyak tiga hingga empat kali seminggu. Perincian temu bual sebagaimana berikut.

“Ya, kecuali Sabtu dan Ahad, bilangan minimum satu muka, bilangan maksimum sepuluh muka,”(M1)

“Tidak, seminggu empat kali/tiga kali, minimum setengah muka, maksimum tujuh muka,”(MQ1)

“Ya, setiap hari. Minimum tiga muka surat, maksimum enam/tujuh muka sehari,”(JJ2)

Dapatan ini menyokong dapatan deskriptif dalam elemen proses *tasmi'* yang mencatatkan interpretasi nilai min pada tahap tinggi (min= 4.70, sp= 0.64).

4.7.3.2.5 Strategi Menghafaz al-Qur'an: Proses *Murāja'at*

Ciri proses *murāja'at* yang dapat dipastikan menerusi temu bual ialah waktu formal (M1, MQ1, J1) dan waktu tidak formal (JJ1, J1, M1, JJ1, MQ1). Data temu bual berkenaan proses *murāja'at* menerangkan bahawa pelajar tahfiz yang cemerlang mempunyai matlamat dan masa melakukan *murāja'at* yang lebih spesifik seperti empat juz setiap hari serta waktu malam. Pelajar tahfiz yang memperoleh gred yang sangat baik juga menerangkan masa *murāja'at* yang lebih spesifik, namun kemampuan secara kuantiti yang kurang daripada pelajar cemerlang. Selebihnya para pelajar menyatakan amalan ini dilakukan pada waktu formal selepas *tasmi'* di dalam kelas serta catatan diari. Dapatan temu bual sebagaimana berikut.

“Setiap hari, paling kurang empat juz dan ayat yang saya *tasmi'* pada hari sebelumnya,”(M1)

“Selepas Maghrib. Saya ulang maqrak yang rasa lancar dan ulang lagi bila masuk maqrak kedua,”(JJ1)

“Selepas *tasmi'* setiap pagi,”(J1)

“Lepas *tasmi'*. Akan ditarik daripada awal juz yang ditasmi'. Walaupun sudah *tasmi'* pada hujung juz. Juz yang tak ingat yang telah dihafal akan baca-baca sahaja,”(MQ1)

“Pada waktu malam dan selepas waktu Maghrib,”(M1)

“Waktu lepas Zuhur dan lepas Asar. *Murāja'at* by pages dan meletakkan target seminggu satu juz,”(JJ1)

“Tidak tetap,”(J1)

“Ya, dengan mempraktikkan amalan “Diari Huffaz” yang disediakan oleh Darul Quran,”(MQ1)

Dapatan ini menyokong hasil analisis deskriptif dalam elemen proses *murāja‘at* (min= 3.61, sp= 1.81).

4.7.3.2.6 Strategi Menghafaz al-Qur’an: Panduan Menghafaz al-Qur’an

Ciri panduan menghafaz al-Qur’anyang dapat dipastikan menerusi temu bual ialah nampak kedudukan ayat di dalam minda (M1, JJ1, J1, MQ1, JJ2), kaedah mengulang dengan kawan (M2), pengulangan (M2) dan lain-lain seperti teknik berbeza mengikut kesesuaian dan kaedah tematik (J2, MQ2). Perincian temu bual sebagaimana berikut.

“Saya lebih suka memahami ayat dan susunannya dan membuat mnemonic,”(M1)

“Ya, nampak kedudukan ayat di dalam minda,”(JJ1)

“Ya, nampak kedudukan ayat di dalam minda,”(J1)

“Nampak kedudukan ayat/kalimah/ingat maksud/bahagi tiga untuk satu muka,”(MQ1)

“Ya, saya menggunakan panduan yang tertentu seperti mengingati terjemahan ayat, membaca dengan partner dan membaca berulang kali sebelum menghafaz,”(M2)

“Ya, saya akan hafaz sehingga nampak kedudukan ayat di dalam minda,”(JJ2)

“Ada panduan dan tidak tentu, kadang-kadang guna teknik berbeza,”(J2)

“Ya, memisahkan ayat al-Qur’anmengikut kisah/cerita tertentu,”(MQ2)

Dapatan ini menyokong analisis deskriptif dalam elemen panduan menghafaz al-Qur'anyang merekodkan nilai min tahap sederhana tinggi bagi keseluruhan item (min= 3.65, sp= 1.13).

4.7.3.2.7 Strategi Menghafaz al-Qur'an: Ciri-ciri *ḥāfiẓ/ḥāfiẓat*

Ciri bagi elemen ciri-ciri *ḥāfiẓ/ḥāfiẓat* yang dapat dipastikan melalui temu bual ialah hubungan dengan Allah s.w.t.(M1, JJ1, J1, M2, JJ2, J2, MQ2) dan hubungan dengan manusia (JJ1, J2, MQ2). Hasil analisis data temu bual pelajar berkenaan ciri-ciri seorang *ḥāfiẓ/ḥāfiẓat* ialah dapat mendidik jiwa dan akhlak, mencapai keredaan Allah s.w.t. dan menjaga hubungan sesama manusia dan Allah s.w.t. Dapat disimpulkan bahawa terdapat dua ciri yang boleh diperhatikan melalui temu bual yang dipaparkan, iaitu hubungan vertikal dengan Allah s.w.t. dan hubungan horizontal dengan manusia. Perincian temu bual sebagaimana berikut.

“Apabila berlaku sesuatu peristiwa atau melakukan satu tindakan ayat-ayat al-Qur'an yang dihafaz akan muncul di dalam kepala,”(M1)

“Dapat lebih menjaga akhlak dan menambahkan ilmu pengetahuan dengan lebih mendalam,”(JJ1)

“Sentiasa mempunyai kesedaran/sandaran sekiranya buntu/buat sesuatu perkara,”(J1)

“Dapat mendidik jiwa dan nafsu daripada lalai berpanjangan. Sentiasa meningkatkan ibadah,”(M2)

“Minat menghafaz al-Qur'an dan bersungguh untuk ingat al-Qur'an,”(JJ2)

“Akhlak (*qurratul ḥasanaṭ*), syariah (buat perintah Allah dengan sebaiknya), berusaha jadi hamba bertakwa,”(J2)

“Menghormati guru, beradab dengan al-Qur'an dan menjaga haknya, menjaga hubungan dengan sahabat dan menghayati isi makna al-Qur'an,”(MQ2)

Hasil dapatan ini menyokong analisis deskriptif dalam elemen ciri-ciri *ḥāfiẓ/hāfiẓat* dengan rekod nilai min tahap sederhana tinggi bagi keseluruhan item (min= 3.98, sp= 0.91).

i) Ringkasan Temu bual Pelajar Tahfiz Berkenaan Strategi latihan dan Strategi Menghafaz al-Qur'an

Dapatan temu bual pelajar tahfiz berkenaan pemboleh ubah strategi latihan dapat dirumuskan dengan penggunaan strategi kognitif, metakognitif dan pengurusan sumber. Manakala pemboleh ubah strategi menghafaz al-Qur'andipraktikkan secara aktif di sepanjang pembelajaran subjek *Hifẓ al-Qur'an*. Kesemua dapatan temu bual menyokong dapatan kuantitatif yang membincangkan elemen-elemen strategi latihan dan strategi pembangunan dalaman pelajar tahfiz. Di samping itu, dapatan turut menghuraikan lagi pernyataan-pernyataan item yang dianalisis secara deskriptif dan inferensi secara lebih jelas dan meyakinkan.

4.7.4 Data Temu bual Pensyarah Berkenaan Strategi Latihan dan Strategi Menghafaz al-Qur'an


Data temu bual pensyarah berkenaan strategi latihan dibahagikan kepada empat atribut, iaitu strategi kognitif, strategi metakognitif dan strategi pengurusan sumber.

4.7.4.1 Data Temu Bual Pensyarah Berkenaan Strategi Latihan

Temu bual pensyarah berkenaan strategi kognitif diterangkan kepada empat elemen, iaitu latihan, penyusunan dan penghuraian serta pemikiran kritis.

4.7.4.1.1 Kognitif: Latihan, penyusunan dan penghuraian

Ciri latihan dalam temu bual ialah aktiviti *murāja'at*, manakala ciri penyusunan ialah aktiviti *murāja'at* yang dijalankan pada waktu tertentu (P1, P2). Bagi ciri penghuraian pula ialah teknik menghafaz yang digunakan semasa dalam kelas (P2). Hasil dapatan daripada pensyarah (P1) berkenaan kognitif bagi para pelajar tahfiz menjelaskan bahawa *murāja'at* dan *tasmi'* dijalankan secara formal pada waktu tertentu. Manakala pensyarah (P2) menjalankan aktiviti *murāja'at* dengan kaedah bersama rakan yang ditentukan oleh pensyarah itu sendiri. Kesemua pelajar mempunyai teknik menghafaz masing-masing kerana setiap pelajar mampu menghafaz al-Qur'an di hadapan pensyarah pada setiap hari. Perincian temu bual sebagaimana berikut.



“*Murāja'at* dilakukan setiap hari. Kelas 8.00-10.00 pagi, 8.00-9.00 pagi; *tasmi'*, 9.00-10.00 pagi; i'ādat, semua pelajar dapat menghafaz dengan baik pada setiap hari” (P1)

“Waktu mengulang ialah pada hujung minggu bersama partner yang ditentukan oleh guru... Pihak Darul Quran telah memperkenalkan teknik-teknik menghafaz semasa peringkat awal kemasukan pelajar,” (P2)

Data yang ditunjukkan menyokong tahap persepsi pelajar tahfiz terhadap elemen latihan (min= 3.84, sp= 0.87), elemen penghuraian (min= 3.40, sp= 1.01), elemen penyusunan (min= 3.66, sp= 0.91) dan elemen pemikiran kritis (min= 3.81, sp= 0.86).

4.7.4.1.2 Kognitif: Pemikiran Kritis

Ciri pemikiran kritis menerusi temu bual ini ialah teknik spesifik yang digunakan pelajar (P1, P2). Hasil dapatan berkenaan kognitif; pemikiran kritis, para pensyarah

mengakui bahawa para pelajar tahfiz sememangnya dilatih agar mempunyai teknik tersendiri dalam menghafaz al-Qur'an. Perincian temu bual sebagaimana berikut.

“Teknik sendiri, yang penting tasmi’,”(P1)

“Ya, di samping itu pensyarah ada menerangkan cara-cara menghafaz yang boleh membantu pelajar,”(P2)

Hal ini kerana pensyarah sering menekankan proses *tasmi’* dapat dilakukan oleh para pelajar tahfiz pada setiap hari (temu bual P1 dan P2).

4.7.4.1.3 Strategi Metakognitif: Regulasi Kendiri

Ciri regulasi kendiri dalam temu bual ini ialah daya mengurus pembelajaran tahfiz yang dilakukan pelajar. Dapatan temu bual pensyarah (P2) dari segi metakognitif pelajar tahfiz menunjukkan bahawa kesemua pelajar mampu mengurus hafazan dengan baik, walau bagaimanapun pensyarah (P1) menyatakan pengurusan hafazan tersebut berada pada tahap yang sederhana. Perincian temu bual sebagaimana berikut.

“Sederhana,”(P1)

“Ya,”(P2)

Data ini menyokong tahap persepsi pelajar tahfiz berkenaan elemen regulasi kendiri yang mencatatkan min sederhana tinggi (min= 3.87, sp= 0.85). Dalam pada itu, beberapa item dalam atribut ini mencatatkan nilai interpretasi tahap yang sederhana tinggi seperti item keenam dalam Jadual 4.16, iaitu “menukar cara menghafaz bagi menyesuaikan diri dengan subjek” (min= 3.65, sp= 0.94) dan item kesembilan, iaitu “saya menyelesaikan kekeliruan tentang ayat-ayat yang dihafaz sebaik sahaja kelas tamat” (3.30, sp= 0.95).

4.7.4.1.4 Strategi Pengurusan Sumber: Masa dan Persekitaran

Ciri masa dan persekitaran dalam temu bual ialah bersifat bebas (P1, P2) dan bergantung kepada individu (P1, P2). Hasil kajian temu bual bersama pensyarah (P1) dalam menjelaskan pengurusan sumber; masa dan persekitaran yang digunakan para pelajar tahfiz ialah mencadangkan kepada pelajar untuk mengulang pada waktu lapang, selepas solat Zuhur dan Asar serta pada waktu malam. Manakala pensyarah (P2) memberitahu bahawa pengurusan masa adalah bergantung pada diri individu itu sendiri sama ada dapat memanfaatkan masa di asrama ataupun di masjid. Temu bual tersebut seperti yang dinyatakan berikut.

“Saya cadangkan mereka i‘ādat, jika ada waktu lapang. Selepas Zuhur dan Asar waktu sesuai waktu i‘ādat. Dan pukul 10.00 malam-12 malam,”(P1)

“Pengurusan masa biasanya mengikut kehendak dan kesesuaian masa masing-masing sama ada di asrama atau masjid,”(P2)

Data ini menyokong tahap persepsi pelajar tahfiz terhadap elemen masa dan persekitaran dengan interpretasi min tahap sederhana tinggi (min= 3.53, sp= 0.95). Antara item yang spesifik ialah menumpukan perhatian hafazan pada salah satu tempat (min= 4.09, sp= 0.99).

4.7.4.1.5 Strategi Pengurusan Sumber: Usaha, Meminta Bantuan dan Rakan

Ciri usaha dalam temu bual ialah aktiviti menghafaz, manakala ciri bantuan dalam temu bual ialah bertanya pensyarah. Ciri bantuan rakan pula ialah aktiviti berpasangan dengan pelajar lain dalam menghafaz al-Qur’an. Perincian temu bual bahawa pensyarah (P1 dan P2) bersetuju dengan pelajar mereka yang telah menunjukkan usaha untuk bertanya pensyarah sekiranya menghadapi sesuatu masalah semasa menghafaz ayat-ayat al-Qur’an. Dapatan turut menjelaskan bahawa

aktiviti menghafaz dengan pasangan atau rakan dipraktikkan semasa proses *murāja'at*.

“Ya,”(P1)

“Ya, semasa *murāja'at*” (P2)

Dapatan ini menyokong hasil analisis deskriptif berkenaan elemen proses *murāja'at* yang mencatatkan nilai interpretasi min pada tahap sederhana tinggi (min= 3.61, sp= 1.81).

4.7.4.2 Data Temu Bual Pensyarah Berkenaan Strategi Menghafaz al-Qur'an Pelajar Tahfiz

Temu bual pensyarah berkenaan strategi menghafaz al-Qur'an yang melibatkan empat peringkat menghafaz dibahagikan kepada tujuh elemen, iaitu, adab-adab menghafaz al-Qur'an, proses *talaqqī*, teknik menghafaz al-Qur'an, proses *tasmi'*, proses *murāja'at*, panduan menghafaz al-Qur'an dan ciri-ciri *ḥāfiẓ/ḥāfiẓat*.

4.7.4.2.1 Strategi Menghafaz al-Qur'an: Adab-adab Menghafaz al-Qur'an

Ciri adab-adab menghafaz al-Qur'anialah mempraktikkan amalan adab menghafaz. Kedua-dua pensyarah (P1 dan P2) bersetuju bahawa pelajar mereka mengamalkan adab-adab semasa menghafaz al-Qur'an. Perincian temu bual sebagaimana berikut.

“Ya, amat cemerlang,” (P1)

“Ya,”(P2)

Data ini menyokong tahap persepsi pelajar tahfiz berkenaan elemen adab-adab menghafaz al-Qur'an dengan interpretasi min pada tahap sederhana tinggi (min= 3.91, sp= 1.01).

4.7.4.2.2 Strategi Menghafaz al-Qur'an: Proses *Talaqqī*

Ciri proses *talaqqī* ialah dilaksanakan pada peringkat awal (P1) sahaja. Analisis menjelaskan bahawa proses *talaqqī* hanya dilakukan pada peringkat awal kemasukan pelajar dan apabila pelajar sudah mahir membaca, pelajar dibenarkan untuk terus *tasmi* ' dengan pensyarah (P1). Perincian temu bual sebagaimana berikut.

“Pada awal semester satu dan dua memang dipraktikkan. Apabila mereka sudah mahir, saya hanya tegas ketika mereka *tasmi* ',” (P1)

“Pelajar *talaqqī* sendiri,” (P2)

Data ini menyokong tahap persepsi pelajar tahfiz berkenaan elemen proses *talaqqī* dengan interpretasi min tahap sederhana tinggi (min= 3.96, sp= 1.18).

4.7.4.2.3 Strategi Menghafaz al-Qur'an: Teknik-teknik Menghafaz al-Qur'an

Ciri teknik-teknik menghafaz al-Qur'an dalam temu bual ialah memahami terjemahan (P1) dan buku catatan (P2). Analisis temu bual pensyarah berkenaan teknik-teknik menghafaz al-Qur'an menjelaskan bahawa memahami terjemahan (P1) dan catatan ulangan (P2) telah diperkenalkan sejak kemasukan pelajar tahfiz pada semester satu (P2). Perincian temu bual sebagaimana berikut.


“Ya, contohnya memahami terjemahan al-Qur'an sebelum menghafaznya,”(P1)

“Tiada, tetapi teknik menghafaz ada diperkenal semasa kemasukan pelajar semester satu, iaitu “Modal Ulangan”. Turut diperkenal “Diari Huffaz” semasa pelajar berada di semester tiga, tetapi tidak digunakan secara formal,”(P2)

Data ini menyokong tahap persepsi pelajar tahfiz berkenaan elemen teknik-teknik menghafaz al-Qur'an dengan interpretasi min tahap sederhana tinggi (min= 3.49, sp= 1.29).

4.7.4.2.4 Strategi Menghafaz al-Qur'an: Proses *Tasmi'*

Ciri proses *tasmi'* dalam temu bual ialah waktu pagi dan petang (P1, P2). Secara keseluruhannya, pensyarah lelaki dan perempuan menjelaskan bahawa proses *tasmi'* tetap akan dijalankan pada setiap hari pada waktu pagi di dalam kelas (P2) dan akan dilakukan pada waktu petang sekiranya perlu (P1). Perincian temu bual sebagaimana berikut.



“Dalam kelas atau di luar waktu kelas jika ada tambahan,” (P1)

“Waktu kelas pagi dari jam 8.00-10.00 pagi yang telah ditetapkan oleh Jabatan al-Qur'an, mesti *tasmi'* setiap hari yakni Isnin hingga Khamis, tak dapat pagi, buat petang,” (P2)

Data ini menyokong tahap persepsi pelajar tahfiz berkenaan elemen proses *tasmi'* yang berada pada interpretasi min tahap tinggi (min= 4.70, sp= 0.64).

4.7.4.2.5 Strategi Menghafaz al-Qur'an: Proses *Murāja'at*

Ciri proses *murāja'at* dalam temu bual ialah mengikut arahan pensyarah (P2) dan dijalankan secara formal pada hari yang tertentu (P1, P2). Analisis menjelaskan proses *murāja'at* dijalankan mengikut jadual yang ditetapkan oleh pensyarah masing-masing, misalnya pensyarah (P1) mengadakan temu bual pada setiap hari, manakala pensyarah (P2) mengarahkan pelajar-pelajarnya untuk melakukan proses tersebut pada hari Jumaat. Selain itu, para pelajar turut diingatkan oleh pensyarah

agar menjalankan aktiviti *murāja‘at* sebaik sahaja selesai proses *tasmi‘* dijalankan setiap hari (P2). Perincian temu bual sebagaimana berikut.

“9.00 pagi hingga 10.00 pagi setiap hari dalam kelas dan di luar kelas,” (P1)

“Kebiasaan pelajar-pelajar mengulang al-Qur’an mengikut jadual yang ditetapkan oleh guru, biasa yang formal hari Jumaat; *murāja‘at* 8.00 pagi hingga 10.00 pagi, selebihnya sendiri setelah selesai *tasmi‘* pada hari yang berlainan,”(P2)

Data ini menyokong tahap persepsi pelajar tahfiz berkenaan elemen proses *murāja‘at* yang berada pada tahap interpretasi min sederhana tinggi (min= 3.61, sp= 1.81).

4.7.4.2.6 Strategi Menghafaz al-Qur’an: Panduan Menghafaz al-Qur’an

Ciri panduan menghafaz al-Qur’an yang dapat diketengahkan ialah pendedahan yang ditekankan oleh pensyarah. Secara keseluruhannya, kedua-dua pensyarah (P1 dan P2) bersetuju dengan panduan menghafaz al-Qur’an yang didedahkan kepada para pelajar mereka. Perincian temu bual sebagaimana berikut.

“Ya,”(P1)

“Ya”(P2)

Data ini menyokong tahap persepsi pelajar tahfiz berkenaan elemen panduan menghafaz al-Qur’anyang berapa pada tahap interpretasi min sederhana tinggi (min= 3.65, sp= 1.13).

4.7.4.2.7 Strategi Menghafaz al-Qur’an: Ciri-ciri *Ḥāfiẓ/Ḥāfiẓat*

Ciri bagi elemen ciri-ciri *ḥāfiẓ/ḥāfiẓat* ialah pengurusan masa yang bijak. Data temu bual pensyarah (P1) menjelaskan bahawa hanya sebahagian pelajar tahfiz mampu

menguruskan masa penghafazan dengan bijak. Manakala pensyarah (P2) bersetuju bahawa kesemua pelajarnya mengurus masa penghafazan dengan baik. Perincian temu bual seperti yang berikut.

“Sebahagian yang betul-betul tekun,”(P1)

“Ya,”(P2)

Dapatan ini menyokong tahap persepsi pelajar tahfiz berkenaan ciri-ciri *ḥāfiẓ/ḥāfiẓat* yang berapa pada tahap interpretasi min sederhana tinggi (min= 3.98, sp= 0.91).

ii) Ringkasan Temu bual Pensyarah Berkenaan Strategi latihan dan Strategi Menghafaz al-Qur'an

Dapatan temu bual dengan pensyarah berkenaan strategi latihan pelajar tahfiz, kedua-dua pensyarah (P1 dan P2) bersetuju bahawa terdapat penggunaan yang aktif dari segi faktor luaran pelajar tahfiz; kognitif, metakognitif dan pengurusan sumber. Selain itu, bagi pemboleh ubah strategi menghafaz al-Qur'an turut menunjukkan respons yang positif apabila para pensyarah bersetuju bahawa kelas subjek *Ḥifẓ al-Qur'an* telah menjalankan aktiviti menghafaz dengan empat peringkat penting, iaitu peringkat sebelum menghafaz al-Qur'an, peringkat semasa menghafaz al-Qur'an, peringkat selepas menghafaz al-Qur'an dan peringkat amalan para penghafaz al-Qur'an. Secara keseluruhannya, dapatan temu bual pensyarah menyokong kesemua elemen yang dibincangkan dalam dapatan kuantitatif.

4.7.5 Data Pemerhatian Dalam Kelas Subjek *Ḥifẓ al-Qur'ān*

Objektif keenam (c) menjelaskan data kualitatif; pemerhatian yang dilakukan ke atas pelajar tahfiz di dalam kelas subjek *Ḥifẓ al-Qur'ān*. Pemerhatian dilakukan ke atas dua kelas subjek *Ḥifẓ al-Qur'an* yang dijalankan pada waktu pagi, iaitu 7:00 pagi

hingga 10:00 pagi. Hasil dapatan memperincikan maklumat mengenai strategi menghafaz al-Qur'an kepada tujuh elemen, iaitu adab menghafaz al-Qur'an, proses *talaqqī*, teknik-teknik menghafaz al-Qur'an, proses *tasmi'*, proses *murāja'at*, panduan menghafaz al-Qur'an dan ciri-ciri seorang *ḥāfiẓ/ḥāfiẓat*. Jadual 4.33 menunjukkan perincian maklumat tentang strategi menghafaz al-Qur'an yang dapat diperhatikan.

Jadual 4.33

Pemerhatian strategi menghafaz al-Qur'an dalam kelas subjek Hifẓ al-Qur'an

Bil.	Elemen	Perhatian	Maklumat	/
1	Adab menghafaz al-Qur'an	-Suci pada diri, pakaian dan tempat	-Para pelajar diberikan tazkirah ringkas berkenaan adab sebelum menghafaz al-Qur'an. Antara adab-adab tersebut ialah memakai pakaian menutup aurat yang bersih, menjaga tata susila sepanjang bersama dengan al-Qur'an dan sebagainya.	/
		-Baca al-Qur'an dengan suara perlahan/kuat	-Terdapat pelajar yang membaca secara kuat dan terdapat pelajar yang membaca dalam hati.	/
		-Menghormati pensyarah	-Semua pelajar menghormati pensyarah serta mematuhi segala arahan pensyarah terutamanya semasa berada dalam kelas subjek <i>Hifẓ al-Qur'an</i> .	/
		-Susunan pelajar (<i>Halaqat</i>)	-Bentuk bulat, bentuk "U" atau menegak menghadap papan (ikut kreativiti pensyarah dalam kelas) -Kelas tidak lebih daripada 15 pelajar -Kebiasaannya dalam satu kelas ada 10 pelajar lelaki sahaja. Begitu juga kelas pelajar perempuan. Setiap kelas diwakili oleh seorang pensyarah dalam kalangan lelaki ataupun perempuan	/
		-Doa khusus sebelum menghafaz	-Secara adatnya, bacaan doa akan dibacakan secara beramai-ramai ketika sebelum kelas bermula.	/

Sambungan...

2	Proses <i>Talaqqī</i>	-Melancarkan bacaan	-Pelajar melancarkan bacaan mengikut kreativiti masing-masing seperti melancarkan secara sendiri, berpasangan dan sebagainya.	/
		- <i>Talaqqī</i> dengan guru	-Pelajar terus <i>tasmi</i> ‘ bacaan dengan pensyarah tanpa <i>talaqqī</i> terlebih dahulu kerana masa yang tidak mengizinkan. (pelajar diyakini dapat membaca al-Qur’an dengan baik kerana telah melalui sesi temu duga sebelum diterima masuk ke Darul Quran.	/
3	Teknik-teknik Menghafaz al-Qur’an	Mendengar	-Guru menyebut soalan-soalan subjek <i>Hifẓ al-Qur’an</i> , sementara pelajar menulis semula soalan disebutkan berserta jawapan.	/
		-Berpasangan	-Segelintir guru menggunakan teknik ini. -Dilakukan secara formal di dalam kelas atau di luar kelas seperti di tepi tasik dan sebagainya.	/
		-Memahami maksud	-Segelintir pelajar membaca terjemahan atau tafsir terlebih dahulu sebelum menghafaz.	/
		Jumlah hafazan	- <i>Murāja‘at</i> setiap hari: lima muka surat untuk semester enam.	/
4	Proses <i>Tasmi</i> ‘	- <i>Tasmi</i> ‘ hafazan dengan pensyarah	-Maksimum; pelajar dapat <i>tasmi</i> ‘ sebanyak sepuluh muka dalam sehari. -Minimum; dua muka dalam sehari. -Kebiasaannya; satu <i>maqrak</i> sehari.	/
5	Proses <i>Murāja‘at</i>	-Hafalan yang telah dihafaz	-Secara formal dan kebanyakannya tidak formal (apabila sudah menjangkau hafalan yang banyak).	/
		- <i>Murāja‘at</i> bersama rakan	-Formal dalam kelas atau di luar kelas.	/
		- <i>Murāja‘at</i> bersama pensyarah	-Dalam kelas secara lisan seorang demi seorang, lisan secara berkumpulan atau secara bertulis.	/
6	Panduan Menghafaz al-Qur’an	-Buku rekod	- Keputusan tahap <i>tasmi</i> ‘ pada setiap hari sama ada <i>mumtāz/mumtāzaṭ</i> , <i>jayyid jiddan</i> , <i>jayyid</i> atau <i>maqbul</i> .	/

Sambungan...

			-Hafalan yang dihafaz mampu dibaca kembali tanpa melihat al-Qur'an	-Lancar dan tepat dari segi pengeluaran bunyi makhraj dan tajwid.
7	Ciri-ciri <i>ḥāfiẓ/ḥāfiẓat</i>	seorang	-Pengurusan masa	-8.00 pagi hingga 10.00 pagi / diwajibkan hadir dalam kelas <i>tasmi'</i> .
			-Matlamat	-Dapat menghabiskan silibus / (<i>muqarrar</i>) yang ditetapkan pihak Jabatan pada setiap semester.

Hasil pemerhatian dalam kelas subjek *Ḥifẓ al-Qur'an* menjelaskan bahawa suci pakaian dan tempat, doa khusus, bentuk susunan pelajar yang berbeza setiap kelas, menghormati pensyarah dan membaca al-Qur'an secara kuat atau perlahan dipraktikkan dalam elemen adab menghafaz al-Qur'an. Selain itu, proses *talaqqī* hanya dilakukan apabila mempunyai masa yang terluang dan antara teknik menghafaz yang dilakukan ialah teknik mendengar, teknik berpasangan dan memahami maksud. Proses *murāja'at* dilakukan secara formal dan tidak formal sama ada dengan pensyarah atau rakan. Bacaan lancar tanpa melihat muṣḥaf juga merupakan penanda aras bagi elemen panduan menghafaz al-Qur'an. Selain itu, daya pengurusan masa dan matlamat khusus amat penting dalam elemen ciri-ciri seorang *ḥāfiẓ/ḥāfiẓat*. Hasil dapatan ini menyokong analisis deskriptif berkenaan strategi menghafaz al-Qur'anyang merekodkan nilai min tahap sederhana tinggi bagi keseluruhan item (min= 3.90, sp= 0.48) dan juga bertepatan hubungan strategi menghafaz al-Qur'an dengan pencapaian subjek *Ḥifẓ al-Qur'an*.

4.8 Rumusan

Kajian mendapati lebih ramai responden yang mendapat pangkat cemerlang dalam semua jenis tahap pencapaian. Elemen sikap bagi kesediaan dalaman, konotasi nilai bagi strategi pembangunan dalaman, elemen regulasi sendiri bagi strategi latihan dan elemen ciri-ciri *ḥāfiẓ/hāfiẓat* bagi strategi menghafaz al-Quran menunjukkan nilai min tertinggi berbanding nilai min elemen-elemen lain.

Terdapat tujuh hipotesis nul (H_0) telah diuji bagi mencapai objektif kajian yang memfokuskan kepada faktor dalaman; kesediaan dalaman dan strategi pembangunan dalaman serta faktor luaran; strategi latihan dan strategi menghafaz al-Qur'an terhadap pencapaian subjek *Hifẓ al-Qur'an*. Dapatan mendapati perbezaan signifikan bagi skor min pencapaian subjek *Hifẓ al-Qur'an* dengan pemboleh ubah jantina dan lokasi tempat tinggal. Bagi dapatan kajian analisis hubungan menunjukkan bahawa dapatan menolak hipotesis kajian berkaitan dengan kesediaan dalaman dan strategi menghafaz al-Qur'an dengan pencapaian subjek *Hifẓ al-Qur'an*. Manakala dapatan strategi latihan dan strategi pembangunan dalaman pelajar tahfiz telah menerima hipotesis. Secara keseluruhan, elemen efikasi sendiri merupakan penyumbang utama kepada pencapaian subjek *Hifẓ al-Qur'an*.

Dapatan turut disokong oleh hasil temu bual lapan orang responden dalam kalangan pelajar dan dua orang responden dalam kalangan pensyarah yang mewakili kaum lelaki dan perempuan. Hasil temu bual pelajar menghuraikan item dengan lebih terperinci berdasarkan perbincangan yang dianalisis dalam dapatan kuantitatif. Manakala hasil temu bual pensyarah menjelaskan lagi proses hafazan yang dilaksanakan oleh responden pelajar tahfiz. Hasil dapatan merumuskan sikap positif dengan al-Qur'an sebagai elemen sikap, kemahuan yang tinggi untuk belajar sebagai

elemen intrinsik, dorongan ibu-bapa dan matlamat menjadi seorang penghafaz al-Qur'an sebagai elemen ekstrinsik dan tinggi kesedaran sebagai elemen nilai tugas. Analisis juga mendapati bahawa sebahagian pelajar mempunyai tahap elemen kawalan kepercayaan yang tinggi. Selain itu, para pelajar perempuan dilihat mempunyai tahap elemen kebimbangan yang lebih tinggi berbanding pelajar lelaki. Kesemua responden temu bual turut menunjukkan tahap elemen efikasi sendiri yang baik. Dapatan temu bual pensyarah berkenaan kesediaan dalaman pelajar tahfiz mendapati bahawa sikap pelajar sentiasa bergerak positif, semangat ekstrinsik telah dipupuk dalam diri setiap pelajar, semangat intrinsik pelbagai tahap, elemen nilai tugas yang tidak sama antara satu sama lain serta kebimbangan pelajar sebelum menghadapi ujian. Hasil dapatan menyokong elemen-elemen yang telah dibincangkan dalam dapatan kuantitatif.

Dapatan temu bual pelajar tahfiz berkenaan pemboleh ubah strategi latihan dapat dirumuskan dengan penggunaan strategi kognitif, metakognitif dan pengurusan sumber serta semua peringkat dalam strategi menghafaz al-Qur'an telah dipraktikkan secara aktif di sepanjang pembelajaran subjek *Hifz al-Qur'an*. Menurut pensyarah lelaki dan perempuan, terdapat penggunaan yang aktif dari segi faktor luaran pelajar tahfiz; kognitif, metakognitif dan pengurusan sumber. Selain itu, terdapat respons yang positif pada peringkat sebelum menghafaz al-Qur'an, peringkat semasa menghafaz al-Qur'an, peringkat selepas menghafaz al-Qur'an dan peringkat amalan para penghafaz al-Qur'an.

Selain itu, dapatan turut disokong dengan pemerhatian yang dilakukan oleh pengkaji semasa kelas subjek *Hifz al-Qur'an* dijalankan ke atas para pelajar tahfiz. Hasil pemerhatian merumuskan bahawa terdapat pelaksanaan strategi menghafaz al-Qur'an

yang tetap pada setiap hari merangkumi konteks adab menghafaz al-Qur'an, proses *talaqqī*, teknik-teknik menghafaz, proses *tasmi'*, proses *murāja'at*, panduan menghafaz al-Qur'an dan ciri-ciri *ḥāfiẓ/ḥāfiẓat*.



BAB LIMA

PERBINCANGAN DAPATAN DAN IMPLIKASI KAJIAN

5.1 Pendahuluan

Bab ini melibatkan sembilan bahagian, iaitu perbincangan dapatan kajian, kesimpulan dapatan kajian, implikasi dapatan kajian, implikasi teori, implikasi metodologi, sumbangan kajian, batasan dan cadangan kajian akan datang, cadangan lanjutan dan penutup. Perbincangan dapatan kajian akan menjelaskan keselarian atau perbezaan hubungan dapatan kajian ini dengan dapatan kajian lain. Di samping itu, bahagian ini juga mengetengahkan konklusi hubungan antara dapatan kajian dengan autoriti tertinggi, iaitu al-Qur'an, sebahagiannya disokong dengan hadis serta pandangan akademik berkaitan. Seterusnya kajian menerangkan berkenaan kesimpulan dapatan kajian yang dirumuskan daripada hasil dapatan dan persoalan kajian. Berdasarkan rumusan yang dibuat dalam kesimpulan dapatan kajian, penjelasan berkenaan implikasi kajian dapat disenaraikan. Implikasi kajian diperincikan kepada dua bahagian, iaitu implikasi teori dan implikasi dapatan kajian (praktikal). Bahagian akhir dalam bab ini juga dijelaskan sumbangan kajian, batasan dan cadangan kajian akan datang serta cadangan lanjutan demi memperkasakan Pendidikan Tahfiz melalui karakteristik pelajar tahfiz (faktor dalaman dan luaran).

5.2 Perbincangan Dapatan Kajian

Perbincangan dapatan kajian memberi tumpuan kepada kesinambungan hasil dapatan dengan sumber perundangan Islam, iaitu al-Qur'an, tinjauan kajian lepas serta kenyataan dan pandangan akademik berkaitan. Keselarian dan perbandingan data-data kajian lepas dengan kajian ini diketengahkan dengan satu rangkaian

perbincangan bagi menghayati perkembangan faktor dalaman dan luaran pelajar tahfiz dengan lebih menyeluruh.

5.2.1 Tahap pencapaian Subjek *Hifz al-Qur'an* Dalam Kalangan Pelajar Tahfiz

Kajian telah memperincikan tahap pencapaian subjek *Hifz al-Qur'an* yang diterangkan dalam bentuk keseluruhan, juz, lisan (*syafawī*) dan bertulis (*tahrīrī*). Berdasarkan tahap pencapaian subjek *Hifz al-Qur'an*,peratus paling tinggi berada pada tingkatan juz yang paling tinggi, iaitu 30 juz (Jadual 4.3). Peratus tertinggi juga ditunjukkan pada pencapaian gred cemerlang dalam nilai kumulatif lisan (*syafawī*),nilai kumulatif bertulis (*tahrīrī*), dan nilai kumulatif keseluruhan (*syafawī* dan *tahrīrī*). Malah, tidak lebih daripada enam peratus pelajar yang mendapat gagal dalam pencapaian subjek *Hifz al-Qur'an*. Gambaran pencapaian ini menunjukkan bahawa pelajar tahfiz kelolaan JAKIM mempunyai potensi yang tinggi untuk menamatkan pengajian dengan pencapaian gred cemerlang. Hal ini dapat dibuktikan dengan kajian-kajian yang menumpukan kepada pencapaian hafazan al-Qur'an di institusi-institusi tahfiz kelolaan JAKIM misalnya dalam kajian Sedek (2012), Azmil, et al. (2012; 2013; 2014; 2015), Shahrulkarnanin (2013), Abdul Aziz, Ahmad Syahrul, Syafawati dan Muhammad Hafizan (2015, Ahmad Syahrul, Muhammad Hafizan dan Syafawati (2015) dan sebagainya.

Gambaran daripada dapatan ini juga mempunyai kaitan dengan kesungguhan pelajar dalam menghafaz al-Qur'an. Antara item yang menunjukkan kesungguhan pelajar ialah item pertama dalam Jadual 4.6 yang mencatatkan nilai min 4.33 dan $sp = 0.82$. iaitu “saya mahu memperolehi gred yang lebih baik daripada rakan-rakan lain dalam subjek *Hifz al-Qur'an*”. Terdapat ayat al-Qur'anyang menekankan tentang kesungguhan dalam melakukan sesuatu perkara sebagaimana firman Allah s.w.t.

yang dinyatakan dalam surah al-Syarḥ (94: 7-8). Ahmad Sonhadji (1984) memberikan komentar dalam ayat 7-8 dalam surah al-Syarḥ tersebut sebagai ibadat yang dilakukan sepenuh hati, harus diiringi dengan doa yang turut melibatkan kesungguhan. Selain itu terdapat ayat-ayat al-Qur'an lain yang menerangkan tentang nilai serta balasan Allah yang setimpal dengan usaha dilakukan (surah *al-Tawbat*, 187: 105).

Usaha yang bersungguh-sungguh mempunyai kaitan dengan rezeki yang diperolehi. Kenyataan ini disokong oleh hadis yang diriwayatkan oleh 'Umar bin al-Khaṭṭāb sebagaimana yang berikut:

عن عمر بن الخطاب رضي الله عنه عن النبي (ص) قال: لو انكم توكلون على الله
حق توكله لرزقكم كما يرزق الطير تغدوا خفافا وتروح بطانا (رواه ابن
ماجه, 2010: 4164)

Maksudnya: Diriwayatkan daripada 'Umar bin al-Khaṭṭāb r.a. daripada Nabi s.a.w., Baginda bersabda: “ Kalaulah kamu berserah kepada Allah dengan penyerahan yang sebenar-benarnya, pasti Dia memberi rezeki kepada kamu seperti mana Dia memberi rezeki kepada burung. Ia keluar pagi dengan perut yang kempis, dan balik petang dengan perut yang penuh,”

(Riwayat Ibnu Mājah, 2010: 2344)

Berdasarkan hadis ini, menurut al-Ḥanbalī (2010), tawakal setelah berusaha merupakan salah satu sebab yang boleh mendatangkan rezeki. Usaha dan tawakal juga merupakan sunah Rasulullah s.a.w. (al-Ḥanbalī, 2010). Dalam memperkatakan tentang usaha menghafaz al-Qur'an, konsep tawakal kepada Allah merupakan satu keperluan. Misalnya, pada akhir semester pengajian tahfiz, pelajar akan diuji dengan satu penilaian khusus yang bertujuan mengukur tahap pencapaian pelajar tahfiz tersebut pada masa itu. Antara sistem penilaian yang dilaksanakan di institusi tahfiz ialah nilai pungutan merit yang berasaskan ujian lisan dan bertulis. Analoginya, konsep tawakal dengan rezeki yang diperolehi dalam situasi ini ialah apabila pelajar

memperolehi keputusan ujian lisan dan bertulis secara muktamad, iaitu sama ada positif ataupun sebaliknya. Justeru, konsep tawakal juga boleh dikaitkan dengan atribut kawalan kepercayaan yang ditunjukkan pada item pertama dalam Jadual 4.8, iaitu “saya boleh menguasai subjek *Hifz al-Qur'an* jika saya hafal dengan betul dan item kedua, iaitu “saya yang bersalah jika tidak dapat menghafaz,”. Kepercayaan dalam memperolehi sesuatu tugas yang dibawa sama ada positif ataupun sebaliknya menggambarkan bahawa hasil tugas yang dilakukan bersifat setimpal dengan usaha yang dibuat.

Thorndike (2001) menjelaskan bahawa sistem penilaian seperti gred adalah merupakan kesan pembelajaran yang disebut sebagai '*the law of effect*'. Dalam konteks kajian ini, '*the law of effect*' yang dimaksudkan oleh Thorndike (2001) diterjemahkan sebagai pencapaian subjek *Hifz al-Qur'an* yang mempunyai lima tahap, iaitu gagal (< 2.00), lulus(2.00 - 2.50) , baik (2.51 - 3.00), sangat baik (3.01 - 3.74) dan cemerlang (3.75 - 4.00).

Secara rumusan, dapatan kajian secara deskriptif bagi tahap pencapaian pelajar tahfiz dalam subjek *Hifz al-Qur'an* tersebut menunjukkan kesan yang amat memberangsangkan apabila nilai kumulatif keseluruhan bagi responden mencatatkan turutan graf yang menaik, iaitu peratus gagal dengan 6%, peratus lulus dengan 9.7%, peratus baik dengan 19.5%, peratus sangat baik dengan 22.1% dan peratus cemerlang dengan 42.6%.

5.2.2 Tahap Kesediaan Dalaman

Kesediaan dalaman dibahagikan kepada tiga atribut, iaitu nilai, jangkaan dan afektif.

5.2.2.1 Nilai

Atribut nilai disenaraikan sebagai elemen sikap, intrinsik, ekstrinsik dan nilai tugas.

i) Sikap

Dapatan kajian keseluruhan bagi atribut nilai; sikap menunjukkan tahap interpretasi yang tinggi (Jadual 4.5). Hal ini kerana dapatan menunjukkan nilai min 4.74. Tahap yang tinggi ini menunjukkan bahawa para pelajar tahfiz menunjukkan maklum balas yang positif terhadap elemen sikap. Antara item-item tersebut ialah rasa syukur, rasa seronok, merancang untuk memelihara al-Qur'andan dapat mengklasifikasikan subjek utama dalam pembelajaran. Dapatan kajian ini menyokong kajian Heri Saptadi (2012) berkenaan dengan matlamat yang ingin dituju oleh seseorang penghafaz al-Qur'an harus bersesuaian dengan sikap yang ditunjukkan. Hal ini juga sejajar dengan pandangan al-Masyā'ilah (2010) agar pelajar tahfiz mengamalkan sikap bersungguh-sungguh dalam menghafaz al-Qur'an. Menurut Bandura (1994) sikap memainkan peranan yang penting dalam aspek pembelajaran. Sikap yang positif dapat meningkatkan prestasi pembelajaran. Heri Saptadi (2012) turut menggambarkan sikap yang positif sebagai usaha mencapai matlamat pencapaian. Analisis temu bual pelajar juga menunjukkan bahawa kesemua pelajar memberikan sebab yang hampir sama, iaitu matlamat menghafaz al-Qur'an. Hanya seorang pelajar yang mengaitkan aktiviti penghafazan dengan aspek kehidupan, iaitu dapat meningkatkan penghayatan Islam.

Perasaan seronok yang dikaitkan dalam dapatan ini juga (Jadual 4.5) mempunyai kaitan dengan minat seseorang pelajar dalam menghafaz al-Qur'an. Antara item tersebut ialah "saya rasa seronok menghafaz al-Qur'an" yang mencatatkan nilai min 4.66 dan $sp = 0.56$. Umu Hani (2014) menjelaskan minat dan keseronokan sebagai salah satu sikap penting seseorang penghafaz al-Qur'an. Antara sebab yang boleh dikaitkan dengan dapatan ini ialah faktor budaya yang diterapkan dalam dunia hafazan. Para pelajar sentiasa diberikan latihan menghafaz pada setiap hari. Berdasarkan temu bual yang dijalankan berkenaan sikap, para pelajar menyatakan bahawa perasaan suka dalam menghafaz al-Qur'an akan dapat membantu mereka mencapai matlamat pembelajaran. Selain itu, pembelajaran akan dapat diingati lebih baik dan mudah.

Temu bual dengan pelajar juga menjelaskan pengwujudan kelas subjek *Hifz al-Qur'an* secara lisan dan bertulis mampu meningkatkan motivasi mereka dan hal ini sejajar dengan Mohd Asraf (2015) yang menekankan penyemaian sikap positif ke atas para pelajar. Berdasarkan temu bual dengan pelajar, sikap positif yang dapat dilihat ialah mereka menyatakan tentang masa yang diluangkan dalam kelas tersebut tidak menjadi amalan yang sia-sia sebaliknya berpahala.

Sikap bersyukur, seronok dengan hafazan, mampu menjelaskan subjek yang harus dikuasai serta perancangan untuk memelihara al-Qur'an merupakan sikap utama yang harus ditonjolkan dalam penghafazan al-Qur'an. Terdapat contoh ayat al-Qur'an bagi anjuran sikap bersyukur.

فَاذْكُرُونِي أَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُوا لِي وَلَا تَكْفُرُونِ

Oleh itu ingatlah kamu kepadaKu (dengan mematuhi hukum dan undang-undangKu), supaya Aku membalas kamu Dengan kebaikan; dan bersyukurlah kamu kepadaKu dan janganlah kamu kufur (akan nikmatKu).

(Surah al-Baqara, 2; 152)

ii) Intrinsik


Intrinsik digambarkan sebagai mahu mempelbagaikan strategi menghafaz, mahu menguasai keseluruhan kandungan menghafaz dan mahu tugas yang mendorong penguasaan terhadap subjek *Hifz al-Qur'an*. Dapatan kajian mendapati nilai min keseluruhan elemen ini mencatatkan nilai min yang tinggi, iaitu min= 4.25 dan sp= 0.77 (Jadual 4.4). Gambaran yang ditunjukkan berkenaan intrinsik ini bersifat sejajar dengan kenyataan Abde Syena (2013) yang menjelaskan intrinsik juga sebagai satu azam dan usaha. Dapatan turut disokong oleh Riswandi (2013) yang menggariskan ketiadaan dorongan intrinsik sebagai punca hambatan proses menghafaz al-Qur'an. Rosniati (2014) dan Nisrina (2015) menambah bahawa daya intrinsik dapat diwujudkan apabila aplikasi penyemaian jiwa untuk mencintai al-Qur'an pada peringkat awal dipraktikkan. Berdasarkan temu bual dengan pensyarah menjelaskan bahawa calon-calon pelajar Darul Quran akan didedahkan dengan kuantiti serta kualiti menghafaz al-Qur'an seperti pembacaan yang sempurna dan hafazan yang dapat dihafal dalam masa sejam semasa sesi temu duga pelajar tahfiz.

Hasil dapatan menjelaskan kewajarannya apabila tahap persepsi pelajar tahfiz ke atas atribut nilai; elemen intrinsik dilihat mempunyai pengaruh yang positif terhadap pencapaian subjek *Hifz al-Qur'an*. Keadaan ini ditunjukkan melalui nilai min yang

tinggi bagi item-item berkenaan intrinsik. Menurut al-Masyā'ilah (2010), elemen intrinsik dalam menghafaz al-Qur'an akan membentuk pencapaian subjek *Hifz al-Qur'an* yang lebih baik.

Menerusi temu bual ke atas pelajar, elemen intrinsik dijelaskan sebagai keinginan pelajar secara semulajadi untuk menghafaz al-Qur'an tanpa paksaan dari sesiapa. Selain daripada kerelaan hati pelajar, situasi ini juga boleh dihubungkan dengan temu bual pensyarah kelas subjek *Hifz al-Qur'an* yang menjelaskan bahawa hakikat keinginan menghafaz al-Qur'an timbul secara tidak tetap. Situasi ini selari dengan kenyataan al-Masyā'ilah (2010) yang menjelaskan istilah *al-Muaqqatat* kepada para pelajar tahfiz yang semangat untuk menghafaz al-Qur'annya mengikut musim.

Intrinsik dalam konteks menghafaz al-Qur'an mempunyai kaitan dengan manusia yang menghidupkan syiar Allah s.w.t. seperti yang disebutkan dalam surah al-Hajj.



ذٰلِكَ وَمَنْ يُعِظْمَ شَعْبِرَ اللّٰهِ فَاِنَّهَا مِنْ تَقْوٰى الْقُلُوْبِ ﴿٣٢﴾

Demikianlah (ajaran Allah); dan sesiapa yang menghormati syiar-syiar agama Allah maka (Dia lah orang Yang bertaqwa) kerana Sesungguhnya perbuatan itu satu kesan dari sifat-sifat taqwa hati orang mukmin.

(Surah al-Hajj, 22:32)

Dalam ayat ini, manusia yang menghidupkan syiar Allah s.w.t. diterangkan sebagai hasil daripada sifat takwa seseorang. Dalam ayat yang lain juga, intrinsik boleh dikaitkan dengan tekad seseorang. Tekad yang disemai dalam jiwa dihubungkan dengan konsep tawakal kepada Allah s.w.t. sebagaimana yang dinyatakan dalam surah āli-‘Imrān (3: 159). Ahmad Sonhadji (2000) menjelaskan huraian maksud ayat ini sebagai penyerahan diri kepada Allah s.w.t. setelah membuat sesuatu azam,

keputusan atau rancangan. Hal ini kerana, sekiranya manusia bersandar kepada kekuatan diri sahaja, kehilangan pertimbangan akal dan diri akan timbul sekiranya mereka menemui kegagalan. Contohnya dalam item yang dijelaskan dalam kajian ini, iaitu “saya merancang untuk meneruskan memelihara al-Qur’an”. Rancangan pelajar tahfiz untuk memelihara al-Qur’an sebagai salah satu elemen intrinsik tersebut berkait-rapat dengan azam yang dicita-citakan. Selaku seorang pelajar yang akan memenuhi tanggungjawab menghafaz al-Qur’an, perancangan menghafaz akan terus bergerak seiring dengan usaha, dan selebihnya diserahkan kepada Allah s.w.t. Hal ini disebutkan dalam surah Āli-‘Imrān pada ayat yang ke 54 yang menerangkan bahawa makhluk Allah s.w.t. hanya mampu membuat perancangan, tetapi perancangan Allah s.w.t mengatasi perancangan hamba-Nya.

iii) Ekstrinsik

Berdasarkan Jadual 4.8, dapatan kajian berkenaan atribut nilai; elemen ekstrinsik berada pada tahap yang tinggi bagi pernyataan mahu memperolehi gred yang lebih baik dari rakan-rakan, mahu menonjolkan keupayaan kepada keluarga, rakan-rakan, institusi dan orang lain serta mahu menghafaz al-Qur’an kerana tuntutan agama. Analisis yang ditunjukkan dalam Jadual 4.8 mendapati tahap persepsi pelajar tahfiz terhadap pernyataan mahu sanjungan masyarakat dan jaminan kerja di masa hadapan berada pada tahap yang sederhana tinggi berbanding pernyataan yang lain. Dapatan sederhana tinggi ini menunjukkan bahawa para pelajar tahfiz tidak terlalu memikirkan tentang sanjungan masyarakat apabila mereka telah berjaya. Begitu juga dengan jaminan pekerjaan pada masa akan datang. Hal ini selaras dengan kenyataan

Badrul (2008), Abdul Hafiz dan Hasimah (2003) serta Muhammad Khalīfatullāh (2013) yang menggariskan keutamaan akhirat dalam menghafaz al-Qur'an.

Walau bagaimanapun, memenuhi tuntutan akhirat tidak memberikan maksud bahawa tuntutan dunia diabaikan begitu sahaja dan keadaan ini sejajar dengan doa yang wajar dipanjatkan setiap muslimin dan muslimat berkenaan kebahagiaan di dunia dan akhirat melalui ayat yang ke 201 dalam surah al-Baqarāḥ (2:201).

Berdasarkan analisis temu bual ke atas pelajar, dapatan digambarkan kepada dua bentuk, iaitu daya ekstrinsik yang lahir daripada diri sendiri dan daya ekstrinsik yang tumbuh kerana hasil dorongan daripada ahli keluarga. Temu bual dengan pensyarah pula mendapati, elemen ekstrinsik yang lahir daripada pelajar mempunyai kaitan dengan ganjaran yang diberikan oleh para pensyarah sekiranya memenuhi tuntutan seperti berpotensi, cemerlang dan sebagainya. Walau bagaimanapun, Pintrich dan Schunk (1996) mengutarakan tentang adanya faktor yang membahayakan sekiranya dibiasakan dengan ganjaran kerana wujud sifat kebergantungan dalam mencapai kejayaan. Hal ini juga menampakkan usaha seseorang pelajar yang tidak natural dalam menghayati pembelajaran. Namun, hakikatnya amalan memberikan ganjaran setelah pelajar berjaya mencapai sesuatu matlamat pencapaian akan dapat meningkatkan lagi usaha pelajar pada peringkat yang seterusnya. Hal ini bertepatan dengan konsep ganjaran yang diketengahkan oleh Khairudin, et al. (2013) yang merangkumi tiga bentuk, iaitu ganjaran positif, ganjaran negatif dan hukuman. Dalam konteks pembelajaran tahfiz di Darul Quran, melalui sesi temu bual dengan pensyarah menjelaskan bahawa para pensyarah sering memberikan ganjaran positif apabila pelajar mereka berjaya mencapai sesuatu matlamat hafazan seperti

memberikan hadiah wang sagu hati, makanan dan sebagainya. Malah pihak Darul Quran tidak akan membenarkan pelajar untuk mengambil peperiksaan sekiranya pelajar tidak dapat memenuhi silibus hafazan yang ditetapkan.

Berdasarkan analisis temu bual berkenaan ekstrasik juga, iaitu faktor diri misalnya berkaitan dengan matlamat seseorang pelajar untuk menjadi seorang penghafaz al-Qur'an yang menamatkan hafazan sebanyak 30 juz. Menurut Nisrina (2015), perkara ini mempunyai hubungan dengan sifat kecintaan dengan al-Qur'an. Beliau menyarankan penyemaian rasa cinta terhadap al-Qur'an harus bermula sejak dari awal lagi. Ibu-bapa memainkan peranan paling utama dalam usaha menyemai rasa cinta terhadap al-Qur'an ke dalam jiwa anak-anak mereka (Nisrina, 2015). Konsep *trial and error* yang wujud dalam aktiviti penghafazan al-Qur'an menyebabkan ramai pelajar tahfiz yang cepat berasa jemu dengan aktiviti yang dilakukan kerana aktiviti tersebut menuntut kesabaran yang tinggi dari seseorang penghafaz.

Pendekatan ekstrasik telah diaplikasi dalam al-Qur'an apabila Allah s.w.t. menjanjikan ganjaran berupa syurga kepada mereka yang beriman seperti yang dinyatakan dalam surah al-Baqarat, 2: 25.

وَبَشِّرِ الَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ أَنَّ لَهُمْ جَنَّاتٍ تَجْرَى مِنْ تَحْتِهَا
الْأَنْهَارُ كُلَّمَا رُزِقُوا مِنْهَا مِنْ ثَمَرَةٍ رِزْقًا قَالُوا هَذَا الَّذِي رُزِقْنَا مِنْ قَبْلُ
وَأُتُوا بِهِ مُتَشَبِهًا وَلَهُمْ فِيهَا أَزْوَاجٌ مُطَهَّرَةٌ وَهُمْ فِيهَا خَالِدُونَ ﴿٢٥﴾

Dan berilah khabar gembira kepada orang-orang yang beriman dan beramal soleh, Sesungguhnya mereka beroleh syurga yang mengalir di bawahnya beberapa sungai; tiap-tiap kali mereka diberikan satu pemberian dari sejenis buah-buahan syurga itu, mereka berkata: "Inilah yang telah diberikan kepada kami dahulu"; dan mereka diberikan rezeki itu yang sama rupanya (tetapi berlainan hakikatnya), dan disediakan untuk mereka dalam syurga itu pasangan-pasangan, isteri-isteri yang sentiasa bersih suci, sedang mereka pula kekal di dalamnya selama-lamanya.

(Surah al-Baqarat, 2: 25)

Hal ini boleh dikaitkan dengan ganjaran positif daripada pihak pensyarah kepada para pelajar tahfiz yang cemerlang dan berpotensi dalam menghafaz al-Qur'an.

iv) Nilai Tugas

Dapatan dalam Jadual 4.6 berkenaan nilai tugas menjelaskan tahap interpretasi yang tinggi dalam kesemua item. Keadaan ini bermaksud majoriti pelajar tahfiz mempunyai persepsi yang baik serta mempunyai kesedaran betapa pentingnya tugas yang dibawa dalam kehidupan mereka. Analisis temu bual dengan pelajar juga mendapati bahawa elemen ini ditunjukkan dalam dua kepentingan, iaitu terhadap diri dan masyarakat. Pintrich, et al. (1991) mengandaikan situasi ini sebagai manfaat yang diperolehi dalam diri. Ia juga mempunyai kaitan dengan kesungguhan seseorang pelajar. Dalam sesi temu bual yang dijalankan bersama pensyarah subjek *Hifz al-Qur'an*, nilai kesungguhan pelajar terhadap hafazan mempunyai perbezaan di antara satu sama lain. Seseengah pelajar mempunyai kesungguhan yang tinggi, seseengah yang lain mempunyai daya kesungguhan yang bersifat sederhana. Walau bagaimanapun, kesungguhan merupakan kata kunci dalam melakukan setiap hal, lebih-lebih lagi dalam konteks al-Qur'an yang dihafaz. Hal ini selari dengan ayat al-Qur'an yang menyatakan tentang kesungguhan dalam melakukan sesuatu pekerjaan dalam surah al-Syarh.

فَإِذَا فَرَغْتَ فَانصَبْ ﴿٧﴾

Kemudian apabila Engkau telah selesai (daripada sesuatu amal soleh), maka bersungguh-sungguhlah engkau berusaha (mengerjakan amal soleh yang lain),

(Surah al-Syarh , 94: 7)

Kesungguhan juga boleh dikaitkan dengan kefahaman. Seseorang pelajar akan dapat melaksanakan tugas mereka dengan lebih sempurna sekiranya kefahaman tentang tugas yang dibawa dapat dicapai terlebih dahulu. Bersesuaian dengan kenyataan ini, Nisrina (2015) mengungkapkan beberapa interaksi penting dengan pencipta sebagai satu disiplin ilmu yang menuntut amalan seseorang, sebagai contohnya ialah menghafaz al-Qur'an, membaca al-Qur'an, tadabbur al-Qur'an dan lain-lain (al-Qarḍāwī, 1999).

Dalam perkembangan yang lain, aspek minat dan penguasaan memori memberi impak kepada persepsi pelajar tahfiz terhadap tugas yang dibawa. Hal ini bertepatan dengan Afrizal (2012) yang meletakkan faktor minat sebagai tunggak utama dalam menghafaz al-Qur'an. Manakala Sedek (2012) menjelaskan faktor penguasaan memori dengan kaedah spesifik akan dapat meningkatkan pencapaian.

5.2.2.2 Jangkaan

Elemen jangkaan dikategorikan dalam dua bahagian, iaitu kawalan kepercayaan dan efikasi sendiri.

i) Kawalan kepercayaan

Dapatan berkenaan kawalan kepercayaan pelajar tahfiz menunjukkan tahap interpretasi yang tinggi (Jadual 4.7). Antara item-item yang menjadi topik perbincangan berkenaan jangkaan ialah ramalan kejayaan atau kegagalan seseorang pelajar berdasarkan pemikiran rasional, misalnya item yang kedua dalam Jadual 4.7, iaitu “saya yang bersalah sekiranya tidak dapat menghafaz”. Pemikiran rasional yang

dimaksudkan dalam pernyataan item ini ialah meletakkan kesalahan kepada diri apabila gagal menjalankan sesuatu kewajipan tugas yang perlu dilakukan.

Dalam kajian-kajian lepas seperti al-Masyā'ilah (2010) dan Mariam, et al. (2014) menjelaskan bahawa faktor paling utama dalam menghafaz al-Qur'an ialah disiplin. Misalnya item pertama dalam Jadual 4.8, iaitu “saya boleh menguasai subjek *Hifẓ al-Qur'an* jika saya hafal dengan betul”. Penerapan budaya disiplin merupakan satu bentuk kawalan kepercayaan. Disiplin yang rendah dalam menghafaz al-Qur'an dapat menjejaskan aktiviti menghafaz al-Qur'an (al-Masyā'ilah, 2010). Mereka yang percaya bahawa diri mereka mampu melakukan akan berusaha mendapatkan apa yang mereka harapkan.

Analisis temu bual dengan pelajar tahfiz berkenaan kawalan kepercayaan dapat dibahagikan kepada tiga bentuk, iaitu kawalan kepercayaan terhadap diri, kawalan kepercayaan yang mempunyai hubungan dengan orang lain dan wujudnya pergantungan kepada Allah s.w.t. setelah melakukan usaha. Bentuk kawalan kepercayaan terhadap diri yang dapat dianalisis ialah mempunyai keyakinan bahawa usaha yang dilakukan berasal daripada faktor diri, manakala kawalan kepercayaan yang mempunyai hubungan dengan orang lain ialah dorongan dari pihak lain seperti ibu-bapa, guru dan institusi. Hal ini disokong oleh kenyataan Murihah, et al. (2015) yang menekankan peranan orang terhampir seperti ibu-bapa dalam menjayakan penghafazan al-Qur'an para pelajar tahfiz.

Kawalan kepercayaan juga boleh dilihat sebagai kemampuan membezakan sesuatu perkara ke atas diri sama ada baik ataupun buruk. Dalam al-Qur'an, terdapat banyak

ayat-ayat yang menganjurkan manusia agar dapat membezakan perbuatan baik dan buruk melalui akal fikiran yang telah dianugerahkan oleh Allah s.w.t. untuk berfikir dengan waras. Contohnya dalam surah al-Mā'idat.

قُلْ لَا يَسْتَوِي الْخَبِيثُ وَالطَّيِّبُ وَلَوْ أَعْجَبَكَ كَثْرَةُ الْخَبِيثِ فَاتَّقُوا اللَّهَ يَأْتِ بِإِلَافٍ
الْأَلْبَبِ لَعَلَّكُمْ تَفْلَحُونَ ﴿١٠٠﴾

Katakanlah (Wahai Muhammad): "Tidak sama Yang buruk Dengan Yang baik, Walaupun banyaknya Yang buruk itu menarik hatimu. oleh itu bertaqwalah kepada Allah Wahai orang-orang Yang berakal fikiran, supaya kamu berjaya.


(surah al-Mā'idat, 5: 100)

ii) Efikasi Kendiri

Dapatan kajian Jadual 4.8 berkenaan efikasi kendiri menunjukkan kesemua item mempunyai tahap interpretasi yang tinggi. Min keseluruhan item ialah 4.02 dan nilai $sp = 0.8$. Antara item-item yang digambarkan ialah membentuk satu persepsi keyakinan dan jangkaan positif pelajar tahfiz terhadap tugas yang dibawa. Contohnya seperti yang ditunjukkan pada item kedua, iaitu “saya pasti dapat melalui proses menghafaz paling sukar dalam penghafazan al-Qur’ān. Dapatan ini selari dengan kajian-kajian lepas seperti Brophy (1998), Murat (2009), Rusmita (2014), Zaiton (2014), Mariam, et al. (2015) dan Muhardi (2016). Layin (2014) turut menggambarkan bahawa efikasi kendiri yang dapat dihubungkan dengan keinginan pelajar dalam menghafaz al-Qur’an. Dapatan temu bual bersama pensyarah dalam kajian ini menjelaskan bahawa amalan memberi ganjaran kepada pelajar tahfiz yang berpotensi bertujuan meningkatkan keinginan pelajar untuk mampu mengekalkan prestasi mereka, malah meningkatkan lagi usaha yang sedia ada. Selain itu, dalam sesi temu bual bersama beberapa pelajar tahfiz menggariskan bahawa usaha dan keyakinan mereka didorong oleh faktor persekitaran dan doa daripada orang-orang

yang berada dalam lingkungan mereka. Oleh itu, tahap efikasi sendiri yang tinggi dalam kajian ini menunjukkan para pelajar tahfiz mempunyai keyakinan yang tinggi dalam menghafaz al-Qur'an dan antara salah satu faktor keyakinan ialah kerana adanya dorongan serta sokongan daripada lingkungan mereka sendiri (Murihah, et al., 2015).

Kepentingan elemen efikasi sendiri dalam pengajian tahfiz telah diutarakan oleh al-Masyā'ilah (2010) yang mengaitkannya dengan bentuk pemikiran positif dan keyakinan. Di dalam al-Qur'an, banyak disebut berkenaan dengan yakin. Keyakinan yang disebut dalam al-Qur'an menghubungkan hamba Allah dengan pencipta antaranya ialah dalam surah al-Baqarat.



وَالَّذِينَ يُؤْمِنُونَ بِمَا أُنْزِلَ إِلَيْكَ وَمَا أُنْزِلَ مِنْ قَبْلِكَ وَبِالْآخِرَةِ هُمْ يُوقِنُونَ ﴿٤﴾

Dan juga orang-orang yang beriman kepada kitab "al-Qur'an" Yang diturunkan kepadamu (wahai Muhammad), dan kitab-kitab yang diturunkan dahulu daripadamu, serta mereka yakin akan (adanya) hari akhirat (dengan sepenuhnya).

(Surah al-Baqarat, 2: 4)

5.2.2.3 Afektif

i) Kebimbangan

Hasil kajian dalam Jadual 4.9 mendapati min keseluruhan bagi aspek ini berada pada tahap yang tinggi (min= 3.95). Penemuan kajian menjelaskan aspek kebimbangan yang mempunyai interpretasi tahap tinggi ialah teringat-ingat soalan ujian yang tidak dapat dijawab, memikirkan kesan buruk sekiranya gagal dan berdebar ketika mengambil ujian. Item yang menjelaskan kurang selesa ketika mengambil ujian

menunjukkan tahap interpretasi yang sederhana. Dapatan ini selari dengan Abdul Hafiz, et al. (2008) yang menspesifikasikan pelajar tahfiz perempuan dihindangi perasaan gemuruh semasa sesi pengujian hafazan al-Qur'an.

Dalam sesi temu bual bersama pensyarah juga menjelaskan bahawa pada kebiasaannya para pelajar tahfiz, iaitu tidak kira para pelajar lelaki atau perempuan akan berasa gementar apabila peperiksaan hampir tiba. Situasi ini boleh dikaitkan dengan tahap persepsi pelajar tahfiz berkenaan kebimbangan seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4.9. Walaupun kebimbangan dapat menjejaskan pencapaian, terutamanya apabila menghadapi ujian lisan, tetapi dalam perkembangan yang lain, tahap persepsi pelajar yang tinggi dalam elemen kebimbangan juga menunjukkan adanya sumbangan positif terhadap pencapaian. Dalam versi yang lain, kebimbangan yang tinggi mencerminkan adanya sikap ambil berat pelajar tahfiz terhadap tugas yang mereka bawa. Hal ini kerana, mereka bimbang pencapaian mereka tidak setimpal dengan apa yang diharapkan.

Dapatan ini disokong oleh dua orang pelajar dalam sesi temu bual yang mengimplikasikan konotasi kebimbangan dengan pemikiran yang positif contohnya menggantikan kebimbangan tersebut sebagai bentuk tawakal yang sebenar-benarnya kepada Allah s.w.t. dan menyemai dalam diri bahawa peperiksaan hanyalah wasilah untuk meningkatkan kualiti hafazan. Kenyataan ini sejajar dengan Husni, et al. (2013) yang menyatakan bahawa kebimbangan dapat ditangani sekiranya pegangan agama seseorang berada pada tahap yang tinggi. Seorang daripada pelajar tahfiz turut menjelaskan bahawa kebimbangan yang berlebihan merupakan godaan syaitan. Dapatan diperkuat dengan hasil temu bual bersama pelajar tahfiz yang majoriti

mereka menyatakan rasa bimbang semasa pengujian dijalankan kerana takut terlupa pada ayat-ayat yang telah dihafaz. Kebimbangan mereka yang tinggi menyebabkan kualiti hafazan yang dipersembahkan terjejas. Seorang pelajar menjelaskan kerumitan untuk mengingat kepala ayat (permulaan ayat) boleh berlaku sekiranya panik dan hal tersebut akhirnya menyebabkan konsentrasi hafazan bertambah rumit. Situasi ini sesuai dengan ayat al-Qur'an, surah al-Qiyamat (75:16) yang menganjurkan agar bacaan ayat-ayat suci al-Qur'an yang dibaca, tidak disertai dengan perasaan terburu-buru. Justeru, bagi mengatasi permasalahan ini, terdapat beberapa ayat al-Qur'an yang menjadi panduan kepada para penghafaz al-Qur'an khususnya, supaya dapat memohon perlindungan kepada Allah s.w.t. daripada hasutan syaitan, sebagaimana yang dinyatakan dalam surah al-Nās.



مِنْ شَرِّ الْوَسْوَاسِ الْخَنَّاسِ

"Dari kejahatan pembisik penghasut yang timbul tenggelam,

Universiti Utara Malaysia (surah al-Nās, 114: 4)

5.2.3 Tahap Strategi Pembangunan Dalaman

Dapatan kajian dalam Jadual 4.10 menjelaskan bahawa keseluruhan item-item dalam strategi pembangunan dalaman pelajar tahfiz berada pada tahap yang tinggi. Daripada 14 item, hanya tiga item yang mempunyai interpretasi tahap sederhana. Interpretasi tahap tinggi dengan nilai min tertinggi ialah (min= 4.66), iaitu item “saya percaya bahawa al-Qur'an merupakan nilai-nilai positif dalam hidup saya”. Berdasarkan item ini, analisis mendapati pernyataan item dijelaskan mempunyai konotasi atribut nilai, iaitu elemen nilai tugas. Elemen nilai tugas ini menyokong kenyataan al-Masyā'ilah (2010) yang menghubungkan al-Qur'an sebagai matlamat untuk mengenal agama. Apabila pelajar tahfiz memahami tugas yang dibawa

mempunyai nilai yang tinggi seperti matlamat mengenal agama, maka hal ini juga boleh dikaitkan dengan persepsi pelajar dalam menghargai sesuatu tugas yang dibawa.

Dalam Jadual 4.10 menjelaskan bahawa min terendah dalam strategi pembangunan dalaman pelajar tahfiz ialah item “saya tidak pasti keupayaan saya untuk mencapai apa yang dirancang dalam menghafaz al-Qur’an” (min= 3.06). Item ini juga menjelaskan konotasi elemen efikasi sendiri. Analisis menggambarkan bahawa tahap efikasi sendiri pelajar tahfiz berada pada tahap yang tinggi. Dapatan ini selari dengan Jadual 4.10 yang menunjukkan interpretasi tahap tinggi pada keseluruhan item dalam elemen efikasi sendiri (min= 3.99, sp= 0.81).

Selain itu, dapatan ini juga menyokong kenyataan Halilovic (2005), Al-Masyā’ilah (2010), Heri Saptadi (2012) dan Rusmita (2014) yang menjelaskan motivasi sebagai penggerak utama dalam menghafaz al-Qur’an. Motivasi merupakan suatu perkara yang abstrak tidak dapat dilihat secara nyata serta mengandungi elemen efikasi sendiri. Analisis dalam Jadual 4.10 juga menunjukkan konotasi elemen efikasi sendiri seperti item keenam, iaitu “saya yakin dan percaya bahawa saya harus bekerja keras menggunakan segala tenaga, bakat dan kebolehan supaya berjaya dalam mengekalkan apa yang dirancang” juga menghasilkan tahap interpretasi yang tinggi (min= 4.32, sp= 0.69). Justeru, item ini dilihat sebagai konotasi jangkaan dalam strategi pembangunan dalaman yang mencatatkan nilai min paling tinggi. Dapatan ini juga menggambarkan bahawa konotasi jangkaan tersebut dapat dicabangkan sebagai efikasi sendiri yang merupakan elemen penting dalam pencapaian subjek *Hifz al-Qur’an*.

Bagi konotasi afektif; kebimbangan, nilai min paling tinggi pada tahap min sederhana tinggi ialah item kesebelas (Jadual 4.10), iaitu “saya sering memberi tumpuan kepada apa yang sukar dicapai kerana bimbang tidak dapat mencapai matlamat dalam menghafaz al-Qur’an” (min= 3.88, sp= 0.82). Situasi ini mempunyai kaitan dengan emosi pelajar yang tidak dapat mencapai matlamat pada hari-hari tertentu, seperti yang ditunjukkan dalam item ketujuh (Jadual 4.10), iaitu “saya risau proses *tasmi*’ yang ditetapkan oleh pensyarah pada setiap hari,” Kebimbangan terus meningkat apabila bebanan untuk menghafaz semakin banyak kerana tidak dapat mencapai matlamat pada hari-hari yang tertentu, bahkan menjadi masalah yang lebih besar apabila seseorang pelajar mengambil masa beberapa hari untuk mencapai matlamat. Misalnya sekiranya pelajar menghafaz pada setiap hari dengan kadar satu makrak, dan pada hari tertentu tidak dapat menghafaz dengan kadar tersebut, malah kurang daripada kadar yang biasa dilakukan. Hal ini dapat mengganggu atribut afektif pelajar terutamanya bagi mereka yang berpotensi dalam pengajian tahfiz. Secara keseluruhannya, strategi pembangunan dalaman pelajar tahfiz mempunyai konotasi atribut nilai, jangkaan dan afektif.

Atribut nilai, jangkaan dan afektif boleh diterangkan sebagai motivasi. Hal ini diterangkan oleh Pintrich, et al. (1991) yang mengklasifikasikan motivasi kepada elemen-elemen tersebut. Motivasi juga boleh dikaitkan dengan sikap yang positif dan tidak berputus asa (al-Masyā’īlah, 2010). Di dalam al-Qur’an terdapat ayat-ayat yang menjelaskan kepada manusia agar tidak berputus asa seperti yang dinyatakan dalam surah al-Syu‘arāk.

قَالَ رَبُّ الْمَشْرِقِ وَالْمَغْرِبِ وَمَا بَيْنَهُمَا إِنَّ كُنْتُمْ تَعْقِلُونَ

Nabi Musa (menerangkan lagi tentang keesaan Allah dan kekuasaannya dengan) berkata: "Dia lah Yang memiliki dan Menguasai timur dan barat serta Segala Yang ada di antara keduanya; kalau kamu orang-orang Yang berakal tentulah memahaminya!"

(Surah al-Syu'arāk, 26: 28)

5.2.4 Tahap Strategi latihan

Tahap strategi latihan diterangkan kepada tiga strategi, iaitu kognitif, metakognitif dan pengurusan sumber.

Strategi latihan dibahagikan kepada empat elemen, iaitu latihan (*rehearsal*), penghuraian, penyusunan dan pemikiran kritis.

5.2.4.1 Kognitif: Latihan (*rehearsal*)

Dapatan kajian dalam Jadual 4.11 menjelaskan bahawa item “saya mengulang hafazan yang dihafal secara berulang kali” menunjukkan nilai min yang tinggi, (min= 4.24, sp= 0.72). Dapatan ini menggambarkan para pelajar tahfiz mempraktikkan teknik ulangan ke atas ayat-ayat al-Qur’anyang telah dihafal. Dalam pengajian tahfiz, situasi ini sering disebut sebagai *murāja‘at* atau *takrār*. Selain itu perkataan *‘iādat* juga sering digunakan dalam mengungkapkan perbuatan mengulang al-Qur’an yang telah dihafal. Dapatan ini sejajar dengan al-Masyā‘īlah (2010), Sedek (2012), Tengku Radzitan (2013), Anisa (2014), Salman (2015), Sedek (2012) serta Mustaffa dan Khader (2015) yang menekankan aspek pengulangan dalam menghafaz al-Qur’an.

Hasil analisis data temu bual bersama pelajar turut menjelaskan bahawa majoriti pelajar tahfiz mengamalkan pengulangan ayat-ayat al-Qur’an yang dipanggil

murāja'at mengikut kemampuan yang berbeza-beza antara satu sama lain. Seseengah pelajar mempunyai kemampuan mengulang al-Qur'an dengan kadar yang tinggi seperti empat juz sehari dan seseengah pelajar hanya mengulang ayat yang dihafaz pada hari sebelumnya. Menurut pensyarah-pensyarah yang ditemu bual juga menjelaskan aktiviti ini dilakukan secara formal mengikut kesesuaian masa yang dikawal oleh pensyarah kelas.

Pengulangan ayat-ayat al-Qur'an mempunyai kaitan dengan tuntutan pembacaan ayat-ayat al-Qur'an. Di dalam al-Qur'an, terdapat ayat-ayat yang menggalakkan supaya al-Qur'an dapat dibaca, antaranya ialah dalam surah al-‘Ālaq.



أَقْرَأْ بِاسْمِ رَبِّكَ الَّذِي خَلَقَ

Bacalah (Wahai Muhammad) Dengan nama Tuhanmu Yang menciptakan
(sekalian makhluk),

Universiti Utara Malaysia (Surah al-‘Ālaq, 96: 1)

5.2.4.2 Kognitif: Penghuraian

Dapatan kajian dalam Jadual 4.12 menunjukkan bahawa min keseluruhan bagi elemen penghuraian berada pada tahap yang sederhana tinggi (min= 3.40; sp= 1.01). Dapatan ini sesuai dengan cadangan Mohd Zulkifli, et al. (2015) serta Wan Ahsani dan Muhammad faisal (2015) yang meletakkan usaha mencari perbendaharaan kata dalam bahasa Arab dapat mendalami kandungan al-Qur'an. Al-Masyā'ilah (2010) dan Rosniati (2014) turut menggalakkan pembacaan kitab-kitab tafsir yang muktabar bagi meningkatkan aspirasi untuk menghafaz al-Qur'an.

Berdasarkan temu bual dengan pensyarah menjelaskan bahawa sesetengah pelajar mampu menghafaz terus *kalāmullah* dengan mudah dan sesetengah pelajar memerlukan strategi tertentu bagi membantu proses hafazan mereka lebih cepat contohnya memahami makna atau cerita di sebalik ayat-ayat yang dihafaz dan sebagainya. Usaha ini juga boleh difahami sebagai *tadabbur* al-Qur'an. Terdapat ayat-ayat dalam al-Qur'an yang menjelaskan berkenaan *tadabbur*.

وَإِذَا سَمِعُوا مَا أُنزِلَ إِلَى الرَّسُولِ تَرَىٰ أَعْيُنُهُمْ تَفِيضُ مِنَ الدَّمْعِ مِمَّا عَرَفُوا مِنَ الْحَقِّ يَقُولُونَ رَبَّنَا ءَامَنَّا فَاكْتُبْنَا مَعَ الشَّاهِدِينَ ﴿٨٣﴾

Dan apabila mereka mendengar al-Qur'an yang diturunkan kepada Rasulullah (Muhammad, s.a.w), engkau melihat mata mereka mencucurkan air mata disebabkan apa yang mereka ketahui (melalui kitab mereka) dari kebenaran (al-Qur'an), sambil mereka berkata: "Wahai Tuhan kami, Kami beriman (kepada Nabi Muhammad dan kitab suci Al-Qur'an), oleh itu tetapkanlah kami bersama-sama orang-orang yang menjadi saksi (yang mengakui kebenaran Nabi Muhammad s.a.w).

(Surah al-Mā'idat, 5: 83)

5.2.4.3 Kognitif: Penyusunan

Jadual 4.13 menunjukkan persepsi pelajar tahfiz berkenaan elemen penyusunan berada pada tahap yang sederhana tinggi (min= 3.66, sp= 0.91). Situasi ini menunjukkan para pelajar tahfiz tidak meletakkan elemen ini sebagai elemen yang utama dalam menghafaz al-Qur'an. Misalnya pada penggunaan pemetaan minda dalam penghafazan al-Qur'an. Al-Mosallam (2013) menjelaskan bahawa pemetaan minda sesuai dilakukan pada subjek yang mempunyai cerita dan topik-topik. Bagi penghafaz al-Qur'an dalam kalangan 'Ajam, kemampuan menghasilkan pemetaan minda dalam proses menghafaz al-Qur'an merupakan usaha yang cemerlang. Hal ini kerana, berdasarkan pemerhatian yang dilakukan semasa kelas subjek *Hifz al-Qur'an*, pemetaan minda biasanya dilakukan oleh para pelajar tahfiz apabila ingin

menguasai sesuatu subjek yang selain daripada subjek *Hifẓ al-Qur'an*. Misalnya subjek akidah, *Tarikh al-qurra'*, al-Fawāṣil dan sebagainya.

Selain itu, pemetaan minda juga boleh dikaitkan dengan konsep jadual. Menurut para pensyarah, pihak Darul Quran ada mengetengahkan 'Diari Huffaz' yang boleh digunakan oleh pelajar tahfiz untuk merekod aktiviti mereka dalam bentuk jadual. Namun, item yang melibatkan penyusunan jadual tersebut hanya menunjukkan tahap interpretasi yang sederhana (min= 3.44, sp= 1.00). Item tersebut ialah saya membuat carta ringkas atau jadual bagi membantu menyusun matlamat dalam subjek *Hifẓ al-Qur'an*. Dapatan ini menyokong kajian-kajian lepas seperti Abdul Hafiz dan Hasimah (2003), Mohd Khoeron (2012), Sofwan, et al. (2014) dan Mohd Ali, et al. (2014) yang menonjolkan elemen penyusunan dalam konteks matlamat pembelajaran.

Elemen penyusunan juga boleh dikaitkan dengan organisasi. Di dalam al-Qur'an terdapat ayat-ayat yang menjelaskan berkenaan pentingnya organisasi seperti dalam surah Āli-'Imrān, 3: 103. Terdapat juga ayat-ayat al-Qur'an yang menunjukkan elemen penyusunan yang ditunjukkan Allah s.w.t. melalui penciptaan-Nya.

وَالْخَيْلَ وَالْبِغَالَ وَالْحَمِيرَ لِتَرْكَبُوهَا وَزِينَةً وَيَخْلُقُ مَا لَا تَعْلَمُونَ ﴿٨﴾

Dan (Allah menjadikan) kuda dan baghal serta keldai untuk kamu menunggangnya, dan untuk menjadi perhiasan; dan ia menjadikan apa yang kamu tidak mengetahuinya.


(Surah al-Nahl, 16: 8)

5.2.4.4 Pemikiran kritis

Hasil kajian berkenaan elemen pemikiran kritis dalam Jadual 4.14 menunjukkan tahap interpretasi yang sederhana tinggi (min= 3.81, sp= 0.86). Item-item yang dibincangkan dalam kajian ini ialah pengulangan sehingga matlamat menghafaz tercapai, mencari bahan sokongan untuk membantu hafazan serta teknik yang dibangunkan untuk menghafaz. Hasil penemuan kajian membuktikan bahawa para pelajar tahfiz mencari bahan sokongan lain sebagai bantuan kepada hafazan mereka. Min yang ditunjukkan dalam item kedua (Jadual 4.14) mencatatkan nilai 3.72 dan sp= 0.85. Dapatan ini menyokong kenyataan Abdul Hafiz dan Hasimah (2004) berkenaan teknik-teknik menghafaz yang diketengahkan seperti rakaman suara, cd, kaset dan sebagainya.

Selain itu, teknik menghafaz sendiri (Jadual 4.14) juga menunjukkan tahap interpretasi yang tinggi (min= 4.05, sp= 0.93). Keadaan ini selaras dengan kajian Sedek (2009) yang membandingkan dua kaedah berbeza oleh sebilangan pelajar tahfiz. Ada pelbagai kaedah menghafaz yang diperkenalkan dan rata-rata kaedah yang digunakan akan dapat membantu proses hafazan berjalan lancar dan mengamalkan pengulangan secara kerap. Pengulangan kerap yang disertai dengan pertanyaan kepada diri sendiri subjek yang dihafaz bagi menguji kemantapan hafazan juga dipraktikkan oleh sebilangan pelajar tahfiz. Walau bagaimanapun, peratus yang ditunjukkan dalam kajian ini menunjukkan nilai yang sederhana tinggi (min= 3.65, sp= 0.81). Dalam kajian-kajian yang lepas, pertanyaan tentang subjek hafazan hanya dikaitkan dengan penilaian atau peperiksaan. Kajian-kajian menjelaskan tentang wujudnya daya pemikiran kritis pada pelajar yang menghafaz al-Qur'an, namun tidak menspesifikasi elemen tersebut sebagai pertanyaan subjek

hafazan kepada diri sendiri bagi menguji tahap penguasaan hafazan (Al-‘Unūd, 2008; Javed & Amina, 2014). Walau bagaimanapun, penguasaan menghafaz al-Qur’an boleh dikaitkan dengan hasil data kajian berkenaan atribut strategi menghafaz al-Qur’an dalam elemen teknik menghafaz al-Qur’an. Dapatan menunjukkan pelbagai teknik menghafaz yang digunakan oleh para pelajar tahfiz. Dapatan dalam Jadual 4.22 menunjukkan nilai min 3.49 bagi teknik-teknik menghafaz al-Qur’an (tahap sederhana tinggi). Apa yang boleh diketengahkan berdasarkan dapatan tersebut ialah penguasaan hafazan al-Qur’an tidak akan dapat dicapai sekiranya teknik menghafaz tidak dapat diaplikasi dalam proses menghafaz. Justeru, penggunaan teknik menghafaz tertentu dalam menghafaz al-Qur’an merupakan salah satu elemen pemikiran kritis. Terdapat ayat-ayat al-Qur’an yang mempunyai kaitan dengan elemen pemikiran kritis.



يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا كُونُوا قَوَّامِينَ لِلّٰهِ شُهَدَاءَ بِالْقِسْطِ ۚ وَلَا يَجْرِمَنَّكُمْ شَنَاٰنُ قَوْمٍ عَلَىٰ ءَلَّا تَعْدِلُوا ۚ اَعْدِلُوا هُوَ اَقْرَبُ لِلتَّقْوٰى ۚ وَاتَّقُوا اللّٰهَ ۚ اِنَّ اللّٰهَ خَبِيرٌۢ بِمَا تَعْمَلُونَ ﴿٨﴾

Wahai orang-orang yang beriman, hendaklah kamu semua sentiasa menjadi orang-orang yang menegakkan keadilan kerana Allah, lagi menerangkan kebenaran; dan jangan sekali-kali kebencian kamu terhadap sesuatu kaum itu mendorong kamu kepada tidak melakukan keadilan. hendaklah kamu berlaku adil (kepada sesiapa jua) kerana sikap adil itu lebih hampir kepada taqwa. dan bertaqwalah kepada Allah, Sesungguhnya Allah Maha mengetahui dengan mendalam akan apa yang kamu lakukan.

(Surah al-Mā'idat, 5: 8)

5.2.4.5 Metakognitif: Regulasi Kendiri

Elemen regulasi kendiri dalam Jadual 4.15 menunjukkan tahap interpretasi yang tinggi (min= 3.87, sp= 0.85). Item yang mencatatkan nilai min paling tinggi (min= 4.26, sp= 0.66) ialah item “saya cuba menyelesaikan masalah dengan mengulang

semula ayat hafazan jika ayat hafazan masih belum diingati”. Item ini mempunyai perkaitan dengan dapatan kajian deskriptif berkenaan atribut strategi pembangunan dalaman pelajar tahfiz. Item tersebut ialah “apabila perkara-perkara baru yang tidak dijangka mengancam matlamat yang ditetapkan oleh diri saya dalam menghafaz al-Qur’an, saya cuba untuk meletakkan sasaran baru dan bergerak dalam perancangan baru” sebagaimana yang ditunjukkan dalam Jadual 4.10. Item tersebut mencatatkan nilai min pada tahap sederhana tinggi (min= 3.83, sp= 0.85). Bergerak dalam perancangan baru di sini dimaksudkan sebagai proses menghafaz al-Qur’an. Proses menghafaz al-Qur’an mempunyai kaitan dengan perbuatan mengulang bacaan ayat-ayat al-Qur’an. Abdul Hafiz dan Hasimah (2004) menjelaskan perbuatan mengulang bacaan sebagai salah satu teknik menghafaz al-Qur’an. Malah pembacaan secara berulang sehingga ayat-ayat yang dihafal dapat diingati merupakan usaha yang wajar dipraktikkan setiap pelajar tahfiz kerana berdasarkan Mohd Nazri (2010) dan Sedek, et al. (2012) keperluan mengulang ayat-ayat yang telah dihafaz adalah melebihi keperluan menghafaz ayat-ayat baru. Ia juga boleh dikaitkan dengan pembacaan al-Qur’an. Intan Zakiah dan Munif (2015) menjelaskan bahawa pembacaan al-Qur’andalam kalangan mereka yang mendalami bidang tahfiz adalah merupakan satu budaya. Hal ini kerana, mereka dilatih untuk mengamalkan pembacaan al-Qur’an yang bukan sahaja dipraktikkan pada peringkat semasa menghafaz al-Qur’an, tetapi juga peringkat sebelum menghafaz al-Qur’an, selepas menghafaz al-Qur’an dan amalan para penghafaz al-Qur’an.

Dapatan ini turut disokong oleh analisis temu bual bersama pelajar. Hasil analisis menjelaskan bahawa sekiranya mereka menghadapi masalah dalam penghafazan, rata-rata mereka dapat mengatasinya dengan cara yang tersendiri. Contohnya;

mendahulukan perkara yang lebih utama terlebih dahulu seperti menenangkan diri dan menyelesaikan masalah secepat yang mungkin, kemudian barulah mereka membuat perangkaan untuk bergerak dalam strategi yang baru. Selain itu, terdapat juga pelajar yang memfokuskan kepada usaha dan doa yang berpanjangan serta merujuk kepada mereka yang lebih arif seperti guru, ibu-bapa dan sebagainya. Situasi ini boleh dilihat sebagai elemen regulasi sendiri dalam menangani proses menghafaz. Pintrich, et al. (1991) menjelaskan keadaan ini sebagai kemampuan pelajar untuk menyelesaikan perkara yang dirasakan lebih perlu dalam menangani pembelajaran.

Bagi nilai min terendah pula ialah item “saya akan menyelesaikan kekeliruan tentang ayat-ayat yang dihafaz sebaik sahaja kelas tamat” (min= 3.30, sp= 0.95). Item tersebut diinterpretasikan sebagai tahap yang sederhana tinggi. Situasi ini dilihat mempunyai kaitan dengan sikap penundaan (*procastination*) yang sering melanda para pelajar tahfiz. Fitria dan Muhari (2013) menjelaskan permasalahan tersebut mempunyai perkaitan dengan tanggungjawab dan kemampuan untuk mengekalkan prestasi. Para pelajar tahfiz yang bertanggungjawab dengan hafazan mereka akan menunjukkan sensitiviti yang lebih baik dalam proses menghafaz. Malah penundaan dalam mencapai sesuatu objektif yang dicapai menunjukkan tahap sensitiviti pelajar yang rendah.

Sadia (2014) menggambarkan bahawa pelajar yang mempunyai tahap sensitiviti yang tinggi merupakan pelajar yang mematuhi objektif, teguh pendirian serta mempunyai pendapat yang tersendiri. Manakala tahap sensitiviti yang rendah dikaitkan dengan pelajar yang tidak mempunyai pendirian dan tiada matlamat (Sadia, 2014). Apa yang

dapat diketengahkan ialah pelajar yang tidak mempunyai sensitiviti dalam menghafaz al-Qur'an mempunyai kebarangkalian tidak dapat menyelesaikan kekeliruan tentang ayat-ayat yang dihafaz sebaik sahaja kelas tamat. Dapatan ini bermaksud sensitiviti pelajar tahfiz terhadap proses menghafaz al-Qur'an berada pada tahap yang sederhana.

Dalam al-Qur'an, terdapat beberapa ayat yang menjelaskan tentang kepentingan memenuhi tanggungjawab yang telah ditaklifkan oleh Allah s.w.t. dalam kehidupan seharian. Pentaklifan tersebut merangkumi pelbagai bidang seperti akidah, ibadat, muamalat dan sebagainya.

وَقُلْ أَعْمَلُوا فَسَيَرَى اللَّهُ عَمَلَكُمْ وَرَسُولُهُ وَالْمُؤْمِنُونَ وَسَتُرَدُّونَ إِلَىٰ عِلْمِ
الْغَيْبِ وَالشَّهَادَةِ فَيُنَبِّئُكُم بِمَا كُنتُمْ تَعْمَلُونَ

Dan katakanlah (wahai Muhammad): Beramalah kamu (akan segala yang diperintahkan), maka Allah dan Rasul-Nya serta orang-orang yang beriman akan melihat apa yang kamu kerjakan; dan kamu akan dikembalikan kepada (Allah) yang mengetahui perkara-perkara yang ghaib dan yang nyata, kemudian ia menerangkan kepada kamu apa yang kamu telah kerjakan"

(Surah al-Tawbat, 9: 105)

Dalam penghafazan al-Qur'an misalnya, antara item-item yang melibatkan tanggungjawab pelajar tahfiz ialah "saya menetapkan matlamat bagi memastikan halatuju saya dalam menghafaz al-Qur'an" (min= 4.02, sp= 0.76 dan item "saya cuba mengenal pasti hafazan yang tidak dikuasai" (min= 3.94, sp= 0.81).

5.2.4.6 Strategi Pengurusan Sumber: Masa dan Persekitaran

Analisis Jadual 4.16 menunjukkan antara nilai min yang tinggi ialah item "saya menghafaz al-Qur'andi satu tempat yang boleh menumpukan perhatian sepenuhnya" (min= 4.09 sp=.09). Item ini bermaksud aktiviti penghafazan al-Qur'andilakukan

pada satu tempat yang spesifik. Situasi ini menyokong kenyataan Bill (2011) yang menyatakan masjid sebagai salah satu tempat yang ideal untuk menghafaz al-Qur'an. Manakala Muhammad Izhār (2015) turut menekankan suasana kejiranan yang harmoni mempunyai kaitan dengan persekitaran yang tenteram. Hal ini kerana, persekitaran yang tenteram akan dapat membantu proses menghafaz al-Qur'an berjalan lancar.

Selain itu, pembahagian masa juga mempunyai peranan yang penting dalam pembelajaran tahfiz. Kepentingan pembahagian masa yang sistematik oleh para pelajar tahfiz telah diketengahkan oleh al-'Auratānī (2006), Fitria dan Muhari (2013) serta Umu Hani (2014). Walau bagaimanapun, nilai min terendah yang direkodkan dalam Jadual 4.16 ditunjukkan sebagai item "saya tidak mempunyai masa untuk *murāja'at* hafazan sebelum peperiksaan" (min= 2.41, sp= 1.09). Situasi ini menunjukkan kebanyakan pelajar tidak bersetuju dengan item ini kerana mereka diberi masa yang khusus untuk *murāja'at* hafazan pada setiap hari. Hal ini disokong dengan temu bual pelajar yang menjelaskan beberapa waktu spesifik dalam melakukan aktiviti ini seperti waktu malam, waktu maghrib, waktu lepas zuhur, waktu lepas asar dan sebagainya. Kepentingan menspesifikasikan waktu menghafaz telah ditunjukkan dalam kajian Abdul hafiz, et al. (2003), iaitu selama satu jam setengah pada setiap hari. Masa tersebut dibahagikan kepada beberapa masa, iaitu selepas subuh, selepas maghrib dan selepas Isyak (Abdul Hafiz, et al., 2003). Sementara Ahmad (2007) menjelaskan waktu ideal pembelajaran al-Qur'an dilakukan pada awal pagi sehingga waktu matahari terbit. Kepentingan pengurusan masa oleh pelajar tahfiz juga telah dijelaskan oleh Ismuningsih (2003), Mohd Nazri (2010) dan Ahmad (2015).

Selain itu, melalui temu bual bersama pensyarah juga memberitahu sesi *murājaʿat* sering dipraktikkan, iaitu semasa proses *tasmiʿ* secara perseorangan dijalankan dalam kelas. Dapatan ini menguatkan dapatan kajian Suyanto (2010) berkenaan hal *murājaʿat* yang digunakan sebagai aktiviti individual dan klasikal. Aktiviti *murājaʿat* tidak hanya dilakukan secara bersendirian tetapi juga dipraktikkan secara berkumpulan. Situasi ini dapat ditunjukkan semasa kedudukan *halaqaʿt* secara beramai-ramai dipraktikkan dalam kelas (Abdul Hafiz, 2007).

Hasil penemuan kajian juga menunjukkan nilai min paling tinggi dalam elemen pengurusan masa dan persekitaran ialah item saya sentiasa menghadiri kelas *tasmiʿ* (min= 4.27, sp= 0.89). Banyak kajian-kajian lepas yang membincangkan aktiviti *tasmiʿ* dalam menghafaz al-Qurʿan (Sedek, 2012; Azmil & Abdul Halim, 2012; Fifi Lutfiah, 2013 dan Mardhiah & Mohd Soʿod, 2014). Antara lain aktiviti *tasmiʿ* juga disebut sebagai ‘semaan’ (Nor Musliza & Mokmin, 2014; Amalia, 2014) dan ‘*simaʿi*’ (Fifi Lutfiah, 2013). Sesetengah institusi tahfiz mensyaratkan aktiviti ini dilakukan di hadapan guru dengan melihat al-Qurʿan terlebih dahulu. Hal ini dilakukan bagi memastikan para pelajar dapat menghafaz al-Qurʿan dengan bacaan yang betul, tepat dan lancar. Bacaan yang betul semasa melafazkan al-Qurʿan dijelaskan dalam al-Qurʿan.

أَوْزِدْ عَلَيْهِ وَرَتِّلِ الْقُرْآنَ تَرْتِيلاً ﴿٤﴾

Maksudnya, “ataupun lebihkan (sedikit) daripadanya; dan bacalah al-Qurʿan dengan "Tartil"”.

(Surah al-Muzammil, 73: 4)

Justeru, apa yang dapat disimpulkan daripada aplikasi *tasmi'* ialah penglibatan pelajar tahfiz dalam kelas *tasmi'* merupakan satu aktiviti wajib setiap hari. Berdasarkan Mohd Nazri (2010), perkara paling utama dalam kelas *tasmi'* ialah matlamat kuantiti hafazan yang ingin diperdengarkan di hadapan guru, contohnya satu halaman dalam sehari dan sebagainya. Antara ayat yang menyentuh tentang kepentingan masa ialah dalam surah al-'Āsr.

وَالْعَصْرِ

Demi Masa!

إِنَّ الْإِنْسَانَ لِفِي خُسْرٍ

Sesungguhnya manusia itu dalam kerugian.


(Surah al-'Āsr, 103: 1-2)

5.2.4.7: Strategi Pengurusan Sumber: Usaha

Analisis Jadual 4.17 menunjukkan nilai min paling tinggi ialah ($\text{min} = 3.64$, $\text{sp} = 1.01$). Item yang dimaksudkan bagi min tersebut, iaitu “saya boleh meneruskan hafazan sehingga selesai walaupun rasa tidak bersemangat”. Situasi ini telah dijelaskan oleh Umu Hani (2014) sebagai paksaan. Paksaan untuk mencapai sesuatu kejayaan menyebabkan seseorang itu berusaha dengan bersungguh-sungguh, namun dari satu sudut yang lain paksaan juga dapat menjadikan seseorang itu berasa tidak berdaya dan akhirnya tertekan. Hal ini kerana, mereka tidak dapat mencapai sesuatu yang ingin dicapai seperti apa yang diharapkan. Berdasarkan temu bual dengan pelajar tahfiz, beberapa pelajar menjelaskan bahawa masalah peribadi yang melanda kehidupan mereka dapat menjejaskan hafazan. Hal ini berlaku apabila masalah tersebut tidak dapat ditangani dengan baik. Terdapat pelajar yang cuba berfikiran

positif dalam menangani permasalahan dan terdapat juga pelajar yang berasa hilang semangat untuk menghafaz apabila ditimpa masalah.

Murihah, et al. (2015) menjelaskan bahawa campurtangan ibu-bapa dalam menangani pembelajaran anak-anak amat diperlukan. Peranan ibu-bapa yang memberi sokongan serta dorongan terhadap pembelajaran anak-anak dapat menjadikan anak-anak kuat berusaha tanpa mengenal erti jemu dan putus asa. Situasi ini mempunyai kaitan dengan analisis dalam Jadual 4.17 pada item “jika ayat yang dihafaz sukar, saya sama ada berputus asa atau membaca bahagian mudah sahaja”. Item tersebut tidak dipersetujui oleh lebih daripada separuh responden dengan tahap nilai min sederhana rendah (min= 2.52, sp= 1.17). Di dalam al-Qur'an, terdapat ayat-ayat yang menjelaskan berkenaan dengan sikap putus asa yang tidak dianjurkan dalam Islam. Misalnya surah al-Hijr.



قَالَ وَمَنْ يَقْنَطُ مِنْ رَحْمَةِ رَبِّهِ إِلَّا الضَّالُّونَ

Nabi Ibrahim berkata: "Dan tiadalah sesiapa Yang berputus asa dari rahmat Tuhannya melainkan orang-orang Yang sesat".

(Surah al-Hijr, 15: 56)

Justeru, dapatan menunjukkan bahawa usaha memainkan peranan yang penting. Dapatan ini turut selari dengan kajian-kajian lepas seperti Abdul Hafiz dan Hasimah (2003), Sedek (2012), Fathima (2013) dan Rosniati (2014).

5.2.4.8 Bantuan Rakan

Analisis Jadual 4.18 menunjukkan nilai min tahap sederhana tinggi bagi keseluruhan item (min= 3.58, sp= 0.94). Dapatan ini menyokong kajian-kajian lepas yang

antaranya mengetengahkan teknik berpasangan sebagai salah satu teknik menghafaz yang baik (Dewi, 2009; Sedek, et al., 2011; 2012; Burhan Nudin, 2013). Selain itu, terdapat juga kajian lepas yang menyatakan pergaulan dengan golongan yang menghafaz al-Qur'an sebagai langkah terbaik memelihara al-Qur'an (Abdul Hafiz, et al., 2003; Amalia, 2014). Amalia (2014) memberikan contoh, iaitu aktiviti memperdengarkan bacaan kepada rakan-rakan yang turut sama menghafaz al-Qur'an sama ada yang lebih senior atau sebaya akan dapat memudahkan lagi proses hafazan berjalan lancar. Kepentingan pergaulan dengan golongan *huffaz* ini juga turut diakui dalam kenyataan Abdul Hafiz dan Hasimah (2004), Hanifah (2010), Mohd Nazri (2010) dan Layin (2014).

Berdasarkan temu bual dengan para pelajar tahfiz juga menjelaskan bahawa mereka turut mempraktikkan aktiviti hafazan bersama rakan-rakan tetapi segelintir pelajar lebih memilih untuk menghafaz secara bersendirian. Seorang daripada pelajar tahfiz memberitahu aktiviti menghafaz bersama rakan-rakan dipraktikkan pada peringkat awal semester. Setelah hampir dengan peperiksaan, kebanyakan pelajar akan menghafaz secara bersendirian. Situasi ini selari dengan Suyanto (2010) yang mengklasifikasikan aktiviti menghafaz kepada dua bentuk, iaitu secara individual dan secara klasikal.

Temu bual dengan pensyarah juga menyatakan bahawa aktiviti menghafaz secara berpasangan dilakukan berdasarkan arahan pensyarah di dalam kelas. Pensyarah yang berbeza mengamalkan pendekatan yang berlainan ketika berada dalam kelas *tasmi'*. Beliau juga tidak menafikan bahawa teknik berpasangan yang dipraktikkan dalam kelas merupakan aktiviti formal untuk sesi *murāja'at*. Temu bual ini

menyokong dapatan deskriptif berkenaan elemen proses *murāja'at* dalam atribut strategi menghafaz al-Qur'an. Dapatan menunjukkan nilai min pada tahap yang tinggi (min= 3.61, sp= 1.28) pada item *murāja'at* bersama rakan. Justeru, para pelajar tahfiz seharusnya dapat menjalinkan hubungan yang baik sesama rakan-rakan mereka yang turut sama menghafaz al-Qur'an. Di dalam al-Qur'an, terdapat beberapa ayat yang menyentuh tentang kepentingan menjalinkan hubungan yang baik sesama insan antaranya ialah dalam surah surah al-'Asr.

إِلَّا الَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ وَتَوَاصَوْا بِالْحَقِّ وَتَوَاصَوْا بِالصَّبْرِ ﴿٣﴾

Kecuali orang-orang yang beriman dan beramal soleh, dan mereka pula berpesan-pesan dengan kebenaran serta berpesan-pesan dengan sabar.

(Surah al-'Asr, 103: 3)

5.2.4.9 Mencari bantuan

Dalam konteks mencari bantuan, analisis Jadual 4.19 menunjukkan bahawa kebanyakan para pelajar tahfiz mendahulukan rakan-rakan mereka daripada pensyarah. Situasi ini dapat dilihat melalui item “saya mengenal pasti pelajar lain yang boleh membantu saya dalam subjek *Hifz al-Qur'an*” (min= 3.81, sp= 0.92). Manakala bagi nilai min terendah, iaitu “saya bertanyakan pensyarah tentang ayat-ayat hafazan yang tidak berjaya dikuasai” (min= 3.10, sp= 0.97). Dapatan ini selari dengan kenyataan dalam kajian-kajian lepas seperti Abdul Hafiz dan Hasimah (2005), Mohd Nazri (2010) dan Jiyanto (2015). Mereka menyatakan bahawa pergaulan pelajar dengan mereka yang juga menghafaz al-Qur'anakan dapat memberi input baru serta perkongsian pengalaman yang baik untuk diteladani. Justeru, hasil dapatan yang menunjukkan nilai min tahap tinggi pada item “saya

mengenal pasti pelajar lain yang boleh membantu” menggambarkan bahawa pelajar tahfiz menjalin hubungan pembelajaran yang sihat bersama rakan-rakan mereka.

Dapatan ini turut disokong oleh temu bual bersama pelajar tahfiz, iaitu sebahagian daripada mereka merujuk kepada rakan-rakan dan sebahagian lagi akan merujuk terus kepada pensyarah jika mempunyai masalah dalam menghafaz. Walau bagaimanapun, kebanyakan mereka merujuk kepada rakan-rakan terlebih dahulu dan perbincangan bersama pensyarah dilakukan apabila benar-benar perlu. Menurut pensyarah pula, para pelajar dalam kelas mereka akan bertanya sekiranya tidak jelas tentang sesuatu perkara dalam menghafaz al-Qur'an. Dapatan ini sejajar dengan Sakri dan Abdul Halim (2010) yang mencatatkan min tahap tinggi (min= 4.27) pada item “saya selalu bertanya ustaz/ustazah tentang bacaan yang saya tidak faham”. Bacaan yang dimaksudkan dalam kajian ini ialah bacaan tajwid dan tarannum. Intan Zakiah dan Munif (2015) menjelaskan situasi ini sebagai aplikasi *lahjaṭ al-Ḥurf* dan *aplikasi lahjaṭ al-Tarannum*. Dalam konteks menghafaz al-Qur'an, pertanyaan kepada pensyarah adalah merangkumi hal-hal yang berkaitan dengan aktiviti menghafaz, sebagai contoh aplikasi *lahjaṭ al-Ḥurf* dan *aplikasi lahjaṭ al-Tarannum*, panduan menghafaz, teknik menghafaz dan sebagainya.

Terdapat ayat al-Qur'an menekankan konsep tolong-menolong di antara satu sama lain seperti dalam surah al-Mā'idat.

يٰۤاَيُّهَا الَّذِيْنَ ءَامَنُوْا لَا تَحِلُّوْا شَعِيْرَ اللّٰهِ وَلَا الشَّهْرَ الْحَرَامَ وَلَا الْهَدٰى وَلَا الْقَلْبَیْدَ
وَلَا ءَامِيْنَ الْبَيْتِ الْحَرَامِ يَبْتَغُوْنَ فَضْلًا مِّن رَّبِّهَمْ وَرِضْوَانًا ۚ وَاِذَا حَلَلْتُمْ
فَاَصْطَادُوْا ۚ وَلَا تَجْرِمَنْكُمْ شَنَاۡنُ قَوْمٍ اَنْ صَدُوْكُمْ عَنِ الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ اَنْ

تَعْتَدُوا وَتَعَاوُنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَىٰ ۖ وَلَا تَعَاوُنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُدْوَانِ ۚ وَاتَّقُوا

اللَّهِ ۚ إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ ﴿٢﴾

Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu ingat halal membuat sesuka hati mengenai syiar-syiar agama Allah, dan mengenai bulan-bulan yang dihormati, dan mengenai binatang-binatang Yang dihadihkan (ke Makkah untuk korban), dan mengenai kalong-kalong binatang hadiah itu, dan mengenai orang-orang yang menuju ke Baitullah al-Haram, Yang bertujuan mencari limpah kurnia dari Tuhan mereka (dengan jalan perniagaan) dan mencari keredaan-Nya (dengan mengerjakan Ibadat haji di tanah Suci); dan apabila kamu telah selesai dari ihram maka bolehlah kamu berburu. dan jangan sekali-kali kebencian kamu kepada suatu kaum kerana mereka pernah menghalangi kamu dari Masjid al-Haram itu mendorong kamu menceroboh. dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan bertaqwa, dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan. dan bertaqwalah kepada Allah, kerana Sesungguhnya Allah Maha berat azab seksa-Nya (bagi sesiapa yang melanggar perintah-Nya).

(Surah al-Mā'idat, 5: 2)

Berdasarkan kajian Miyarsi (2015), antara bentuk bantuan yang dapat dihulurkan oleh guru al-Qur'an kepada pelajar ialah metod wajah ke wajah, penyemakan dan aplikasi *targhīb wa tarhīb*.

5.2.5 Tahap Strategi Menghafaz al-Qur'an

Strategi menghafaz al-Qur'an dibahagikan kepada empat peringkat, iaitu peringkat sebelum menghafaz al-Qur'an, peringkat semasa menghafaz al-Qur'an, peringkat selepas menghafaz al-Qur'an dan peringkat amalan para penghafaz al-Qur'an.

5.2.5.1 Peringkat Sebelum Menghafaz al-Qur'an

Peringkat ini dibahagikan kepada dua, iaitu adab menghafaz al-Qur'an dan proses *talaqqī*.

5.2.5.1.1 Adab Menghafaz al-Qur'an

Dalam bahagian ini, dapatan kajian ditunjukkan dalam bentuk tahap. Nilai min tahap tinggi ditunjukkan pada angka 4.01 hingga 5.00, manakala nilai tahap rendah

ditunjukkan pada angka 1.00-2.00. Analisis Jadual 4.20 menjelaskan bahawa dua item yang mempunyai nilai min tertinggi ialah menghormati guru (min= 4.65, sp= 0.64), pemakanan halal (min= 4.54, sp= 0.77) dan membaca al-Qur'an secara tartil (min= 4.50, sp= 0.76). Dapatan ini menyokong kenyataan Boyle (2006) berkenaan budaya pelajar tahfiz yang ditekankan untuk mempraktikkan akhlak Islam selaras dengan al-Qur'an yang telah dihafaz. Akhlak-akhlak Islam tersebut merangkumi pemakanan yang halal, adab-adab dengan guru dan sebagainya. Selain itu, bacaan tartil juga boleh dikaitkan dengan suara yang baik (al-Qardhāwī, 1999; Abdul Hafiz & Hasimah, 2004; Muhammad Khalifatullah, 2013 dan Intan Zakiah & Munif, 2015).

Nilai min terendah dalam elemen ini ialah item melakukan solat *taqwiyyatul ḥifẓ* (min= 1.80, sp= 1.35). Dapatan ini selari dengan Azmil, et al. (2014) yang menunjukkan nilai min tahap sederhana pada item memperbanyakkan amalan sunat. Walhal menurut Umi Kalthom, et al. (2015), solat sunat *taqwiyyatul ḥifẓ* dapat meningkatkan semangat untuk menghafaz al-Qur'an. Kepentingan mempraktikkan amalan sunat juga telah dinyatakan dalam kajian-kajian lepas seperti Abdul Hafiz, et al. (2003), Sedek, et al. (2011) dan Azmil, et al. (2014).

Dalam sesi temu bual bersama pelajar, mereka mengakui bahawa adab-adab menghafaz al-Qur'an telah dipraktikkan. Antara adab-adab yang disebutkan ialah wuduk, mengadap kiblat dan membaca doa. Seajar dengan soal selidik yang dijalankan ke atas responden, item adab umum seperti niat, ikhlas, suci bersih, berwuduk, mengadap kiblat, membaca *ta'awwudh* /doa khusus sebelum menghafaz turut memperolehi tahap interpretasi yang tinggi (min= 4.29, sp= 1.00). Temu bual

bersama pensyarah juga menyatakan bahawa adab-adab yang dipraktikkan oleh para pelajar tahfiz berada dalam keadaan terkawal dan cemerlang. Dapatan kajian ini menyokong kajian lepas seperti Azmil, et al. (2014) yang menunjukkan nilai min tahap tinggi pada beberapa item dalam adab-adab pembelajaran tahfiz. Antara item-item yang dinyatakan ialah membaca doa khusus, berwuduk, menghadap kiblat dan ikhlas.

Adab-adab mempunyai kaitan dengan akhlak. Terdapat beberapa ayat al-Qur'an yang menyatakan tentang kepentingan akhlak dalam menjalani kehidupan di dunia seperti surah al-Israk.

وَلَا تَمْشِ فِي الْأَرْضِ مَرَحًا إِنَّكَ لَن تَخْرِقَ الْأَرْضَ وَلَن تَبْلُغَ الْجِبَالَ طُولًا ﴿٣٧﴾

Dan janganlah engkau berjalan di bumi dengan berlagak sombong, kerana sesungguhnya engkau tidak akan dapat menembusi bumi, dan engkau tidak akan dapat menyamai setinggi gunung-ganang.

(Surah al-Israk, 17: 37)

5.2.5.1.2 Proses *Talaqqī*

Proses *talaqqī* dalam pengajian tahfiz dapat difahami sebagai proses memperdengarkan bacaan di hadapan guru dengan melihat *muṣḥaf*. Analisis Jadual 4.21 menjelaskan nilai min tertinggi dalam elemen ini ialah item melancarkan bacaan sebelum *tasmi'* (min= 4.70, sp= 0.64). Situasi ini sejajar dengan kajian-kajian lepas yang menggariskan aspek kelancaran sebelum menemui guru bagi memperdengarkan bacaan (Abdul Hafiz & Norhanan, 2009, Azmil & Abdul Halim, 2012; Muhammad Khalīfatullāh, 2013 dan Anisa Ida, 2014). Walau bagaimanapun min bagi item *talaqqī* dengan guru mencatatkan 3.27 dan sp= 1.67. Kedaaan ini menunjukkan bahawa tidak kesemua pelajar tahfiz mempraktikkan aktiviti ini dengan pensyarah

mereka semata-mata. Aktiviti ini juga berkemungkinan dilakukan bersama rakan-rakan mereka yang lain. Hal ini sejajar dengan temu bual bersama pensyarah yang menjelaskan bahawa kelas mereka tidak dapat melaksanakan aktiviti *talaqqī* kerana bilangan pelajar dalam kelas agak ramai jika dibandingkan dengan masa yang diperuntukkan. Situasi ini telah dijelaskan oleh Azmil dan Abdul Halim (2012) sebagai satu aktiviti yang masih belum mencapai tahap yang sepatutnya. Beberapa dalil al-Qur'an tentang *talaqqī* ialah surah al-Israk.

وَقُرْءَانًا فَرَقْنَاهُ لِتَقْرَأَهُ عَلَى النَّاسِ عَلَى مُكْثٍ وَنَزَّلْنَاهُ تَنْزِيلًا ﴿١٠٦﴾

Dan al-Qur'an itu Kami bahagi-bahagikan supaya engkau membacakannya kepada manusia dengan lambat tenang; dan kami menurunkannya beransur-ansur.

(Surah al-Israk, 17: 106)

Dalil ini mempunyai kaitan dengan aplikasi proses mengajar dan belajar. Dalam penghafazan al-Qur'an proses *talaqqī* yang dilaksanakan dalam kelas subjek *Hifz al-Qur'an* merupakan satu proses dua hala yang melibatkan pembelajaran dan pengajaran.

5.2.5.2 Peringkat Semasa Menghafaz al-Qur'an

Peringkat ini dibahagikan kepada dua, iaitu teknik menghafaz dan proses *tasmi'*.

5.2.5.2.1 Teknik Menghafaz

Lima item yang mencatatkan nilai min tertinggi dalam teknik menghafaz al-Qur'an seperti yang dipaparkan pada Jadual 4.22 ialah item *istiqamat* menghafaz setiap hari (min= 4.37, sp= 0.82), tidak menukar *muṣḥaf* lain (min= 4.08, sp= 1.28), matlamat harian (min= 4.01, sp= 1.19), imbasan yakni mengimbas sekali lalu mukasurat tertentu (*scanning*) (min= 4.01, sp= 1.04) dan gundalan (berperingkat dengan

dimulakan hafalan satu, setelah selesai hafalan satu barulah hafalan dua, kemudian menyatukan hafalan satu dan dua) (min= 4.02, sp= 1.29). Kesemua item yang disebutkan tersebut merupakan perkara-perkara yang sering dipraktikkan oleh para pelajar tahfiz. Dapatan ini menyokong kenyataan Abdul Hafiz dan Hasimah (2004) yang menyenaraikan beberapa teknik menghafaz al-Qur'an. Selain itu, dalam kajian-kajian lepas seperti al-Masyā'ilah (2010), Mokhamad (2011) dan Muhammad Khalifatullāh (2013) turut menyatakan tentang kepentingan menggunakan satu *muṣḥaf* sepanjang menghafaz al-Qur'an. Hal ini mengelakkan kekeliruan kepada pelajar dan sekaligus akan membantu matlamat harian pelajar untuk menghafaz dalam kuantiti tertentu dengan lebih mudah.

Dapatan mengenai item matlamat harian juga sejajar dengan penjelasan dalam kajian-kajian lepas yang mempunyai kepelbagaian teknik dalam mempraktikkan hafazan 30 juz seperti memulakan dari juz awal (al-Kilānī, 2006), memulakan dari juz akhir (Abdul Hafiz & Norhanan, 2009), memulakan dari surah-surah popular (Sedek, et al, 2012; 2013) dan sebagainya. Matlamat harian juga mempunyai kaitan dengan proses *tasmi'*. Hal ini akan dibincangkan dalam sub-dapatan yang seterusnya.


Selain itu, analisis nilai min terendah dalam teknik menghafaz al-Qur'an disenaraikan sebagai item peta minda (*mindmapping*) (min= 1.59, sp= 1.37) dan item rakaman suara (min= 2.40, sp= 1.51). Dapatan ini mempunyai basis yang kukuh apabila tidak terdapat kajian-kajian lepas yang memfokuskan kaedah menghafaz al-Qur'an dengan penggunaan peta minda sebaliknya memfokuskan teknik ini dalam bidang-bidang yang lain seperti subjek sirah, tauhid, ibadat dan sebagainya. Walaupun subjek-subjek tersebut merupakan subjek yang terkandung dalam al-

Qur'an, namun teknik pemetaan minda dalam subjek *Hifz al-Qur'an* tidak menjadi pilihan utama pelajar tahfiz dalam menghafaz al-Qur'an. Hal ini dibuktikan dengan kajian Norizah, et al. (2014) yang mengkhususkan pembelajaran kaedah peta minda kepada kanak-kanak prasekolah yang menghafaz surah-surah serta doa-doa berkaitan kehidupan mereka. Walau bagaimanapun, terdapat juga kajian lepas seperti al-Mosallam (2013) yang mengetengahkan aplikasi pemetaan minda dalam membantu proses menghafaz, namun memfokuskan kaedah tersebut ke dalam aplikasi penggunaan multimedia.

Dalam sesi temu bual bersama pelajar, rata-rata pelajar menggunakan teknik gundalan, teknik ulangan dan teknik memahami maksud terlebih dahulu dalam menghafaz al-Qur'an. Beberapa pelajar menjelaskan teknik yang digunakan sering dipelbagaikan menurut kesesuaian pada waktu mereka menghafaz yakni tidak tetap. Temu bual bersama pensyarah juga menjelaskan bahawa teknik yang diguna pakai oleh para pelajar bersifat bebas mengikut kemampuan dan kesesuaian individu. Menurut pensyarah, apa yang lebih penting ialah proses *tasmi'* tetap dijalankan pada setiap hari. Dapatan ini menyokong kenyataan Abdul Hafiz dan Norhanan (2010) yang menjelaskan bahawa setiap pelajar tahfiz mempunyai teknik yang sesuai dengan kemampuan masing-masing.

Teknik menghafaz mempunyai kaitan dengan perancangan dan perencanaan. Pelajar mempunyai kebebasan dalam menentukan teknik yang bersesuaian dengan dirinya dalam mengingati *kalāmullah*. Penentuan ini juga mempunyai kaitan dengan konsep *trial and error* yang diperkenalkan oleh Thorndike (1915). Konsep ini menerangkan bahawa wujudnya percubaan demi percubaan dalam melakukan sesuatu tugas dan

percubaan tersebut terhenti apabila subjek yang ingin dicapai tersebut dapat diperolehi. Sebagai contoh, pelajar berkemungkinan berasa tidak sesuai dengan teknik imbasan tetapi berasa mudah apabila mempraktikkan teknik ulangan dalam menghafaz al-Qur'an. Sesetengah pelajar juga mampu menghafaz al-Qur'an tanpa melihat makna setiap ayat dan sesetengah pelajar pula berkemungkinan amat perlu untuk melihat terjemahan atau makna terlebih dahulu sebelum memulakan hafazan. Hal ini menunjukkan wujudnya perancangan manusia dalam menentukan sesuatu perkara yang ingin dicapai, namun tidak kesemua perkara yang ingin dicapai tersebut berjaya dicapai mengikut perancangan asal. Ini kerana boleh jadi perancangan pertama tidak dapat mencapai matlamat kerana Allah s.w.t. menetapkan perancangan yang lebih sesuai dengan kondisi manusia tersebut. Hal ini dibuktikan dalam surah Āli-‘Imrān, menjelaskan betapa perancangan manusia dikawal oleh satu kuasa yang melebihi batas fikiran manusia.



وَمَكُرُواْ وَمَكَّرَ اللَّهُ وَاللَّهُ خَيْرُ الْمَكِرِينَ

Dan orang-orang (Yahudi yang kafir) itupun merancangkan tipu daya (hendak membunuh Nabi Isa), dan Allah pula membalas tipu daya (mereka); dan (ingatlah), Allah seabijak-bijak yang membalas (dan menggagalkan segala jenis) tipu daya.

(Surah Āli-‘Imrān, 3: 54)

Justeru, perkara yang lebih penting bagi mewujudkan percubaan demi percubaan ialah *istiqamat* dan disiplin. Hal ini telah ditunjukkan dalam kajian Abdul Hafiz, et al. (2005) dengan catatan nilai min pada tahap tinggi dalam elemen *istiqamat* dan disiplin, iaitu 4.26.

5.2.5.2.1 Proses *Tasmi'*

Analisis dalam Jadual 4.23 mencatatkan nilai keseluruhan yang tinggi, iaitu $\min = 4.70$ dan $\text{sp} = 0.64$. Dapatan ini memberi maksud bahawa pelaksanaan proses *tasmi'* merupakan aktiviti asas proses hafazan al-Qur'an. Dapatan ini menyokong kenyataan-kenyataan lepas yang menggariskan proses ini sebagai aktiviti wajib di institusi-institusi tahfiz (Abu al-Wafā, 2003; al-Masyā'ilah, 2010; Azmil & Abdul Halim, 2012; Fifi Lutfiah, 2013; Intan Zakiah & Munif, 2015). Proses ini dilaksanakan bukan sahaja pada ayat-ayat yang baru dihafaz tetapi juga pada ayat-ayat yang sudah lama dihafaz.

Proses *tasmi'* disebut juga sebagai *semaan* dan sesetengah kajian memahami proses ini sebagai kaedah *sima'ī* (Amalia, 2014). *Semaan* mempunyai kaitan dengan penyemakan al-Qur'an yang disemak oleh guru atau pensyarah yang mendengarkan bacaan daripada pelajarnya. Berdasarkan temu bual pelajar tahfiz, bilangan minimum dan maksimum seseorang pelajar semasa *tasmi'* adalah berbeza di antara satu sama lain. Sesetengah pelajar meletakkan minimum sebanyak satu halaman muka surat dan maksimum sebanyak tujuh muka surat. Sesetengah yang lain pula meletakkan nilai maksimum kepada 10 muka surat dalam sehari. Terdapat juga pelajar yang meletakkan nilai minimum sebanyak dua muka surat dan meletakkan nilai maksimum sebanyak lima muka surat dalam sehari. Selain itu, terdapat juga pelajar yang menghadkan hafazan mereka dengan kaedah *maqrak*, iaitu nilai minimum sebanyak satu *maqrak* dan nilai maksimum sebanyak dua *maqrak* sehari. Salah seorang pelajar pula menjelaskan nilai minimum *tasmi'* sekadar setengah halaman dan nilai maksimum sebanyak tujuh muka surat. Beliau meletakkan matlamat tersebut hanya dipraktikkan selama empat hari atau tiga hari dalam seminggu. Situasi

ini selaras dengan sedek (2012) yang menjelaskan keadaan ini sebagai kemampuan pelajar tahfiz yang pelbagai. Walau bagaimanapun Mohd Nazri (2010) telah menetapkan satu halaman per hari sebagai kemampuan yang boleh dicapai oleh semua individu yang belajar dalam bidang tahfiz. Menurut para pensyarah, masa untuk *tasmi* hafazan dilaksanakan pada waktu pagi selama dua hingga tiga jam dan penambahan kelas akan dipertimbangkan sekiranya perlu dilakukan pada waktu yang lain. Dalil al-Qur'an berkenaan proses ini ialah dalam surah al- A' rāf.

وَإِذَا قُرِئَ الْقُرْآنُ فَاسْتَمِعُوا لَهُ وَأَنْصِتُوا لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ ﴿٢٠٤﴾

Dan apabila al-Qur'an itu dibacakan, maka dengarlah akan Dia serta diamlah (dengan sebulat-bulat ingatan untuk mendengarnya), supaya kamu beroleh rahmat.

(Surah al- A' rāf, 7: 204)

5.2.5.3 Peringkat Selepas Menghafaz al-Qur'an

Peringkat selepas menghafaz al-Qur'an diterangkan kepada elemen proses *murāja'at*.

5.2.5.3.1 Proses *Murāja'at*

Analisis Jadual 4.24 menunjukkan bahawa dua item yang mempunyai nilai min tertinggi ialah item pemantauan guru (min= 4.01, sp= 1.12). Item kedua yang mempunyai nilai min tertinggi pula ialah item *murāja'at* dalam kelas (min= 3.92, sp= 1.07). Dapatan ini bermaksud aktiviti *murāja'at* sering dipantau oleh guru dan dijalankan secara formal dalam kelas. Situasi ini selari dengan Sedek, et al. (2012) yang menjelaskan aktiviti ini berada di bawah kawalan seorang guru atau beberapa guru seperti mana yang dilaksanakan di Kubang Bujuk, Terengganu. Sebagaimana yang dijelaskan oleh Abdul Hafiz dan Norhanan (2009), penglibatan guru dalam memastikan pelajarannya melakukan aktiviti *murāja'at* amat diperlukan. Hal ini

kerana, tidak semua pelajar mempunyai tahap regulasi sendiri yang tinggi. Bahkan kehadiran seorang guru dalam mengawal selia para pelajar melakukan aktiviti *murāja'at* akan menyelesaikan masalah-masalah remeh yang mungkin menghantui para pelajar tahfiz dalam waktu mengulang al-Qur'an. Hal ini dibuktikan dengan dapatan regulasi sendiri pada item pertama (Jadual 4.15), iaitu “pertanyaan kepada pensyarah berkenaan subjek *Hifz al-Qur'an* dapat meningkatkan perhatian saya kepada tugas yang dibawa”. Min yang dicatatkan dalam item ialah 3.86, dan $sp=0.87$. Perkara ini membuktikan bahawa penglibatan seorang guru dalam komuniti pelajar tahfiz memberikan semangat kepada para pelajar tahfiz untuk lebih memusatkan perhatian kepada hafazan al-Qur'an itu sendiri.

Berdasarkan temu bual pelajar tahfiz dan pensyarah, aktiviti *murāja'at* dilaksanakan dalam dua bentuk, iaitu secara formal dan yang kedua ialah secara tidak formal. Aktiviti *murāja'at* secara formal dilakukan dalam kelas, manakala aktiviti *murāja'at* secara tidak formal dilakukan luar daripada kelas dan bersifat individual. Proses *murāja'at* mempunyai kaitan dengan pembacaan al-Qur'an yang kerap. Terdapat ayat al-Qur'an yang menganjurkan pembacaan al-Qur'an secara kerap, antaranya ialah surah Faṭir.

إِنَّ الَّذِينَ يَتْلُونَ كِتَابَ اللَّهِ وَأَقَامُوا الصَّلَاةَ وَأَنفَقُوا مِمَّا رَزَقْنَاهُمْ سِرًّا وَعَلَانِيَةً يَرْجُونَ تَجَرَّةً لَّنْ تَبُورَ ۖ لِيُؤْفِقَهُمْ أَجُورُهُمْ وَيَزِيدَهُم مِّن فَضْلِهِ ۗ إِنَّهُ غَفُورٌ شَكُورٌ ﴿٢١﴾

Sesungguhnya orang-orang yang selalu membaca kitab Allah dan tetap mendirikan sembahyang serta mendermakan dari apa yang kami kurniakan kepada mereka, secara bersembunyi atau secara terbuka, mereka (dengan amalan yang demikian) mengharapkan sejenis perniagaan yang tidak akan mengalami kerugian; supaya Allah menyempurnakan pahala mereka dan menambahi mereka dari limpah kurnia-Nya. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun, lagi sentiasa

membalas dengan sebaik-baiknya (akan orang-orang yang bersyukur kepadanya).

(Surah Faṭir, 35: 29-30)

Justeru, dalam konteks penghafazan al-Qur'an, dapatan menunjukkan bahawa pembacaan al-Qur'an secara kerap yang disebutkan sebagai proses *murāja'at* menyokong kajian-kajian lepas yang turut membincangkan kepentingan proses ini dalam menghafaz al-Qur'an (Abdul Hafiz & Hasimah, 2003; Sedek, 2012; Mariam, et al., 2014; Azmil, 2014 & Muhaidi, et l., 2015).

5.2.5.4 Peringkat Amalan Para Penghafaz al-Qur'an

Peringkat ini dibahagikan kepada dua, iaitu panduan menghafaz al-Qur'an dan ciri-ciri *Hāfiẓ/Hāfiẓat*.

5.2.5.4.1 Panduan Menghafaz al-Qur'an

Tiga item yang mempunyai nilai min tertinggi dalam Jadual 4.25 ialah item berdamping dengan para penghafaz al-Qur'an (min= 4.26, sp= 0.98), menjaga makanan dari yang haram dan *syubhaṭ* (min= 4.17, sp= 1.04) dan *mujahadaṭ* serta sabar dalam mencapai matlamat (min= 4.09, sp= 0.96). Dapatan ini bermaksud tahap persepsi para pelajar tahfiz berkenaan pergaulan dengan para penghafaz al-Qur'an, kepentingan menjaga makanan, usaha yang disertai kesabaran berada pada tahap yang tinggi. Tujuan berdamping dengan penghafaz al-Qur'an antara salah satunya ialah sebagai salah satu usaha untuk mengingatkan kembali tugas dan tanggungjawab memelihara kalāmullah (Abdul Hafiz, et al., 2003; Mohd Nazri, 2010; Khairul Huda, 2010; Yusof, 2011). Selain itu, Yusof (2011) menyatakan, para pelajar tahfiz akan dapat lebih memahami dunia hafazan yang mereka lalui. Keadaan ini bukan sahaja

memerlukan usaha dari seseorang pelajar, tetapi juga usaha yang menuntut kesungguhan dan kesabaran seseorang pelajar. Contohnya apabila pelajar tahfiz menggunakan teknik ulangan dalam menghafaz al-Qur'an, sesetengah pelajar dapat mengingatnya dengan baik dengan hanya melakukan teknik ulangan dengan beberapa kali bacaan, namun sesetengah pelajar yang lain memerlukan pengulangan yang melebihi kadar biasa. Hal ini bergantung kepada kerumitan ayat yang dihafaz. Sekiranya ayat tersebut sering didengar, maka proses menghafaz akan menjadi lebih mudah dan sekiranya ayat tersebut jarang didengar, maka kekuatan memori untuk mengingat ayat tersebut bertambah rumit.

Manakala, item menjaga makanan dari yang haram dan *syubhat* mempunyai kaitan maksud dengan elemen adab-adab menghafaz al-Qur'an yang menyatakan salah satu itemnya sebagai pemakanan halal. Dapatan menunjukkan nilai min yang tinggi pada kedua-dua elemen. Situasi ini menunjukkan bahawa para pelajar tahfiz amat teliti dalam soal pemakanan yang halal. Di dalam al-Qur'an terdapat ayat-ayat yang menjelaskan kepentingan memakan makanan yang halal, antaranya ialah dalam surah al-Nahl.

فَكُلُوا مِمَّا رَزَقَكُمُ اللَّهُ حَلَالًا طَيِّبًا وَاشْكُرُوا نِعْمَتَ اللَّهِ إِن كُنتُمْ إِيَّاهُ

تَعْبُدُونَ ﴿١١٤﴾

Oleh itu, makanlah (wahai orang-orang yang beriman) dari apa yang telah dikurniakan Allah kepada kamu dari benda-benda yang halal lagi baik, dan bersyukur akan nikmat Allah, jika benar kamu hanya menyembah-Nya semata-mata.

(Surah al-Nahl, 16: 114)

Dapatan ini menyokong kajian Azmil, et al. (2014) yang menjelaskan item penjagaan makanan sebagai salah satu adab pembelajaran tahfiz (min= 4.27).

Nilai min terendah pula ialah item mampu menyemak al-Qur'an secara terbalik (min= 1.98, sp= 1.46). Hal ini bermaksud tidak ramai pelajar yang mengaplikasikan item ini. Situasi ini dijelaskan oleh Mohd Nazri (2010) sebagai kemampuan pelajar melihat kedudukan ayat yang dihafaz tanpa melihat muṣḥaf. Menurutnya, apabila para pelajar mampu melihat kedudukan ayat tersebut tanpa melihat al-Qur'an, maka pelajar terbabit juga mampu menyemak bacaan al-Qur'an yang dibaca oleh orang lain dalam keadaan terbalik. Misalnya dalam kedudukan *talaqqī* bacaan dengan guru secara berhadapan. Pada waktu ini, guru tidak memegang al-Qur'an di tangannya, sebaliknya berpandukan al-Qur'an yang dipegang oleh pelajar. Situasi ini yang dikatakan sebagai membaca dan menyemak al-Qur'an secara terbalik. Analoginya, jika penyemak al-Qur'an tersebut memiliki kemampuan melihat kedudukan ayat tanpa *muṣḥaf*, maka dia akan dapat mengesan kesalahan atau kesilapan ayat-ayat yang dibaca oleh pembaca di hadapannya dengan begitu mudah walaupun dalam keadaan terbalik.

Pembacaan secara terbalik juga boleh dikaitkan dengan misal lain seperti teknik Nadi al-Baghdadi yang menekankan kemampuan pelajar untuk membaca ayat-ayat yang dihafaz secara berlawanan daripada turutan nombor ayat. Misalnya membaca ayat 7 dahulu daripada ayat 6 dan seterusnya. Tujuan pembacaan secara terbalik ini diaplikasi ialah bagi melatih kekuatan ingatan hafazan para pelajar tahfiz. Situasi ini menunjukkan panduan yang digunakan pelajar tahfiz tersebut dalam proses menghafaz al-Qur'an.

Berdasarkan temu bual yang dijalankan ke atas pelajar tahfiz berkenaan panduan menghafaz al-Qur'an juga, analisis mendapati bahawa kesemua pelajar mempunyai teknik yang pelbagai dalam mengingati *kalāmullah*. Para pensyarah turut menjelaskan bahawa panduan menghafaz al-Qur'an telah dikongsikan bersama pelajar-pelajar mereka. Walaupun pelbagai teknik menghafaz yang diperkenalkan, kesemua teknik yang digunakan mempunyai satu ciri yang sama, iaitu sehingga nampak kedudukan ayat al-Qur'an di dalam minda tanpa melihat *muṣḥaf*. Seperti yang dinyatakan oleh Mohd Nazri (2010), ayat-ayat yang dihafal akan dapat dilafazkan dengan sempurna apabila pelajar dapat melihat kedudukan ayat di dalam minda.

Di dalam al-Qur'an, terdapat beberapa ayat yang menjelaskan tentang panduan yang ditunjukkan sebagai hidayah atau petunjuk kepada hamba-hamba-Nya yang bertakwa seperti dalam surah al-Baqaraṭ.

ذَٰلِكَ الْكِتَابُ لَا رَيْبَ فِيهِ هُدًى لِّلْمُتَّقِينَ ﴿٢﴾

Kitab Al-Qur'an ini, tidak ada sebarang syak padanya (tentang datangnya dari Allah dan tentang sempurnanya); ia pula menjadi petunjuk bagi orang-orang Yang (hendak) bertaqwa;

(Surah al-Baqaraṭ, 2: 2)

Ayat-ayat ini merupakan dalil kepada aplikasi menghafaz al-Qur'an yang memerlukan panduan dalam melaksanakannya.

5.2.5.4.2 Ciri-ciri *Hāfiz/Hāfizah*

Analisis dapatan yang ditunjukkan dalam Jadual 4.26 menggambarkan bahawa kesemua item dalam elemen ini memperolehi tahap interpretasi yang tinggi dengan

nilai keseluruhan min= 3.98 dan sp= 0.91 Keadaan ini bermaksud item-item dalam elemen ini dilaksanakan dengan baik oleh para pelajar tahfiz. Hasil penemuan menunjukkan tiga ciri yang paling menonjol ialah item mempunyai matlamat untuk menamatkan hafazan (min= 4.48, sp= 0.83), sabar (min=4.17, sp= 0.86) dan fokus yang tinggi (min= 4.01, sp= 0.88). Hal ini bermaksud para pelajar tahfiz mempunyai matlamat yang tinggi untuk menamatkan hafazan, sabar serta melakukan fokus yang tinggi terhadap tugas yang dibawa. Dapatan ini menyokong kenyataan-kenyataan lepas yang meletakkan sabar, mempunyai matlamat dan fokus yang tinggi sebagai budaya tahfiz yang perlu disemai dalam diri para penghafaz al-Qur'an (Abdul Hafiz & Hasimah, 2004; Badrul, 2008; al-Masyā'ilah, 2010; Abu Mazaya, 2010 dan Umi Nasirul, 2010).

Berdasarkan temu bual pelajar tahfiz, dapat disimpulkan bahawa ciri-ciri *Hāfiẓ/Hāfiẓat* yang mereka perolehi ialah akhlak yang lebih terjaga, melaksanakan perintah Allah s.w.t. dan meninggalkan larangan-Nya, meningkatkan ibadah, menjauhkan diri dari perkara-perkara yang melalaikan, sentiasa mengingati al-Qur'an, berusaha menjadi hamba Allah s.w.t. yang bertakwa dan menjaga hubungan sesama insan. Kesimpulan yang dapat dibuat daripada kenyataan-kenyataan pelajar dapat dibahagikan kepada dua ciri, iaitu hubungan dengan Allah s.w.t. dan hubungan sesama manusia. Hubungan dengan Allah s.w.t. merangkumi akhlak, menjadi hamba bertakwa dan kesemua yang bersangkutan dengan ibadah, manakala hubungan dengan manusia ialah pergaulan sesama rakan-rakan dan pensyarah sebagaimana elemen meminta bantuan (strategi pengurusan sumber). Terdapat ayat-ayat al-Qur'an berkenaan hubungan yang perlu dijaga terutamanya hubungan dengan Allah s.w.t.

dan dalam masa yang sama dapat menjaga hubungan sesama manusia, iaitu surah Āli-‘Imrān.

ضُرِبَتْ عَلَيْهِمُ الذَّلِيلَةُ أَيْنَ مَا ثُقِفُوا إِلَّا بِحَبْلٍ مِّنَ اللَّهِ وَحَبْلٍ مِّنَ النَّاسِ وَبَاءُوا
بِغَضَبٍ مِّنَ اللَّهِ وَضُرِبَتْ عَلَيْهِمُ الْمَسْكَنَةُ ذَٰلِكَ بِأَنَّهُمْ كَانُوا يَكْفُرُونَ بِآيَاتِ
اللَّهِ وَيَقْتُلُونَ الْأَنْبِيَاءَ بِغَيْرِ حَقٍّ ذَٰلِكَ بِمَا عَصَوْا وَكَانُوا يَعْتَدُونَ ﴿١١٢﴾

Mereka ditimpakan kehinaan (dari segala jurusan) di mana sahaja mereka berada, kecuali dengan adanya sebab dari Allah dan adanya sebab dari manusia. dan sudah sepatutnya mereka beroleh kemurkaan dari Allah, dan mereka ditimpakan kemiskinan (dari segala jurusan). Yang demikian itu, disebabkan mereka sentiasa kufur ingkar akan ayat-ayat Allah (perintah-perintah-Nya), dan mereka membunuh Nabi-nabi dengan tiada alasan yang benar. semuanya itu disebabkan mereka derhaka dan mereka sentiasa mencero bohi (hukum-hukum Allah).

(Surah Āli-‘Imrān, 3: 112)

Hubungan dwifungsi ini telah dinyatakan oleh Munif (2015) sebagai hubungan yang bersifat vertikal antara manusia dengan pencipta serta hubungan yang bersifat horizontal antara manusia dengan manusia.

Dalam sesi temu bual bersama pensyarah pula menyatakan bahawa sebahagian pelajar bijak dalam membahagikan masa terutamanya mereka yang benar-benar tekun dalam menghafaz al-Qur’an. Dapatan temu bual ini turut selari dengan hasil dapatan soal selidik yang mencatatkan nilai interpretasi tahap tinggi dalam elemen ciri-ciri *Hāfiẓ/Hāfiẓat*, iaitu item pengurusan masa yang sistematik (min= 3.57, sp= 1.02). Di dalam al-Qur’an terdapat beberapa ayat yang menjelaskan tentang kepentingan masa, iaitu surah al-Fajr.

وَالْفَجْرِ ﴿١﴾
وَلَيَالٍ عَشْرٍ ﴿٢﴾

1. Demi waktu fajar;
 2. dan malam Yang sepuluh (yang mempunyai kelebihan di sisi Allah);
- (Surah al-Fajr, 89: 1-2)

Ayat al-Qur'an ini merupakan dalil kepada item pengurusan masa yang dijelaskan dalam ciri-ciri *ḥāfīz/ḥāfīzat*.

5.2.6 Perbezaan Pencapaian Subjek *Hifẓ al-Qur'an* Berdasarkan Demografi

Terdapat perbezaan pencapaian subjek *Hifẓ al-Qur'an* berdasarkan aspek demografi. Aspek demografi dibahagikan kepada dua, iaitu jantina dan lokasi tempat tinggal.

5.2.6.1 Jantina

Analisis statistik secara inferensi dalam Jadual 4.27 menjelaskan bahawa terdapat perbezaan pencapaian subjek *Hifẓ al-Qur'an* yang signifikan antara responden yang melibatkan pelajar tahfiz perempuan dengan pelajar tahfiz lelaki ($t(298) = -4.12, p = 0.00$). Min pelajar tahfiz perempuan ditunjukkan mempunyai nilai min yang lebih tinggi daripada pelajar tahfiz lelaki. Hasil dapatan ini menyokong kajian Azmil, et al. (2014) yang menjelaskan kaedah pembelajaran tahfiz pelajar perempuan yang lebih menonjol daripada pelajar lelaki. Siti Sarah, et al. (2015) turut mengetengahkan hasil analisis kajiannya berkenaan interaksi dengan al-Qur'an dengan membuktikan nilai min lebih tinggi bagi pelajar perempuan berbanding pelajar lelaki. Namun begitu, Nur Anisa, et al. (2011) memberikan hasil dapatan yang berbeza apabila pelajar lelaki dilihat lebih ramai mencapai gred cemerlang berbanding pelajar perempuan. Walau bagaimanapun, dapatan ini memfokuskan kepada pelajar sekolah menengah yang menghafaz al-Qur'an dengan menggunakan teknik penaakulan.

Menurut Abdul Hafiz, et al. (2007), perbezaan jantina merupakan salah satu faktor yang mempengaruhi usaha seseorang pelajar tahfiz. Sebagai contoh, pelajar perempuan dikaitkan dengan masa yang sedikit untuk menghafaz al-Qur'an

berbanding pelajar tahfiz dalam kalangan lelaki. Di samping itu, pelajar perempuan juga dikaitkan dengan pengaruh hormon yang tidak stabil pada waktu-waktu tertentu. Situasi ini menggambarkan bahawa pelajar perempuan mempunyai kebarangkalian yang lebih tinggi untuk berasa terganggu dengan proses-proses tersebut. Perkara ini juga mempunyai kaitan dengan masa yang terhad untuk menyelesaikan silibus yang ditetapkan oleh pihak Darul Quran.

Walaupun bagaimanapun, perbincangan dapatan kajian ini menunjukkan nilai min pencapaian pelajar perempuan lebih tinggi daripada pelajar lelaki. Antara sebab yang boleh dikaitkan dengan dapatan ini ialah teknik pengulangan. Dalam sesi temu bual dengan pensyarah subjek *Hifz al-Qur'an*, beliau menjelaskan bahawa pelajar perempuan memfokuskan kepada aktiviti pengulangan ayat-ayat lama (*murāja'at*) semasa uzur syarii (*ma'dhurat*). Hal ini kerana, mereka tidak digalakkan untuk menghafaz ayat-ayat baru pada waktu tersebut. Dalam kajian-kajian lepas menekankan proses *murāja'at* harus dilaksanakan lebih banyak daripada menghafaz ayat-ayat baru (Mohd Nazri, 2010; Sedek, et al., 2015). Keadaan ini menunjukkan lebih banyak latihan *murāja'at* diperlukan sebelum menghadapi penilaian akhir atau peperiksaan akhir. Kenyataan ini selaras dengan Norlizah, et al. (2015) yang menekankan faktor penguasaan sebelum menghafaz al-Qur'an lebih lanjut. Antara cadangan yang boleh dikaitkan dengan dapatan ialah latihan *murāja'at* yang diaplikasi oleh pelajar tahfiz lelaki harus diperhalusi bagi meningkatkan pencapaian subjek *Hifz al-Qur'an*.

5.2.6.2 Lokasi tempat tinggal

Analisis statistik secara inferensi Jadual 4.28 menjelaskan bahawa terdapat perbezaan pencapaian subjek *Hifz al-Qur'an* yang signifikan antara responden yang

lokasi tempat tinggalnya di kawasan bandar berbanding responden yang lokasi tempat tinggalnya di kawasan luar bandar ($t(298) = 3.36, p = 0.02$). Pencapaian pelajar tahfiz kawasan bandar didapati menunjukkan nilai min yang lebih tinggi (min = 3.36, sp = 0.76) berbanding pelajar tahfiz luar bandar (min = 3.16, sp = 0.91). Dapatan ini bersifat kontra dengan kenyataan Heri Saptadi (2012) yang menekankan kawasan ideal untuk pelajar tahfiz menghafaz al-Qur'anialah kawasan luar bandar. Hal ini kerana, keadaan luar bandar mempunyai suasana yang lebih sunyi dan dikatakan lebih tenteram berbanding dengan kawasan bandar. Bahkan pengwujudan Darul Quran yang terletak di kawasan luar bandar juga menunjukkan kejayaan yang besar dalam menghasilkan graduan-graduan tahfiz.

Walau bagaimanapun, dapatan ini menyokong hasil analisis Shahrulkarnain (2013). Dapatan beliau merekodkan pelajar tahfiz yang bertaraf sosio ekonomi tinggi memperoleh keputusan peperiksaan yang lebih baik berbanding pelajar tahfiz yang bertaraf sosio ekonomi rendah. Menurut Adam, Zalika, Kassim, Faridah, Salleh dan Mohamad Johdi (2009), keadaan taraf sosio ekonomi di kawasan perbandaran sering dikaitkan dengan kemudahan dan fasiliti yang lebih sempurna berbanding kawasan luar bandar. Sampel yang digunakan dalam dapatan ini ialah dalam kalangan pelajar tahfiz Darul Quran. Justeru, dapat disimpulkan bahawa tidak kesemua pelajar tahfiz yang belajar di Darul Quran datang daripada kawasan luar bandar. Hanya lokasi menghafaz mereka yang dijalankan di kawasan luar bandar. Rajeev dan Mark (2010) yang mengaitkan sosio ekonomi rendah dengan gangguan kognitif pemikiran telah memberikan satu analogi bahawa pelajar yang bertaraf sosio ekonomi rendah mempunyai tahap motivasi pembelajaran yang kurang. Hal ini selaras dengan kajian Adam, et al. (2009) yang menjelaskan kemiskinan, sikap dan jurang pendapatan

merupakan salah satu faktor tahap pendidikan luar bandar lebih rendah. Keadaan tersebut menjejaskan motivasi seseorang pelajar untuk mencapai kejayaan kerana dipengaruhi oleh faktor kekurangan alat bantu mengajar, gangguan kemudahan infrastuktur dan sebagainya.

Selain itu, kewujudan institusi-institusi tahfiz yang kian pesat didirikan di kawasan bandar merupakan satu ikhtiar bahawa bukan sahaja penduduk luar bandar mampu menghafaz al-Qur'an dengan baik, bahkan kejayaan menghafaz al-Qur'an turut dikecapi oleh mereka yang lokasi tempat tinggalnya di kawasan bandar.

5.2.7 Hubungan Kesediaan Dalaman, Strategi Pembangunan Dalaman Pelajar Tahfiz, Strategi latihan dan Strategi Menghafaz al-Qur'an Dengan Pencapaian Subjek *Hifz al-Qur'an*.

Hubungan antara kesediaan dalaman, strategi pembangunan dalaman pelajar tahfiz, strategi latihan dan strategi menghafaz al-Qur'andengan pencapaian subjek *Hifz al-Qur'an* ditunjukkan dalam Jadual 4.30. Analisis Korelasi Pearson merupakan tatacara analisis yang digunakan dalam menentukan hubungan antara kesediaan dalaman, strategi pembangunan dalaman pelajar tahfiz, strategi latihan dan strategi menghafaz al-Qur'an dengan pencapaian subjek *Hifz al-Qur'an*. Keputusan analisis kajian menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara kesediaan dalaman dengan pencapaian subjek *Hifz al-Qur'an*. Kesediaan dalaman yang dimaksudkan merangkumi atribut nilai, jangkaan dan afektif. Dapatan ini selari dengan al-Masyā'ilah (2010) yang menekankan atribut nilai, jangkaan dan afektif dalam membangunkan sendiri seseorang pelajar tahfiz.

Strategi pembangunan dalaman dan strategi latihan pula tidak mempunyai hubungan yang signifikan dengan pencapaian subjek *Hifẓ al-Qur'an*. Situasi ini tidak selari dengan cadangan al-Masyā'ilah (2010) yang memfokuskan pembangunan dalaman pelajar tahfiz serta cadangan Pintrich, et al. (1991) yang menekankan kemahiran dalam mengurus pembelajaran dari segi kognitif, metakognitif dan pengurusan sumber.

Keputusan analisis kajian juga menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara strategi menghafaz al-Qur'an dengan pencapaian subjek *Hifẓ al-Qur'an*. Pemboleh ubah strategi menghafaz al-Qur'an mempunyai beberapa atribut, iaitu peringkat sebelum menghafaz al-Qur'an, peringkat semasa menghafaz al-Qur'an, peringkat selepas menghafaz al-Qur'an dan peringkat amalan para penghafaz al-Qur'an (Intan Zakiah & Munif, 2015). Peringkat sebelum menghafaz al-Qur'an diterangkan sebagai elemen adab-adab menghafaz al-Qur'an dan proses *talaqqī*. Dapatan ini bersifat selari dengan hasil analisis Azmil, et al. (2014) yang menjelaskan korelasi signifikan pada tahap sederhana di antara adab-adab pembelajaran tahfiz dengan pencapaian hafazan al-Qur'an. Selain itu, dapatan juga selaras dengan kajian Abdul hafiz dan Hasimah (2004), Abdul Hafiz, et al. (2005), Mohamad Marzuqi (2008), Azmil dan Abdul Halim (2012) yang mengetengahkan item-item utama dalam penghafazan al-Qur'an seperti kepentingan proses *talaqqī*, proses *tasmi'*, proses *murāja'at* dan beberapa teknik menghafaz seperti memahami makna dan sebagainya. Item-item tersebut mempunyai kesinambungan dengan komponen strategi menghafaz al-Qur'an dalam kajian ini.

Secara keseluruhan, kesediaan dalaman dan strategi menghafaz al-Qur'an mempunyai hubungan signifikan dengan pencapaian subjek *Hifẓ al-Qur'an*. Manakala bagi pemboleh ubah strategi pembangunan dalaman pelajar tahfiz dan

strategi latihan tidak mempunyai hubungan signifikan dengan pencapaian subjek *Hifz al-Qur'an*. Dapatan ini bersifat kontra dengan al-Masyā'ilah (2010) yang merangka item-item khusus dalam pendidikan tahfiz melalui strategi pembangunan dalaman pelajar tahfiz serta cadangan Pintrich, et al. (1991) berkenaan kognitif, metakognitif dan pengurusan sumber.

5.2.8 Peramal Utama Kesediaan Dalaman, Strategi Pembangunan Dalaman, Strategi latihan dan Strategi Menghafaz al-Qur'an Pelajar Tahfiz Terhadap Pencapaian Subjek *Hifz al-Qur'an*

Peramal utama kesediaan dalaman, strategi pembangunan dalaman, strategi latihan dan strategi menghafaz al-Qur'an pelajar tahfiz terhadap pencapaian subjek *Hifz al-Qur'an* dianalisis menggunakan analisis regresi lanjutan. Berdasarkan nilai r kuasa dua, dapatan kajian menunjukkan kombinasi peramal, iaitu kesediaan dalaman, strategi pembangunan dalaman pelajar tahfiz, strategi latihan dan strategi menghafaz al-Qur'an merupakan peramal terhadap pencapaian subjek *Hifz al-Qur'an*. Dapatan menunjukan keempat-empat peramal berjaya meramalkan 5.2% varians pencapaian. Peramal-peramal tersebut melibatkan pemboleh ubah kesediaan dalaman, strategi pembangunan dalaman, strategi latihan dan strategi menghafaz al-Qur'an. Hal ini disokong oleh kajian-kajian lepas yang memfokuskan faktor beberapa komponen yang melibatkan pemboleh ubah tersebut dengan prestasi pembelajaran (Pintrich, et al., 1991; al-Masyā'ilah, 2010; Ghazali, 2012).

Secara keseluruhannya, dapatan menjelaskan bahawa kesediaan dalaman merupakan peramal utama yang signifikan terhadap pencapaian subjek *Hifz al-Qur'an*. Hal ini berdasarkan data yang ditunjukkan, iaitu beta terbesar, 0.239 bagi peramal kesediaan dalaman berbanding peramal-peramal yang lain. Dapatan ini membuktikan bahawa

atribut nilai, jangkaan dan afektif merupakan suatu aspek yang harus diberi perhatian sewajarnya.

Oleh kerana atribut nilai, jangkaan dan afektif merupakan satu spektrum yang luas, maka satu analisis regresi lanjutan telah dilakukan ke atas kesediaan dalaman bagi mendapatkan satu elemen yang paling spesifik sebagai peramal utama pencapaian subjek *Hifz al-Qur'an*. Analisis kajian menunjukkan bahawa gabungan elemen bagi pemboleh ubah kesediaan dalaman, iaitu elemen sikap, intrinsik, ekstrinsik, nilai tugasan, kawalan kepercayaan, efikasi sendiri dan kebimbangan telah berjaya meramalkan 8.9% varians pencapaian. Beta terbesar yang dapat ditunjukkan sebagai peramal utama ialah efikasi sendiri ($B = 0.299$). Seperti yang diterangkan oleh al-Masyā'ilah (2010), prestasi pencapaian dapat dikekalkan dengan adanya keyakinan untuk berusaha dengan segala tenaga, bakat dan kemampuan yang diperolehi. Beliau menggambarkan perancangan sebagai kekunci mencapai kejayaan. Tahap efikasi sendiri pelajar tahfiz dikatakan rendah sekiranya mereka berasa tidak pasti dengan kemampuan yang diperolehi (al-Masyā'ilah, 2010; Layin, 2014). Sadia (2014) menjelaskan elemen efikasi sendiri sebagai personaliti trait. Personaliti trait yang tinggi digambarkan sebagai kepekaan terhadap pembelajaran, kestabilan emosi, kecerdikan dan disiplin (Sadia, 2014). Sementara Rusmita (2014) menambah faktor minat dalam meningkatkan elemen efikasi sendiri dalam diri.

Secara keseluruhan, efikasi sendiri memberi sumbangan terbesar kepada pencapaian subjek *Hifz al-Qur'an*. Dalam sesi temu bual pelajar dan pensyarah menyifatkan efikasi sendiri sebagai gambaran keyakinan terhadap tugasan yang dibawa. Terdapat ayat al-Qur'an tentang yakin antaranya ialah dalam surah al-Baqarat.

وَالَّذِينَ يُؤْمِنُونَ بِمَا أُنْزِلَ إِلَيْكَ وَمَا أُنْزِلَ مِنْ قَبْلِكَ وَبِالْآخِرَةِ هُمْ يُوقِنُونَ ﴿٤﴾

Dan juga orang-orang yang beriman kepada kitab "al-Qur'an" yang diturunkan kepadamu (wahai Muhammad), dan kitab-kitab yang diturunkan dahulu daripadamu, serta mereka yakin akan (adanya) hari akhirat (dengan sepenuhnya).

(Surah al-Baqarat, 2: 4)

Dapatan ini menyokong kajian lepas yang menekankan elemen efikasi sendiri dalam pencapaian tahfiz (Maryam Adawiyah, et al. 2016) dan juga kepentingan efikasi sendiri ke atas pencapaian memori (Beaudoin dan Marine, 2011). Menurut Noor Najihan (2014), efikasi sendiri dapat mencetuskan keyakinan diri untuk memberikan komitmen yang padu dalam setiap tugas yang dibawa. Bahkan menurut Rosniati (2014), kemampuan *soft skill* pelajar dalam pembelajaran diperlukan sebanyak 80% berbanding kemampuan *hard skill* dalam pembelajaran. Kemampuan *soft skill* yang dimaksudkan ialah ketrampilan pelajar serta nilai sendiri yang melibatkan faktor dalaman seseorang pelajar (Rosniati, 2014; Triyono, 2016) yang antaranya ialah efikasi sendiri.

5.3 Rumusan Perbincangan Kajian

Rumusannya, kesediaan dalaman, strategi pembangunan dalaman, strategi latihan dan strategi menghafaz al-Qur'an merupakan karakteristik pelajar tahfiz yang berperanan sebagai projekti yang kondusif dalam pencapaian subjek *Hifz al-Qur'an*. Kesediaan dalaman dan strategi pembangunan dalaman yang bersifat inspirasi serta strategi latihan dan strategi menghafaz al-Qur'an yang menunjukkan transisi berbeza secara praktikal telah memperlihatkan bahawa kesemua komponen tersebut berdiri sebagai wahana utama dalam pencapaian subjek *Hifz al-Qur'an*. Sehubungan itu, kajian ini mempertalikan kepentingan komponen tersebut dalam pencapaian subjek

Hifz al-Qur'an. Jadual 5.1 menunjukkan rumusan kajian karakteristik pelajar tahfiz dalam pencapaian subjek *Hifz al-Qur'an*.

Jadual 5.1

Rumusan Keseluruhan Dapatan Kajian

Pembolehubah	Komponen
Kesediaan dalaman	-Nilai -Jangkaan -Afektif
Strategi pembangunan dalaman pelajar tahfiz	-Nilai, jangkaan dan afektif
Strategi latihan	-Strategi kognitif -Strategi metakognitif -Strategi pengurusan sumber
Strategi menghafaz al-Qur'an	-Peringkat sebelum menghafaz al-Qur'an -Peringkat semasa menghafaz al-Qur'an -Peringkat selepas menghafaz al-Qur'an -Peringkat amalan para penghafaz al-Qur'an

Jadual 5.1 memperlihatkan bahawa kesediaan dalaman, strategi pembangunan dalaman, strategi latihan dan strategi menghafaz al-Qur'an merupakan jalinan fungsi yang berbeza, namun diidentifikasikan sebagai karakteristik pelajar tahfiz. Jadual menunjukkan empat pemboleh ubah, iaitu kesediaan dalaman, strategi pembangunan dalaman, strategi latihan dan strategi menghafaz al-Qur'an sebagai faktor-faktor dalam pencapaian subjek *Hifz al-Qur'an*.

Selain itu, para pelajar tahfiz yang mengamalkan ciri-ciri dalam kesediaan dalaman, iaitu efikasi sendiri mempunyai potensi yang lebih besar untuk mencapai kejayaan dalam pencapaian subjek *Hifz al-Qur'an*. Hal ini dibuktikan dalam analisis regresi

yang dijalankan ke atas semua pemboleh ubah yang mempunyai hubungan dengan pencapaian subjek *Hifz al-Qur'an*. Secara langsung, efikasi sendiri pelajar tahfiz adalah satu strategi yang harus diaplikasi dalam pendidikan tahfiz bagi merealisasikan hasrat serta misi Darul Quran, iaitu mendidik dan melatih pelajar menjadi lebih dinamik dalam bidang hafazan al-Qur'an.

Bidang tahfiz al-Qur'an bukan sahaja didorong oleh aktiviti menghafaz yang dipraktikkan sehari-hari, tetapi juga faktor dalam diri pelajar itu sendiri. Hal ini diterangkan dalam kajian ini sebagai kesediaan dalaman, strategi pembangunan dalaman, strategi latihan dan strategi menghafaz al-Qur'an. Merujuk kepada al-Masyā'ilah (2010) elemen-elemen kerohanian dan pola pembelajaran tahfiz akan dapat meningkatkan semangat untuk menghafaz al-Qur'an. Selaras dengan kenyataan tersebut, dapatan kajian telah membuktikan bahawa karakteristik pelajar tahfiz; kesediaan dalaman dan strategi menghafaz al-Qur'an merupakan karakteristik pelajar tahfiz yang harus diberi keutamaan. Namun begitu, aplikasi strategi pembangunan dalaman dan strategi latihan juga harus diberi perhatian.

Ciri-ciri dalam karakteristik pelajar tahfiz yang menjangkau horizon lebih khusus dalam mengetengahkan kemampuan intuitif, intelektual dan praktikal ini mempunyai kesinambungan dengan kajian Mardzelah (2012) berkenaan amalan hisbah sendiri. Menurut beliau, pelatihan jiwa, akal, ruhani dan jasmani yang sentiasa berada dalam radar pengawasan harus diterapkan dalam peribadi seseorang kerana keadaan tersebut akan dapat menghasilkan sendiri yang mantap. Rumusannya, kajian ini dijalankan sebagai usaha pemantapan sendiri pelajar tahfiz dengan menspesifikasikan kepada daya mengurus pembelajaran tahfiz yang merangkumi kesediaan dalaman (aturan sendiri (i): nilai, jangkaan, afektif), strategi pembangunan

dalam (aturan sendiri (ii): nilai, jangkaan, afektif), strategi latihan (strategi kognitif, strategi metakognitif, strategi pengurusan sumber) dan strategi menghafaz al-Qur'an (Peringkat sebelum, semasa, selepas dan amalan para penghafaz al-Qur'an).

5.4 Impikasi Kajian

Implikasi kajian dibahagikan kepada dua, iaitu implikasi teori dan implikasi praktikal.

5.4.1 Implikasi Teori

Faktor dalam pelajar tahfiz mengetengahkan teori hukum kesediaan dan juga aturan sendiri, manakala bagi faktor luaran pelajar tahfiz menampilkan hukum latihan, strategi pembelajaran serta dan teori pembelajaran tahfiz. Sementara teori pencapaian tahfiz turut digunakan. Umumnya, sinkronisasi di antara ideologi Islam dan pandangan-pandangan barat disenaraikan mengikut hierarki dan keutamaan di dalam kebanyakan teori yang digunakan sebagaimana berikut:

- a. Al-Qur'an
- b. Al-Hadis
- c. Ijtihad para ulama
- d. Teori-teori sains empirikal

Dalam Rajah 5.1, implikasi teori yang digarapkan dalam bentuk non-linear ini menunjukkan nilai keutamaan yang tersendiri. Misalnya rajah dalam implikasi teori ini mengetengahkan nilai al-Qur'an (i) sebagai autoriti tertinggi dan meletakkan al-hadis (ii) sebagai sumber yang kedua. Setelah itu, barulah disenaraikan kandungan faktor-faktor kajian yang berhubung dengan kesediaan dalam, strategi

pembangunan dalaman, strategi latihan dan strategi menghafaz al-Qur'an yang merupakan pembolehubah tidak bersandar dalam kajian ini. Manakala teori pencapaian (hukum kesan), iaitu gred pencapaian diterangkan sebagai pembolehubah bersandar kajian ini. Secara asasnya, kesediaan dalaman ditunjukkan sebagai Faktor I, manakala Faktor II ialah strategi pembangunan dalaman, Faktor III strategi latihan dan Faktor IV ialah strategi menghafaz al-Qur'an.

Faktor I diterangkan sebagai komponen-komponen yang berasaskan teori Thorndike dan Pintrich et. al., (1991). Kandungan faktor ini merangkumi kesediaan dari segi atribut nilai, jangkaan dan afektif. Dalam hukum kesediaan Thorndike, kesediaan diterangkan kepada tiga unsur, iaitu psikomotor (kemampuan berfikir dan kebolehan menilai), afektif (perasaan), dan kognitif (potensi menerima pelajaran secara mental) (Thorndike, 2001).

Justeru, entiti atribut nilai, jangkaan dan afektif mempunyai kaitan dengan tiga unsur tersebut. Sementara al-Masyā'ilah (2010) menjelaskan ketiga-tiga atribut, iaitu nilai, jangkaan dan afektif sebagai komponen utama dalam teori pembangunan dalaman pelajar tahfiz (Faktor II). Di dalam rajah ini turut menerangkan bahawa aplikasi visual-*talqin*, ingatan jangka pendek dan *takrār-al-Mail* bukan sahaja digunakan dalam Faktor I, Faktor II dan Faktor III tetapi juga digunakan dalam Faktor IV. Ingatan jangka panjang dapat diperolehi setelah melakukan *takrār-al-Mail*. Justeru, aplikasi-aplikasi tersebut dilihat penting dalam meningkatkan pencapaian subjek *Hifẓ al-Qur'*anyang menilai pelajar secara lisan dan bertulis.

Menyingkap berkenaan pemboleh ubah strategi latihan; Faktor III yang merangkumi atribut kognitif, metakognitif dan strategi pengurusan sumber merupakan keperluan kepada strategi latihan pelajar tahfiz. Dalam aspek ini aplikasi visual; *talqin* dengan penggunaan ingatan jangka pendek dapat difahami sebagai penerimaan hafalan pada peringkat awal. Penerimaan hafalan pada peringkat awal terjadi sebaik sahaja pelajar tahfiz menerima ayat-ayat al-Qur'an tersebut dalam jangkaan hayat sementara dan ayat-ayat yang dihafal tersebut akan berpindah kepada ingatan kekal apabila elemen pengulangan (*takrār*) dan kecintaan (*al-ma'īl*) diamalkan. Aplikasi mengulang (*takrār*) dapat melahirkan penghayatan yang lebih mendalam (*al-ma'īl*) terhadap al-Qur'an. Justeru, al-Qabīsī (1955) mengimplikasikan elemen *takrār* sebagai perkara paling utama dilakukan oleh para penghafaz al-Qur'an. Situasi ini juga selaras dengan aplikasi hukum latihan Thorndike (2001) yang turut dilihat penting dalam strategi menghafaz al-Qur'an (Faktor IV).


Sementara dalam Teori pencapaian, Thorndike (2001) menyatakan bahawa hukum kesan berlaku apabila terdapat impak positif atau negatif yang mana ianya adalah hasil daripada kesediaan dalaman, pembangunan dalaman, latihan dan strategi menghafaz al-Qur'an. Dalam rajah ini, setelah ayat-ayat al-Qur'an dapat diingati, maka pelajar tahfiz layak menduduki penilaian yang akan diadili oleh para pensyarah subjek *Ḥifẓ al-Qur'an*, iaitu menduduki ujian lisan (*syafawī*) dan ujian bertulis (*tahrīrī*) al-Qur'an. Menurut teori *al-fahm* daripada al-Qābisī (1955), pada tahap ini para pelajar mampu mengeluarkan semula apa yang telah dipelajari dalam bentuk penulisan (*tahrīrī*). Selain itu, pelajar juga mampu mengeluarkan semula apa yang dihafaz dalam bentuk lisan. Al-Qābisī (1955) menyatakan situasi ini sebagai konsep *talqin*.

(i) “Orang-orang Kami berikan kitab kepada mereka, sedang mereka membacanya dengan sebenar-benar bacaan (tidak mengubah dan memutar-maksudnya), mereka itulah orang-orang yang beriman kepadanya, dan sesiapa yang mengingkarinya maka mereka itulah orang-orang yang rugi.” (Surah al-Baqarat, 2: 121)

(ii) Dari Abu Musa katanya Rasulullah SAW bersabda,

“Jagalah (hafalan) al-Qur’an, demi zat yang jiwa saya ada tangan-Nya, sesungguhnya al-Qur’ān itu sangat cepat terlepas melebihi (lepasnya) unta dari ikatannya”

(Al-Mausū‘āt, Al-Bukhari, 2010: 5033)



Rajah 5.1. Implikasi teori

Sambungan Rajah...

Petunjuk: Teori al-Qur'an: (i), Teori al-hadis: (ii), Teori Thorndike (2001): (A), Teori Hilgard & Atkinson (2003): x, Teori al-Qābisi, 1955: (D), Pandangan al-Masyā'ilah: (C), Teori Pintrich et. al., (1991): (B), buku-buku berkaitan hafazan: (E)

Secara keseluruhannya, kerangka teori kajian ini saling menyokong di antara pembolehubah bersandar dan tidak bersandar. Penyelidik menggunakan beberapa teori dalam mengungkapkan keseluruhan kandungan kajian ini adalah kerana

gabungan kesemua teori tersebut mampu menerangkan konsep kajian ini secara jelas dan dalam masa yang sama dapat menepati karakteristik pelajar tahfiz yang meletakkan al-Qur'an dan al-hadis sebagai paksi, pegangan dan panduan utama.

5.4.2 Implikasi Praktikal

Secara praktikal, dapatan kajian ini mengetengahkan konsep pemusatan pelajar (*Student centred*) tahfiz yang merangkumi faktor dalaman (kesediaan dalaman dan strategi pembangunan dalaman) serta faktor luaran (strategi latihan dan strategi menghafaz al-Qur'an). Meskipun para pelajar mendapat sokongan dan tunjuk ajar daripada guru atau pensyarah dalam kelas, pembabitan mereka yang berada dalam lingkungan pelajar hanya sebagai pencetus semangat dan pemudah cara dalam menyelesaikan tugas menghafaz al-Qur'an. Hal ini memaksudkan bahawa perkara yang lebih penting dan lebih utama dalam pencapaian subjek *Hifz al-Qur'an* ialah faktor diri pelajar tahfiz itu sendiri.

Hal ini juga serupa dengan lingkungan para pelajar tahfiz yang melibatkan keluarga dan rakan-rakan. Misalnya dapatan kajian yang mengetengahkan atribut strategi pengurusan sumber, iaitu elemen rakan dan bantuan. Atribut ini menjelaskan bahawa kehadiran mereka yang berada dalam lingkungan pelajar tahfiz harus dimanfaatkan oleh pelajar tahfiz itu sendiri dengan sebaik-baiknya. Dapatan kajian-kajian lepas membuktikan bahawa sosialisasi pelajar tahfiz dengan para penghafaz al-Qur'an yang lain dapat meningkatkan pembelajaran tahfiz yang mereka lalui (Abdul Hafiz dan Hasimah, 2004; Mohd Nazri, 2010). Peningkatan ini dimaksudkan dengan peluang untuk mengambil manfaat daripada mereka yang berada dalam lingkungan sebagai salah satu input yang berguna.

Menurut Nisrina (2015), tidak semua pelajar yang dilahirkan mempunyai kesediaan untuk menghafaz keseluruhan al-Qur'an. Terdapat beberapa ciri yang mungkin boleh dipastikan dengan melihat kepada potensi mereka dalam menghafaz al-Qur'an. Justeru, secara langsung, implikasi dapatan kajian telah mencadangkan agar nilai sendiri kesediaan dalaman (efikasi sendiri) dapat dijadikan sebagai implementasi yang memerlukan nilai imperatif.

Selain itu, terdapat beberapa implikasi praktikal lain berupa saranan-saranan yang wajar diberi perhatian oleh peringkat pengamal, pelaksana, pembuat dasar dan korpus ilmu bagi memanfaatkan kajian:

1. Membina jalinan akademik yang saling memerlukan di antara pengkaji-pengkaji lama dengan pengkaji-pengkaji baru. Panduan karakteristik pelajar tahfiz akan dapat membuka ruang kepada para pengkaji untuk menilai serta melontarkan pandangan mereka secara kritis. Selain itu, para pengkaji juga dapat memanfaatkan sumbangan kajian ini dengan penghasilan kajian-kajian baru yang mempunyai kesinambungan dengan karakteristik pelajar tahfiz. Hal ini mendorong para pengkaji untuk menghasilkan kajian-kajian akademik yang bukan sahaja lebih prolifik tetapi juga mempunyai pendekatan dan perspektif tersendiri.
2. Mengetengahkan karakteristik pelajar tahfiz (kesediaan dalaman dan strategi pembangunan dalaman serta strategi latihan dan strategi menghafaz al-Qur'an) sebagai satu subjek teras dalam bidang tahfiz al-Qur'an. Di samping itu, para pelajar tahfiz dan pensyarah disarankan agar dapat berganding bahu dalam mengembangkan potensi para pelajar tahfiz dengan

satu panduan yang digarapkan menerusi karakteristik pelajar tahfiz. Penerapan karakteristik pelajar tahfiz yang merangkumi empat pemboleh ubah tersebut juga harus diketengahkan oleh pihak pelaksana sejak daripada awal lagi. Sebagai contoh pihak penemuduga menggunakan kaedah potensi karakteristik pelajar tahfiz semasa sesi temuduga dijalankan dengan satu nilai pemarkahan tertentu. Hal ini dilakukan bagi menentukan pemilihan pelajar tahfiz yang bukan sahaja mempunyai potensi untuk menghafaz al-Qur'an, tetapi juga mempunyai kesediaan dalaman yang tinggi.

3. Memfokuskan elemen-elemen yang menjadi peramal utama pencapaian subjek *Hifz al-Qur'an* kepada para pelajar tahfiz, contohnya meningkatkan keupayaan efikasi sendiri dengan satu langkah yang menyeluruh dan bersifat inspirasi. Pendekatan ilmu seperti mengadakan seminar, forum berkaitan efikasi sendiri, kem-kem motivasi serta bengkel akan dapat meningkatkan kemantapan jatidiri para pelajar tahfiz.
4. Mengadakan program-program khusus kepada para pelajar tahfiz bagi membangunkan kesediaan dalaman, strategi pembangunan dalaman, strategi latihan dan strategi menghafaz al-Qur'an mereka. Selain itu, program seperti tautan antara pelajar tahfiz dengan alumni pelajar tahfiz merupakan salah satu komponen strategi latihan yang wajar dilaksanakan di Darul Quran dan Institusi Tahfiz yang lain. Hal ini akan membuka ruang kepada para pelajar tahfiz untuk berasa lebih yakin dalam meneruskan cita-cita mereka sebagai seorang *hamilul Qur'an* dan *hamilatul Qur'an* yang berjaya di dunia dan akhirat kelak.

5. Kajian ini menjadi satu titik tolak kepada pembuat dasar pendidikan tahfiz, iaitu pihak kerajaan untuk mengambil langkah perseptif terhadap peri mustahaknya karakteristik pelajar tahfiz dalam pembangunan sendiri mereka. Pendekatan yang harus diambil antaranya ialah mengadakan program seperti seminar keibu-bapaan atau kempen-kempen yang dihadiri oleh ibu-bapa dan masyarakat umum. Program-program seperti seminar dan kempen-kempen merupakan salah satu kaedah pendekatan ilmu yang sering mendapat tempat di hati masyarakat sekaligus dapat membuka minda mereka untuk memahami dan menghayati tentang karakteristik pelajar tahfiz. Situasi ini selari dengan kenyataan Mohammad Ali, Mohammad Khairil, Himesadeja dan Siti Wardah (2015) yang mengetengahkan peranan Raja dan pemerintah selaku ketua dalam pemeraksanaan dunia tahfiz.
6. Selain itu, pengwujudan jabatan pendidikan tahfiz wajar dilaksanakan di setiap universiti-universiti awam (UA) bagi membantu para pelajar universiti yang mempunyai kesediaan dalaman yang tinggi untuk mendalami bidang tahfiz secara elektif. Aktiviti ini merupakan satu kebudayaan ilmunan yang menjadi mercu tanda kegemilangan Islam satu masa dahulu. Selain itu, aktiviti ini akan menjadi satu tradisi pengkayaan ilmu yang memanifestasikan nilai tambah kepada para pelajar khususnya dalam aktiviti kokurikulum mereka. Di samping itu, para pelajar tahfiz yang telah menamatkan pengajian di institusi tahfiz dan menyambung pembelajaran mereka di universiti-universiti tempatan juga akan dapat memanfaatkan sebahagian masa mereka terhadap subjek hafazan yang menjadi opsyenal dalam lanjutan pengajian mereka.

Kesimpulannya, implikasi-implikasi praktikal yang diketengahkan bersifat selaras dengan cadangan usaha pemerkasaan Darul Quran yang dimanifesto oleh Nordin (2015) dalam simposium pendidikan tahfiz Nusantara dan Multaqa Huffaz kali ke IV. Beliau menjelaskan tentang peri mustahaknya pengembangan kualiti pendidikan tahfiz yang merangkumi kurikulum, pembudayaan penyelidikan dan isu-isu yang membabitkan prasarana serta pembangunan pendidikan tahfiz di negara malaysia dengan satu anjakan paradigma.

5.5 Sumbangan Kajian

Oleh kerana kajian ini melibatkan faktor dalaman serta daya usaha berterusan individu dalam melakukan aktiviti menghafaz al-Qur'an, beberapa teori pembelajaran yang digunakan dalam kajian empirikal diadaptasi secara komprehensif. Ironinya, idea-idea tentang faktor dalaman dan faktor luaran, iaitu seperti psikologi perasaan, akhlak, kejiwaan, interaksi ruh, jasmani dan akal yang membezakan antara baik dan buruk telah dicapai oleh cendekiawan-cendekiawan Islam, namun ianya telah dikembangkan melalui teori-teori barat dengan spesifikasi yang lebih rencam secara empirik. Contohnya ialah berkenaan dengan atribut nilai, jangkaan, afektif, strategi kognitif, metakognitif dan pengurusan sumber. Justeru, antara sumbangan kajian yang digarapkan dalam kajian ini ialah:

1. Prioriti diberikan kepada pemboleh ubah kesediaan dalaman dan strategi menghafaz al-Qur'an. Namun begitu, pemboleh ubah strategi pembangunan dalaman dan strategi latihan juga harus diberi perhatian.
2. Kesenambungan di antara teori-teori yang dijadikan panduan dalam kajian diserasikan mengikut hierarki keutamaan. Empat dimensi utama teori, iaitu

kesediaan belajar, teori pembangunan dalaman, teori latihan dan teori menghafaz al-Qur'an ditunjukkan dengan satu landasan autoriti paling tinggi, iaitu al-Qur'andan al-hadis. Seterusnya setiap teori menggunakan pandangan-pandangan akademik serta buku-buku berkaitan hafazan.

3. Kajian seumpama ini juga diharapkan akan dapat mengangkat motivasi individu pelajar tahfiz dalam mengekalkan momentum mereka untuk meneruskan perjuangan menghafaz *kalāmullah*. Karakteristik pelajar tahfiz (faktor dalaman dan luaran pelajar tahfiz) bukan sekadar medium untuk memahami kehidupan seseorang pelajar tahfiz, bahkan mempunyai fungsi khusus yang sesuai dijadikan sebagai satu amalan penghayatan. Selain itu, karakteristik pelajar tahfiz yang merangkumi faktor dalaman dan luaran pelajar tahfiz ini juga boleh dirujuk sebagai satu persediaan mental kepada mereka yang berminat untuk berkecimpung dalam bidang ini lebih serius.
4. Panduan karakteristik pelajar tahfiz akan dapat memberikan input berguna kepada mereka yang sedang melakukan usaha mengulang al-Qur'an. Usaha mengulang al-Qur'an merupakan usaha yang diperlukan secara infiniti sama ada secara formal di Institusi Tahfiz mahupun setelah selesai pengajian tahfiz. Budaya yang diterapkan di Institusi Tahfiz menjadi satu titik tolak kepada para pelajar tahfiz untuk meneruskan usaha memelihara al-Qur'an. Justeru, panduan karakteristik pelajar tahfiz akan dapat memandu mereka agar tidak tersasar daripada perkara-perkara yang menghambat daya menghafaz al-Qur'an.
5. Beberapa panduan berdasarkan rumusan berkenaan karakteristik pelajar tahfiz yang boleh dirujuk oleh semua peringkat sama ada peringkat pengamal,

peringkat pelaksana, peringkat pembuat dasar dan peringkat kosa ilmu dapat dihasilkan (Jadual 5.2).

Jadual 5.2

<i>Panduan Kesediaan Dalam Pelajar Tahfiz Terhadap Pencapaian Subjek Hifz al-Qur'an</i>	
Perkara	Panduan Kesediaan Dalam
Sikap	-Pelajar rasa bersyukur mempelajari subjek <i>Hifz al-Qur'an</i> -Pelajar rasa seronok menghafaz al-Qur'an -Pelajar dapat membezakan dua subjek utama dalam hafazan, iaitu al-Qur'an lisan (<i>syafawī</i>) dan bertulis (<i>tahrīrī</i>) -Pelajar merancang untuk meneruskan usaha memelihara al-Qur'an
Instrinsik	-Pelajar suka mempelbagaikan strategi menghafaz -Pelajar mahu menguasai keseluruhan kandungan subjek <i>Hifz al-Qur'an</i> -Pelajar mahu tugas yang membolehkan saya menguasai subjek <i>Hifz al-Qur'an</i>
Ekstrinsik	-Pelajar mahu memperolehi gred yang lebih baik daripada rakan-rakan lain dalam subjek <i>Hifz al-Qur'an</i> -Pelajar mahu berjaya dalam subjek <i>Hifz al-Qur'an</i> kerana mahu - menonjolkan keupayaan kepada keluarga, rakan, institusi dan orang lain -Pelajar menghafaz al-Qur'an kerana dorongan masyarakat -Pelajar hafaz al-Qur'an kerana tuntutan agama -Pelajar hafaz al-Qur'an kerana jaminan kerja masa depan
Nilai Tugas	-Pelajar boleh mengaplikasikan hafazan secara lisan dan bertulis -Penting bagi pelajar untuk menguasai subjek <i>Hifz al-Qur'an</i> secara lisan dan bertulis -Pelajar rasa penghafazan al-Qur'an yang dilakuka setakat ini sangat berguna buat dirinya -Pelajar suka membaca juz-juz dalam al-Qur'an -Pelajar rasa penting untuk menghafaz al-Qur'an
Kawalan Kepercayaan	-Pelajar boleh menguasai subjek hafazan jika hafal dengan betul -Pelajar merasa bersalah sekiranya tidak dapat menghafaz -Pelajar akan menguasai subjek <i>Hifz al-Qur'an</i> jika bersungguh-sungguh
Efikasi Kendiri	-Pelajar percaya akan memperolehi gred cemerlang dalam subjek <i>Hifz al-Qur'an</i> -Pelajar pasti dapat melalui proses menghafaz paling sukar dalam penghafazan -Pelajar yakin dapat menguasai silibus subjek <i>Hifz al-Qur'an</i> pada setiap semester

Sambungan...

- Pelajar yakin dapat menghafaz al-Qur'an sekalipun pada ayat-ayat rumit
- Pelajar yakin boleh melaksanakan setiap subjek *Hifz al-Qur'an* dengan cemerlang
- Pelajar jangka boleh berjaya dalam ujian-ujian subjek *Hifz al-Qur'an*
- Pelajar pasti dapat menguasai subjek *Hifz al-Qur'an* dalam semester ini
- Pelajar rasa boleh untuk menguasai subjek *Hifz al-Qur'an*

Kebimbangan

- Pelajar teringat-ingat soalan ujian yang tidak dapat dijawab sebaik sahaja selesai ujian subjek *Hifz al-Qur'an*
 - Pelajar cuba menjauhkan diri rasa kurang selesa ketika mengambil ujian subjek *Hifz al-Qur'an* lisan dan bertulis
 - Pelajar berdebar ketika mengambil ujian dalam subjek *Hifz al-Qur'an*
 - Pelajar memikirkan kesan buruk yang perlu dihadapi sekiranya gagal dalam ujian
-

Berdasarkan Jadual 5.2, atribut nilai disenaraikan sebagai elemen sikap, intrinsik, ekstrinsik dan nilai tugasan. Manakala bagi atribut jangkaan diterangkan sebagai elemen kawalan kepercayaan dan efikasi sendiri. Atribut afektif pula diterangkan sebagai elemen kebimbangan.

Selain dari itu, kajian juga menyumbang panduan strategi pembangunan dalaman pelajar tahfiz (Jadual 5.3).

Jadual 5.3

Panduan Strategi Pembangunan Dalaman Pelajar Tahfiz Terhadap Pencapaian Subjek Hifz al-Qur'an

Konotasi	Panduan Strategi Pembangunan Dalaman
Efikasi sendiri	Pelajar pasti keupayaan untuk mencapai apa yang dirancang dalam menghafaz al-Qur'an
Intrinsik	Apabila pelajar melakukan sesuatu, pelajar meletakkan dalam fikiran bahawa saya perlu melakukan usaha sedaya upaya yang mungkin untuk menahan kesukaran sehingga mencapai matlamat
Nilai tugasan	Hafaz al-Qur'an adalah apa yang pelajar mahu dalam hidup

Sambungan...	
Nilai tugasan	Pelajar percaya bahawa al-Qur'an adalah nilai-nilai yang positif yang berharga dalam hidup
Ekstrinsik	Menganugerahkan hadiah kepada diri sendiri atas apa yang dilakukan secara berterusan, pelajar menjaga diri dalam bulatan fokus. Contoh: Apabila menghafaz ayat-ayat yang telah ditetapkan pada waktunya, pelajar akan membenarkan diri untuk berehat
Efikasi sendiri	Pelajar yakin dan percaya, bahawa harus bekerja keras menggunakan segala tenaga, bakat dan kebolehan supaya berjaya dalam mengekalkan apa yang dirancang
Kebimbangan	Pelajar risau proses <i>tasmi'</i> dengan pensyarah yang telah ditetapkan setiap hari.
Kawalan kepercayaan	Apabila perkara-perkara baru yang tidak dijangka mengancam matlamat yang ditetapkan oleh diri pelajar dalam menghafaz al-Qur'an, pelajar cuba untuk meletakkan sasaran baru dan bergerak dalam perancangan baru
Ekstrinsik	Hadiah yang besar ke atas diri bilamana dapat melaksanakan apa yang telah dirancang melambangkan satu kepuasan
Sikap	Pelajar cenderung untuk melakukan secara sederhana daripada usaha dalam manakala selebihnya adalah reda guru dan reda ibu-bapa
Kebimbangan	Pelajar sering memberi tumpuan kepada apa yang sukar dicapai kerana bimbang tidak dapat mencapai matlamat dalam subjek <i>Hifz al-Qur'an</i>
Sikap	Pelajar meletakkan pandangan/wawasan yang jelas dan kuat untuk kejayaan pelajar pada masa yang akan datang sebelum bermula dengan objektif yang baru
Sikap	Pelajar mendapatkan kekuatan untuk menghafaz al-Qur'an dari pelbagai cara
Sikap	Pelajar mempunyai minat yang tinggi dalam menghafaz al-Qur'an

Berdasarkan Jadual 5.3, strategi pembangunan dalaman pelajar tahfiz mempunyai konotasi elemen nilai, jangkaan dan afektif; kebimbangan.

Kajian juga mengetengahkan strategi latihan kepada beberapa atribut, iaitu strategi kognitif, strategi metakognitif dan strategi pengurusan sumber. Jadual 5.4 menunjukkan panduan tersebut.

Jadual 5.4

Panduan Strategi Latihan Pelajar Tahfiz Terhadap Pencapaian Subjek Hifz al-Qur'an

Perkara	Panduan Strategi Kognitif, Metakognitif, Pengurusan Sumber
Kognitif Latihan	Pelajar mengulang hafazan yang dihafal secara berulang kali
Kognitif Latihan	Pelajar menghafal kata kunci untuk mengingatkan ayat-ayat al-Qur'an
Kognitif Latihan	Pelajar menyenaraikan perkara penting yang perlu dilakukan dalam menghafaz al-Qur'an
Penghuraian	Pelajar menggabungkan maklumat daripada sumber-sumber berlainan ketika <i>murāja'at</i> subjek <i>Hifz al-Qur'an</i>
Penghuraian	Pelajar menggunakan strategi menghafaz al-Qur'an ketika mempelajari subjek lain
Penghuraian	Pelajar mengaitkan teknik menghafaz dalam subjek <i>Hifz al-Qur'an</i> dengan subjek lain
Penghuraian	Pelajar mencatat secara ringkas tentang teknik-teknik menghafaz daripada pembacaan dan nota kelas
Penghuraian	Pelajar mengaitkan subjek <i>Hifz al-Qur'an</i> dengan bahan bacaan tambahan
Penghuraian	Pelajar mengaitkan subjek <i>Hifz al-Qur'an</i> dengan ilmu-ilmu lain
Penyusunan	Pelajar merangka (<i>mapping</i>) rancangan dalam subjek <i>Hifz al-Qur'an</i> untuk membantu penyusunan matlamat
Penyusunan	Pelajar mencari teknik-teknik penting dikuasai ketika <i>murāja'at</i> subjek <i>Hifz al-Qur'an</i>
Penyusunan	Pelajar membuat carta ringkas atau jadual bagi membantu menyusun matlamat dalam subjek <i>Hifz al-Qur'an</i>
Pemikiran kritis	Pelajar bertanyakan diri sendiri tentang subjek yang dihafaz bagi menguji kemantapan hafazan
Pemikiran kritis	Pelajar mencari bahan sokongan yang baik terhadap subjek <i>Hifz al-Qur'an</i>
Pemikiran kritis	Pelajar menggunakan teknik menghafaz sendiri
Regulasi sendiri (metakognitif)	Pertanyaan kepada pensyarah berkenaan subjek <i>Hifz al-Qur'an</i> dapat meningkatkan perhatian pelajar kepada tugas yang dibawa
Regulasi sendiri (metakognitif)	Pelajar cuba menyelesaikan masalah dengan mengulang semula ayat hafazan jika ayat hafazan masih belum diingati
Regulasi sendiri (metakognitif)	Pelajar menukar cara menghafaz jika sukar menghafaz sesuatu ayat
Regulasi sendiri (metakognitif)	Pelajar membaca seimbis lalu (<i>scanning</i>) untuk melihat corak penyusunan hafazan sebelum <i>murāja'at</i> keseluruhan
Regulasi sendiri (metakognitif)	Pelajar menguji diri pada ayat-ayat tertentu bagi memastikan menguasai subjek <i>Hifz al-Qur'an</i> .
Regulasi sendiri (metakognitif)	Pelajar menukar cara menghafaz bagi menyesuaikan diri dengan subjek <i>Hifz al-Qur'an</i>
Regulasi sendiri	Pelajar cuba mengenal pasti hafazan yang tidak dikuasai

Sambungan...	
Regulasi sendiri (metakognitif)	Pelajar menetapkan matlamat bagi memastikan halatuju dalam menghafaz al-Qur'an
Regulasi sendiri (metakognitif)	Pelajar akan menyelesaikan kekeliruan tentang ayat-ayat yang dihafaz sebaik sahaja kelas tamat
Masa & persekitaran	Pelajar menghafaz al-Qur'an di satu tempat yang boleh menumpukan perhatian sepenuhnya
Masa & persekitaran	Pelajar memanfaatkan masa subjek <i>Hifz al-Qur'an</i> dengan sebaik-baiknya
Masa & persekitaran	Pelajar sentiasa menghadiri kelas <i>tasmi'</i>
Masa & persekitaran	Pelajar tidak dapat meluangkan masa yang banyak untuk subjek <i>Hifz al-Qur'an</i> disebabkan aktiviti-aktiviti luar
Masa & persekitaran	Pelajar tidak mempunyai masa untuk <i>muraja'at</i> hafazan sebelum peperiksaan
Usaha	Jika ayat yang dihafaz sukar, pelajar sama ada berputus asa atau membaca bahagian mudah sahaja
Usaha	Pelajar boleh meneruskan hafazan sehingga selesai walaupun rasa tidak bersemangat
Usaha	Pelajar rasa malas sehinggakan saya berhenti sebelum habis menghafaz al-Qur'an seperti yang dirancang
Belajar dengan rakan	Pelajar berkongsi panduan-panduan menghafaz kepada rakan sekelas/rakan lain
Belajar dengan rakan	Pelajar meluangkan masa untuk berbincang berkenaan subjek <i>Hifz al-Qur'an</i> dengan kawan
Mencari bantuan	Pelajar bertanya pensyarah tentang ayat-ayat hafazan yang tidak berjaya dikuasai
Mencari bantuan	Pelajar minta pertolongan rakan tentang ayat-ayat hafazan yang tidak dapat dikuasai
Mencari bantuan	Pelajar mengenal pasti pelajar lain yang boleh membantu dalam subjek <i>Hifz al-Qur'an</i>

Berdasarkan Jadual 5.4, atribut strategi kognitif diterangkan sebagai elemen latihan, penghuraian, penyusunan dan pemikiran kritis. Manakala atribut strategi metakognitif diterangkan sebagai elemen regulasi sendiri. Bagi atribut strategi pengurusan sumber pula mempunyai elemen masa dan persekitaran, usaha, rakan dan bantuan.

Selain itu, kajian ini mengetengahkan panduan strategi menghafaz al-Qur'an mengikut kronologis berperingkat, iaitu peringkat sebelum menghafaz al-Qur'an, peringkat semasa menghafaz al-Qur'an, peringkat selepas menghafaz al-Qur'an dan peringkat amalan para penghafaz al-Qur'an. Secara praktikal, kandungan komponen strategi menghafaz al-Qur'an ini dapat dicirikan kepada tiga atribut, iaitu kognitif, metakognitif dan pengurusan sumber. Jadual 5.5 menunjukkan panduan strategi menghafaz al-Qur'an terhadap pencapaian Subjek *Hifẓ al-Qur'an*.

Jadual 5.5

Panduan strategi menghafaz al-Qur'an terhadap pencapaian subjek Hifẓ al-Qur'an

Atribut	Elemen	Item	Ciri
Peringkat Sebelum Menghafaz al-Qur'an	Adab menghafaz	Adab umum; niat, ikhlas, suci bersih, berwuduk, menghadap kiblat, membaca <i>ta'awwudh</i> /doa khusus sebelum menghafaz	Kognitif latihan
		Membaca al-Qur'an secara tartil	Kognitif latihan
		<i>Tadabbur</i> al-Qur'an dengan makna	Kognitif latihan
		Menghafaz al-Qur'an dengan suara indah	Kognitif latihan
		Tidak menghafaz ketika mengantuk	Kognitif latihan
		Melakukan solat <i>taqwiyyatul hifẓ</i>	Kognitif latihan
		Berdoa dan mengelak segala jenis perkara <i>laghā</i> , maksiat, <i>makruhāt</i> dan <i>syubhāt</i>	Kognitif latihan
		Menghormati guru	Kognitif latihan
		Pemakanan halal	Kognitif latihan
		Melancarkan bacaan sebelum <i>tasmi'</i>	Metakognitif
Peringkat Semasa Menghafaz al-Qur'an	Teknik menghafaz	Matlamat harian	Metakognitif
		<i>Istiqāmah</i> menghafaz setiap hari	Kognitif latihan

Sambungan...

		Tidak menukar <i>muṣḥaf</i> lain	Metakognitif
		Teknik chunking (membahagikan dan memisahkan al-Qur'an kepada beberapa juz, kumpulan surah/ <i>ḥizb/rubu'-rubu'</i> kepada helaian tertentu/ ayat panjang kepada bilangan ayat tertentu/bahagian ayat	Kognitif & sumber Usaha
		Memahami maksud	Kognitif & sumber usaha
		Gambaran imej (<i>visual imagery</i>)	Kognitif & sumber usaha
		Pengulangan 10 kali atau lebih	Kognitif & sumber usaha
		Teknik mendengar	Kognitif & sumber usaha
		rakaman suara	Kognitif & sumber usaha
		Berpasangan dengan kawan	Kognitif & sumber usaha
		<i>ḥalaqa'</i>	Kognitif & sumber usaha
		Menulis sebelum/selepas menghafaz	Kognitif & sumber usaha
		Menghafaz sebelum tidur	Kognitif & sumber usaha
		Peta minda (<i>Mindmapping</i>)	Kognitif & sumber usaha
		Gundalan (berperingkat dengan dimulakan hafalan satu, setelah selesai hafalan satu barulah hafalan dua, kemudian menyatukan hafalan satu dan dua)	Kognitif & sumber usaha
		Imbasan yakni mengimbas sekali lalu mukasurat tertentu (scanning)	Kognitif & sumber usaha
	Proses <i>tasmi'</i>	<i>Tasmi'</i> hafazan dengan guru	Kognitif & sumber usaha
